



ISU-ISU PENGAJIAN ISLAM ERA GLOBALISASI

(PENERBIT FPPI)

PENYUNTING :

**NOOR HAFIZAH BT MOHD HARIDI . SYED MOHAMAD ZAINUDIN BIN BICK Koyak
ZAINAB BINTI HASSAN**

ISU-ISU PENGAJIAN ISLAM DI ERA GLOBALISASI (2023)

PENYUNTING

**Noor Hafizah binti Mohd Haridi
Syed Mohamad Zainudin
Zainab bt Hassan**

**PENERBIT FPPI
Universiti Islam Selangor (UIS)
2023**

HAK CIPTA

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), UIS, 2023

Hak cipta terpelihara. sebarang bahagian dalam buku digital ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)

Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
<http://www.kuis.edu.my/fppi/>
03-89117000 ext: 7167

e ISBN 9789672808367

BUKU ISU-ISU PENGAJIAN ISLAM DI ERA GLOBALISASI

ISI KANDUNGAN

HAK CIPTA	II
ISI KANDUNGAN	III
KATA PENGANTAR	V
PRAKATA	VI
(ISU PENGAJIAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH)	
BAB 1	7
PENGETAHUAN DAN KEPERCAYAAN TERHADAP WEB-WEB HADIS DALAM KALANGAN PENSYARAH HADIS KUIS	
BAB 2	14
KELEBIHAN PEMBELAJARAN MELALUI GAMIFIKASI DI DALAM PENGAJIAN ISLAM: SATU TINJAUAN AWAL	
BAB 3	21
PERANAN PEMPENGARUH DIGITAL TIKTOK DALAM PENYEBARAN AL-QURAN DAN HADIS KEPADA GENERASI Z: SATU KAJIAN NARATIF	
BAB 4	27
METODOLOGI PENAFSIRAN AL-QURAN OLEH SYEIKH NAWAWI BANTEN: KAJIAN TERHADAP AYAT-AYAT AL-WA'DU WA AL-WA'ID DI DALAM SURAH AL-WAQI'AH	
(ISU-ISU PENGAJIAN DAKWAH DAN AKIDAH)	
BAB 5	40
PERUBATAN, PENGUBATAN DAN RAWATAN SPIRITUAL ISLAM (RSI): PENGENALAN AWAL	
BAB 6	47
CABARAN DAKWAH JAPAN DA'WAH CENTRE (JDC) TERHADAP MASYARAKAT JEPUN DI OSAKA	
BAB 7	58
RELEVANSI PEMIKIRAN DAKWAH TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ NIK MAT (1931-2015) DALAM MENDEPANI ERA GLOBALISASI	
(ISU-ISU PENGAJIAN SYARIAH)	
BAB 8	70

RELEVANSI PEMIKIRAN AL-JUWAINI DALAM ERA GLOBALISASI MELALUI PENDEKATAN AL-MAQASIDI.....	
BAB 9	79
HIYĀL DALAM PERKAHWINAN SEMASA: SATU SOROTAN	
BAB 10.....	90
PEMBUNGKUSAN MAKANAN HALAL: PERLINDUNGAN DAN KEPERCAYAAN KEPADA PENGGUNA MUSLIM	
BAB 11.....	100
KITAB TURATH JAWI LAMA FIQH SYAFIE : KAJIAN METODOLOGI SYEIKH DAUD AL FATHANI DALAM PENULISAN KITAB <i>MUNYATUL MUSOLLI</i>	
(ISU-ISU PENGAJIAN BAHASA ARAB)	
BAB 12.....	113
ANALISIS TAHAP BAHASA ARAB PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA BERDASARKAN DAPATAN DUA BELAS KAJIAN YANG DIJALANKAN DALAM TEMPOH ENAM TAHUN LEPAS	
BAB 13.....	124
PERANAN DAN CABARAN PENGGUNAAN BAHASA ARAB SEBAGAI BAHASA PENGANTAR PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA PADA ERA GLOBALISASI	
BAB 14.....	135
مواد اللغة العربية التي تؤثر في تمكن مهارة الكلام لدى الطلبة البكالوريوس في قسم دراسات اللغة واللغويات العربية	
BAB 15.....	141
تحليل الأخطاء الشائعة في الكتابة الأكاديمية لغير الناطقين بالعربية في مرحلة البكالوريوس في اللغة العربية	

KATA PENGANTAR

Segala puji dan setinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, Ahli Keluarga Baginda dan Para sahabat. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukilkan sepatah dua kata dalam buku digital ini bagi mewakili pihak pengurusan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI).

Ucapan syabas dan tahniah kepada Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Penganjur *International Conference on Islamic Civilizational Studies* (IConICS 2023) yang terus berusaha dengan sepenuh jiwa mendokong Fakulti dan UIS meneruskan program pengembangan akademik dan keilmuan serta jihad pendidikan bagi melaksanakan tanggungjawab memartabatkan ummah. Tahniah juga kerana berjaya menerbitkan buku digital *Isu-Isu Pengajian Islam Di Era Globalisasi* bersempena dengan penganjuran *International Conference on Islamic Civilisational Studies* (IConICS 2023) oleh Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS) pada tahun 2023. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan buku digital ini, sama ada sebagai penerbit, penyunting dan penyumbang artikel.

Usaha untuk memartabatkan turath dalam pengajian Islam bukanlah suatu gerak kerja yang mudah. Setiap individu perlu memastikan bahawa nilai-nilai islami dan tradisi murni tidak hilang dalam arus globalisasi yang semakin mencabar. Mutakhir ini umat Islam di seluruh dunia berdepan dengan pelbagai isu kontemporari yang menguji keimanan, kepercayaan dan pegangan mereka terhadap Islam. Kesepaduan kebijaksanaan ilmuwan dalam mengangkat ketinggian turath, memenuhi keperluan semasa masyarakat dan mendukung pandangan Islami yang inklusif menjadi bekalan yang ampuh kepada umat Islam.

Dalam mendepani isu yang hangat diperdebatkan di kalangan umat Islam terutama isu berkaitan kelemahan umat Islam, diharapkan penerbitan buku digital ini dapat menjadi satu wadah diskusi yang sangat signifikan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian Islam. Semoga usaha ini akan menjadi peneraju tradisi ilmu dalam usaha memberikan pencerahan dan informasi ke arah memperkasa usaha pembudayaan ilmu dan dakwah di jalan Allah SWT.

Sekian, Salam hormat.

DR. MD. NOOR HUSSIN
Dekan,
Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)
Universiti Islam Selangor

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kami panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya buku digital ini dapat diterbitkan dengan sempurna. Buku digital ini memfokuskan kepada perbincangan berkaitan isu-isu pengajian Islam di era globalisasi (2023). Buku digital ini sarat dengan hasil penyelidikan terkini sama ada kajian yang berbentuk teori mahupun yang berbentuk kajian lapangan. Penghasilan buku digital ini merupakan usaha pengembangan ilmu secara konsisten.

Buku digital ini adalah hasil daripada The 4th International Conference On Islamic Civilisation Studies 2023 (ICONICS 2023). Seminar ini bertujuan untuk memberikan pendedahan isu-isu semasa dalam Pengajian Islam. Justeru, tema utama seminar kali ini ialah “Memartabatkan Turath dalam Pengajian Islam di Era Globalisasi” adalah sangat relevan dengan realiti dunia kini. Globalisasi telah membawa perubahan yang mendalam dalam setiap aspek kehidupan manusia, termasuk dalam pemahaman dan penghayatan terhadap nilai-nilai keagamaan. Dalam konteks ini, memartabatkan turath, atau warisan intelektual dan budaya Islam, adalah satu tugas yang memerlukan pemikiran yang mendalam dan strategi yang bijaksana. Tema ini dibahagikan kepada beberapa subtema yang berkaitan dengan Pengajian Islam dengan harapan ianya dapat melestarikan pengajian ilmu-ilmu Islam dan peradabannya dalam menghadapi isu kontemporari yang lebih kompleks.

Bidang pengajian Islam diyakini akan terus relevan dalam mendepani isu-isu kontemporari. Penyelidikan yang berterusan merupakan platform terbaik oleh para akademia dalam mencari solusi tentang permasalahan isu-isu semasa dan menyebar luas serta berkongsi dapatkan kajian yang memberi manfaat kepada semua pihak. Setiap ahli akademik mestilah cakna dan sentiasa memberikan pandangan dan saranan dalam usaha menyelesaikan isu-isu kontemporari khususnya isu yang melibatkan umat Islam secara khusus dan masyarakat secara umum.

Alhamdulillah, syabas dan tahniah kami rakamkan kepada para penyumbang artikel atas usaha murni dalam menerbitkan buku digital *Isu-Isu Pengajian Islam Di Era Globalisasi (2023)* terbitan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) pada tahun ini. Naskah ilmiah ini merupakan koleksi percambahan idea autentik para akademia dalam usaha menambah rujukan ilmiah yang berkualiti.

Adalah diharapkan dengan penerbitan buku digital ini para pembaca dan pengkaji dapat menjadikannya sebagai bahan bacaan dan rujukan bagi kajian-kajian yang akan dijalankan. Mudah-mudahan hasil perkongsian para ahli akademik ini memberi sumbangan yang besar dalam bidang keilmuan serta dinilai sebagai amal soleh di sisi Allah SWT. Semoga perkongsian ilmu ini memberikan manfaat

Sekian, terima kasih.

Noor Hafizah binti Mohd Haridi
Syed Mohamad Zainudin
Zainab bt Hassan

BAB 1

PENGETAHUAN DAN KEPERCAYAAN TERHADAP WEB-WEB HADIS DALAM KALANGAN PENSYARAH HADIS KUIS

Suriani Sudi, Siti Murshida Mohd. Zin, Rosni Wazir, Phayilah Yama¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

Pengenalan

Pengajian hadis merupakan salah satu elemen penting dalam keilmuan Islam. Sesuai dengan kedudukannya sebagai sumber kedua dalam Islam, pengajian hadis terbentuk secara tidak langsung seiring keperluannya sebagai sumber dalil dalam pensyariatan agama. Sebagai ilmu yang berkembang bersama ajaran Islam, perkembangan pengajian hadis dilihat bergerak dalam bentuk formal dan tidak formal. Menurut Hasnuddin Bin Ab Rahman et al. (2015) satu anjakan paradigma perlu dalam pengajaran hadis supaya menepati metode yang digariskan oleh ulama hadis, bermula dari pemilihan kitab-kitab hadis yang muktabar sehingga kepada metodologi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dalam masa yang sama, penggunaan ICT turut diperlukan bagi membantu pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

Pengajian hadis perlu bersaing untuk mendepani Revolusi Industri 4.0 ini. Kenyataan ini seiring dengan Mohd Muhiben Abd Rahman & Zainab Asbullah (2012) yang menyatakan keperluan anjakan paradigma dalam pengajaran dan pembelajaran hadis agar pengajian hadis menepati kaedah yang telah ditetapkan oleh muhaddithin dan mendapat tempat yang sewajarnya dalam masyarakat Islam.

Kemajuan teknologi telah memberikan satu dimensi baru dalam pengajian hadis. Kajian atau pencarian hadis dapat dilakukan dengan pelbagai perisian bagi memudahkan masyarakat umumnya dan pelajar khususnya. Kemahiran memanfaatkan dan menggunakan Internet untuk tujuan mencari, memindah, menyimpan dan memadankan maklumat berdasarkan kepada penggunaan komputer elektronik dan perisian (software) telah menjadi satu keperluan. Perkara ini termasuk dalam perkara berkaitan dengan agama khususnya yang berkaitan dengan carian nas al-Quran dan hadis itu sendiri. Dalam erti kata, hadis dan ayat al-Quran bukan lagi dirujuk semata-mata kepada bahan bercetak, tetapi cariannya telahpun dirujuk melalui carian internet berdasarkan kepada perisian, laman sesawang, blog peribadi dan sebagainya (Khadher Ahmad 2019). Tambahan lagi, ilmu dalam bidang agama mudah tersebar ke serata dunia dengan adanya kemudahan teknologi. Oleh itu, kemahiran menggunakan teknologi perlu ditingkatkan agar penggunaan selari dengan panduan yang ditetapkan oleh syara' (Halim et al., 2016). Pada masa yang sama pengajian melalui kaedah tradisional tidak boleh diasingkan dan perlu diteruskan agar mencapai objektif pembelajaran yang sepatutnya (Hassan et al., 2016; Fauzi Deraman, Ishak & Faisal 2010).

Justeru, pengajian hadis juga perlu kepada perubahan hasil Revolusi Industri 4.0. Kita memerlukan institut pendidikan tinggi yang lebih fleksibel dan bersedia mengharungi cabaran baharu agar mana-mana golongan masyarakat tidak terpinggir dalam era globalisasi dan digital. Bidang pendidikan adalah teras hadapi cabaran baharu Revolusi Industri 4.0.

Berdasarkan kepada carian yang dilakukan, telah terdapat beberapa usaha penyelidikan yang dilakukan terhadap beberapa laman sesawang dan aplikasi hadis. Shahril Nizam Zulkipli (2012) dalam kajian di peringkat sarjana (master), beliau telah meneliti laman web al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb dalam konteks pemeliharaan hadis di internet. Kajian ini menjelaskan bahawa kedua-dua laman web ini telah menjadi rujukan dalam kalangan penyelidik dan pelajar dalam bidang hadis khususnya dalam carian dan mendapatkan maklumat berkenaan sumber dan status hadis. Bahkan, dalam tulisan beliau yang lain, Shahril Nizam et. al, (2011) turut memperincikan perbincangan terhadap terhadap laman Islamweb sebagai medium capaian dalam pembelajaran bagi capaian teks hadis yang berautoriti.

Phayilah Yama et.al (2020) telah membangunkan sebuah laman web yang diberi nama Syajarat al-Asanid sebagai salah satu medium pengajaran masa kini yang menggunakan teknologi maklumat. Ia direka khas bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pelajar dan orang awam berkaitan ilmu Takhrij al-Hadith dalam memahami susunan sanad dan menggambarkan rantai sanad perawi dalam gambarajah yang tepat, seterusnya menjadikan pembelajaran ilmu tersebut lebih menarik dan inovatif.

Kemajuan teknologi telah memberikan satu sumbangan yang besar kepada pendidikan Islam terutamanya pengajian hadis (Shumsudin Yabi 2017) Ramai pengkaji hadis telah berusaha untuk memanfaatkan teknologi yang ada dengan membina satu pengajian berbentuk atas talian iaitu dengan menggunakan website. Diantara website yang sering digunakan ialah al-Darul al-Saniyyah, Mawqi' al-Islam dan Islamweb (Zulkipli, Yaacob, Anas, Noor, et al., 2017). Website ini membolehkan pelajar untuk mencari hadis atau muat turun untuk dijadikan sebagai rujukan. Website ini menyediakan banyak forum dalam talian yang membincangkan hal yang berkaitan dengan takhrij hadis dan juga menyediakan kemudahan untuk carian hadis.

Pencarian hadis boleh juga dilakukan melalui perisian telefon mudah alih. Kajian yang dilakukan oleh Zulkipli, Yaacob, Anas, Syukri, et al. (2017) dengan menggunakan tiga perisian terbaik untuk proses takhrij hadis iaitu 9 Imam Encyclopedia, Kutub Tis'ah dan al-Hadis al-Nabawi al-Syarif. Keputusan daripada kajian tersebut membuktikan bahawa ketiga-tiga perisian memberikan akses yang pantas kepada hadis sebagai media elektronik. Pengajian hadis juga boleh dilakukan dengan menggunakan perisian komputer. Contoh yang selalu digunakan ialah al-Maktabah al-Syamilah dan Jawami' al-Kalim. Perisian ini menggunakan Bahasa Arab dan boleh mengakses hadis dengan begitu mudah (Hassan et al., 2016).

Selain itu, kajian A. Irwan Santeri Doll Kawaid, et. al (2018) mendapati kebanyakan pensyarah bidang hadis di universiti awam Malaysia mengetahui dan mahir menggunakan aplikasi ICT berkaitan hadis, malah para pensyarah turut menerima baik dan mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis. Namun masih terdapat beberapa pandangan yang kurang bersetuju dengan integrasi sepenuhnya antara pengajian hadis dengan ICT kerana bagi pandangan mereka, unsur-unsur keaslian ilmu hadis perlu dikekalkan.

Menurut Mesbahul et.al (2017), teknologi inovatif telah berubah menjadi instrumen penting untuk pengajaran dan pembelajaran. Ini menjadikan pengajian hadis menjadi lebih mudah dan menyeronokkan. Sebagai contoh, mencari sumber hadis dan menentukan kesahihannya menjadi lebih mudah diakses oleh alat teknologi. Artikel ini adalah untuk mengetengahkan peranan menggunakan teknologi moden dalam kajian hadis dan ilmunya. Satu kajian kes telah dilakukan di kalangan pelajar ijazah di Jabatan Al-Quran dan Sunnah di sebuah universiti awam di Malaysia untuk menghargai kesan teknologi moden terutamanya aplikasi perisian dan laman web untuk mempelajari hadis. Hasil kajian menunjukkan bahawa 68% peserta percaya bahawa penggunaan perisian dan laman web dapat meningkatkan pengajian hadis dan ilmunya.

Dapat disimpulkan bahawa pengajian hadis di institut pengajian tinggi di Malaysia perlu lebih bersedia untuk menghadapi perkembangan revolusi ini dan menerapkan elemen-elemen Revolusi Industri 4.0 dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan. Justeru, persediaan yang lebih baik diperlukan oleh semua pihak terutamanya pihak institusi pengajian di Malaysia di dalam menghadapi kepesatan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Para pendidik perlu di beri kemahiran yang secukupnya ini kerana menurut Hashim et. al (2016) dan Quah Wei Boon (2020) sekiranya kemahiran menggunakan teknologi yang masih belum dikuasai sepenuhnya oleh para pensyarah mahupun guru untuk mengendalikan dan memanipulasi sesuatu alat juga akan menyebabkan kelancaran penyampaian isi pengajaran terganggu dan menjadi tidak berkesan.

Perbincangan Hasil Kajian

Temubual telah dijalankan terhadap tujuh orang pensyarah hadis di Jabatan al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Temubual yang dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana pengetahuan para pensyarah hadis berkaitan web-web hadis dan kepercayaan mereka terhadap web-web hadis untuk dijadikan sebagai rujukan.

Pengetahuan Berkaitan Web

Menurut Zaidatun Tasir et al. (2011), pengetahuan mencari dan menilai maklumat menerusi Internet adalah penting dan perlu dimulakan pada tahap asas. Bagi pensyarah yang merupakan tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi, pengetahuan berkaitan web amatlah penting sejajar dengan kemajuan teknologi pada hari ini. Pensyarah juga harus mengikuti perkembangan teknologi yang bergerak pantas dan menyesuaikan diri dengan pendidikan abad ke-21 (Mohamad 2009; Rajanthran, & Zainul, 2020).

Berdasarkan kepada penelitian pensyarah pengajian hadis di KUIS, kesemua pensyarah yang ditemui bual mengetahui tentang beberapa laman web berkaitan hadis seperti Maktabah Syamilah, Dorar.net, Waqfeya, Sonna Online, CariHadis.com, Lidwa, Islamweb, dan Noorbook.com.

Web adalah penyokong terbaik pengajian Hadith. Sebilangan besar laman web Islam telah dibangunkan dengan objektif untuk menyampaikan maklumat dan pengetahuan tentang Hadis dan ilmunya dengan mengguna pakai aplikasi ICT. Beberapa laman web Islam memperkenalkan aplikasi Hadith yang berkemampuan melakukan banyak tugas seperti buku Hadith elektronik, automatik ‘Takhrij’ dan klasifikasi hadith. (Mesbahul Hoque et. al 2017)

P1: “*Macam Dorar.net kan. So, ada juga waqfeya*”

P2: “*Antara laman web yang saya gunakan ialah ad-Dorar As-Saniyah, bahagian Mawsu’ah, al-Hadis, kemudian laman web Jami’ al-Hadis an-Nabawi, dan juga ada laman web Mawsu’ah al-Hadith al-Sharif, dia ada satu lagi laman web CariHadis.com. Cuma laman web itu, dah diberhentikan. Aah ya, Islam Web pun ada juga. Yang itu berbentuk library seperti al-Maktabah al-Syamilah, sama ada yang online atau pun yang yang berbentuk perisian dan juga Maktabah al-Waqfeya yang menghimpunkan kitab PDF dan juga beberapa lagi lah laman web Maktabah ni*”

P3: “*Laman-laman web hadisnya ialah Maktabah Syamilah, ataupun tengok dekat Dorar.net*”

P4: “Banyak, al-Maktabah al-Syamilah, Dorar.net, Islamweb, Waqfeya”

P5: “Ada seperti maktabah syamilah, hadith.net dan hadith.com. Noor-book. Noor-book.com. di situ ada pdf percuma dan juga kitab. Kalau yang bahasa melayu, ada pelajar bukan fakulti kita guna tapi saya tak ingat namanya. Dia Bahasa melayu, tiada Bahasa Arab. Dia terjemahan sahaja, rasanya projek UITM. Tapi kelebihannya dia tiada matan Arab. Ye dia terjemahan sahaja”

P6: “Ada banyak website tapi saya suka refer maktabah syamilah yang offline tu dan Islam.web dan carian hadis untuk terjemah. Ada juga lagi satu web untuk belajar takhrij hadis. Untuk bagi contoh-contoh budak saya selalu guna sajaratul asnid”

“Kalau Islam.web tekan nama dia terus keluar biodata. Kalau takhrij tekan sahaja hadis terus keluar semua buku-buku yang ada hadis sama tu.”

P7: “Di antaranya ialah Islam.web, Maktabah Syamilah, Sonna Online, Dorar.net, al-Hadith.com. Kemudian kebiasaannya mencari daripada nama subjek, biasanya akan keluar banyak. Yang online ialah Islam.web, Dorar.net yang berkaitan dengan jenis-jenis hadis, kemudian ada yang berkaitan dengan kitab-kitab yang dikumpulkan dalam bidang hadis. Tapi kalau macam Lidwa.com, menariknya hadisnya lah, tapi tidak semua kitab-kitab hadis ada. Kutub Tis'ah itu ada. Jadi kita nak cari dengan bentuk graf pun boleh, biografi kepada perawi pun boleh kemudian kita boleh cantum-cantumkan banding-bandingkan dengan hadis yang lain”

Berdasarkan hasil temubual, didapati kesemua tujuh orang pensyarah di KUIS mengetahui nama-nama laman web berkaitan hadis. Ini menunjukkan pensyarah mempunyai pengetahuan berkaitan laman-laman web hadis yang masyhur. Ini merupakan perkara asas dalam mengamalkan e-Pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kepercayaan kepada sumber:

Hadis dan ayat al-Quran bukan lagi dirujuk semata-mata kepada bahan bercetak, tetapi cariannya telah pun dirujuk melalui carian internet berdasarkan kepada perisian, laman sesawang, blog peribadi dan sebagainya (Khader Ahmad 2019)

Berdasarkan penelitian pensyarah pengajian hadis di KUIS, jawapan yang diberikan adalah seperti berikut:

P1: “Ya...percaya”

P2: “Oh.. saya yakin. Dia macam ada dua pihak yang agak ekstrem dan konvensional, maknanya ada yang hanya tertumpu pada kitab sahaja, tidak mahu kepada ICT, dan ada juga yang hanya menggunakan ICT sahaja, tidak mahu melihat kitab. Jadi sebenarnya ini adalah dua pihak yang agak berlebihan. Yang sepatutnya ialah yang seimbang ialah sederhana ialah dengan kita menggunakan kedua-duanya.”

Sebahagian menjelaskan mereka mempunyai keyakinan terhadap web-web yang dilayari adalah kerana laman-laman web tersebut masyhur dan tidak dipertikaikan lagi akan keabsahannya.

P3: “Setakat ini saya yakin, sebab laman web yang saya tengok itu ialah berautoriti seperti Bin Baz, Uthaimin, Islam Web, Munajjad kemudian Jakim.”

P4: “Okay saya yakin content atau pun apa jua perisian hadis dari laman sesawang hadis itu yang diperkenalkan itu, saya yakin dengan content yang betul. Sebab bila kita nak takhrij kan hadis contohnya, kita akan takhrij hadis berdasarkan laman sesawang, tentunya hasil daripada laman sesawang itu adalah perisian–perisian yang dibuat oleh al-Mubarak wal Musaqaffin. Mereka-mereka yang pakar dalam bidang. Jadi bagi saya content-content yang dibuat oleh laman web yang terpercaya ini contohnya al-Maktabah al-Syamilah. mereka sentiasa melakukan takdisat ataupun update kepada perisian, dan itu sangat membantu. Kita sebagai seorang tenaga pengajar PdP, tentunya kita tahu madmun yang terdapat dalam, ataupun content yang terdapat dalam perisian tersebut, dan saya dengan penuh yakin sekali lagi memang laman web tersebut memang okay dengan buku-buku yang terdapat di dalamnya pun boleh dipercayai.”

P5: “Keyakinan kalau secara umum, kita rasa memang yakinlah. Setakat ni takdelah jumpa apa-apa sample kes terpencil yang ada kesilapan ke apa. 90% lah kita rasa memang yakinlah. Maktabah syamilah dah masyhur. Takhrij memang kena buat macam tu la. Kalau mussola tak sampai peringkat tu kerana tidak ada keperluan.”

Secara keseluruhannya didapati, pensyarah hadis di KUIS mempunyai kepercayaan terhadap laman-laman web hadis. Namun demikian, P6 menyatakan walaupun beliau telah lama menggunakan laman web untuk mentakhrij akan tetapi masih juga sedikit berhati-hati terutama berkaitan sanad dan matan hadis.

P6: “Kalau saya, yakin juga... Saya dah guna maktabah syamilah ni dah lama dari zaman saya buat master lagi sebab tak upgrade lagi. Kalau kita guna maktabah syamilah tu mesti ada matan matan tu dari kitab asli dia. Kena tengoklah takut terputus ke terjatuh ke. Sama juga sekarang dah upgrade pun masih rujuk buku atau kitab pdf tu sebab takut lagi la kiranya tak yakin sepenuhnya lagi lah.”

P7 pula mengatakan bahawa beliau tidak mempunyai keyakinan secara sepenuhnya terhadap penggunaan aplikasi ICT berkaitan hadis dan perlu bergantung kepada sumber yang lain juga.

P7: “Saya nak yakin 100% itu tidaklah, jadi kita kena ambik dengan yang lain juga. Mungkin dari sudut lain kata dhaif, dan bandingkan dengan lain okay saja dari segi darjatnya. Kadang berlaku juga dari segi faktor kethiqahan di kalangan ahli hadis, kepada perawi tersebut. Sebagai contoh, Syeikh al-Albani, dia letakkan hadis itu sahih kerana kethiqahannya terhadap perawi-perawi tersebut. Mungkin juga yang lain pula tidak thiqah. Jadi darjat hadis tersebut turun.”

Menurut Dr Khafidz Soroni (2022), Ketua Unit Hadis INHAD, penerimaan terhadap satu-satu laman web hadis adalah mengguna pakai kaedah usul fiqh iaitu at-Talaqqi bi al-Qobul. At-Talaqqi bi al-Qobul ini adalah satu kaedah yang bermaksud apabila satu-satu maklumat itu diterima oleh ramai orang atau sangat ramai orang maka ia menjadi satu bukti ataupun Qarinah yang menunjukkan bahawa maklumat tersebut adalah betul. Ia adalah kaedah usul fiqh. Walaupun at-Talaqqi bi al-Qobul ini rendah sedikit berbanding mutawatir namun ia adalah satu penerimaan umum. Menurut Dr Khafidz Soroni (2022), usaha yang dibuat ini, bukan baru

5-6 tahun malah ia adalah usaha sejak 30 tahun yang lalu. Maka kesalahan kesilapan itu mungkin dah berlalu 30 tahun yang lalu, jadi peratus kesilapan semakin sedikit.

Kesimpulan

Hasil dapatan menunjukkan kebanyakkan pensyarah hadis di KUIS mempunyai pengetahuan berkaitan web-web hadis seperti Maktabah Syamilah, Dorar.net, Waqfeya, Sonna Online, CariHadis.com, Lidwa, Islamweb dan Noor-book.com. Kebanyakkan mereka juga mempunyai kepercayaan terhadap laman-laman web hadis kerana laman-laman web yang dilayari adalah laman web yang masyhur dan dikenali.

Rujukan

- Abdul Halim, Anas, N., Zulkipli, S. N., Mohd, M. S., Azmi, A. S., & Hassan, S. N. S. 2016. Prestasi Aplikasi Hadis Digital Berteraskan Technology Acceptance Model (TAM): Suatu Tinjauan Awal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 119–129.
- A Irwan Santeri Doll Kawaiid et. al. 2018. Pengintegrasian Aplikasi ICT Berkaitan Hadis di Universiti Awam Malaysia. *Journal of Ma’alim al-Quran wa al-Sunnah* Vol. 14, No. 2, (2018), pp. 131-138 ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
- Fauzi Deraman, Ishak Hj Suliaman & Faisal Ahmad Shah. 2010. Pengajian Hadith Di Malaysia: Tokoh-Karya-Institusi. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hassan, S. N. S., Zakaria, N., Long, M. Y., Goje, K., & Said, W. M. 2016. Pembangunan Aplikasi Teknologi Dalam Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran Hadis Pada Zaman Globalisasi. In Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2016) (pp. 1–10).
- Hasnuddin Bin Ab Rahman et al., 2015. Keberkesanan Penggunaan ICT di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur. Proceeding of International Conference On Information Technology & Society 08. 238-252.
- Hashim, H., Mohd Nasri, S. M., & Mustafa, Z. 2016. Cabaran yang Dihadapi oleh Guru dalam Pelaksanaan Persekutaran Pembelajaran Maya FROG di Bilik Darjah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 115–129
- Khader Ahmad. 2019. Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website Dan Software Hadith. Prosiding Seminar ICONIMAD 2019 International Conference on Islam in Malay World IX, Krabi, Thailand
- Mesbahul Hoque Chowdury et. al. 2017. Application of Modern Technology in the Study of Hadith and Its Sciences: A Case Study. *Journal of Computational and Theoretical Nanoscience* 23(5):4773-4776. DOI: 10.1166/asl.2017.8895
- Mohd Muhiden Abd Rahman & Zainab Asbullah. 2012. Realiti Pengajian Hadis di IPT Islam: Suatu Kajian di IPT Islam di Malaysia. *Jurnal Al-Basirah*. (2): 27-46.
- Phayilah Yama, Nur Saadah Hamisan@Khair, Aisyah Mat Jasin, Siti Mursyidah Mohd Zin & Muhammad Aizat Syimir Rozaini. 2020. The Process Of Developing Syajarat Al-Asanid Online: Hadith From Sahih Muslim As A Case Study. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*. Vol. 7 Edisi Khas (Disember 2020): 58-74
- Quah Wei Boon. 2020. Pandemik Covid-19: Mempercepatkan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian (Pdpdt) Di Kolej Komuniti: Isu & Cabaran Yang Dihadapi

oleh Pensyarah dan Pelajar. TVET Think Big. Kedah: Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Syed Najihuddin S.H, et al. 2009. Persepsi Pensyarah Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah Usim Terhadap Penggunaan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah Dalam Mentakhrijkan Hadis. (Kertas Kerja Seminar Takhrij Hadis Nusantara: Realiti dan Keperluan Dalam Masyarakat di Universiti Malaya, 30-31

Shahril Nizam Zulkipli, 2012. Pemeliharaan Hadith di Internet: Kajian Terhadap Laman Web al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb. Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Shahril Nizam b. Zulkipli, M. Faidz b. M.Fadzil & Ishak b. Hj. Suliaman. 2011. Pembelajaran Capaian Teks Hadis Berautoriti Di Internet: Kajian Terhadap Laman Sesawang Islamweb. Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya . hal 233-251.

Zulkipli, S. N., Yaacob, Z., Anas, N., Syukri, M., Abidin, M. Z. H. Z., Ahmat, A. C., & Yakob, M. A. 2017. Takhrij Al-Hadith via Mobile Apps: Study of 9 Imam Encyclopedia , Kutub Tis'ah and Mawsu ' ah al -Hadith al- Nabawi al-Syarif. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 7(6), 1174–1185. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i6/3351>

BAB 2

KELEBIHAN PEMBELAJARAN MELALUI GAMIFIKASI DI DALAM PENGAJIAN ISLAM: SATU TINJAUAN AWAL

Siti Mursyidah Mohd Zin¹, Farhah Zaidar Mohamad Ramli¹, Siti Rosilawati Ramlan²,
Phayilah Yama¹ dan Suriani Sudi¹

¹ Universiti Islam Selangor

²Universiti Sains Islam Malaysia

Pengenalan

Keperluan Pendidikan abad ke-21 hari ini telah menggalakkan pelbagai inovasi dan ciptaan baharu dalam usaha menyampaikan maklumat serta pengetahuan kepada masyarakat amnya dan penuntut ilmu khususnya. Penciptaan kaedah dan cara baru dalam usaha penyampaian maklumat ini adalah bagi mengimbangkan antara potensi dan kemahiran dalam diri seseorang dengan pengetahuan yang dibina. Percambahan ilmu melalui kaedah didik hibur dilihat lebih sesuai diterapkan dengan generasi hari ini kerana perubahan pola pemikiran kanak-kanak hari ini yang berbeza dengan generasi sebelumnya. Kehendak kepada pembelajaran dalam masa yang sama boleh bermain memberi dorongan kepada perintis inovasi untuk membuat suatu inovasi yang sesuai dengan corak pemikiran masyarakat hari ini. Gamifikasi atau *gamification* merupakan antara kaedah pembelajaran yang menggabungkan permainan dengan pembelajaran yang menjadi teknik dua serampang kepada pengguna dalam mendapatkan pengetahuan dalam masa yang sama berhibur secara santai.

Hasil analisis soal selidik kajian (Rahimah Wahid, 2020) menunjukkan skor min bagi kesemua item yang berkaitan dengan keberkesanan kaedah bermain yang digunakan dalam proses PdP adalah tidak kurang daripada min 4.0 dan tiada seorang responden yang menunjukkan tidak setuju dengan perlaksanaan kaedah bermain dalam proses PdP.

Kajian (Ibrahim et al., 2014) menjelaskan melalui kaedah permainan terdapat pelbagai pengatahan dapat disalurkan kepada pelajar mahun pekerja. Sesebuah maklumat yang dianggap susah untuk difahami dapat diterima dengan mudah melalui kaedah permianan. Malah ia juga turut meningkatkan motivasi pelajar.

Walaubagaimanapun, pembangunan gamifikasi di dalam PdP perlu kepada kreativiti yang melibatkan beberapa aspek seperti kandungan, grafik dan rekabentuk yang menarik agar ianya mempunyai daya tarikan dan dapat menambah minat pelajar dan merangsang daya pemikiran pelajar (Mohamed et al., 2020).

Tinjauan literatur sistematik yang dilakukan oleh So dan Seo (2018) menunjukkan bahawa banyak artikel yang ditinjau menyokong kesan positif permainan yang positif terhadap hasil pembelajaran pelajar.

Pembelajaran secara permainan juga dapat meningkatkan pengetahuan pelajar tahap tinggi secara teori dan praktikal (Ab Rahman & Asman, 2019) ini kerana PdP secara gamifikasi akan mempengaruhi daya penumpuan pelajar serta dapat membantu dalam meningkatkan strategi pembelajaran dan keupayaan pelajar (Chee, 2011; Papastergiou, 2009).

Selain itu pendekatan Pembelajaran Berasaskan Permainan (PBP) dapat meningkatkan penguasaan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran subjek sains. Hal ini kerana pengajaran melalui kaedah PBP yang berpusatkan pelajar dapat menyediakan persekitaran kepada pelajar untuk mempraktikan kemahiran-kemahiran tersebut semasa dalam perbincangan pelajar, menyelesaikan masalah dalam pembelajaran dan menjana idea dalam pembelajaran (Qian & Clark, 2016).

Kajian (Hambali & Lubis, 2022) mendapati bahawa strategi PdP bersepada yang digunakan di era Revolusi Industri 4.0 adalah berteraskan empat elemen utama iaitu *creativity*, *reflectivity*, *reciprocity* dan *responsibility*. Ini menunjukkan tenaga pengajar hendaklah berusaha menambah kepakaran dalam kreativiti menghasilkan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang berkesan terutama dalam Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) kenyataan ini turut disokong oleh (Yabi et al., 2019)

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi terhadap artikel jurnal, bab dalam buku serta e-prosiding dan dianalisis secara deskriptif bagi menjelaskan kelebihan gamifikasi di dalam PdP Pengajian Islam.

Gamifikasi di dalam Pengajian Islam

Kajian (Mohamedi et al., 2020) menjelaskan bahawa gamifikasi di dalam bahasa Arab masih kurang dalam pasaran hari ini, yang menyebabkan masalah-masalah pembelajaran tidak dapat diselesaikan. Ini kerana PdP bahasa Arab masih menggunakan kaedah yang klasik dan statik. Gamifikasi bahasa Arab ini merupakan salah satu alat bantu mengajar yang boleh memahirkan pelajar dan melatih pelajar dan seterusnya menarik minat pelajar dan menghilangkan persepsi negative terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Bagi pengajian Hadis menurut (Rosli & Noor, 2017) perkembangan teknologi turut memberi kesan kepada PdP pengajian Hadis. Antaranya, bentuk pengajaran yang diimplementasikan masih terikat dengan kaedah konvensional tanpa melihat kepada kaedah inovatif yang terkini seiring dengan kemajuan semasa. Kaedah pengajaran lebih berpusatkan guru akan menyediakan pelajar pasif serta tidak berdaya saing dalam pembelajaran (Yohan et al. 2012). Bahan pengajaran juga masih lagi menggunakan sumber tradisional yang belum disunting menyebabkan pengajian hadis tidak berkembang, malah mencacatkan proses pembelajaran (Latifah Abdul Majid et .al, 2012). Namun begitu, kaedah atau metodologi konvensional tidak dinafikan kejayaannya dalam melahirkan golongan Ulama Hadis di dunia kerana kaedah-kaedah tersebut telah lama diguna pakai dalam PdP pengajian hadis sejak zaman Rasulullah SAW (Jasmi et al., 2011). Justeru keperluan anjakan paradigma dalam kaedah PdP pengajian Hadis agar pengajian hadis menepati kaedah yang telah ditetapkan oleh muhaddithin dan mendapat tempat yang sewajarnya dalam masyarakat Islam.

Selain itu aplikasi PdP yang telah menggunakan kaedah gamifikasi online melalui permainan *Kahoot* berjaya menjadikan suasana pembelajaran menarik dan menyeronokkan. Ini kerana PdP online melalui *Kahoot* melibatkan aktiviti ulangkaji tanpa sedar yang melibatkan beberapa pendekatan PdP secara tidak langsung iaitu sumbangsaran, soal jawab, dan tunjuk cara. Malah kehadiran lagu latar dan gambar yang menarik turut membuatkan pelajar teruja. Justeru, berdasarkan pengalaman secara keseluruhan pelajar bersikap positif dan berpuas hati di samping mempercayai bahawa aplikasi ini sangat membantu di dalam subjek Pendidikan Islam.(Jamar & Che Noh, 2020)

Bagi hasil kajian (Isnanto Adi Prasetyo, Senie Destya, 2016) menjelaskan penerapan gamifikasi untuk memotivasi pengguna dalam pembelajaran al-Quran mendapat beberapa kelebihan apabila elemen-elemen gamifikasi yang dilaksanakan mampu menyelesaikan permasalahan yang sedia ada. Penggunaan konsep *leaderboard*, *badge*, dan *achievement* untuk memotivasi para pengguna untuk terus belajar dan tidak mudah mengalah menjadikan PdP yang dilaksanakan semakin diminati.

Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh (Abdullah & Abdul Razak, 2021) dapatan analisis terhadap pelajar menunjukkan kaedah gamifikasi merupakan suatu bentuk pembelajaran yang menarik dan sesuai digunakan di dalam proses pembelajaran sirah.

Kelebihan Pembelajar Melalui Gamifikasi

(Mohamed Rosly & Khalid, 2017; Susanti, 2021) menjelaskan bahawa terdapat tiga kelebihan atau kekuatan di dalam PdP melalui gamifikasi iaitu i) motivasi ii) penglibatan dan pencapaian dan iii) pengatahanan dan pengalaman. Kenyataan ini turut di sokong oleh (Hambali & Lubis, 2022) malah kajian mereka menambah dua lagi kelebihan Pdp melalui gamifikasi iaitu i) Pengajaran lebih menarik dan interaktif, serta ii) pelajar dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri dalam PdPc. Namun pengakaji menyimpulkan kepada beberapa kelebihan iaitu:

1. Meningkatkan Motivasi

Motivasi ialah dorongan, galakkan, suntikan atau semangat di dalam melakukan sesbuah perkara. Bagi penerapan gamifikasi di dalam sesbuah PdP ia memainkan peranan yang sangat penting kerana pelajar tidak akan berasa bosan, pelajar akan lebih bersemangat untuk menghadiri kelas dan pelajar juga akan lebih fokus kepada pembelajaran yang berlangsung. (Zuhriyah, 2020)

Indah Rahmawati SPd (2009) menyatakan dalam kajiannya ‘Media Permainan Meningkatkan Motivasi Siswa’ berpendapat bahawa kaedah pembelajaran secara bermain mengandung aspek kegembiraan, kelegaan, kenikmatan yang intensif, bebas daripada ketegangan atau kedukaan, bersifat memerdekaan jiwa. Selain itu kaedah permainan bagi seorang manusia sangat erat dan ekspresi diri, spontanitas, melatih peribadi untuk siap melewati persaingan, siap menerima kemenangan sekaligus siap menerima kekalahan, dan aktualisasi diri.

PdP melalui permainan sangat meningkatkan motivasi kerana ia akan menggalakkan pengguna secara tanpa sedar memberi tumpuan kepada hasil sosial, kognitif dan emosi. Justeru PdP secara tradisional seperti syaran dan soal jawab dianggap sudah tidak dapat membantu meningkatkan motivasi kerana gamifikasi untuk memberikan motivasi kerana gamifikasi menyebabkan pencetus dalaman dengan mengubah persepsi pelajar (Bicen & Kocakoyun, 2018; Ibrahim et al., 2014)

Hasil daripada analisis yang telah dilaksanakan oleh (Hushaini et al., 2022) terhadap minat murid terhadap PdP berasaskan bahan gamifikasi berada pada tahap yang signifikan dengan kadar min 3.96. Pelajar berasa bertenaga, ceria, cergas, tidak letih dan tidak bosan mengikuti PdP Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan berasaskan gamifikasi. Kajian ini selari dengan dapatan kajian (Abdullah & Abdul Razak, 2021) yang menyatakan bahawa penggunaan bahan PdP berasarkan gamifikasi boleh menyemarakkan inspirasi dan motivasi murid untuk maju terutamanya bagi subjek yang dilihat menyusahkan dan meletihkan.

Seterusnya kajian yang dilaksanakan oleh (Mohamad et al., 2020) untuk melihat persepsi pelajar terhadap manfaat dan keinginan menggunakan permainan Snake and Ladder Digital Game Board dalam sesi PdP menunjukkan persepsi pelajar terhadap manfaat dan keinginan menggunakan permainan tersebut adalah amat baik dalam usaha menarik minat dan motivasi mereka terhadap pembelajaran yang dianggap sukar iaitu Matematik atau Bahasa Inggeris atau Sains.

2. Meningkatkan perasan ingin tahu

Bahan gamifikasi dalam PdP atau dikenali dengan *Games Based Learning Material* merupakan salah satu bahan PdP yang menggunakan kaedah pemusatkan murid yang dapat meningkatkan minat dan menggalakkan murid dalam bidang pendidikan khasnya dalam pembelajaran bahasa. (Hushaini et al., 2022) malah pelajar akan dapat belajar secara kolaboratif dengan guru melalui perbincangan dan menyelesaikan masalah. (Siong & Osman, 2018)

Menurut Wan Hasmah Wan Mamat, Nur Munirah Teoh Abdullah (2013) permainan mempunyai matlamat pembelajaran. Murid akan mempunyai perasaan ingin tahu dan meningkatkan daya ingatan seseorang. Maka dengan itu murid lebih mudah menangkap maklumat dalam suasana yang santai dan tidak terancam. Kenyataan ini turut disokong oleh (Susanti, 2021).

3. Pelajar lebih kreatif

Menurut (Ibrahim et al., 2014) dengan gamifikasi dalam pengajaran, pelajar mampu menyelesaikan permasalahan sukar dalam situasi seakan permainan dan cabaran. Ini akan menjadikan proses PdPc menjadi lebih menarik, interaktif dan ‘*engaging*’. Pelajar akan memperoleh peluang serta mendapat maklum balas segera untuk menyelesaikan masalah secara kolaboratif bersama dengan guru yang akan bertindak sebagai fasilitator.

Selain itu sistem permainan di dalam PdP yang berkonsepkan ganjaran atau capaian mata tertinggi akan membuatkan pelajar semakin teruja dan secara tidak langsung menjadikan pelajar lebih kreatif di dalam PdP. Kenyataan ini turut disokong oleh (Buckley & Doyle, 2016a)

4. Penglibatan Pelajar

Tujuan gamifikasi dalam pendidikan ialah salah satu strategi untuk meningkatkan penglibatan murid dengan memasukkan elemen permainan ke dalam PdP ini kerana proses PdP berdasarkan gamifikasi ialah satu proses yang menjadikan sesuatu aktiviti PdP yang sangat mendorong penyertaan atau penglibatan pelajar di dalam kelas. (Jamar & Che Noh, 2020)

Selain itu penggunaan permainan digital atau bukan digital dalam PdPc, ia merupakan salah satu cara yang menarik minat dan penglibatan pelajar untuk sama-sama belajar di dalam apa jua bidang kerana pelajar akan lebih teruja dan seronok. (Zahari et al., 2021)

Hasil kajian (Mohd Saad et al., 2017) merupakan antara contoh kajian keberkesanan penggunaan kaedah permainan bahasa dalam pembelajaran penterjemahan peribahasa. Kajian ini mendapati kaedah permainan tersebut efektif dalam mencetuskan suasana pengajaran lebih menarik, malah pelajar akan menjadi semakin aktif di dalam kelas dan berminat terhadap penterjemahan.

Tambahan pula penggunaan kaedah permainan di dalam PdP kebiasannya pelajar akan berhadapan dengan kekalahan, kesilapan semasa menjawab justeru ini tidak akan melemahkan semangat para pelajar, malah ia kan membuatkan pelajar lebih berusaha untuk terus mencuba agar matlamat mendapat gajaran mata tertinggi diperolehi. (Buckley & Doyle, 2016)

Perbincangan

Terdapat banyak kebaikan di dalam penerapan gamifikasi di dalam PdP masa kini namun tidak dapat dinafikan teknologi adalah aspek yang penting. Ia boleh menyebabkan cabaran teknikal atau aksesibiliti untuk pelajar yang tidak mempunyai akses kepada peralatan atau rangkaian yang sesuai terutamanya sekiranya kaedah PdP gamifikasi dilaksanakan secara atas talian. Selain itu diantara cabaran lain yang akan dihadapi dalam pelaksanaan kaedah famifikasi di dalam PdP ialah kekurangan tenaga mahir untuk menghasilkan reka bentuk permainan, ketiadaan panduan khusus untuk menjalankan aktiviti permainan dan ketagihan aktiviti permainan digital menyebabkan gejala ponteng kuliah dalam kalangan pelajar.(Rahimah Wahid, 2020)

Para pengajar mahupun guru juga perlu mendapatkan latihan yang mencukupi dan pandai mengaplikasi kaedah gamifikasi di dalam PdP supaya berhasil keberkesannya. Sekolah atau institusi perlu menyokong penggunaan gamifikasi dalam PdP. Kaedah perlaksanaan permainan di dalam PdP perlu jelas dari sudut objektif permainan,cara dan peraturan permainan, cara kiraan mata ganjaran permainan dan kesan kepada pelajar, justeru persediaan guru dalam perlaksaan PdP secara permainan memainkan peranan yang sangat penting. (Buckley & Doyle, 2016) ini keran dibimbangi sekiranya tenaga pengajar tidak mendapat sokongan moral atau galakan mereka akan lebih selesa untuk mengajara secara kaedah tradisional (Sessoms, 2008)

Dengan mengatasi cabaran ini, kaedah gamifikasi didalam PdP pengajian Islam dapat menyediakan alat bantu mengajar yang berkesan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran dan pencapaian pelajar. Perancangan dan pelaksanaan yang bijaksana adalah penting untuk menjayakan pendekatan gamifikasi dalam konteks pendidikan.

Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa kaedah gamifikasi di dalam PdP sangat perlu diperlu diterapkan buat generasi masa kini. Namun begitu tenaga pengajar perlu mengaplikasikan proses yang perlu ada dalam pembangunan gamifikasi dalam PdP .Kenyataan ini turut dipersetujui oleh (Mohamed Rosly & Khalid, 2017). Pembangunan gamifikasi dengan objektif dan sasaran yang jelas akan menjadikan PdP lebih berkesan.

Rujukan

- Ab Rahman, A., & Asman, M. N. (2019). Keberkesanan Gamifikasi Global Halal Game (GHG) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Serta Latihan kepada Eksekutif Halal. *Journal of Fatwa Management and Research*. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol17no1.5>
- Abdullah, F., & Abdul Razak, K. (2021). Tahap Minat dan Penerimaan Pelajar Terhadap Gamifikasi dalam Bidang Sirah. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 27–38. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.95>
- Bicen, H., & Kocakoyun, S. (2018). Perceptions of students for gamification approach: Kahoot

- as a case study. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 13(2), 72–93. <https://doi.org/10.3991/ijet.v13i02.7467>
- Buckley, P., & Doyle, E. (2016a). Gamification and student motivation. *Interactive Learning Environments*, 24(6), 1162–1175. <https://doi.org/10.1080/10494820.2014.964263>
- Buckley, P., & Doyle, E. (2016b). Gamification and student motivation. *Interactive Learning Environments*, 24(6), 1162–1175. <https://doi.org/10.1080/10494820.2014.964263>
- Hambali, K., & Lubis, M. A. (2022). Kepentingan Gamifikasi Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PDPC) Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 5(1), 58–64.
- Hushaini, N. H., Osman, Z., Sarudin, A., & Mohamed Redzwani, H. F. (2022). Tahap Minat dan Penerimaan Murid Terhadap Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Gamifikasi dalam Subjek Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2), 72–81.
- Ibrahim, R., Rashidi, A., Said, N. S., & Othman, M. S. (2014). Engaging Capability Training in Serious Game Technology for Delivering Industrialized Construction. *Computing in Civil and Building Engineering* (2014), 2095–2102. <https://doi.org/10.1061/9780784413616.260>
- Isnanto Adi Prasetyo, Senie Destya, R. (2016). Penerapan Konsep Gamifikasi pada Perancangan Aplikasi Pembelajaran Al-Qur'an. *Seminar Nasional Teknologi Informasi Dan Multimedia 2016*, 37–42.
- Jamar, A., & Che Noh, M. A. (2020). Gamifikasi Aplikasi Kahoot Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc) Pendidikan Islam. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020)*, 269–280.
- Jasmi, K. A., Tamuri, A. H., & Mohd Hamzah, M. I. (2011). Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Teknologi*, 56(1). <https://doi.org/10.11113/jt.v56.66>
- Latifah Abdul Majid et .al. (2012). Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di IPT Selangor. *Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam 2012*, 1–5.
- Mohamad, S., Hamzah, M. A., & Osman, F. (2020). Persepsi Pelajar Terhadap Manfaat dan Keinginan Menggunakan Snake & Ladder Digital Game Board dalam Pembelajaran Berasaskan Permainan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 126–134.
- Mohamed Rosly, R., & Khalid, F. (2017). Gamifikasi: Konsep dan implikasi dalam pendidikan. *Pembelajaran Abad Ke-21: Trend Integrasi Teknologi*, 144–154.
- Mohamed, Y., Ismail, S., Hoque, M., Md. Saad, N., & Mohd Zaidi, N. (2020). Persepsi Pelajar Terhadap Permainan Tatabahasa Arab “Gamifikasi Ana Sibawayh.” *3 Rd International Seminar On Islam And Science 2020 (SAIS 2020)*, 247–258.
- Mohd Saad, N. H., Abd. Karim, R., Farahidatul Akmar, & Mohd Zain, Z. (2017). Keberkesanan Penggunaan Kaedah Permainan Bahasa Dalam Pembelajaran Penterjemahan Peribahasa. *Jurnal Antarabangsa Alam Dan Tamadun Melayu*, 5(3).
- Qian, M., & Clark, K. R. (2016). Game-based Learning and 21st century skills: A review of

recent research. *Computers in Human Behavior*, 63, 50–58.
<https://doi.org/10.1016/j.chb.2016.05.023>

Rahimah Wahid. (2020). Keberkesanan pembelajaran berasaskan permainan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. *Jurnal of Education and Social Sciences*, 16(1), 9–13.

Rosli, Q., & Noor, A. Y. M. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Darul ‘Ulūm Ihyā’ ‘Ulūmuddīn Alor Setar Kedah: Keberkesanan, Metodologi dan Persepsi Pelajar. *Akademika*, 87(3), 137–149.

Sessoms, D. (2008). Interactive Instruction: Creating Interactive Learning Environments Through Tomorrow’s Teachers. *International Journal of Technology in Teaching and Learning*, 4(2), 86–96.
http://www.iboard.mobi/research/2008_Creating_Interactive_Learning_Environments_Through_Tomorrow's_Teachers.pdf

Siong, W. W., & Osman, K. (2018). Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam Pendidikan STEM dan Penggunaan Kemahiran Abad Ke-21. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(1), 1–15.

Susanti, K. (2021). Alternatif Pembelajaran Menggunakan Card Game Pada Anak. *El-Banar: Jurnal Pendidikan Dan Pengajaran*, 4(1), 36–41.

Yabi, S., Kadri, S., & doll Kawaiid, A. I. S. (2019). *Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Ulum Hadith Di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), February*.

Zahari, N. H. A. H., Syed Bidin, S. N. B., & Wan Syamsuddin, S. N. (2021). Kepentingan Pengajaran dan Pemudahcaraan Berbantuan Permainan Digital bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *Journal of Revealed Knowledge*, 2(22), 19–28.

Zuhriyah, A. (2020). Pengembangan Media Pembelajaran Permainan Ular Tangga Untuk Meningkatkan Motivasi Belajar Siswa dan Hasil Belajar IPS di Madrasah Ibtidaiyah. *Jurnal Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah*, 3(2), 26–32.

BAB 3

PERANAN PEMPENGARUH DIGITAL TIKTOK DALAM PENYEBARAN AL-QURAN DAN HADIS KEPADA GENERASI Z: SATU KAJIAN NARATIF

Siti Nuroni binti Mohamed¹, Nur Syuhada binti Mohd Subri¹, Nurul Widad Fitri binti Muhammad¹ & Nasimah binti Wan Harun²

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

² Universiti Islam Selangor (UIS)

Pengenalan

Kemunculan pempengaruh atau influencer seiring dengan perkembangan kemajuan media sosial. Di antara platform media sosial yang paling ramai di ikuti adalah Facebook, Instagram, Youtube dan terbaru adalah TikTok. Pengaruh pempengaruh digital boleh membawa kepada kesan positif dan negatif serta boleh membawa kepada kesan buruk jika dikendalikan dengan cara yang salah (Haenlein et al., 2020). Di antara kesan positif yang dapat dilihat adalah penyebaran kandungan digital berdasarkan dakwah dengan idea yang kreatif dan inovatif kepada generasi Z (Fathia Nur Shabrina et al., 2023). Sementara itu, jika kandungan digital dakwah yang dikongsi mempunyai kredibiliti dan kesahan yang boleh dipertikai, samada maklumat yang diberi adalah salah, perkara ini memberi kesan yang buruk kepada imej Islam itu sendiri (Tengku & Rasyida, 2022).

Pada asasnya, setiap individu Muslim sangat berminat untuk berkongsi mengenai pegangan agama, kepercayaan dan nilai-nilai murni dengan semudah satu klik di hujung jari mereka (Rahman, A. et al., 2015). Namun begitu, setiap perbuatan dan perkara yang dilakukan oleh manusia di dunia ini tidak boleh lari dari mengikut laras pematuhan syariat yang sudah ditetapkan oleh Al-Quran dan Hadis dalam Islam. Ini berlandaskan firman Allah SWT dalam Surah Adz-Dzariyaat ayat 56:

وَمَا حَلَقْتُ أَجْنِنَّ وَالإِنْسَنَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Begitu juga dengan medium Tiktok yang berdasarkan muzik, pematuhan dan tatacara kendalian perlulah diikuti oleh orang Islam samada dari pempengaruh, pembina kandungan digital dan pengguna itu sendiri. Agar selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah Luqman ayat 6:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْرِئِي هُوَ الْحَدِيثُ لِيُضْلِلَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ بِعَيْرٍ عِلْمٍ وَيَتَخَذِّلَهَا هُزُوا ۝ أُولَئِكَ هُمُ عَذَابٌ مُّهِينٌ

Maksudnya:

Dan di antara manusia (ada) orang yang mempergunakan perkataan yang tidak berguna untuk menyesatkan (manusia) dari jalan Allah tanpa pengetahuan dan menjadikan jalan Allah itu olok-lokkan. Mereka itu akan memperoleh azab yang menghinakan.

Seiring dengan perubahan norma baru mengikut transformasi zaman, para pempengaruh digital Tiktok juga tidak terlepas menggabungkan muzik dalam penyampaian mereka mengenai Al-Quran dan Hadis. Situasi ini sudah dijelaskan dalam sabda Rasullah SAW:

أَنَّ امْرَأَةً جَاءَتْ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ : " يَا عَائِشَةُ ، أَتَعْرِفِينَ هَذِهِ ؟ " قَالَتْ : لَا ، يَا نِبِيَّ اللَّهِ ، فَقَالَ : " هَذِهِ قَيْنَةُ بَنِي فُلَانٍ ، تُحِبِّينَ أَنْ تُغَنِّيَكِ ؟ " قَالَتْ : نَعَمْ ، قَالَ : فَأَعْطَاهَا طَبَقًا ، فَغَنَّتْهَا ، فَقَالَ الَّذِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " قَدْ نَفَخَ الشَّيْطَانُ فِي مَنْخِرِهَا .

[Ahmād, al-Musnād, no hadis 15720]

Maksudnya:

Seorang wanita telah datang kepada Nabi SAW, dan Baginda bertanya kepada Aisyah R.Anha: “Adakah kamu mengenali wanita ini?” Aisyah menjawab “tidak, wahai Nabi Allah”. Maka Baginda berkata “Ini penyanyi wanita dari Bani Fulan, adakah kamu suka jika dia menyanyi kepada kamu?” Aisyah menjawab ya, lalu Nabi SAW memberikan penyanyi tersebut al-Thabqq, lalu dia menyanyi dengannya, Maka Nabi SAW berkata: “Syaitan telah meniup melalui dua lubang hidungnya.”

Aplikasi Tiktok dan Generasi Z

Tiktok adalah salah satu aplikasi terbaru yang direka untuk memaparkan kandungan digital berdasarkan video dan ‘live streaming’. Jumlah pengguna Tiktok di Malaysia sehingga awal 2022 dilaporkan seramai 14.59 juta bagi pengguna berumur 18 dan ke atas dengan peratusan 56.8 bagi pengguna wanita dan 43.2 peratus adalah pengguna lelaki (Digital 2022: Malaysia — DataReportal – Global Digital Insights, 2022). Jumlah muat turun aplikasi ini dilaporkan tertinggi pada musim pandemik COVID-19 yang melanda bermula tahun 2021 (Feldkamp, 2021).

Platform Tiktok akan memaparkan satu kandungan video dalam satu masa dan membenarkan penggunanya untuk beralih ke video lain dengan satu leretan ke atas dan bawah. Video yang dipaparkan tidak akan berubah selagimana pengguna tidak meleret skrin. Kekerapan pengguna melihat video yang sama akan mengubah algoritma ‘feed’ video yang disiarkan. Antara keunikan fungsi Tiktok yang menyebabkan kecanduan pengguna menggunakanannya adalah aplikasi lip-synch yang dipadankan dengan soundtrack lagu-lagu tertentu. Kebanyakan kandungan Tiktok yang dimuatkan adalah hasil dari video atau content asal yang dicipta pengguna ataupun buat semula dengan trend yang popular di feed Tiktok pada ketika itu (Anderson, K. E., 2020).

Tiktok tercatat sebagai satu medium digital terkini yang mempunyai rating *engagement* tertinggi dan lebih dekat dengan Generasi Z bercirikan isi kandungan digital yang lebih dinamik sehinggakan penglibatan mereka sebagai pengguna mengubah cara pandang dan strategi pemasaran untuk menarik minat golongan ini (Flecha et al., 2023). Generasi Z dikategorikan sebagai generasi kelahiran tahun 1997 hingga 2010, yang mana pada waktu tersebut teknologi telah pun berkembang dengan pesat dan majoritinya memiliki telfeon bimbit, berbeza dengan generasi *Alpha*, dimana mereka adalah anak-anak atau generasi kelahiran pada tahun 2010 hingga 2025 (Mohd Rashidi Omar et al., 2022).

Pempengaruh mengikut Al-Quran dan Hadis

Pempengaruh digital merupakan istilah padanan rasmi dari Dewan Bahasa dan Pustaka kepada *influencer digital* iaitu merujuk kepada seseorang yang boleh mempengaruhi pengikut atau peminat. Antaranya termasuk mereka dalam kalangan selebriti, atlet, model, pelukis, dan sebagainya (Amalina, A. 2021).

Walaubagaimanapun, pempengaruh digital pada hari ini terutamanya mereka yang menyampaikan mesej Islam telah dikuasai oleh individu-individu terkenal yang mempunyai pandangan dunia kosmopolitan, merupakan *storyteller* yang baik, dan berkemahiran dalam penghasilan media digital. (Zaid et al., 2022)

Apa pun revolusi istilah yang digunakan, Islam telah menunjukkan cara untuk menjadi pempengaruh atau *role model* atau *qudwah* mengikut acuan Al-Quran dan Sunnah. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

مَنْ دَعَا إِلَىٰ هُدًىٰ كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرٍ مِثْلُ أَجْوَرِهِ مَنْ تَبَعَهُ، لَا يَنْفَضُّ ذَلِكَ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْئًا، وَمَنْ دَعَا إِلَىٰ ضَلَالٍٰ
كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ مِثْلُ آثَامِ مَنْ تَبَعَهُ، لَا يَنْفَضُّ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا.

Maksudnya:

Barangsiapa yang menyeru (seseorang) kepada hidayah, baginya ganjaran sepertimana ganjaran orang yang mengikutinya tanpa mengurangi sedikitpun daripada ganjaran mereka (yang melakukan).

[al-Muslim, *Ṣaḥīḥ al-Muslim, Kitāb al-I'lām, Bāb Man Sanna Sunnah Hasanah..*, no hadis 2673] Pempengaruh yang paling perlu diikuti pastilah Nabi Muhammad SAW, baginda merupakan contoh utama yang perlu diidolakan dan menjadi ikutan terbaik oleh umat Islam. Bahkan pengkaji Barat iaitu Michael Hart meletakkan Nabi Muhammad SAW sebagai satu-satunya pemimpin dan pendidik yang berjaya memberikan inspirasi dan amat istimewa buat seluruh manusia untuk diteladani dan dicontohi (Mohd Rashidi Omar et al., 2022).

Allah SWT berfirman dalam ayat 21, Surah al-Ahzab:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah narrative review melibatkan kaedah kualitatif menerusi instrumen analisis kandungan dan ulasan literatur. Artikel-artikel yang terpilih mengenai pempengaruh atau influencer yang menggunakan al-Quran dan Hadis sebagai bahan penyampaian di Tiktok dikaji dan disintesis. Pencarian artikel berkaitan diperolehi dari database seperti Google Scholar, Dimensions, dan Semantic Scholar dengan kata kunci pencarian dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris seperti Peranan Influencer, Role, Al-Quran, al-Sunnah, Hadith, dan Tiktok.

Dapatan Kajian

Penampilan Karakter

Menerapkan Nilai-Nilai Al-Quran Dalam Penyampaian

Penyampaian dan gaya bahasa sangat penting bagi pempengaruh untuk menarik minat golongan sasaran mereka di Tiktok. Di antara peranan pempengaruh Tiktok ketika menyampaikan Al-Quran dan Hadis adalah melalui karakter mereka itu sendiri. Para pempengaruh berjaya menerapkan enam prinsip komunikasi dalam Al-Quran iaitu qaulan karima, qaulan sadida, qaulan ma'rufa, qaulan baligha, qaulan layyina, dan qaulan maisura (Pebirawati, T. W., 2023). Selain itu, para pempengaruh juga menggunakan kaedah metodologi dakwah bi al-Hikmah, bi al-Mau'izah al-Hasanah dan dakwah al-mujadalah bi al-lati hiya ahsan (Nanda, 2023). Penampilan dengan gaya bahasa yang lemah lembut dan bahasa yang mudah untuk difahami(Alya Aulia & None Chairiawaty, 2023), dan sesuai dengan suruhan dari Al-Quran dan Hadis merupakan antara faktor para pempengaruh diterima oleh generasi Z (Tsalits Maratun Nafiah et al., 2022).

Isi Kandungan Digital

Isu tular

Isi kandungan digital yang dimuat turun adalah bersesuaian dengan trend tular bagi setiap isu, namun begitu tidak sepenuhnya menjawap permasalahan yang ada dengan durasi masa yang diperuntukkan (Anggita Falestyana Sari & Lutfhi Ulfa Ni'amah, 2022). Di antara cara susunan penyampaian para pempengaruh adalah dengan menyampaikan sesuatu isu yang tular kemudian mengaitkan dengan ayat-ayat Al-Quran dan Hadis (Anggita Falestyana Sari & Lutfhi Ulfa Ni'amah, 2022)

Isu berkaitan remaja

Penyampaian mereka juga memasukkan elemen terkini berkaitan remaja dan kehidupan harian (Alya Aulia & None Chairiawaty, 2023). Kajian dari (Muhamad Parhan et al., 2022) menunjukkan para generasi Z ini menggemari kandungan dakwah berkenaan dengan kehidupan kerana mereka dalam proses mencari jati diri dan perkara-perkara yang mampu membawa mereka ke arah yang lebih dan baik serta menyelesaikan masalah-masalah remaja pada kehidupan saat ini.

Isu agama

Dalam penyebaran al-Quran dan Hadis, para pempengaruh mengaitkan kedua sumber utama ini dalam penyampaian mereka dengan menumpukan pada tiga isu utama iaitu akidah, syariah dan akhlak (Alya Aulia & None Chairiawaty, 2023).

Penyampaian Al-Quran dan Hadis dilakukan oleh para pempengaruh dan pembina kandungan digital ini dalam pelbagai bentuk mengikut fitur-fitur khas yang disediakan oleh Tiktok. Di antaranya *lip synching*, tarian, penyampaian diiringi muzik atau *soundtrack* lagu, kemudian dikuti dengan pembacaan matan hadis dan terjemahannya, lakonan yang diakhiri dengan hikmah berdasarkan hadis, pembacaan buku berdasarkan tema Al-Quran dan Hadis, ceramah, (Isbaria, NIM., 2022). Selain itu, ada kandungan video yang hanya memaparkan matan hadis dan terjemahannya dengan berlatarbelakangkan pemandangan indah, ada juga yang menggunakan kaedah tangkap layar hadis-hadis dari media sosial yang lain seperti Twitter, cuplikan video dari Youtube ataupun dari pembina kandungan digital yang lain ditambah

dengan latarbelakang tulisan hadis Nabi Muhammad SAW. Kesemua video-video ini diiringi dengan soundtrack muzik. (Mira Fitri Shari, 2021)

Kepelbagaiannya cara penyampaian Hadis oleh para pempengaruh Tiktok menunjukkan cara mereka mengekspresikan menyatakan pemikiran mereka bahkan menyediakan satu ruang pemahaman yang diperlukan oleh golongan sasaran iaitu masyarakat itu sendiri. (Isbaria, NIM., 2022)

Golongan Sasaran

Setiap pempengaruh digital pastinya mempunyai sejumlah pengikut yang ramai dan mempunyai fokus golongan sasaran masing-masing. Antara kesan baik yang dapat dilihat hasil penyampaian para pempengaruh kepada golongan sasaran iaitu golongan generasi Z ini adalah mereka berminat untuk turut serta membina kandungan digital dakwah dengan alasan untuk mewujudkan masyarakat yang lebih baik (Fathia Nur Shabrina et al., 2023), bahkan ada yang beranggapan video-video tersebut membantu mereka memahami ajaran agama (Mira Fitri Shari, 2021), mengubah corak pemikiran untuk menjadi individu yang lebih baik dengan mengamalkan perkara yang disampaikan, menjadi lebih termotivasi, menambah semangat dan memberi inspirasi (Alya Aulia & None Chairiawaty, 2023).

Selain itu, para pempengaruh dari sudut yang lain mampu mengajak para pendengar video Tiktok mereka untuk saling berbincang dan menyampaikan pendapat tanpa berat sebelah (Anggita Falestyana Sari & Lutfhi Ulfa Ni'amah, 2022), memberi maklum balas hantaran video mereka dengan pelbagai pandangan dan menyebabkan para pendengar bertanya lebih lanjut (Mira Fitri Shari, 2021).

Namun begitu, ada juga yang tidak tertarik untuk melakukan perkara yang sama kerana merasakan ilmu agama mereka masih kurang (Fathia Nur Shabrina et al., 2023) bahkan mereka juga mengkritik Mira Fitri Shari, 2021).

Kesimpulan

Setelah membuat penelitian dan kajian, pempengaruh Tiktok dalam penyampaian Al-Quran dan Hadis memainkan tiga peranan utama iaitu, penampilan karakter pempengaruh, isi kandungan digital, dan reaksi balas pengguna. Justeru, penelitian mengenai peranan mereka ini sangat penting untuk memahami corak masyarakat terutamanya golongan Z dalam memahami Al-Quran dan Hadis serta Islam umumnya. Namun begitu, corak perubahan penyampaian dan isu semasa sentiasa berubah mengikut arus boleh mengakibatkan peranan mereka juga berubah. Oleh sebab itu, kajian lanjutan boleh dilakukan dengan menganalisis dari sudut sumber autentik dan tahap penerimaan pengguna dan pengamal boleh dinilai dan dikaji secara analitikal. Selain itu, gender yang berbeza dari pempengaruh digital perlu dibuat kajian lanjutan untuk mengetahui kadar penerimaan pengguna dan pengikut di Tiktok. Antara lain yang boleh diteliti adalah peranan pempengaruh digital Tiktok di Malaysia dalam bahagian Islam dan dakwah masih belum diberi perhatian.

Rujukan

- Amalina, A. (2021). Padanan untuk istilah digital influencer ialah pempengaruh digital.
Anderson, K. (2020). Getting Acquainted with social networks and apps. *Library Hi Tech News*, 7-12.
Aulia, A., & Chairiawaty, N. (2023). Study Fenomenologi tentang Nilai Nilai Dakwah Melalui Akaun Tiktok Ustadz Syam pada Santri PPI 50 Lembang. 1.

- Falestyana, A., & Ni'amah, L. U. (2022). Tiktok Sebagai Media Dakwah (Analisis Isi Pesan Dakwah Akun Tiktok @baysasman00). *Al Idaroh*, 31-43.
- Isbaria, N. (2022). Mediatisasi Hadis Pada Aplikasi Tiktok . *Doctoral Dissertation, UIN Sunan Kalijaga*.
- Nanda, M. (2023). Metode Dakwah Husain Basyaiban Dalam Menanggapi Problematika Konten Dakwah Aplikasi Tiktok . *Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau*.
- Omar, M. R., Daud, M. L., & Muhammad. (2022). Seni Mendidik Generasi Z dan Alpha Berpanndukan Sunnah. 2756-8156.
- Parhan, M., Rahmawati, Y., Rahmawati, I. R., Rastiadi, H. A., & Maysaroh, M. (2022). Analisis Metode dan Konten Dakwah yang Diminati pada Remaja. *ANIDA*, 65-75.
- Pebirawati, T. W. (2023). Etika Komunikasi Islam Dalam Dakwah Koh Dennis Lim Di Media Sosial Tiktok. *AL-INSAN*, 48-62.
- Rahman, A. A., N, H., & Mustafa, H. (2015). Muslims in cyberspace: exploring factors influencing online religious engagements in Malaysia. *Media Asia*, 61-73.
- Shabina, F. N., & Abdurrazaq, M. N. (2023). Penggunaan Akun Tiktok @husainbasyasman Sebagai Media Dakwah Terhadap Minat Mahasiswa Komunikasi Penyiaran Islam IAI-ALAZIS Dalam Pembuatan Konten Dakwah. *Jurnal Ilmu Komunikasi Dan Media Sosial (JKOMDIS)*, 177-184.
- Shari, M. F. (2021). Bentuk Mediatisasi hadis berupa Video: Respon Netizen Terhadap Video Pendek Mengenai Hadis di Aplikasi Tiktok. . *Moderasi*, 169-184.
- Tengku, A., & Rasyida, A. (2022).). Examining Factors that Influence IIUM Students' Involvement in Da'wah Activities via Social Media. *IIUM Journal of Human Sciences*, 27-42.
- Tsulis, N. M., Ihkamuddin, H., & Zuhriyah, F. L. (2022). Platform Tik Tok Sebagai Media Dakwah Di Kalangan Remaja Milenial (Studi Analisis Konten Dakwah Akun @Bayasman00 Milik Husain Basyaiban). *Hikmah*, 179-198.
- Zaid, B., Fedtke, J., Shin, D., El Kadoussi, A., & Ibahrine, M. (2022). Digital Islam and Muslim Millennials: How Social Media Influencers Reimagine Religious Authority and Islamic Practices. . 335.

BAB 4

METODOLOGI PENAFSIRAN AL-QURAN OLEH SYEIKH NAWAWI BANTEN: KAJIAN TERHADAP AYAT-AYAT AL-WA'DU WA AL-WA'ID DI DALAM SURAH AL-WAQI'AH

Abdul Mukti Bin Baharudin¹, Zaidul Amin Suffian Bin Ahmad¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

Pengenalan

Setelah kewafatan baginda s.a.w., Allah s.w.t. jadikan ulama-ulama di sepanjang zaman yang bertanggungjawab menjaga dan memelihara ajaran Islam, khususnya al-Quran yang merupakan panduan dan petunjuk kepada umat akhir zaman. Perkara ini telah dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa ulama-ulama adalah waris kepada nabi-nabi. Justeru kemunculan ulama-ulama silih berganti dari satu zaman ke satu zaman yang lain di seluruh pelosok dunia, termasuklah di Nusantara ini. Di antara tokoh ulama Nusantara yang hebat ialah Syeikh Nawawi al-Bantani al-Jawi. Bahkan ketokohan beliau dalam ilmu-ilmu Islam diakui di seluruh dunia sehingga beliau digelar *Sayyid Ulama al-Hijaz* yang dianugerahkan oleh ulama Mesir, *Ahad Fuqaha' Wa Hukama' al-Muta'akhirin* dan *Ulama al-Haramain*.

Kajian ini akan memfokuskan kepada sumbangan beliau dalam bidang penafsiran al-Quran. Kajian ini juga akan mengkaji satu bahagian daripada isi kandungan al-Quran iaitu ayat-ayat yang membicarakan tentang *al-wa'du* (janji baik) dan *al-wa'id* (janji ancaman). Pengkaji juga telah memilih satu surah sahaja sebagai fokus kajian, iaitu surah al-Waqi'ah. Ini kerana surah al-Waqi'ah merupakan salah satu surah yang banyak menyentuh tentang *al-wa'du* dan *al-wa'id* dan ia merupakan di antara surah yang dimaklumi oleh masyarakat awam. Justeru kajian ini akan mengkaji metodologi Syeikh Nawawi al-Banten dalam menafsirkan ayat-ayat *a-wa'du* dan *al-wa'id* dalam surah al-Waqi'ah.

Metodologi Kajian

Bagi memenuhi tujuan kajian ini, penulis telah menggunakan pendekatan metode kualitatif. Penyelidikan kualitatif lazimnya dipengaruhi oleh pendekatan teoretikal yang menjadi asas kepada kajian secara keseluruhan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dilakukan terhadap metodologi Syeikh Nawawi Banten dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran. Bagi penulisan kertas kerja ini, kajian lebih tertumpu kepada perbincangan metodologi penafsiran ayat-ayat *al-wa'du wa al-wa'id* di dalam al-Quran. Oleh kerana ayat-ayat tersebut banyak dinyatakan di dalam al-Quran, penulis telah memfokuskan kajian kepada surah al-Waqi'ah sahaja. Setelah ayat-ayat *al-wa'du* dan *al-wa'id* dikenal pasti, pengkaji merujuk kepada kitab tafsir *Marah Labid* bagi menganalisa metode beliau dalam menafsirkan ayat-ayat tersebut. Namun, topik ini juga boleh dibincangkan secara metode kuantitatif dalam kajian akan datang, dengan melihat kepada sudut pengetahuan, kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap ayat-ayat *al-wa'du* dan *al-wa'id* di dalam al-Quran.

Biodata Syeikh Nawawi Banten

a. Nama dan kelahiran Syeikh Nawawi Banten

Nama sebenar beliau ialah Muhammad Nawawi bin Umar bin Arabi al-Bantani al-Jawi. Beliau dilahirkan di Tanara, Serang, Banten pada tahun 1830 (Amirul, 2021). Ayah beliau bernama Kiai Umar bin Kiai Arabi bin Kiai Ali bin Ki Jamad bin Ki Janta bin Ki Masbuqil bin Ki Masqun bin Ki Maswi bin Tajul Arsyi (Pengeran Sunyararas) bin Sultan Hasanudin bin Sunan Gunug Jati. Manakala ibunya bernama Zubaidah, berasal daripada keturunan Muhammad Singaraja. Beliau merupakan anak pertama dari tujuh orang bersaudara, iaitu Ahmad Syihabuddin, Tamim, Sa'id, Abdullah, Tsaqilah dan Sariyah.

Beliau membesar dalam lingkungan keluarga yang beragama. Sejak berumur 5 tahun, ayahnya seorang tokoh ulama Tanara secara langsung memberikan pelajaran-pelajaran agama dasar kepadanya. Di samping kecerdasan yang dimiliki, sejak kecil lagi Syeikh Nawawi juga dikenali sebagai seorang yang tekun dan rajin. Beliau juga dikenali sebagai orang yang tawadhus, zuhud, bertakwa kepada Allah s.w.t serta berani dan tegas.

Beliau meninggal dunia pada 25 Syawal tahun 1315 H/ 1897 M, ketika berumur 84 tahun dan dikebumikan di Ma'la (sebuah tempat pemakaman umum di Mekah, ke arah timur daripada Masjid al-Haram) (Amirul, 2021; Aan Parhani, 2013).

b. Perjalanan Ilmiah Syeikh Nawawi

Pada awalnya beliau bersama saudaranya Tamim dan Ahmad berguru dengan KH. Sahal, salah seorang ulama Banten yang terkenal ketika itu. Kemudian dia berguru dengan Raden H. Yusuf Purwakarta. Ketika berumur 13 tahun ayah beliau meninggal dunia. Walaupun masih muda, beliau telah memimpin pesantren peninggalan ayahnya itu. Selang dua tahun kemudian, iaitu pada tahun 1828, beliau telah pergi menunaikan haji, sekali gus dengan niat menuntut ilmu di Mekah (Amirul, 2021).

Setelah menuntut ilmu di Mekah selama 3 tahun beliau kembali ke Indonesia untuk menyebarkan ilmu agama. Namun demikian penjajahan Belanda yang sentiasa memantau gerak geri umat Islam menyebabkan beliau kembali semula ke Mekah dan meneruskan pengajiannya di sana.

Di sana beliau telah menuntut ilmu dengan ulama-ulama besar yang berasal daripada Indonesia, di antaranya Syeikh Khatib Sambas (berasal dari Kalimantan Barat), Syeikh Abdul Ghani (berasal daripada Bima NTB). Selain itu, guru-gurunya yang terdiri daripada ulama-ulama besar di Mekah ialah Syeikh Ahmad Zaini Dahlan (mufti mazhab Syafie di Mekah), Syeikh Ahmad Dimyathi, Syeikh Abd Hamid al-Daghestani, Syeikh Nahrawi dan lain-lainnya.

Setelah lebih kurang 30 tahun, Syeikh Nawawi telah menjadi ulama terkemuka di Mekah. Kedalamannya ilmu beliau menjadikannya salah seorang guru yang dikenali di Masjid al-Haram. Bahkan beliau memiliki tiga gelaran kehormat iaitu *Sayyid Ulama al-Hijaz* yang dianugerahkan oleh ulama Mesir, *Ahad Fuqaha' Wa Hukama' al-Muta'akhiran* dan *Ulama al-Haramain*. Beliau sangat menguasai pelbagai bagai disiplin ilmu agama seperti tauhid, feqah, tafsir, tasawuf, sejarah, bahasa Arab dan lain-lain. Hal ini dapat dilihat daripada karya-karya yang telah dihasilkan oleh beliau yang mencakupi pelbagai disiplin ilmu tersebut.

c. Karya-karya Syeikh Nawawi

Terdapat perbezaan pandangan tentang jumlah karya yang dihasilkan oleh Syeikh Nawawi al-Banten. Ada pandangan yang menyatakan bahawa jumlah karya beliau ialah 99 buah. Manakala pandangan lain mengatakan 115 buah. Di antara karya beliau mengikut disiplin ilmu ialah:

Tafsir:

- i. *Marah Labid*

Tauhid dan Akhlak:

- i. *Kasyifah al-Saja Syarah Safinah al-Naja*
- ii. *Bahjah al-Wasa'il*
- iii. *Fath al-Majid Syarh Durr al-Farid fi al-Tauhid.*
- iv. *Tijan al-Durari.*
- v. *Qami' al-Thuqhyan Syarh Manzumah Syu'ab al-Iman*
- vi. *Nur al-Zholam Syarh Manzumah 'Aqidah al-'Awam*
- vii. *Nasha'ih al-'Ibad Syarh al-Munabbihat 'Ala al-Isti'dad li Yaum al-Ma'ad*
- viii. *Salalim al-Fudlala' Syarh Manzumah Hidayah al-Azkiya* dan lain-lain.

Feeqah:

- i. *Fath al-Mujib*
- ii. *Mirqat Shu'ud al-Tashdiq Syarh Sullam al-Taufiq*
- iii. *Nihayah al-Zayn*
- iv. *Uqud al-Lujjain Fi Bayan Huquq al-Zawjayn* dan lain-lain.

Bahasa Arab dan Kesusaasteraan:

- i. *Lubab al-Bayan*
- ii. *Fath al-Ghafir*
- iii. *Al-Khatiyyah Syarh al-Kawkab al-Jaliyyah*
- iv. *Al-Fushush al-Yaqutiyyah Syarh al-Rawdlah al-Bahiyyah fi al-Abwab al-Tashrifiyah* dan lain-lain.

Sejarah:

- i. *Targhib al-Mustaqim* (tentang Maulid Nabi s.a.w.)
- ii. *al-Ibriz al-Dani* (sejarah hidup Rasulullah s.a.w.)
- iii. *Fath al-Shamad* (tentang Maulid Nabi s.a.w.)

Pengenalan Kitab Tafsir Marah Labib

Kitab tafsir karya Syeikh Nawawi al-Banten diberi nama *Marah Labib li Kasyf Ma'na Quran Majid* dan *al-Tafsir al-Munir li Ma'alim al-Tanzil*. Menurut Mamat (2006), kerana itu cetakan pertamanya bernama *Marah Labib* dan cetakan keduanya bernama *al-Tafsir al-Munir li Ma'alim al-Tanzil*. Di Indonesia tafsir beliau lebih terkenal dengan nama *al-Tafsir al-Munir*. Pertama kali ia dicetak di penerbit Abd al-Razzaq, Kaherah pada tahun 1305 H, kemudian di penerbit Mushthafa al-Bab al-Halabi, Kaherah pada tahun 1355 H. Setelah itu ia diterbitkan di Singapura oleh penerbit al-Haramain sampai empat kali cetakan, kemudian di Indonesia oleh penerbit Usaha Keluarga, Semarang. Lalu diterbitkan pula oleh penerbit al-Maimanah di Arab

Saudi dengan nama *Tafsir al-Nawawi* dalam dua jilid. Kemudian pada tahun 1994 diterbitkan oleh penerbit Dar al-Fikr, Beirut dengan nama *al-Tafsir al-Munir li Ma`alim al-Tanzil* (Mustamin, 2000).

Tafsir ini dikarang dalam bahasa Arab dan ditulis ketika beliau berada di Mekah. Ia dikarang sebagai jawapan kepada permintaan teman-temannya agar beliau mengarang sebuah kitab tafsir. Namun dengan sifat ketawadukannya, beliau menjelaskan bahawa karyanya itu mengikuti dan meneladani karya-karya tafsir ulama-ulama terdahulu, di antaranya ialah *al-Futuhat al-Ilahiyah* karya Sulaiman al-Jamal (w. 1790 M), *Mafatih al-Ghaib* karya Fakhruddin al-Razy (w. 1209 M.), *al-Siraj al-Munir* karya al-Syirbini (w. 1570 M), *Tanwir al-Miqbas* karya al-Fairuzabadi (w. 1415 M), dan *Irsyad al-`Aql al-Salim* karya Abu Su`ud (w. 1574 M) (Nawawi, 1888).

Selain daripada kitab-kitab tafsir yang dinyatakan di atas, menurut Mustamin (2000) masih ada beberapa rujukan lain yang menjadi rujukan Syeikh Nawawi, iaitu *Jami` al-Bayan* karya al-Thabari (w. 310 H), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* karya Ibn Katsir (w. 774 H), *al-Durr al-Mantsur* karya al-Suyuthi (w. 911 H), dan *al-Jami` li Ahkam al-Qur'an* karya al-Qurthubi (w. 671 H). Metode yang digunakan oleh Syeikh Nawawi di dalam tafsirnya adalah termasuk dalam metode *ijmali*, iaitu menafsirkan secara ringkas dan padat. Walaupun begitu, tidak bermakna beliau mengabaikan perkara-perkara yang perlu ada dalam sesebuah kitab tafsir seperti nama surah, status surah sama ada *Makkiyyah* atau *Madaniyyah* dan *Asbab al-Nuzul*. Bahkan beliau juga menyebutkan jumlah ayat, perkataan (*kalimah*) dan huruf surah. Walaupun metode penafsirannya termasuk dalam metode *ijmali*, menurut Mamat (2000), kadang-kadang Syeikh Nawawi menafsirkan sesuatu ayat secara terperinci yang lebih menyerupai *Tafsir Tahlili*. Contohnya ketika menafsirkan ayat 16 surah *al-Hasyr*, beliau menghabiskan satu halaman penuh untuk menjelaskannya. Oleh sebab itulah Ahmad & Thoriqul, (2023) menyatakan bahawa metode yang digunakan di dalam kitab Marah Labib adalah metode *tahlili-ijmali*.

Manakala dari segi bentuk penafsirannya, beliau mengabungkan antara *Tafsir bi al-Ma'thur* dan *Tafsir bi al-Ra'y*. Sebagaimana bentuk penafsiran al-Quran secara *bi al-ma'thur*, iaitu menafsirkan al-Quran dengan al-Quran atau dengan hadis atau dengan riwayat daripada sahabat atau tabi'in, beliau mendatangkan ayat al-Quran, hadis, perkataan sahabat dan tabiin bagi menjelaskan ayat yang ditafsirkan. Manakala penafsiran secara *bi ra'y*, penafsiran beliau bersandarkan kepada syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang mufasir (Aan Parhani, 2013). Beliau juga sering menukarkan pandangan ulama-ulama dalam bidang ilmu masing-masing apabila membicara dan menyentuh bidang-bidang ilmu tersebut di dalam tafsirnya. Contohnya dalam bidang ilmu kalam, beliau menukarkan pandangan Imam Abu Hassan al-'Asya'ari dan Imam Abu Mansor al-Maturidi ketika menafsirkan ayat 10 daripada surah al-Syu'ara.

Tidak dinafikan bahawa corak penafsiran tafsir *Marah Labib* dipengaruhi oleh keluasan ilmu pengarangnya. Aan Parhani (2013) telah menegaskan bahawa corak penafsiran Nawawi dipengaruhi oleh keluasan ilmunya yang meliputi berbagai bidang ilmu agama Islam dan hal ini terlihat dengan banyaknya karya yang beliau hasilkan dalam berbagai bidang ilmu tersebut. Perkara ini juga disokong oleh kenyataan Mustamin (2000) bahawa setidaknya lima bidang ilmu yang terkandung di dalam tafsir Syeikh Nawawi iaitu: Ulum al-Quran, ilmu bahasa (*nahu*, *sharf*, dan *balaghah*), Fiqh-Usul Fiqh, ilmu Kalam (Teologi) dan Tasawuf.

Oleh kerana kecemerlangannya dalam menulis tafsir ini, beliau telah mendapat gelaran *Sayyid Ulama al-Hijaz* dan mendapat pengakuan dari Universitas Al-Azhar Mesir. Di samping itu Mamat S. Buhanuddin (2006) juga menyimpulkan bahawa Syeikh Nawawi telah menafsirkan

ayat-ayat al-Quran sehingga dapat difahami dan dijadikan landasan pandangan hidup bagi masyarakat yang sedang berubah menuju era moden.

Definisi *Al-Wa'du* dan *Al-Wa'id*

Perkataan *al-Wa'du* dan *al-Wa'id* (الْوَعْدُ وَالْوَعِيدُ) adalah kalimah Arab iaitu masdar bagi perkataan *wa'ada ya'idu wa'dan* (وَعَدَ - يَعْدُ - وَعْدًا) yang memberi maksud janji baik dan *wa'ada ya'idu wa'idan* (وَعَدَ - يَعْدُ - وَعِيْدًا) yang memberi maksud janji balasan jahat (Ahmad Mokhtar, 2003: 1319, Muhammad Idris, 1932: 393).

Di dalam kitab *Mufradat al-Alfaz al-Quran* yang dikarang oleh al-Raghib al-Asfahani menyatakan bahawa perkataan *al-Wa'du* ertinya janji. Terkadang ia digunakan dalam konteks kebaikan dan terkadang digunakan dalam konteks keburukan. Disebutkan ewartinya “Aku menjanjikannya manfaat dan kemudaratatan”. Namun penggunaan kata *al-wa'id* (الْوَعِيدُ) khusus untuk keburukan (dan ertinya adalah ancaman). Dari makna tersebut dikatakan dalam sebuah kalimah ewartinya: Aku telah mengancamnya. Ada pun kata ewartinya: أَعْدَتُهُ وَأَعْدَثْتُهُ أَوْ تَوَاعَدْتُهُ أَوْ تَوَاعَدْتُهُ Aku berjanji dengannya. Kata ewartinya: Kami saling berjanji. (al-Raghib, 2017).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) janji bermaksud pernyataan kesediaan untuk berbuat atau memberi sesuatu, syarat, ketentuan, tuntutan, pengunduran waktu, tangguh, penundaan, ajal, had dan waktu. Manakala menjanjikan bermaksud berjanji untuk memberi (membuat dsb) sesuatu dan memberikan jangkaan atau harapan akan berlakunya (terdapatnya dsb) sesuatu serta membuat kemungkinan kepada.

Manakala menurut Yazid bin Abdul Qadir, definisi *al-wa'du* adalah nas-nas daripada ayat al-Quran dan al-Sunnah yang mengandungi janji Allah s.w.t kepada orang yang taat dengan ganjaran yang baik, pahala dan syurga. Kemudian, yang dimaksudkan dengan *al-wa'id* adalah nas-nas daripada ayat al-Quran dan al-Sunnah yang terdapat padanya ancaman bagi orang-orang yang berbuat maksiat dengan azab dan siksaan api neraka yang pedih (Yazid, 2006).

Pengenalan Surah Al-Waqi'ah

Surah al-Waqi'ah merupakan salah satu surah yang diketahui dan sering dibaca dalam kalangan umat Islam selain surah Yasin dan surah al-Mulk. Ia merupakan surah yang ke 56 menurut susunan di dalam al-Quran, iaitu selepas surah al-Rahman dan sebelum surah al-Hadid. Surah ini mengandungi 96 ayat, 379 kalimah dan 1692 huruf dan diturunkan selepas surah Toha. Menurut pendapat Hasan, Ikrimah, Jabir dan Atha', surah ini adalah tergolong dalam kategori surah *Makiyyah*. Namun, menurut Ibnu Abbas r.a dan Qatadah berkata, "Kecuali satu ayat daripadanya turun di Madinah, iaitu ayat 82. Menurut al-Kalbi pula, surah ini adalah surah *Makiyyah* kecuali empat ayat. Dua darinya iaitu ayat 81 dan 82 turun dalam perjalanan baginda s.a.w. menuju ke Mekah. Dua lagi ayat, iaitu ayat 39 dan 40 turun dalam perjalanan baginda menuju ke Madinah. (Muhammad, 1996; Ahmad al-Mustafa, 2001; Wahbah, 2002).

Surah ini diturunkan di Mekah iaitu ketika masyarakat masih dalam keadaan jahiliah, buta dan tuli tentang agama Islam, menyembah berhala, mensyirikkan Allah s.w.t, mengingkari wahyu yang diturunkan serta mendustakan hari akhirat sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran, surah As-Saffat ayat 16, dan mereka berkata:

إِذَا مِنْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَامًا أَإِنَّا لَمَبْغُوثُونَ

Maksudnya:

"Adakah sesudah kita mati serta menjadi tanah dan tulang, adakah kita akan dibangkitkan hidup semula?"

Oleh yang demikian, selain daripada ayat-ayat *al-wa'du* yang menjanjikan pahala dan syurga di akhirat nanti, surah ini juga mengandungi banyak ayat-ayat *al-wa'id* iaitu ayat yang merupakan ancaman dan peringatan tentang seksaan dan azab api neraka bagi golongan yang tidak beriman kepada Allah s.w.t.

Manna' al-Qathān (1998) telah menyatakan bahawa surah ini adalah di antara surah-surah yang mempunyai banyak ungkapan-ungkapan yang amat keras di telinga, huruf-hurufnya seolah-olah melontarkan api ugutan dan seksaan, huruf-huruf hijaiyah pada permulaan surah, dan ayat-ayat yang di dalamnya berisi cabaran dan ancaman, ayat-ayat yang berupa gegaran-gegaran yang menakutkan, api yang menyala-nyala seperti memberi amaran bahaya yang disertai hujah yang sangat tegas dan kuat.

a. *Penamaan surah*

Al-Waqiah berasal daripada perkataan *waqa'a* yang bermaksud terjadi atau berlaku. Ia juga bermaksudkan jatuh menimpa. (Abd Rauf, Abdul Halim & Khairul Amin, 2005: 391). Sebahagian besar surah ini mengandungi keterangan dan huraian mengenai hari kiamat, disertai oleh keterangan mengenai beberapa peristiwa yang berlaku menjelang ketibaan hari kiamat. Oleh itu, surah ini dinamakan al-Waqi'ah adalah kerana diambil dari lafaz al-Waqi'ah yang terdapat pada ayat pertama surah ini iaitu:

إِذَا وَقَعَتْ الْوَاقْعَةُ ١

Maksudnya:

"Apabila terjadi hari kiamat yang pasti akan terjadi sekaligus" (Ahmad al-Mustafa, 2001; Wahbah, 2002).

Dan dalam masa yang sama ia adalah sebagai bantahan bagi orang-orang yang meragukan ketibaan hari kiamat, mendustakan al-Quran dan menyekutukan Allah s.w.t.

b. *Munasabat antara surah al-Waqi'ah dengan surah sebelumnya*

Terdapat kaitan yang amat rapat di antara surah al-Waqi'ah dan surah sebelumnya, iaitu surah ar-Rahman. Surah ar-Rahman terdiri daripada 78 ayat dan menjelaskan tentang tema yang sama dengan surah al-Waqi'ah iaitu penjelasan tentang gambaran hari kiamat, syurga dan neraka. Dalam surah ar-Rahman, Allah s.w.t menjelaskan tentang keadaan golongan yang berdosa dan golongan yang bertaqwa ketika di akhirat kelak, serta gambaran-gambaran azab api neraka yang pedih yang akan dikenakan terhadap golongan yang berdosa, dan gambaran kenikmatan serta kesenangan yang akan diperoleh oleh golongan yang bertaqwa pada Allah s.w.t. Di dalam surah al-Waqi'ah, Allah s.w.t juga menjelaskan tentang keadaan hari kiamat yang pasti berlaku, pembalasan azab-azab dan nikmat-nikmat terhadap orang mukmin dan orang kafir, dan juga menceritakan tentang tiga golongan manusia iaitu golongan kanan, golongan kiri dan golongan *as-Sabiqun*. Surah ar-Rahman adalah untuk menimbulkan suasana yang berbentuk rahmat Allah, manakala surah al-Waqi'ah adalah untuk menimbulkan suasana yang ketakutan tentang azab dan keadaan ketika hari kiamat.

c. *Isi kandungan surah al-Waqi'ah*

Secara umumnya surah al-Waqi'ah adalah surah yang menceritakan tentang suasana hari kiamat yang pasti akan berlaku. Di awal-awal surah Allah s.w.t telah memulakannya dengan satu khabar kepastian bahawa hari kiamat akan berlaku dan menceritakan tentang hal keadaan ketika itu yang mana ianya menggambarkan tentang suasana dahsyat dan mengerunkan yang sudah tentu berbeza dari hari yang lain. Kemudian, pada ayat 7 hingga 12 menjelaskan pula perihal manusia akan dibahagikan kepada tiga golongan iaitu golongan kanan, kiri dan *al-Sabiqun*. Kemudian, pada ayat seterusnya iaitu ayat 13 hingga 26 menyatakan tentang nikmat yang akan diperoleh bagi golongan yang pertama iaitu golongan *al-Sabiqun*. Pada ayat 27 hingga 40 menerangkan pula perincian nikmat yang akan diperoleh bagi golongan yang kedua iaitu golongan kanan (*Ashab al-Yamin*). Seterusnya, pada ayat 41 hingga 56 surah ini menjelaskan balasan bagi golongan yang ketiga pula iaitu golongan kiri (*Ashab al-Shimal*).

Pada ayat yang seterusnya pula iaitu ayat 57 hingga 74, Allah s.w.t menjelaskan tentang bukti-bukti kekuasaanNya supaya manusia dapat merenung serta berfikir menggunakan akal fikirannya tentang bagaimana manusia itu diciptakan dengan air mani yang hina namun sempurna fizikal dan sifatnya apabila dilahirkan. Kemudian dijelaskan bagaimana Allah s.w.t memberikan rezeki kepada manusia dengan menciptakan tumbuh-tumbuhan serta buahnya, penurunan air hujan dari langit yang dapat menghilangkan rasa haus, serta bagaimana kejadian api yang dapat menghilangkan makanan yang serba mentah dengan memasaknya. Seterusnya, Allah s.w.t juga ada menyebut tentang kekuasaanNya yang dapat mematikan serta membangkitkan semula manusia pada hari pembalasan kelak.

Kemudian, pada ayat 75-82 Allah s.w.t telah bersumpah dengan masa turunnya al-Quran dari Lauh al-Mahfuz bahawa al-Quran adalah dari Wahyu Ilahi yang sangat tinggi serta mengandungi faedah dan manfaatnya yang tidak terhingga dan kesuciannya adalah dijamin oleh Allah s.w.t. Dalam ayat ini juga Allah s.w.t mencela manusia yang meremehkan serta mendustakan al-Quran.

Bahagian terakhir yang terkandung dalam surah al-Waqi'ah ini ialah peringatan dari Allah s.w.t tentang sakaratul maut yang akan dialami oleh semua manusia.

d. *Ayat-ayat al-Wa'du dan al-Wa'id di dalam surah al-Waqiah*

Di dalam surah al-Waqi'ah ini Allah s.w.t menjelaskan bahawa di akhirat nanti manusia akan terbahagi kepada tiga golongan iaitu golongan kanan, kiri dan *al-Sabiqun*. Daripada tiga golongan ini, dua golongan dijanjikan dengan *al-wa'du* iaitu golongan *al-Sabiqun* dan kanan (*Ashab al-Yamin*), manakala satu golongan lagi dijanjikan dengan *al-wa'id*, iaitu golongan kiri (*Ashab al-Syimal*). Kajian menunjukkan bahawa ayat-ayat *al-wa'du* dan *al-wa'id* dalam surah ini adalah seperti berikut:

Pembahagian golongan di hari akhirat	7-14
<i>al-Sabiqun</i>	15 – 26, 88-89
Kanan (<i>Ashab al-Yamin</i>)	27-40, 90-91
Kiri (<i>Ashab al-Syimal</i>)	41-44, 51-56, 92-94

Metodologi Penafsiran Syeikh Nawawi Banten Terhadap Ayat-Ayat al-Wa'du dan al-Wa'id Di Dalam Surah Al-Waqi'ah

Tidak dinafikan setiap mufasir yang menafsirkan al-Quran menerusi karya-karya mereka mempunyai metode dan gayanya yang tersendiri. Mengenal pasti metode yang digunakan oleh pengarang kitab tafsir amat membantu pembaca kitab-kitab tafsir al-Quran memahami karya-karya tafsir yang dikarang tersebut. Di antara metodologi penafsiran Syeikh Nawawi dalam menafsirkan ayat-ayat *al-wa'du* dan *al-wa'id* di dalam surah al-Waqi'ah ialah seperti berikut:

a. *Tafsir bi al-Ma'thur (Naqli)*

Sebagai mana kebanyakan mufasir al-Quran yang mengabungkan antara *tafsir bi al-ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'y*, mereka akan mengutamakan *tafsir bi al-ma'thur* terlebih dahulu. Maka begitu jugalah dengan Syeikh Nawawi. Namun demikian, kajian ini yang hanya memfokuskan kepada ayat-ayat *al-Wa'du* dan *al-Wa'id* di dalam surah al-Waqi'ah, mendapat hanya terdapat penafsiran al-Quran dengan hadis sahaja. Di antaranya ialah:

Ketika menafsirkan ayat 21:

وَلَحْمٌ طَيْرٌ مِّمَّا يَشْتَهُونَ ۖ ۲۱

Maksudnya:

“Dan daging burung apa pun yang mereka inginkan.”

Syeikh Nawawi mendatangkan hadis Nabi untuk menjelaskan dengan lebih terperinci maksud *lahm thaoir*. Kata beliau (Nawawi, 1888):

Diriwayatkan dari Abu Darda' bahawa sesungguhnya Nabi s.a.w. pernah bersabda: Sesungguhnya di dalam syurga terdapat burung yang besarnya seperti unta jantan yang besar, yang berbaris di hadapan kekasih Allah s.w.t. Lalu salah satu di antaranya berkata: Wahai kekasih Allah, aku hidup bebas di taman-taman di bawah 'Arasy, dan aku minum dari mata air Tasnim. Maka makanlah aku. Burung itu terus menerus memujuknya untuk memakannya, sehingga terdetik dalam hati orang tersebut untuk memakannya. Lalu burung itu menyungkur di hadapannya menjadi berbagai masakan. Lalu dia makan sebahagiannya dan apabila telah kenyang, maka tulang-belulang burung itu terhimpun kembali, lalu hidup dan ia pun terbang di dalam syurga sesukanya. Maka kata Umar ibn al-Khattab: Wahai Nabi Allah! Sesungguhnya daging burung itu benar-benar lembut lagi sangat lazat? Nabi s.a.w. menjawab: Aku memakannya dan merasakan kelazatannya.

Begitu juga dalam menafsirkan ayat 35:

إِنَّا أَنْشَأْنَاهُ إِنْشَاءً ۝ ۳۵

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Kami menciptakan mereka (*bidadari-bidadari*) secara langsung.”*

Beliau menukilkan hadis Nabi s.a.w. untuk menafsirkan maksud ayat ini, katanya (Nawawi, 1888):

An-Nahhas telah meriwayatkan bahawa Ummu Salamah pernah bertanya kepada Nabi s.a.w. tentang makna firmanNya:

٣٥ ﴿إِنَّا أَنْشَأْنَاهُنَّ إِنْسَاءَنَّ﴾

Maka Nabi s.a.w. menjawab: Mereka adalah perempuan-perempuan dunia yang diwafatkan oleh Allah dalam keadaan tua, beruban dan matanya rabun. Allah s.w.t. menjadikan mereka muda kembali dan usia semuanya sebaya.

Namun demikian, ada kalanya beliau hanya mendatangkan mafhum hadis sahaja dalam menafsirkan ayat al-Quran. Bahkan tidak disebut perawinya. Contohnya ketika menafsirkan ayat 28:

٢٨ ﴿فِي سِدْرٍ مَّخْضُودٍ﴾

Maksudnya:

“Mereka berada di antara pohon bidara yang tidak berduri”

Beliau menyatakan:

Mereka berada di antara pohon bidara yakni mereka bersenang-senang di bawah pohon bidara. *Yang tidak berduri* yakni tidak ada durinya dan penuh dengan buah sehingga pokoknya tidak kelihatan. Allah s.w.t. jadikan tempat setiap duri itu buah-buahan. Sesungguhnya pohon bidara di dalam syurga mengeluarkan buah-buahan sebanyak tujuh puluh dua rasa yang tidak ada satu macam rasa dan warna pun yang menyerupai yang lainnya. Demikianlah yang telah disebutkan di dalam hadis.

b. Penafsiran bersandarkan kepada perbahasan qiraat dan kesannya kepada maksud ayat al-Quran.

Qiraat memainkan peranan yang penting dalam menentukan maksud ayat-ayat al-Quran. Menurut Manna' al-Qattan (1998) kepelbagaiannya qiraat menjadi hujah kemukjizatan al-Quran dari segi kesempurnaan maknanya. Ini kerana setiap qiraat menunjukkan sesuatu hukum syarak tertentu tanpa perlu pengulangan lafaz. Ia juga berperanan menjelaskan apa yang mungkin masih umum dalam qiraat yang lain.

Oleh kerana itu di dalam tafsir *Marah Labib*, Syeikh Nawawi amat menekankan tentang penjelasan qiraat dengan menyatakan perbezaan qiraat sesuatu ayat dan maknanya. Namun demikian adakalanya beliau tidak menjelaskan qiraat tersebut secara khusus. Beliau hanya menyebut “menurut ulama yang lain” atau “menurut qiraat lain” sahaja. Ini dapat dilihat ketika beliau menafsirkan ayat yang ke 19:

لَا يُصَدَّعُونَ عَنْهَا وَلَا يُنْزَفُونَ ١٩

Maksudnya:

“Mereka tidak merasa pening kepala dan tidak pula mabuk dengan sebab menikmatinya”

Dalam menafsirkan *وَلَا يُنْزَفُونَ* (tidak pula mabuk), beliau menyatakan (Nawawi, 1888):

‘Asim, Hamzah dan al-Kisai membacanya dengan *za* yang dikasrahkan (baris bawah), yakni minuman mereka tidak pernah habis. Menurut ulama lain, ia dibaca dengan *za* yang *difathahkan* (baris atas) yang bererti mereka tidak pernah mabuk.

Begitu juga dalam menafsirkan ayat 22.:

٢٢ وَحُورٌ عَيْنٌ

Maksudnya:

“*Dan (di dalam syurga itu) ada bidadari-bidadari yang bermata indah*”

Beliau menyatakan (Nawawi, 1888):

Ada di dalamnya wanita-wanita yang cantik berkulit putih mulus lagi bermata jeli yang sangan menawan. Hamzah dan Kisai membacanya dengan bacaan *jar* kerana diatafskan (dihubungkan) kepada *Jannatin Naim*. Seakan-akan dikatakan bahawa mereka berada di dalam syurga yang penuh dengan buah-buahan, daging burung dengan ditemani oleh bidadari-bidadari.

Manakala ulama yang lain membacanya dengan bacaan *rafa'* (baris depan) kerana diatafskan kepada *wildanun*. Maka bagi ahli syurga ada bidadari-bidadari yang di dalam khemah-khemah yang besar dan mereka mempunyai pelayan lelaki dan perempuan serta bidadari yang mengelilingi mereka bersama dengan pelayan-pelayan muda yang menjadi pemberi minuman mereka.

Menurut qiraat yang lain, ada pula yang membacanya dengan bacaan *nasab* (baris di atas) menjadi *Huran 'Ainan*, yakni mereka anugerahkan bidadari-bidadari.

c. Penafsiran berdasarkan tatabahasa Arab (*ilmu nahu*).

Dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran, seseorang mufasir tidak dapat lari daripada mengaitkan penafsirannya dengan perbahasan tatabahasa Arab. Ini kerana kefahaman yang mendalam terhadap tatabahasa Arab akan membawa kepada kefahaman yang lebih tepat dalam memahami ayat-ayat al-Quran. Muhammad Hussein (2003) di dalam bukunya telah menggariskan ilmu-ilmu yang perlu ada pada setiap mufasir yang ingin menafsirkan ayat-ayat al-Quran. Di antara ilmu yang perlu ada ialah ilmu nahu (tatabahasa Arab). Menurut beliau, sesuatu makna akan berubah dan berbeza dengan dengan berbezanya ‘irab.

Di antara penafsiran berdasarkan tatabahasa Arab oleh Syeikh Nawawi ialah ketika menafsirkan ayat 38:

٣٨ لِّأَصْحَابِ الْيَمِينِ

Maksudnya:

“(Kami ciptakan mereka) untuk golongan kanan”

Kata beliau (Nawawi, 1888):

Untuk golongan kanan yakni seusia dengan mereka. Dalam ungkapan ini terkandung isyarat yang menunjukkan bahawa usia mereka dan isteri-steri mereka adalah sebaya. Ini kerana sesungguhnya salah seorang dari suami isteri itu apabila berusia lebih tua dari pasangannya,

maka yang lebih muda akan mencelanya. *Jar dan majrur berta'aluq kepada atraban* (pada ayat 37), sama seperti ucapanmu *Haza Turbun Lihaza* yang bererti orang ini sebaya dengan orang itu.

d. Mendatangkan perumpamaan-perumpamaan yang mudah difahami.

Amthal atau perumpamaan-perumpamaan yang menakjubkan sering kali didatangkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran. Ia bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih jelas dan terang kepada pembaca-pembaca al-Quran. Justeru Syeikh Nawawi juga telah mengikuti metode al-Quran ini dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran, khususnya dalam menafsirkan ayat-ayat *al-wa'du* dan *al-wa'id* di dalam surah al-Waqi'ah. Contohnya ketika beliau menafsirkan ayat 12.:

١٢ فِي جَنَّتِ النَّعِيمِ

Maksudnya:

“Berada di dalam syurga kenikmatan”

Beliau menyatakan (Nawawi, 1888):

Berada di dalam syurga kenikmatan yakni berada di tempat yang paling tinggi. Mereka berada di sisi Allah s.w.t. Keadaan mereka samalah seperti orang yang berada di samping raja. Tangan mereka tidak disibukkan dengan apa-apa urusan dan tidak ada suatu perintah pun yang datang kepada mereka. Mereka merasa senang berada di sisi raja dan menikmati kesenangan dengan penuh kesantaian.

e. Menjelaskan penafsiran ayat al-Quran tanpa menyatakan sumbernya.

Oleh kerana metode penafsiran Syeikh Nawawi lebih cenderung kepada metode *ijmali*, iaitu secara ringkas, adakalanya beliau hanya menyatakan beberapa pendapat tanpa mendatangkan sumbernya. Beliau hanya menyatakan “menurut pendapat lain” sahaja. Pada pandangan pengkaji, untuk mengetahui sumber rujukan pendapat-pendapat tersebut, pembaca-pembaca tafsir ini perlu merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang menjadi rujukan kepada pengarang, yang telah dinyatakan di awal kitab beliau. Di antara contohnya ialah ketika menafsirkan ayat 15:

١٥ عَلَى سُرُرٍ مَوْضُوئَةٍ

Maksudnya:

“(Mereka duduk di dalam syurga itu) di atas takhta-takhta kebesaran yang bertatahkan permata”

Beliau menyatakan (Nawawi, 1888):

Yakni terbuat daripada emas dan perak serta dihiasi dengan mutiara dan yakut. Menurut pendapat lain disebutkan bahawa tempat duduknya dibuat daripada emas yang dihamparkan dan kaki-kakinya daripada permata yang berharga.

f. *Menjelaskan persoalan dan keraguan yang mungkin timbul.*

Seperti mana sebahagian pengarang-pengarang kitab yang mendatangkan jawapan kepada soalan-soalan yang berkemungkinan timbul dalam pemikiran pembaca-pembaca, di dalam kitab tafsir ini, Syeikh Nawawi juga adakalanya menjelaskan jawapan kepada persoalan dan keraguan yang mungkin timbul. Contohnya ketika menafsirkan ayat 14, beliau menyatakan:

Segolongan besar dari orang-orang yang terdahulu dan segolongan kecil dari orang-orang yang terakhir yakni orang-orang yang paling dahulu beriman kepada para nabi secara terang-terangan dan digabungkan bersama dengan para nabi. Jumlah mereka sebahagian besarnya dari kalangan umat yang terdahulu, mulai dari masa Nabi Adam sampai kepada Nabi kita Muhammad s.a.w.

Selain itu, segolongan kecil daripada umat ini. Yakni sesungguhnya orang-orang yang mengalami masa para nabi dan membenarkan mereka dari kalangan umat-umat terdahulu, jumlahnya lebih banyak dari orang-orang yang melihat Nabi s.a.w. dan beriman kepadanya. Ayat ini tidak bertentangan dengan nas yang menyebutkan bahawa keberadaan umat Muhammad itu adalah dua pertiga penduduk syurga. Walaupun di akhir penafsiran ayat ini beliau menjelaskan persoalan yang mungkin timbul, namun beliau tidak memperincikan penjelasan tersebut.

Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan bahawa Syeikh Nawawi al-Banten merupakan seorang tokoh mufasir Nusantara yang alim dan menguasai pelbagai bidang ilmu. Apakah lagi sebagai seorang yang bukan Arab, beliau membuktikan kemampuannya menafsirkan al-Quran dalam bahasa Arab. Oleh kerana kecemerlangannya dalam penulisan tafsir *Marah Labib*, beliau telah mendapat gelaran *Sayyid Ulama al-Hijaz* dan mendapat pengakuan dari Universiti Al-Azhar, Mesir. Di dalam penulisan tafsir ini, beliau telah menggunakan metode pentafsiran *tahlili-ijmali* dengan menggabung jalankan bentuk *al-Tafsir bi al-Ma'thur* dan *al-Tafsir bi al-Ra'y al-Mahmud*. Walaupun penafsiran yang dilakukan oleh beliau adalah ringkas dan padat, ia amat membantu orang-orang yang ingin memahami isi kandungan al-Quran secara segera dan cepat. Penafsiran beliau terhadap ayat-ayat *al-wa'du* dan *al-wa'id* amat menarik, ringkas, terang dan jelas.

Di samping itu sumbangan beliau dalam disiplin-disiplin ilmu Islam yang lain juga tidak dapat dinafikan. Sebagaimana dinyatakan di atas, karya-karya beliau dalam pelbagai bidang ilmu Islam tersebut membuktikan keluasan ilmu beliau dan kealimannya dalam bidang-bidang tersebut. Jasa beliau terhadap dakwah dan perkembangan Islam perlu dihargai dan dikenang sepanjang zaman.

Rujukan

- Abd Rauf Hassan, Abdul Halim Salleh & Khairul Amin Mohd Zain. 2005. *Kamus (Bahasa Melayu – Bahasa Arab Bahasa Arab – Bahasa Melayu)*. Selangor: Oxford Fajar.
Ahmad Mokhtar Umar. 2003. *Al-Mu'jam al-'Araby al-Asasi*. Tunisia: al-Munazzomah al-'Arabiyyah lil al-Tarbiyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum.

- Ahmad Mustafa al-Maraghiy. 2001. *Tafsir al-Maraghiy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zainal Abidin & Thoriqul Aziz. 2023. Khazanah Tafsir Nusantara: Para Tokoh dan Karya-karyanya. Yogyakarta: IRCiSoD.
- Amirul Ulum. 2021. *Syaikh Nawawi al-Bantani: Penghulu Ulama di Negeri Hijaz*. Yogyakarta: CV Global Press
- Ar-Raghib Al-Asfahani. (2017). *Al-Mufradaat fi Gharib al-Quran*. J3. Jawa Barat: Pustaka Khazanah Fawa'id.
- Aan Parhani. 2013. *Metode Penafsiran Syekh Nawawi Al-Bantani Dalam Tafsir Marah Labid*. Tafsere. Vol. 1. No. 1.
- Manna' al-Qathan. (1998). *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Beirut: Muassah al-Risalah.
- Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtuby. 1996. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Hussein al-Zahaby. 2003. *al-Tafsir wa al-Mufassirun*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Muhammad Idris b. Abdul Raof al-Marbawi. 1932. *Kamus Idris al-Marbawi*. Mesir: Mustafa al-Baby al-Halaby.
- Muhammad Nawawi. 1888. *al-Tafsir al-Munir li Ma'alimi al-Tanzil (Marah Labib li Kasyfi Ma'ana Quran Majid)*.
- Mustamin M. Arsyad. 2000. *al-Syekh Muhammad Nawawi al-Jawi wa Juhuduhu fi al-Tafsir al-Qur'an al-Karim fi Kitabihi "al-Tafsir al-Munir li Ma'alim al-Tanzil"*. Kaherah: Universiti Al-Azhar, Mesir.
- Mustamin M. Arsyad. 2006. *Signifikansi Tafsir Marah Labid Terhadap Perkembangan Studi Tafsir di Nusantara*. Jurnal Studi Al-Quran. Vol. I. No. 3.
- Mamat S. Burhanuddin. 2006. *Hermeneutika Al-Quran ala Pesantren (Analisis Terhadap Tafsir Marah Labid Karya K.H. Nawawi Banten)*. Cet. I. Yogyakarta: UII Press.
- Noresah bt. Baharom. 2007. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Wahbah al-Zuhaily. 2002. *Tafsir al-Munir Juz 27*. Selangor: Intel Multimedia and Publication.
- Yazid bin Abdul Qadir Jawas. 2006. *Kitab Syarah Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah*. Indonesia: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.

BAB 5

PERUBATAN, PENGUBATAN DAN RAWATAN SPIRITAL ISLAM (RSI): PENGENALAN AWAL

¹Mustafa Kamal bin Amat Misra**, Muhammad Yusuf Marlon bin Abdullah², Ahmad A'to'a bin Mokhtar, ¹Halim bin Mokhtar, Muhammad Faiz Mukmin bin Abd Mutualib¹, Mohd Hakim bin Arshad¹, Mohd Safarudin bin Rahim³, Noor Razaiha Noor Mohama³⁴

¹Pensyarah Jabatan Dakwah Dan Usuluddin, Universiti Islam Selangor

² Pensyarah Kanan Jabatan Dakwah Dan Usuluddin, Universiti Islam Selangor

³Calon Sarjana Dakwah Dan Pembangunan Komuniti, Universiti Islam Selangor

⁴Pengajar Program Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, Sungai Buloh

Pengenalan

Memahami berkenaan rawatan spiritual Islam (RSI) adalah perlu diawali dengan memahami berkenaan perubatan Islam terlebih dahulu. Bahkan sebelum daripada itu, adalah perlu untuk mengetahui dan memahami sejarah dan epitemologi perubatan. Ini kerana, jika diperhatikan dari sudut sejarah perkembangan perubatan Islam, perubatan Islam tidak mempunyai definisi yang khusus. Ini kerana, perubatan Islam dilihat bersifat umum dan hanya meletakkan parameter untuk memastikan ia masih dalam ruang lingkup perubatan Islam iaitu konsep perubatan yang paradigma, mempunyai unsur nilai dan prosedur yang asasnya menepati atau tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah (Omar Hassan Kasule: 1995).

Perubatan Dan Pengubatan Islam: Sorotan Pengenalan Ringkas

Pada kronologi perkembangan sejarah ilmu perubatan, walaupun ia tampaknya terbina daripada pengalaman cendikiawan era pra Islam. Asas Ilmu perubatan lahir daripada kepesatan tamadun ilmu, falsafah dan sains Yunani atau sistem perubatan Hipocrates. Begitu juga tamadun ilmu perubatan dibantu dengan amalan-amalan perubatan daripada tamadun India dan China (Ismail Saad, 1985: 1, Nizaita Omar, 1997: 140).

Kemudian dialog antara tamadun berlaku antara dunia barat dan dunia Islam. Tamadun ilmu perubatan Yunani yang diwarisi oleh tamadun barat kemudiannya secara beransur-ansur diterima oleh tamadun ilmu Islam. Falsafah barat dan khasnya ilmu perubatan tersebut disambut baik oleh intelektual Muslim terkemudian seperti Jabir ibni Hayyan (Abad ke 8-9 masihi), ahli kimia yang menjalankan eksperimen untuk mengenal pasti banyak kimia termasuk asid sulfurik dan *nitric*, Ibni Ishaq al-Kindi (801-873 masihi), ahli sains dan falsafah yang berjasa dalam menterjemahkan karya-karya ilmiah Greek kepada bahasa Arab, Hunayn ibni Ishaq (809-873), ahli perubatan dan juga berjasa dalam menterjemahkan banyak karya-karya ilmiah Greek kepada bahasa Arab. Bahkan sumbangan beliau dalam dunia perubatan dibuktikan dengan penulisan beliau mengenai penyakit mata *10 treaties on the eye* yang dirujuk dalam dunia perubatan barat sehingga abad ke 17 masihi. Seterusnya Abu Bakr Zakariya al-Razi (854-935), lahir di Rayy Iran. Beliau dikenali sebagai ahli sains dan pakar perubatan dan ilmuwan yang mengkaji penyakit cacar dan campak. Keahlian beliau dalam perubatan dibuktikan dengan penulisan karya buku panduan perubatan *al-Hawi* yang mengkritik teori Greek mengenai empat unsur dan kajian Galen berkenaan rawatan menggunakan pendarahan setebal empat jilid. Kemudiannya ilmuwan al-Farabi (870-950) yang dikenali sebagai ahli matematik, falsafah, psikologi dan pendidikan. Seterusnya tamadun perubatan dunia dibantu oleh Ibn Sina

(Avicenna) (980-1037). Beliau lahir di Bukhara, suatu wilayah dalam Uzbekistan kini. Karya beliau yang membantu melengkapkan perkembangan ilmu perubatan seperti *al-Qanun fi al-Tibb* (*Canon of Medicine*) yang menjadi buku teks perubatan di dunia Arab dan Eropah sehingga abad ke 18. Era berikutnya adanya al-Zahrawi (Abulcasis) (936-1013) yang berasal dari Andalusia (Sepanyol), seorang ilmuan perubatan Muslim yang diakui jasanya sebagai pakar pembedahan pada zamannya. Beliau turut meninggalkan khazanah ilmu perubatan menerusi karyanya *al-Tasrif* yang terkandung perbahasan mengenai tanda-tanda penyakit, rawatan, ubatan dan alat-alat pembedahan setebal 30 jilid. Kemudian pada era berikutnya, Ibn al-Haytham (Alhazen) (965-1040) telah berperanan dalam bidang astronomi dan optik. Dunia perubatan optik disinggung dengan kritikan beliau terhadap teori penglihatan Galen iaitu penglihatan berpuncu dari transmisi cahaya dari mata. Beliau dikenalpasti sebagai orang pertama yang menjalankan eksperiman menggunakan kaedah saintifik terutama dalam bidang optik. Kepakaran beliau tersebut disematkan dalam karya beliau *al-Manazir (the Book of Optics)* yang kemudiannya menjadi sumber rujukan ahli sains barat seperti Roger Bacon dan Johannes Kepler selepas diterjemah ke bahasa Latin pada abad ke 12 dan ke 13 masihi. Begitu juga dengan al-Biruni (973-1048) seorang intelektual Muslim yang lebih dikenali sebagai ahli matematik, astronomi dan perubatan. Kemudiannya dunia perubatan sekali lagi menerima sumbangan besar daripada intelektual Muslim iaitu Ibn al-Nafis (1213-1288), seorang yang dikenali sebagai pakar perubatan dan menggalas jawatan ketua pakar perubatan di Hospital di Kaherah, Mesir pada zamannya. Ketokohan beliau diingati kerana beliau dilihat sebagai orang pertama yang menerangkan mengenai sistem pengedaran darah pulmonari (Kamaruzaman Wan Su: 2011).

Boleh simpulkan bahawa perkembangan ilmu perubatan di dunia dimulakan dengan teori falsafah dan sains Yunani dan teori-teori tersebut terus berkembang seiring dengan peradaban dunia. Tidak dangkal untuk mengatakan, ilmu perubatan menerima sumbangan yang besar daripada tamadun dan Falsafah Islam. Dialog antara tamadun ini adalah saling bantu membantu antara dua tamadun tersebut. Ilmu perubatan dimajukan lagi dengan disiplin ajaran Islam dan dibentuk dalam acuan yang sejajar dengan prinsip-prinsip Islam. Ini kerana, kemajuan ilmu perubatan yang dibina sebelum Islam iaitu teori perubatan yang dibentuk oleh intelektual Yunani adalah berasaskan teori penganalisaan dan pengalaman dan ia mulai lumpuh dan melalui fasa tidak berkembang sekitar dua ratus tahun sebelum Hijrah. Ini disebutkan dalam sejarah sebagai fasa kelumpuhan perkembangan ilmu perubatan disebabkan peperangan dan penyakit baru yang menular (Ismail Saad, 1985: 1). Dalam konteks hari ini, kaedah rawatan ini disebut sebagai perubatan moden.

Perubatan moden ini diterima dan dikawal rasmi oleh Negara melalui Kementerian Kesihatan Malaysia. Walaupun pada konsepnya, perubatan moden masih tercakup dalam ciri-ciri perubatan Islam, tetapi timbul polemik dalam penggunaan terma perubatan Islam antara perubatan moden yang menjadi amalan doktor-doktor perubatan di hospital seperti yang dibincangkan di atas dengan perubatan Islam melalui kaedah rawatan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai ikhtiar kepada penyembuhan penyakit jasmani dan Rohani. Justeru, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) telah menetapkan terma khusus bagi rawatan jenis yang kedua ini dengan nama pengubatan Islam. Justeru, bagi memudahkan kajian dan pembacaan, pengkaji menggunakan istilah perubatan moden bagi merujuk jenis rawatan di hospital pengubatan Islam bagi merujuk kepada rawatan dengan menggunakan ayat al-Quran dan doa bagi ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan Rohani.

Pemerhatian terhadap perubatan moden pada sudut sejarah dan orientasinya memang masih tercakup dalam lingkungan perubatan Islam. Ini kerana fungsi asasnya adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia iaitu menjaga nyawa seperti mana rukun-rukun dalam *maqasid al-syariah*. Penjagaan nyawa sebagai salah satu objektif perundangan Islam dan ia mempunyai

hubungan rapat dengan sains perubatan. Sains perubatan yang berteraskan elemen *maqasid al-syariah* iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta dapat menjadi panduan penjagaan kesihatan masyarakat dan seterusnya membantu masyarakat melaksanakan ibadah dan komitmen kehidupan beragama. Ini bertepatan dengan elemen menjaga agama. Lebih awal daripada itu, penjagaan tubuh badan memestikan masyarakat mengamalkan budaya hidup sihat dan ini di bertepatan dengan elemen menjaga akal. Akal yang sihat memandu masyarakat membuat pilihan yang bijak untuk kelangsungan generasi mereka. Ini pula bertepatan dengan elemen menjaga keturunan. Kesempurnaan hak yang ditumpukan pada elemen-elemen tersebut pula akan membantu kesempuraan pada elemen terakhir iaitu memelihara harta. Ini kerana ketirisan pada pelaksaaan elemen-elemen di atas seperti tidak sempurna dalam menjaga agama, nyawa, akal dan keturunan akan memaksa masyarakat menggantikan kekurangan hidup dengan harta.

Dalam konteks pengubatan Islam pula, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia mendefinisikannya sebagai satu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan rohani oleh seorang Islam yang mahir dalam kaedah rawatan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran, atau doa yang bersumber dari hadis, atau amalan salaf al-soleh, ulama muktabar atau kesemuanya sekali, atau menggunakan kaedah-kaedah atau bahan-bahan yang dibenarkan syarak. Di Malaysia, amalan pengubatan Islam didaftarkan sebagai salah satu cabang perubatan tradisional dan komplementari di bawah Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775). Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775) ini mendefinisikan amalan perubatan tradisional dan komplementari sebagai suatu bentuk amalan yang berkaitan dengan kesihatan bertujuan untuk mencegah, merawat atau mengurus penyakit atau sakit atau memelihara kesejahteraan fizikal dan mental individu.

Dalam konteks perkembangan perubatan tradisional ini pula, ia dilihat sebagai kaedah ikhtiar asas oleh setiap individu dan masyarakat ketika ditular dengan penyakit-penyakit. Bahkan dalam konteks masyarakat Arab itu sendiri, boleh dikatakan asas perubatan mereka ialah mempercayai bahawa punca penyakit disebabkan semangat ruh-ruh yang jahat. Mereka sering mendapatkan rawatan daripada tukang-tukang tilik, ahli nujum dan tukang-tukang sihir. Disamping itu, mereka juga menggunakan jampi serapah dan tangkal-tangkal untuk merawat penyakit (Ahmad Taha, 1992). Budaya merujuk kepada tukang-tukang sihir dan menggunakan jampi serapah ini menjadi amalan bagi setiap masyarakat tanpa merujuk pada mana-mana kaum dan agama. Namun bagi umat Islam, kaedah perubatan dan rawatan seperti ini tidak terus dinafikan. Ia diintegrasikan dengan ayat-ayat al-Quran, doa-doa dan pengalaman-pengalaman perawat yang dilihat tidak bercanggah dengan akidah, syariah dan akhlak Islam dan dinamakan dengan terma pengubatan Islam. Malahan, berdasarkan justifikasi kuat seperti membantu perubatan moden dalam proses pemulihan penyakit rohani, pengubatan Islam ini dikaji dengan lebih khusus yang dikenali dengan terma rawatan spiritual Islam (RSI).

Pengubatan Islam

Dalam konteks agama Islam, segala persoalan daripada penganutnya mesti dipandu dengan al-Quran dan Sunnah. Dari dua sumber tersebut berkembang ilmu-ilmu yang lain seperti tafsiran, pengalaman dan ijtihad pada sahabat Baginda SAW terhadap al-Quran dan al-Sunnah tersebut yang kemudiannya menjadi ijmak dan qiyas.

Al-Quran merakamkan kisah para nabi dan umat mereka dengan ujian yang ditempuhi. Seperti pada zaman Babylon iaitu malaikat Harut dan Marut, Nabi Luth AS, umat Baginda menghidapi penyakit hubungan sejenis yang begitu berleluasa. Pada zaman Nabi Musa AS pula, mereka diuji dengan penyakit yang disebabkan oleh sihir. Bahkan peranan ahli sihir boleh dilihat dalam banyak sejarah kehidupan nabi-nabi dengan watak yang negatif. Begitu juga pada zaman

Baginda Nabi SAW. Zaman tersebut turut menyaksikan peranan golongan *kahin* dan ahli-ahli sihir sebagai pihak yang dirujuk dalam permasalahan kesihatan dan keselamatan. Lantaran itu sejarah memperlihatkan Baginda SAW

memerangi kegiatan *kahin* dan ahli-ahli sihir yang banyak mendarangkan kerosakan walaupun Baginda SAW turut dianggap sebagai *kahin* yang menggunakan khidmat jin oleh masyarakat Jahiliyyah. Namun tanggapan mereka tersebut dicantas oleh Allah seperti yang dirakamkan dalam surah al-Thur, ayat 29 yang bermaksud:

Maka peringatkanlah kepada mereka dengan sebab nikmat iman yang diberikan kepada engkau oleh Tuhanmu, maka bukanlah engkau seorang dukun, bomoh dan bukan juga seorang yang gila kerana terasuk jin.

Menurut Jahid (2022), sebahagian riwayat mengenai perubatan Baginda Nabi SAW telah dikumpul dan dibukukan oleh sarjana Islam seperti Abu Nuaim (w. 430H/1038M) Ibn Qaiyyim al-Jawziyah (w. 751H/1350M) dan Imam al-Suyuti (w. 911H/1505M). Ketiga-tiga sarjana tersebut menggunakan nama *al-Tibb al-Nabawi* sebagai judul karya mereka. Karya-karya tersebut menjadi panduan kepada ulama Islam terkemudian untuk telusuri kajian mengenai pengubatan seperti yang dilakukan dan dicadangkan oleh Baginda SAW.

Dalam konteks di Malaysia, aktiviti pengubatan Islam dijalankan dengan aktif dan sentiasa mendapat permintaan daripada masyarakat yang memerlukan. Terdapat pusat-pusat rawatan yang mempunyai kepakaran dan menjalankan pengubatan Islam bahkan mempunyai perakuan daripada badan berautoriti agama setempat yang disebut Jabatan Agama Islam Negeri. Antara pusat rawatan tersebut seperti Pusat Rawatan Islam Darul Uloom al-Mustafa, Pusat Rawatan Islam MANARAH dan Pusat Terapi Islam al-Fatah.

Menurut Mohd Syukri (2020: 320), pengubatan Islam dilihat sebagai satu kaedah untuk memelihara kesihatan yang tidak sekadar aspek fizikal semata-mata, malahan juga merangkumi elemen spiritual. Seperti contoh, dalam menjaga kesihatan fizikal, kaedah rawatan yang digunakan dengan merawat cedera akibat luka, tulang patah, barah dan sebagainya. Manakala, bagi kesihatan spiritual pula, cara merawat adalah dengan meningkatkan kekuatan dalam diri seseorang melalui pengamalan zikir, memperbanyak selawat, termasuk juga mengambil pemakanan yang halal lagi baik dan gangguan makhluk halus.

Justeru boleh difahami bahawa pengubatan Islam adalah sebahagian daripada konsep perubatan Islam. Ia seperti mengambil tugas perubatan moden namun atas dasar kewujudannya seiring dengan sumber rujukan Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah, ia masih dijalankan dan tidak kurang juga permintaan daripada masyarakat Muslim sejak sekian lamanya. Namun, terdapat masalah pesakit yang kebiasaannya akan dirujuk untuk digunakan kaedah rawatan pengubatan Islam iaitu masalah yang melibatkan gangguan makhluk halus dan juga emosi. Lebih lanjut lagi, ilmuan yang terlibat dengan pengubatan Islam dewasa ini acap kali menggunakan nama baru bagi menggambarkan kaedah rawatan yang melibatkan masalah emosi tersebut iaitu rawatan spiritual Islam.

Rawatan Spiritual Islam

Spiritual berasal daripada perkataan Latin iaitu *spiritus* yang memberi maksud *breath*. Ia juga disebut dengan istilah *pneumos* dalam bahasa Greek yang membawa maksud semangat dalaman atau roh, nafas, jiwa dan emosi (Benor, 2007, ms. 75). (Dowling E.M (2006: 442) menjelaskan, maksud semangat atau roh adalah unsur pada spiritual dan ia terkandung dalam hubungan agama dan kepercayaan yang menghubungkan antara manusia dengan Tuhan (Dowling E.M, 2006, ms. 442). Dalam konteks rawatan spiritual, Benor (2007: 74) menyatakan, spiritual tersebut menjadi prinsip asas rawatan dalaman manusia. Bagi Said Hawwa (2010: 25) pula, rawatan spiritual secara literalnya bermaksud ketataan dan kemulian. Justeru rawatan spiritual ini boleh disimpulkan sebagai suatu rawatan terhadap rohani yang meletakkan tahap

kepercayaan yang tinggi kepada Tuhan. Definisi yang pengkaji cuba simpulkan di sini seperti mempunyai kemiripan makna dengan definisi yang diberikan oleh Haron Din (2012: 10) dan Burnard (1988: 371) iaitu rawatan spiritual merupakan kepercayaan kepada kuasa tertinggi atau Tuhan yang diharapkan untuk memberikan kesembuhan penyakit dan pelbagai pemasalahan. Oleh yang demikian, pengkaji simpulkan rawatan spiritual Islam adalah kaedah rawatan yang digunakan berdasarkan kepercayaan agama untuk merawat penyakit yang ada kaitan dengan fizikal, mental dan dalaman manusia.

Beberapa Contoh Teori Rawatan Spiritual Islam (RSI) Dalam Al-Quran Dan Hadis

Antara tuntutan terhadap seseorang Muslim adalah tahap keyakinan yang tinggi mengenai apa yang dikhabarkan dalam al-Quran dan hadis. Lebih-lebih lagi dalam konteks ikhtiar terhadap pengubatan dan rawatan penyakit, ia memerlukan keyakinan sepenuh hati di samping panduan yang benar terhadap tafsiran daripada pengkhabaran al-Quran dan hadis tersebut oleh para ilmuan. Ini seperti yang direkodkan Imam Al-Bukhari dalam *Sahihnya* pada Hadis no. 5678 yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

Dari Nabi S.A.W. bahawa Baginda bersabda: Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar.”

- a). Pertamanya, teori RSI boleh diaplikasikan menerusi *ruqyah* iaitu jampi dan doa yang berasaskan ayat-ayat al-Quran, hadis dan doa yang disusun berdasarkan pengalaman dan amalan para ulama. Jampi – jampi yang telah disusun ini kebiasaanya dinamakan sebagai ayat-ayat *ruqyah* oleh perawat RSI. Bacaan ayat-ayat *ruqyah* ini pula dibacakan dengan kaedah-kaedah yang menepati syarak dan dilantunkan berdasarkan pengalaman perawat selepas proses diagnos atau menemuduga pesakit untuk mengetahui sejarah penyakit yang dihidapi. Teori bacaan ayat *ruqyah* ini dirujuk seperti pada ayat 82 Surah al-Isra:

maksudnya:

Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran Ayat-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian juga.

Keharusan memilih rawatan dengan ayat *ruqyah* ini juga boleh difahami daripada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Abu Said al-Khudri RA yang bermaksud:

Terdapat beberapa orang daripada kalangan sahabat Rasulullah S.A.W sedang berada dalam perjalanan. Mereka sampai di salah sebuah kampung Arab dan mereka memohon untuk menjadi tetamu kepada penduduk kampung tersebut. Namun penduduk kampung itu tidak mahu menerima mereka. Penduduk kampung itu bertanya: “Adakah ada antara kamu yang boleh menjampi? Sesungguhnya ketua kampung kami terkena sengat serangan berbisa.” Salah seorang dari para sahabat menjawab: “Ya, ada.” Lalu beliau menemui ketua kampung tersebut dan menjampinya dengan surah alFatihah. Kemudian ketua kampung tersebut sembuh, maka sahabat tersebut diberi beberapa ekor kambing. Beliau tidak mahu menerimanya dan berkata: “Aku tidak akan menerimnya sehingga aku menyampaikannya kepada Nabi S.A.W.” Beliau pun pulang menemui Nabi S.A.W dan menyatakan pengalaman tersebut. Beliau berkata: “Ya Rasulullah! Demi Allah, aku hanya menjampi dengan surah al-Fatihah” Nabi S.A.W tersenyum dan bersabda: “Apakah engkau tidak tahu bahawa al-Fatihah itu memang merupakan jampi?” Kemudian Baginda bersabda lagi:

“Ambillah pemberian daripada mereka dan pastikan aku mendapatkan bahagian bersama kamu.”.

b). Keduanya adalah dengan kaedah mandian.

Mandi merupakan salah satu kaedah rawatan yang biasa digunakan dalam perubatan tradisional. Begitu juga ia tidak dikesampingkan dalam pengubatan Islam dan ia dijadikan sebagai salah satu kaedah RSI. Ini kerana, mandi dilihat sebagai satu kaedah yang berkesan untuk merawat penyakit. Ini dapat dilihat melalui beberapa dalil dari Al-Quran, hadis dan juga amalan para ulama.

Maksudnya:

(Maka Kami kabulkan permohonannya serta Kami perintahkan kepadanya): “Hentakkan (bumi) dengan kakimu.” (Setelah ia melakukannya maka terpancarlah air, lalu Kami berfirman kepadanya): “Ini ialah air sejuk untuk mandi dan untuk minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin)”.

Begitu juga hadis riwayat Imam Bukhari (Hadis no. 5391) dari Ibnu Umar bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

Demam adalah daripada percikan api neraka. Oleh itu, padamkan ia dengan air.

c) Ketiganya adalah rawatan Bekam.

Dalam konteks di Malaysia, rawatan ini diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Amalan Perubatan Tradisional & Komplementari (APTK) (KKM, 2013: 1). APTK mendefinisikannya sebagai amalan tradisional yang diamalkan dalam pelbagai budaya di seluruh dunia, kaedah rawatan yang menggunakan cawan yang telah dikeluarkan udaranya untuk menghasilkan ruang udara bertekanan rendah (menghasilkan sedutan atau ruang separa vakum), dan diletakkan di atas permukaan kulit (KKM, 2013: 1, Jahid, 2022: 47).

Dalam konteks pengubatan Islam, bekam juga rawatan yang masyhur dan dianjurkan Baginda SAW. Imam al-Bukhari meriwayatkan hadis dari Anas bin Malik (hadis no. 1960) bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksudnya:

Abu Thaibah membekam Rasulullah SAW lalu Baginda SAW membayarnya dengan satu sha' kurma dan Baginda SAW mengarahkan keluarganya untuk meringankan pajaknya.

Imam Muslim meriwayatkan hadis dari Abdullah bin Abbas (hadis no. 2955) bahawa Nabi SAW bersabda:

Nabi SAW pernah berbekam oleh seorang hamba kepunyaan Bani Bayadhah. Maka Nabi SAW memberinya upah dan Nabi SAW bercakap dengan tuannya agar meringankan tugasnya”. Jika berbekam ini adalah haram, tentu Nabi SAW tidak memberikannya upah.

Imam Ahmad meriwayatkan hadis dari Abdullah bin Abbas (hadis no. 1987) bahawa Nabi SAW bersabda:

Nabi SAW pernah berbekam di lehernya dan juga di antara dua bahunya.

Kesimpulan

Bidang perubatan adalah antara bidang terpenting dalam kehidupan manusia. Bahkan setiap tamadun masing-masing juga menawarkan teori dan praktikal perubatan mereka kepada sejarah tamadun manusia. Namun dalam konteks Islam, kesyumulannya dilihat juga kepada sumbangannya kepada teori dan praktikal perubatan kepada tamadun dunia. Bahkan Islam melihat penyakit dari dua posisi iaitu posisi fizikal dan posisi Rohani. Ini kerana agama ini turut membawa rahmat kesihatan kepada manusia dunia akhirat. Islam bukan sahaja menyelamatkan manusia dari penyakit. Justeru itu, perlu difahami perubatan ini dengan pendefinisan yang khusus iaitu perubatan Islam, pengubatan Islam dan rawatan spiritual Islam.

Rujukan

- Benor J.D (2007). Researcher Higher and Deeper workbook for healing researcher volume 3: Personal spirituality. USA: Wholistic Healing Publication, 74
- Burnard, P. (1988). Discussing spiritual Issues with Client. Health Visitor 61(December). pp. 371-372
- Dowling, E.M. and Scarlett W.G (2006). Spirituality, contemporary approaches to defining. In Elizabeth M. Dowling, W. GeorgeScarlett (Eds.), Encyclopedia of religious and spiritual development (pp. 442). Carlifornia: Sage Publications Inc
- Haron Din (2012). Pengantar Pengubatan Islam, Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darul syifa
- Ismail Saad. 1985M. Pengenalan Tamadun Islam Dalam Ilmu Perubatan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan.
- Prof. Dato' Dr. Kamaruzaman Wan Su. Kertas Kerja dibentangkan di Konvensyen Hospital Mesra Ibadah kali ke 3, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kota Bahru, Kelantan, 16-17 Oktober 2011 oleh, Dekan Kulliyyah Kejururawatan, Universiti Islam Antara Bangsa Malaysia, Kuantan Pahang.
- Koenig, H.G (2008). Religion, Spirituality, and Health: Understanding the Mechanisms. In Verna Benner Carson and Koenig H. G (Eds.). Spiritual dimensions of nursing practice (pp.34). USA:Templeton Foundation Press.
- Medical Dictionary for the Health Professions and Nursing (2012). Diambil pada 13 Januari 2016 daripada <http://medical-dictionary. The freedictionary.com/ therapeutic>.
- Nizaita Omar. 2006. Perkembangan Ilmu Perubatan: Sebelum dan Selepas Kedatangan Islam. MALIM Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara Bil. 7. pp. 139-150. ISSN 1511-8393
- Omar Hasan Kasule. 1995. Islamic Medicine: Concept & Misunderstandings. Paper Presented at The Annual Seminar of The Islamic Medical Association of Malaysia Held on July 9, 1995 in Kuala Lumpur.
- Said Hawwa (2010). Pendidikan Spiritual, (ter) Siddiq Fadzil, Kuala Lumpur; Mutiara ilmu
- Swinton, J. (2010). The meanings of spirituality: a multi-perspective approach to 'the spiritual'. In Wilfred McSherry and Linda Ross (Eds.). Spiritual Assessment in Healthcare Practice (17-20). England: M&K Publishing

BAB 6

CABARAN DAKWAH JAPAN DA'WAH CENTRE (JDC) TERHADAP MASYARAKAT JEPUN DI OSAKA

Noor Hafizah bt Mohd Haridi¹, Nurul Shuhadah Binti Md Yahya², Norsaleha binti Salleh¹, Khairul Hamimah Binti Mohammad Jodi³

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

² Pelajar Sarjana UKM

³ Universiti Terbuka Malaysia

Pendahuluan

Jepun merupakan sebuah negara yang populasi penduduknya adalah sekitar 126 juta orang yang terdiri daripada pelbagai agama dan majoriti penduduknya adalah beragama budha serta beberapa agama lain seperti Shinto, Confucian, Taoisme dan Kristian (Suhailiza, 2020). Jika dibandingkan dengan negara-negara Timur Jauh, hubungan antara Islam dengan Jepun mempunyai sejarah yang amat singkat sekitar 130 tahun yang lalu. Hal ini terjadi, adalah disebabkan peristiwa sebelum Pemulihian Meiji iaitu pada zaman pemerintahan Tokugawa, Jepun telah membuat pengasingan diri selama lebih kurang 200 tahun yang menyebabkan hubungan antara Islam dan Jepun tiada langsung (Arifin Bey, 1990).

Setelah pemerintahan Tokugawa berakhir iaitu pada tahun 1867, Jepun telah membuka dirinya dan mula berinteraksi dengan negara-negara lain. Sejak dari itu, Jepun mula menyerap berbagai ilmu pengetahuan Barat, dan melalui keterbukaan ini, Islam dapat berinteraksi dengan Jepun. Islam mula mendapat tempat di kalangan intelektual Jepun pada tahun 1877, di mana telah terdapat buku-buku terjemahan tentang sejarah kehidupan Nabi Muhammad SAW di dalam bahasa Jepun. Sehingga pada tahun 1890, hubungan antara Islam dan Jepun lebih jelas kesannya apabila Kerajaan Turki Uthmaniah telah mengirimkan kapal perang “Ertughrul” ke Jepun untuk melakukan hubungan diplomatik dengan negara tersebut (Abu Bakr, 1980).

Di samping itu, Islam juga dikatakan hadir di Jepun ketika era Perang Dunia Pertama, yang mana komuniti Muslim di Asia Tengah telah datang ke Jepun untuk mendapat perlindungan dari pemerintah Jepun. Hasil usaha dan kerjasama antara minoriti Muslim dan dermawan Muslim yang ada mereka telah berjaya mendirikan Masjid Kobe pada tahun 1935 seterusnya Masjid Tokyo pula telah dibina pada tahun 1938. Namun, pada waktu ini Islam masih belum diamalkan sepenuhnya di Jepun. Sehingga pada tahun 1946, Jepun telah membubarkan undang-undang dengan memberikan kebebasan beragama kepada warga Jepun. Sejak dari itu, telah terdapat organisasi-organisasi Islam yang ditubuhkan di Jepun yang berusaha untuk menyebarkan Islam di Jepun (Arifin Bey, 1990). Walaupun terdapat peningkatan jumlah penduduk Muslim di Jepun, namun ia tetap menjadikan Muslim di sana merupakan golongan minoriti. Perkara ini dapat dilihat menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Prof. Hirofumi Tanada dari Waseda University, beliau menganggarkan bahawa hanya sekitar 120 000 orang Muslim sahaja di Jepun jika dibandingkan dengan penduduknya yang berjumlah hampir 126 juta orang. Perkara ini terjadi, adalah disebabkan oleh faktor sejarah serta 80 % daripada penduduk Jepun adalah beragama Budha, Shinto dan sebagainya (Abdul Irsan, 2017). Oleh yang demikian, sehingga sekarang masih tidak ada sekolah khusus untuk Muslim di Jepun, serta terbatasnya masjid-masjid dan juga kedai-kedai makanan yang halal yang turut menjadi masalah perkembangan Islam di Jepun (Tanada, 2017).

Pada abad ke 20, terbukti perkembangan Islam di Jepun dengan tertubuhnya organisasi-organisasi Islam seperti Japan Muslim Association, International Islamic Centre, Japan

Islamic Congress dan sebagainya (C.J. Bleeker, 1985). Selain itu juga, di Osaka terdapat pusat dakwah Islam iaitu Japan Da'wah Centre (JDC) yang turut membuka peluang kepada warga Jepun sama ada yang belum atau yang telah memeluk Islam untuk mengenal dan mempelajari Islam dengan lebih mendalam. Walaupun telah terdapat beberapa pusat dakwah yang ditubuhkan namun, masih kurang pendakwah yang mampu berdakwah dengan bahasa Jepun sepenuhnya. Ini kerana kebanyakan mereka yang Muslim di Jepun adalah berasal dari negara Indonesia, Bangladesh dan lain-lain (Mariam Majid, 2020). Oleh itu, kajian ini ingin berfokus kepada latar belakang Japan Da'wah Centre (JDC) sebagai pusat dakwah Islam pertama yang menggunakan bahasa Jepun.

Dalam melaksanakan usaha berdakwah sudah pasti terdapat cabarannya tersendiri. Menurut Asmadi (2020), antara cabaran dalam berdakwah boleh dibahagikan kepada beberapa tema seperti lokasi, bahasa, sifat tidak baik yang ditunjukkan masyarakat Islam, keuangan pendakwah dan sebagainya. Oleh kerana, kebanyakan penduduk Jepun 80 % daripadanya adalah beragama budha yang tidak percaya langsung akan kewujudan Tuhan, maka sememangnya ia merupakan satu cabaran bagi pendakwah-pendakwah di sana untuk menyampaikan dakwah kepada mereka. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji ingin memfokus kepada cabaran yang dihadapi Japan Da'wah Centre (JDC) ketika berdakwah dengan masyarakat di Osaka, Jepun.

Japan Da'wah Centre (JDC) merupakan pusat dakwah pertama yang ditubuhkan di Jepun untuk berdakwah kepada warga Jepun yang berminat kepada Islam serta membimbing 4 revert Muslim dalam menyesuaikan diri dengan Islam dengan menggunakan bahasa Jepun. Jika dilihat dari pandangan mata kasar, Usaha untuk menyebarkan dakwah di Jepun memerlukan metodologi yang berbeza dengan metode dakwah yang biasa digunakan di negara-negara yang majoritinya adalah penganut beragama Islam. Ini kerana, informasi mengenai Islam di sana hampir tiada oleh kerana jumlah penduduk Islam-nya terlalu sedikit. Oleh itu artikel ini akan membincangkan berkaitan strategi atau metodologi dakwah yang digunakan oleh JDC dalam menyebarkan dakwah terhadap masyarakat di Osaka, Jepun.

Latar Belakang Japan Da'wah Centre (JDC)

Japan Da'wah Centre (JDC) merupakan pusat dakwah Islam yang pertama di Jepun yang berusaha memberikan peluang kepada warga Bumi Matahari Terbit untuk mengenal Islam dengan lebih dekat. Fokus utama JDC adalah untuk memberikan serta menerangkan informasi Islam kepada warga Jepun. Ini kerana, Islam masih belum berkembang sepenuhnya di Jepun malah informasi tentang Islam juga hampir tiada di sana. Kebanyakan muslim di Jepun adalah berasal dari warga luar seperti Indonesia, Bangladesh, Pakistan dan sebagainya. Dapatkan dalam subtopik ini adalah diperolehi melalui temubual yang dijalankan bersama Tuan Zulkarnain Hasan Basri.

Penubuhan Japan Da'wah Centre (JDC) mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Ini kerana pada tahun 2008 iaitu pada kali kedua Tuan Zulkarnain datang ke Jepun, beliau mendapati tiada kelas-kelas agama untuk anak-anaknya, lalu Tuan Zulkarnain mengambil peranan untuk mengajarkan tentang agama kepada anak-anak mereka sendiri. Setelah meningkat dewasa, Tuan Zulkarnain telah mendapati bahawa pengaruh rakan-rakan menjadi semakin besar terhadap persekitaran anak-anak dan sekiranya perkara ini dibiarkan ia boleh menyebabkan anak-anak mereka tidak dapat mengamalkan ajaran Islam dengan betul serta iman mereka juga akan hilang. Seterusnya dikhuatiri bagi generasi kedua dan ketiga mereka akan menjadi warga Jepun sepenuhnya.

Jadi, bermula dari situlah Tuan Zulkarnain telah mengambil pendekatan untuk memulakan usaha berdakwah kepada warga Jepun. Yang mana, beliau merasakan perlunya untuk mengubah masyarakat Jepun bagi mengembangkan Islam di sana supaya lebih ramai Muslim

di Jepun dilahirkan serta mereka juga tidak merasa malu untuk hidup sebagai Muslim di Jepun. Ini kerana, seperti yang pernah diberitahu dalam bab sebelum ini, penduduk Muslim di Jepun hanyalah lebih kurang 0.03 % iaitu sekitar 250 000 orang sahaja jika dibandingkan dengan rakyat Jepun yang berjumlah sekitar 126 juta orang. Pada awal permulaan dakwah yang disampaikan oleh Tuan Zulkarnain, beliau pergi ke gereja-gereja yang berhampiran dengan rumahnya. Pada waktu itu, Tuan Zulkarnain cuba menggunakan kaedah yang digunakan oleh pendakwah-pendakwah Kristian iaitu mereka menggunakan kaedah melakukan hubungan dengan warga Jepun seperti berkawan, makan dan minum bersama-sama warga Jepun dan berkomunikasi dengan warga Jepun. Namun dakwah yang disampaikan oleh Tuan Zulkarnain tidak diterima oleh warga Jepun. Ini terjadi kerana kebanyakan warga Jepun ataupun mereka yang beragama Kristian ini mempercayai kepercayaan berasaskan nafsu yang mana mereka tidak menggunakan logik akal dalam beragama.

Oleh sebab itu, apabila Tuan Zulkarnain cuba menyampaikan Islam kepada mereka dengan menggunakan logik akal, mereka menolak dan memberontak. Hal ini kerana, mereka secara asalnya hanya berfikir dan mempercayai sesuatu berdasarkan nafsu semata-mata. Setelah itu, Tuan Zulkarnain meneruskan lagi usaha dakwahnya dengan mengubah lokasi sasaran dakwah melalui pencarian masjid-masjid untuk berdakwah, dan akhirnya Tuan Zulkarnain telah mula berdakwah di Masjid Kobe. Di Masjid Kobe terdapat golongan warga Jepun yang mahu mendengar tentang Islam. Tuan Zulkarnain telah berdakwah dengan mereka dengan menggunakan logik akal, serta menerangkan kepada mereka hukum hakam seperti mengapa Islam memerlukan sistem syariah, hukum-hukum berkaitan halal dan haram dan sebagainya.

Setelah dua hingga tiga tahun sejak Tuan Zulkarnain mula berdakwah, beliau mendapati masih tiada warga Jepun yang memeluk Islam. Hal ini kerana, beliau merasakan kerja dakwah yang disampaikan itu masih belum mantap pada permulaannya. Sehinggalah Tuan Zulkarnain dipertemukan dengan beberapa orang guru antaranya Ustaz Abdullah Bukhari dan Norman Ali Khan. Sejak dari itu, Tuan Zulkarnain mula untuk belajar mentadabbur al-Quran dan mendalami sebanyak mungkin ilmu-ilmu berkaitan tadabbur al-Quran melalui kelas-kelas di atas talian dan sebagainya. Maka, setelah itu juga Tuan Zulkarnain telah mengubah metode dakwahnya dengan berdakwah menggunakan kaedah mentadabbur al-Quran. Yang mana beliau telah memperkenalkan Islam kepada warga Jepun melalui al-Quran iaitu mentadabbur ayat-ayat al-Quran kepada mereka.

Akhirnya, pada tahun ke empat dan lima Tuan Zulkarnain berdakwah menggunakan metode mentadabbur al-Quran, beliau telah berjaya mengislamkan beberapa orang warga Jepun. Yang mana, dianggarkan setahun dalam sekitar 20 orang warga Jepun yang telah memeluk Islam. Namun, pada tahun 2008, berlaku perubahan organisasi di Masjid Kobe yang mana pengurus baharu masjid tersebut telah menghalang Tuan Zulkarnain untuk berdakwah di sana. Oleh itu, Tuan Zulkarnain terpaksa memikirkan cara yang lain untuk menyambung usahanya untuk berdakwah kepada warga Jepun. Sehinggalah beliau akhirnya telah berjumpa dengan Dr. Haizul dari Yayasan Dana Muslim Kebajikan Malaysia (YDMKM).

Seterusnya, Tuan Zulkarnain telah diberikan tawaran untuk berhenti bekerja dan menjadi pendakwah sepenuh masa. Tuan Zulkarnain telah diberi mandat untuk mencari dan membeli sebuah bangunan untuk dijadikan sebagai pusat dakwah Japan Da'wah Centre (JDC). Pada bulan Ramadhan tahun 2019, Ustaz Abdullah Bukhari bersama Dato Dr. Basit telah menjalankan gerakan besar-besaran untuk mengutip dana bagi membina pusat dakwah JapanDa'wah Centre (JDC) Maka, dengan kerjasama Yayasan Dana Muslim Kebajikan Malaysia (YDMKM), Japan Da'wah Centre (JDC) telah tertubuh di bawah Nipon Muslim Corporation dengan misi untuk berdakwah kepada warga Jepun.

Japan Da'wah Centre (JDC) terletak di Osaka iaitu berhampiran dengan Kansai International Airport. Tuan Zulkarnain telah memilih bangunan lima tingkat untuk dijadikan sebagai pusat dakwah tersebut. Yang mana tingkat pertama dijadikan restoran, tingkat kedua untuk Halal

Mart, tingkat ketiga pula dijadikan surau, tingkat keempat dijadikan dewan untuk berdakwah dan melakukan aktiviti dakwah manakala tingkat kelima dijadikan pejabat. Bangunan yang dipilih ini telah diubahsuai menggunakan reka bentuk Wafu iaitu rekabentuk tradisional Jepun. Ini kerana, Tuan Zulkarnain ingin menunjukkan bahawa Islam juga dapat diamalkan di Jepun dan warga Jepun juga boleh mengamalkan Islam. Selain itu, JDC juga hanya menggunakan dua bahasa iaitu bahasa melayu dan bahasa Jepun. Hal ini demikian adalah untuk mengelakkan berlakunya salah faham terhadap dakwah Islam yang disampaikan dan tidak ingin membuka ruang kepada perbezaan pendapat dan lain-lain. Perkara ini dapat terbukti apabila mereka menggunakan aplikasi Facebook, Instagram dan Youtube dengan dua bahasa sahaja untuk menyampaikan sesuatu perkara agar dapat mengelakkan komen-komen yang tidak enak bercampur baur dalam ruangan tersebut. Namun, ketika menyampaikan dakwah terhadap masyarakat Jepun ahli JDC hanya menggunakan bahasa Jepun sahaja.

Japan Da'wah Centre (JDC) telah memberi fokus berdakwah kepada masyarakat Jepun melalui tiga golongan iaitu golongan pelajar, golongan pekerja (diantara umur 25 tahun hingga 60 tahun) dan yang terakhir ialah golongan yang telah bersara atau pencer. Oleh kerana warga atau golongan yang bekerja kebiasaannya sibuk dengan kehidupan harian mereka, menjadikan fokus dakwah JDC lebih menonjol kepada pelajar-pelajar dan warga tua yang telah pencer. Terdapat banyak aktiviti yang diadakan di JDC antaranya seperti menyantuni warga Jepun dengan mengajarkan mereka Islam berdasarkan al-Quran dan Hadis, membuat kelas bahasa arab dan banyak lagi.

Disamping itu, berdasarkan temubual yang dijalankan, Tuan Zulkarnain juga telah menyebut tentang perancangan masa hadapan JDC. Yang mana, beliau akan membina sebuah masjid yang dinamakan sebagai Masjid Al-Dakwah di Jepun bagi memenuhi keperluan mualaf-mualaf yang telah memeluk Islam untuk ditempatkan di masjid tersebut. Beliau juga berhasrat agar masjid tersebut secara khususnya untuk warga Jepun dengan menggunakan sepenuhnya budaya Jepun seperti imam dari kalangan warga Jepun dan sebagainya. Antara perancangan lain yang disebutkan adalah untuk membina bandar Muslim pertama di Jepun. Oleh itu, para pendakwah di JDC telah bertungkus lumus untuk menyebarkan Islam di Jepun agar perancangan masa hadapan ini dapat direalisasikan dengan jayanya suatu hari nanti.

Misi Japan Da'wah Centre (JDC)

Japan Da'wah Centre (JDC) telah menggunakan moto "Unity in Diversity" bagi menunjukkan usaha murninya adalah untuk menyebarkan Islam di Jepun dalam kepelbagaiannya. Kepelbagaiannya disini adalah merupakan cara mereka berdakwah kepada warga Jepun. Ini kerana, Pengasas JDC iaitu Tuan Zulkarnain Hasan Basri ingin menunjukkan kepada warga Jepun bahawa Islam sesuai untuk semua manusia tidak kira sama ada berbeza tempat dan keadaan. Ini kerana Islam merupakan gaya hidup yang merangkumi seluruh kehidupan manusia. Berdasarkan moto tersebut JDC telah merangka beberapa misi dalam usaha menyebarkan dakwah di Bumi Matahari Terbit.

1. Mengembangkan dan menyebarkan Islam kepada seluruh warga Jepun sama ada yang belum atau yang telah memeluk Islam.
2. Mendidik komuniti, generasi kedua dan pemimpin masa hadapan warga Jepun.
3. Memperkasakan belia Jepun dengan menonjolkan inspirasi nilai-nilai Islam.
4. Menampilkan dan mengaplikasikan Islam ke dalam budaya Jepun agar warga Jepun merasa seperti "at home".

Sejak pembukaan JDC pada tahun 2020, terdapat seramai 18 orang warga Jepun yang telah bersyahadah di JDC. Walaupun semakin hari, jumlah muslim di Jepun semakin meningkat namun perkembangannya masih lagi dilihat sedikit. Perkara ini terjadi adalah disebabkan kekurangan tenaga kerja untuk menyampaikan dakwah. Bukan itu sahaja, terdapat juga

kekangan atau cabaran yang menjadikan dakwah tidak dapat disampaikan sepenuhnya kepada warga Jepun. Oleh itu, dalam subtopik yang seterusnya pengkaji akan menghuraikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh JDC ketika melaksanakan usaha berdakwah kepada warga Jepun.

Metodologi Dakwah *Japan Da'wah Centre* (JDC) Terhadap Masyarakat Di Osaka

Japan Da'wah Centre (JDC) merupakan pusat dakwah Islam yang pertama yang ditubuhkan untuk berdakwah kepada warga Jepun dengan menggunakan bahasa Jepun sepenuhnya. Oleh itu sebagai pusat dakwah Islam yang pertama, JDC juga turut menggunakan pelbagai metodologi dakwah yang sesuai digunakan untuk berdakwah kepada warga Jepun. Metode-metode dakwah ini telah digunakan dengan mengambil kira segala aspek dan sudut bagi membolehkan Islam dapat tersebar di Jepun sepenuhnya. Antara metodologi yang digunakan oleh JDC adalah seperti berikut bersahabat dengan Warga Jepun, mempromosikan Islam dalam bentuk budaya Jepun, menggunakan kekemasan dan kecantikan, menerangkan Islam dalam bentuk Iman, mentadabbur al-Quran, memperkenalkan Rasulullah SAW sebagai utusan Allah., menggunakan media massa.

Sejarah Kedatangan Islam Di Jepun

Sejarah kedatangan Islam ke Jepun dilihat suatu perkara yang baru jika dibandingkan dengan beberapa negara lain seperti Asia, Afrika dan Eropah. Perkara ini terjadi akibat terdapat peristiwa bersejarah iaitu Pemulihian Meiji pada tahun 1868 ketika kuasa Maharaja dipulihkan dari panglima perang Tokugawa. Ini merupakan titik perubahan negara Jepun, yang mana Jepun telah keluar dari feudalisme pada abad pertengahan dan mengasingkan diri sehingga akhirnya menjadi negara moden. Disebabkan peristiwa pengasingan diri lebih kurang 200 tahun pada abad ke tujuh belas ini telah menyebabkan hubungan antara Jepun dan Islam tiada serta sekaligus telah menyebabkan kedatangan Islam di Jepun begitu lambat (Abdul Irsan, 2017).

Dengan lahirnya era baharu iaitu pada zaman Pemulihian Meiji, iaitu setelah berakhir tempoh pengasingan diri, Jepun dengan cepat menerima dan menyerap berbagai ilmu pengetahuan Barat. Melalui ilmu pengetahuan dari Barat ini, orang-orang Jepun juga mula berinteraksi secara bebas dengan agama-agama Barat seperti Kristian. Namun demikian mereka beralih kepada Islam setelah terdapatnya buku-buku terjemahan tentang kehidupan Nabi Muhammad SAW. Setelah itu, Islam telah mendapat perhatian di kalangan para intelektual Jepun tetapi ia berakhir sekadar ilmu pengetahuan dan sejarah kebudayaan sahaja (Abu Bakr, 1980).

Selain itu, pada tahun 1890 dua puluh tiga tahun selepas pemulihian Meiji, Kerajaan Turki telah mengirimkan kapal perang Erthugrul ke Jepun untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Jepun yang diketuai oleh Kolonel Laut Ali dan 607 orang anak kapal.

Ketika dalam perjalanan pulang ke Turki iaitu pada tanggal 16 September malam, kapal tersebut telah dilanda angin taufan sehingga kapal tersebut tenggelam. 540 orang termasuk laksamana, nakhoda serta anak kapal terkorban dalam bencana tersebut. Pemerintah Jepun telah mengirimkan dua kapal perangnya untuk memberikan pertolongan. Hasil daripada peristiwa ini hubungan antara Jepun dan Islam semakin rapat (Arifin Bey, 1990).

Pada tahun 1893, seorang pemuda Jepun yang bernama Yamada Torajiro yang berumur 24 tahun telah mengambil inisiatif mengumpulkan sumbangan rakyat Jepun untuk diberikan kepada keluarga mangsa yang terlibat dengan peristiwa kapal Erthugrul yang karam tersebut. Usaha tersebut dikagumi oleh Sultan Abdul Hamid II dan sebagai penghargaan ke atas jasanya beliau diminta untuk menetap di Turki selama dua tahun untuk mengajarkan bahasa Jepun kepada tujuh orang pegawai tentera laut dan darat. Sambil mengajar bahasa Jepun, beliau juga belajar bahasa Turki dan tertarik dengan Islam. Setelah itu beliau memeluk Islam dan menggunakan nama Abdul Halim (Abu Bakr, 1980).

Setelah Perang Dunia Kedua berakhir, Jepun telah mengalami banyak kerosakan dalam bidang industri. Untuk memulihkan bidang industri, Jepun memerlukan 99,8 % minyak yang dihasilkan dari negara-negara muslim di Timur Tengah dan Asia. Justeru itu, Jepun telah berinteraksi dengan negara-negara tersebut sehingga pada tahun 1973 media Jepun telah menyebarkan berita secara besar-besaran mengenai “Muslim World” dan “Arab World” setelah menyedari kepentingan negara-negara Arab bagi ekonomi Jepun. Setelah pemberitaan tersebut diadakan ramai masyarakat Jepun telah mengenal Islam dan berusaha bersungguh-sungguh untuk belajar tentang Islam (Arifin Bey, 1990).

Seterusnya, kesan kedatangan Islam ke atas masyarakat Jepun lebih popular apabila seorang rakyat Jepun iaitu Mitsutaro Yamaoka telah memeluk Islam pada tahun 1909. Beliau telah menggantikan namanya sebagai Omar Yamaoka setelah menunaikan ibadah haji di Mekkah. Selain itu, terdapat juga Bunpachiro Ariga yang pergi berdagang ke India. Setelah sekian lama berinteraksi dengan warga setempat yang beragama Islam beliau akhirnya memeluk Islam dan menukar namanya sebagai Ahmad Ariga. Yang terakhir ialah Torajiro Yamada yang telah beberapa kali mengunjungi turki untuk menyerahkan dana dan akhirnya memeluk Islam lalu menggantikan nama sebagai Abdul Khalil (Zulhilmy, 2008).

Ketiga-tiga mereka dikatakan sebagai Muslim Jepun pertama yang dikenali di Jepun. Mereka telah memulakan misi dakwah di Jepun setelah memeluk Islam. Selain itu, kemunculan komuniti muslim di Jepun juga sebenarnya dikatakan bermula pada Perang Dunia Pertama dengan kehadiran imigran dari negara-negara muslim Rusia dan Asia Tengah yang mendapat perlindungan daripada pemerintah Jepun ketika itu. Hasil usaha dan kerjasama antara minoriti muslim dan dermawan muslim yang ada mereka telah berjaya mendirikan Masjid Kobe pada tahun 1935 seterusnya Masjid Tokyo pula telah dibina pada tahun 1938 (Tanada, 2017).

Pembinaan masjid ini telah menjadi tanda di mana Islam telah bertapak di Jepun. Justeru itu, menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Profesor Hirofumi Tanada dari Waseda University beliau menganggarkan sekitar 120 000 muslim dan hanya 10 000 sahaja muslim Jepun yang menetap di Jepun. Sehingga Jun 2021, sekitar 200 000 orang muslim di Jepun yang kebanyakannya adalah warga asing yang datang untuk bekerja di Jepun. Majoriti muslim tersebut adalah dari Indonesia, Pakistan, Iran dan Bangladesh. Warga Pakistan yang datang untuk bekerja di Jepun memainkan peranan penting dalam mendirikan masjid di Jepun dan majoriti daripada mereka menetap di tiga kawasan iaitu Greater Tokyo Area, Wilayah Kinki dan Kawasan Metropolitan Chukyo (Yamagata, 2019).

Cabaran Minoriti Muslim Di Jepun

Perkembangan agama Islam di Jepun bukanlah suatu perkara yang mudah, ini kerana masyarakat Jepun sangat terikat dengan adat dan kebiasaan agama Shinto. Justeru itu, dakwah Islam juga hanya dilakukan secara sambil lalu, tanpa dana dan organisasi. Sehinggalah selepas Perang Dunia Kedua, hubungan antara Jepun dan negara-negara lain termasuk negara Islam bertambah luas sehingga menyebabkan semakin bertambah orang Islam dari berbagai negara telah datang dan menetap di Jepun. Perkara ini dapat dibuktikan dengan terdapatnya organisasi-organisasi Islam yang muncul bagi menyebarkan dakwah kepada warga Jepun (Tanada, 2017).

Namun begitu, oleh kerana 80 % penduduk Jepun merupakan mereka yang mengamalkan ajaran agama Shinto dan Budha, maka ia telah menyebabkan Muslim di Jepun mendapat beberapa cabaran dalam melaksanakan syariat Islam. Cabaran ini dapat dilihat apabila terdapatnya perbezaan antara generasi Muslim yang lama dengan Muslim yang baharu.

Generasi Muslim lama sudah mempunyai pengalaman hidup bermasyarakat dengan non-Muslim di Jepun yang menjadikan mereka mempunyai semangat persaudaraan yang tinggi antara satu sama lain. Manakala generasi Muslim baharu telah memandang Islam sebagai

sesuatu yang asing. Perkara ini terjadi adalah disebabkan oleh salah faham warga Jepun terhadap agama Islam. Yang mana salah faham ini bermula daripada pengaruh Westernisasi yang cuba memburukkan nama Islam (Zulhilmy, 2008).

Selain itu, antara cabaran lain yang dihadapi oleh penduduk minoriti ialah anak-anak Muslim tidak mempunyai sekolah khusus. Ini menjadi cabaran kepada penduduk Muslim di Jepun apabila mereka terpaksa menghantar anak-anak untuk masuk ke sekolah umum yang boleh menyebabkan penularan atau perkembangan budaya non-Muslim dalam kehidupan sosial anak-anak. Di samping itu, terdapat juga cabaran di mana tempat ibadat atau masjid-masjid di Jepun terhad. Terhad bukanlah bermaksud tiada, akan tetapi mereka membina masjid di tempat-tempat yang jauh atau di kawasan pedalaman sehingga menyukarkan para jemaah Muslim untuk datang ke masjid (NurAishah, 2014). (Syariehudin, 2000).

Seterusnya, salah satu cabaran besar penduduk minoriti muslim adalah kesukaran untuk mencari makanan halal. Oleh kerana komuniti Muslim di Jepun adalah merupakan kelompok yang kecil, ia telah menyebabkan Jepun mempunyai tahap kesedaran yang sedikit berkaitan kehidupan orang Islam terutama dalam bab makanan. Selain itu, cabaran lain adalah konflik dalam melaksanakan syariat. Yang mana, kesukaran dalam melaksanakan solat lima waktu di tempat kerja serta budaya minum arak dan isu riba menjadi cabaran utama juga bagi mereka yang bekerja dengan syarikat Jepun. Permasalahan ini terjadi apabila terdapat majikan yang tidak memberi keizinan kepada pekerja Muslim untuk melaksanakan solat lima waktu di tempat kerja oleh kerana mereka sangat mementingkan disiplin masa ketika bekerja (Suhailiza, 2020). Di samping itu, salah satu cara penyebaran dakwah Islam di Jepun adalah melalui perkahwinan antara lelaki Muslim luar dengan wanita Jepun. Salah satu cabaran bagi mereka yang memeluk Islam adalah mendapat tentangan daripada ahli keluarga dan diperlekehkan oleh kawan-kawan. Tentangan hebat daripada ahli keluarga ini seolah-olah mereka “membuang” anaknya yang telah memeluk Islam. Perkara ini sangatlah menyediakan kerana ia akan membuatkan masyarakat Jepun yang lain juga takut untuk memeluk Islam.

Cabaran terakhir yang dapat dilihat adalah pemakaian hijab oleh para Muslimah di Jepun. Kebiasaannya, wanita Muslim yang memakai hijab akan dipandang sinis oleh masyarakat Jepun dan dikritik oleh rakan-rakan (Syariehudin, 2000).

Kesimpulannya, walaupun terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi oleh warga minoriti Muslim di Jepun, namun ia tidaklah teruk sehingga menyebabkan berlakunya permusuhan antara orang Islam dan non-Muslim di Jepun. Ini kerana, warga Jepun merupakan masyarakat yang terbuka fikirannya dan cepat memahami fakta. Di mana, warga Jepun akan melihat kesan ke atas tindakan yang dilakukan dan cuba untuk memahami serta berhubung dengan orang-orang Islam. Ini menunjukkan bahawa sekiranya berlaku tentangan yang kuat antara Jepun dan Islam itu mungkin berlaku adalah disebabkan oleh salah faham mereka terhadap agama Islam itu sendiri.

Cabaran Japan Da’wah Centre (JDC) Ketika Berdakwah

Melalui hasil temubual bersama pengasas Japan Da’wah Centre (JDC) iaitu Tuan Zulkarnain Hasan Basri, didapati terdapat beberapa cabaran yang dihadapi ketika melaksanakan usaha berdakwah kepada warga Jepun. Antara cabaran tersebut ialah Islam merupakan agama yang sering disalah faham, cabaran dari sudut penguasa Jepun, agama dan juga Muslim itu sendiri. Yang mana keempat-empat cabaran ini sedikit sebanyak telah menyebabkan Japan Da’wah Centre (JDC) menggunakan pelbagai metode untuk berdakwah serta menyampaikan informasi Islam yang betul kepada warga Jepun.

Menurut Tuan Zulkarnain, cabaran utama dalam menyampaikan dakwah ialah Islam merupakan agama yang disalah faham. Menurut Solehah (2018), salah faham terhadap Islam ini berlaku disebabkan oleh media massa yang mana orang bukan Islam telah mengawal media massa dan memburukkan nama Islam di segenap sudut. Oleh kerana, di Jepun tiada informasi tentang Islam, maka dengan penyebaran berita-berita palsu tentang Islam di media sosial boleh

mempengaruhi pemikiran mereka terhadap Islam. Perkara ini dilihat telah menjadi cabaran kepada para pendakwah di JDC untuk menangkis salah faham tersebut. Tuan Zulkarnain telah menjelaskan pada minit ke 27:15 beliau menyatakan:

“... Islam merupakan salah satu agama yang disalah faham, contohnya lihat kepada Afganistan, isu mereka itu menjadi isu Islam, mereka memandang Afganistan sebagai Islam. Sedangkan dimasa yang sama Expo Dubai 2020 dan negara-negara maju dan aman seperti Malaysia dan Brunei mereka (warga Jepun) tidak memandang itu sebagai Islam. Jadi perkara ini berlaku adalah disebabkan adanya golongan-golongan yang tidak suka kepada Islam cuba untuk merosakkan dan memburukkan nama Islam dengan mempromosikan Islam dalam agama yang huduh dan buruk. Sehingga menyebabkan warga Jepun ini mempercayai Islam dengan agama yang tidak betul. Kebanyakan warga Jepun adalah orang yang middle atau orang tengah tapi apabila golongan-golongan syaitan ini mempromosikan Islam dalam agama yang huduh dan buruk, jadi golongan-golongan yang tengah ini akan mempercayai Islam dengan agama yang tak betul. Jadi amat sukar tanpa skill-skill tertentu tanpa berkawan dengan mereka amat sukar untuk menerangkan Islam kepada mereka, inilah terlalu negatifnya Islam...” (Zulkarnain Hasan Basri, 27:15-29:00)52

Selain itu, cabaran yang kedua yang dapat dilihat ialah datang daripada penguasa Jepun. Yang mana pihak berkuasa iaitu polis di Jepun telah membuat pemantauan atau pemerhatian di pusat-pusat Islam seperti masjid. Walaupun Jepun mengamalkan kebebasan beragama namun kebebasan tersebut seolah-olah tidaklah sepenuhnya diberikan sekiranya aktiviti-aktiviti di pusat-pusat Islam ini sentiasa diperhatikan oleh pihak berkuasa Jepun. Dalam hal ini Tuan Zulkarnain telah menyebut pada minit ke 29:15 beliau menyatakan:

“... Cabaran yang kedua pula ialah penguasa Jepun itu sendiri. Dimana, pusat-pusat Islam atau masjid-masjid ini diperhatikan oleh polis-polis di Jepun. Mereka sentiasa memerhatikan kami, sehingga di Japan Da'wah Centre (JDC) pernah beberapa kali dihubungi untuk mereka datang dan mereka juga telah datang melawat JDC. Dan Alhamdulillah sehingga kini kami (JDC) masih menjaga segala apa yang kami lakukan menurut undang-undang Jepun. Oleh kerana itulah, kami membina JDC di bawah syarikat berdaftar iaitu syarikat Nippon Muslim Corporation, supaya memudahkan urusan kami untuk bergerak... ” (Zulkarnain Hasan Basri, 29:15-30:08).

Di samping itu, cabaran yang ketiga pula ialah agama itu sendiri. Cabaran dari segi agama dapat dilihat apabila warga Jepun memandang bahawa agama adalah untuk mereka yang ditimpa kesusahan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh minset (minda) mereka berfikir bahawa agama hanya untuk orang-orang yang ditimpa kesusahan. Jadi perkara sebegini menjadi salah satu cabaran kepada para pendakwah juga untuk mendekatkan diri kepada warga Jepun untuk menerangkan Islam yang betul sekiranya minda warga Jepun itu sendiri telah terpengaruh dengan kepercayaan seperti itu. Tuan Zulkarnain ada menjelaskan pada minit ke 30:10 beliau menjelaskan bahawa:

“...Dan cabaran yang ketiga adalah agama itu sendiri. Warga Jepun ini mereka hanya mencari agama apabila ditimpa kesusahan. Pada mereka, apabila sakit, perlukan sesuatu rezeki atau ketika menghadapi kesukaran barulah mereka pergi mencari tuhan. Apabila mereka berada dalam keadaan begini, minda atau mindset mereka menjadi negatif. Ini menjadikan

mental mereka memikirkan bahawa agama ini buruk. Ini bermaksud mereka memandang agama itu sukar, apabila dalam keadaan susah baru mencari agama. Jadi kebanyakannya warga Jepun ini melarikan diri daripada agama adalah kerana agama ini hanya untuk orang-orang yang sukar, yang tidak tahu untuk hidup atau berusaha sendiri... ” (Zulkarnain Hasan Basri, 30:10-31:33)53

Seterusnya cabaran terakhir yang dihadapi ketika berdakwah kepada warga Jepun adalah melalui golongan Muslim. Seperti yang diketahui, kebanyakannya Muslim di Jepun adalah merupakan warga luar seperti Indonesia dan Bangladesh yang datang dan menetap di Jepun. Menjadi cabaran apabila warga luar yang membawa imej Islam ke dalam budaya atau tradisi mereka. Yang mana ia telah menyebabkan jurang yang besar antara Islam dengan warga Jepun yang boleh menyebabkan warga Jepun berasa seolah-olah sekiranya mereka memeluk Islam mereka akan menukar warganegara. Perkara ini telah dijelaskan lagi oleh Tuan Zulkarnain pada minit ke 22:16 beliau berkata:

“... Cabaran keempat ialah Muslim itu sendiri. Kebanyakannya warga Muslim di Jepun ini membawa Islam daripada negara tradisi mereka. Yang mana mereka mengatakan bahawa itu sunnah, tetapi sebenarnya apa yang mereka pakai itu adalah apa yang mereka lakukan di negara mereka. Jadi pakaian mereka merupakan pakaian negara, masjid mereka menjadi masjid negara... ” (Zulkarnain Hasan Basri, 22:16-33:42)

Tambah beliau lagi, “... Dan kebanyakannya negara-negara Islam yang datang ke Jepun adalah dari majoriti Muslim di negara mereka melebihi 95 %. Jadi non-Muslim di negara mereka adalah terlalu sedikit yang menjadikan mereka tidak pandai untuk berdakwah. Yang mana, pada mereka (warga luar di Jepun) dakwah hanya untuk Muslim. Ini kerana ramai Muslim di negara mereka tidak mengamalkan Islam. Jadi kesedaran berdakwah mereka amat sedikit dan sebab itulah Islam amat lemah untuk berkembang di sini...” (Zulkarnain Hasan Basri, 33:42-35:03)

Berdasarkan penerangan ini, dapat dilihat bahawa warga Muslim yang datang menetap di Jepun yang tiada kesedaran untuk menyampaikan dakwah telah menjadi salah satu sebab Islam lambat berkembang di Jepun. Tambahan lagi, dengan kekurangan atau tiada kemahiran untuk berdakwah turut menjadikan warga Jepun tidak dapat mengenal Islam dengan sempurna. Ini kerana, untuk berdakwah kepada warga Jepun perlulah menggunakan metode yang berbeza yang sesuai dengan tahap kemampuan dan kefahaman mereka.

Justeru itu, oleh kerana terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi ini, ia telah menuntut Japan Da'wah Centre (JDC) untuk menggunakan metodologi dakwah yang betul dan bersesuaian mengikut keadaan di Jepun. Ini kerana sekiranya JDC menggunakan metode yang salah ia akan menyebabkan misi pusat dakwah tersebut tidak akan tercapai dan Islam juga tidak akan berkembang di Jepun. Oleh itu, dalam subtopik yang seterusnya, pengkaji akan menghuraikan dengan lebih mendalam metodologi dakwah yang digunakan oleh Japan Da'wah Centre (JDC) ketika berdakwah di Jepun.

Kesimpulan

Penubuhan Japan Da'wah Centre (JDC) di Osaka menjadi satu usaha yang sangat penting dalam penyebaran dakwah Islam di Jepun. Ini kerana, walaupun telah terdapat pusat-pusat dakwah yang ditubuhkan di Jepun yang berusaha menyebarkan Islam akan tetapi penggunaan metode dakwahnya mungkin masih belum bagus dan mantap. Perkara ini telah dapat dilihat berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Tuan Zulkarnain yang mana rakyat Jepun kebanyakannya telah lari daripada agama. Perkara ini berlaku disebabkan adanya pihak yang

cuba melagakan antara Islam dan Jepun sehingga menyebabkan minda mereka berfikir bahawa agama untuk orang-orang yang susah sahaja. Malah terdapat juga para pendakwah yang menggunakan tradisi negara mereka ketika berdakwah dengan warga Jepun yang menyebabkan mereka semakin jauh dengan Islam. Terdapat juga cabaran-cabaran yang lain berlaku dalam usaha penyebaran dakwah Islam di Bumi Matahari Terbit. Ini membuktikan bahawa untuk menyebarluaskan Islam di Jepun bukanlah suatu perkara yang mudah. Akan tetapi sekiranya dakwah yang disampaikan kepada warga Jepun telah menggunakan metode yang tepat dan betul serta bersesuaian mengikut tahap kefahaman warga Jepun, maka dakwah tersebut akan mudah untuk disampaikan dan diterima oleh warga Jepun. Justeru itu, pendidikan atau pengajaran tentang Islam kepada warga Jepun dengan menggunakan metode yang betul amatlah penting agar ia mampu untuk membuka hati mereka supaya menerima Islam di samping dapat menyampaikan dan menerangkan Islam yang betul kepada warga Jepun.

Rujukan

- Abd. Karim Zaydan. (1976). *Usul al-Dakwah*. Kaherah: Maktabah al-Manar al- Islamiyah.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Irsan. 2017. *Budaya dan Perilaku Budaya Politik Jepun di Asia*. Jakarta: Grafindo Khazanah Ilmu.
- Ahmad Khoirul Anam, Rumba Triana & Aceng Zakaria. (t.thn). *Debat Dalam Persepektif Al-Quran: Studi Tematik Ayat-Ayat Tentang Debat*. Prosiding Al Hidayah Ilmu AlQuran dan Tafsir.
- Aminuddin. (2016). Konsep Dasar Dakwah. *Al-Munzir*, 9 (1), 29-49.
- Arifin Bey. (1990). *Peranan Jepang Dalam Pasca "Abad Amerika"*. Jakarta: Antarkaya.
- Bhasah Abu Bakar & Yuslina Mohamed. (2013). *Metodologi Penyelidikan Program Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail, & Sayuti Ab Ghani*. (2018). Pendekatan Dakwah Untuk Cabaran Masa Depan: Satu Soroton. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 4(1).23-33.
- C.J. Bleeker. (1985). *Pertemuan Agama-Agama Dunia*. Bandung: Sumur Bandung.
- Fajeri Arkiang & Rabiatun Adwiah. (2019). *Konsep Dakwah Mauidhatul Hasanah Dalam Haji Mohammad Hassan*. (2013). *Metodologi Pengembangan Ilmu Dakwah*. Surabaya Indonesia: Penerbitan Pena Salsabila.
- Hasan Bastomi. (2016). *Dakwah Bil Hikmah Sebagai Pola Pengembangan Sosial Keagamaan sosial keagamaan*. *Jurnal Ilmu Dakwah*, 36 (2), 335-362.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moh. Ali Aziz, M,Ag. (2017). *Ilmu Dakwah Edisi Revisi*. Jakarta: Kencana Prenada media.
- Mohamad Nazli Omar. (2016). *Teori Dan Konsep Pengurusan Dakwah: Satu Tinjauan Awal*. *Jurnal Ilmi*, 6. 149-168.
- Mohd, Syariefudin bin Abdullah. (2000). *Perbandingan Antara Peradaban Jepun dan Islam: Satu Analisis Dari Aspek Kepercayaan*. Tesis Master, Universiti Malaya.
- Morimoto, Abu Bakr (1980). *Islam in Japan: Past, Present and Future*. Tokyo: Islamic Center Japan.
- Muslimin Ritonga. (2019). *Penerapan Metode Dakwah Mau'idzah Hasanah di Era Hoax Millenial*. *Al-Munzir*, 12 (1), 51-72.
- Noreha Che Abah, Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhrudin. (2019). *Isu Dan Cabaran Saudara Baharu di Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. *Jurnal Al-Anwar*, 8 (2). 1-13.
- Nurma Ali Ridlwan. (2013). *Pendekatan Fenomenologi Dalam Kajian Agama*. *Jurnal Komunika*, 7 (2), 1-10.
- Siti NurAishah binti Abdul Kudus. (2014). *Jepun: Muslim Sebagai Minoriti*. Universiti

Malaya.

- Solehah Binti Shamsuddin. (2018). *Tahap Persediaan Mahasiswa Pengajian Islam Dalam Menghadapi Salah Faham Orang Bukan Islam Terhadap Islam*. Journal of Islamic Social Sciences and Humanities, 15, 107-125.
- Tanada, H. (2017). Ever Growing Muslim Community in The World and Japan. Faculty of Human Sciences, Waseda University.
- Usman. (2009). *Debat Sebagai Metode Dakwah (Kajian Dalam Perspektif al-Quran)*. Jurnal Ilmiah Dakwah dan Komunikasi, 1 (2), 76-98.
- Zulhilmy. (2008). *Dinamika Perkembangan Islam Di Jepang Abad Ke 20*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Zulkefli, Abd Hakim, Rosmawati, Muhammad Faisal, Asha'ari, S.Salahiddin Suyurno. (2014). *Komunikasi Dakwah Antara Budaya Dalam Masyarakat Majmuk Di Sabah*. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-Disiplin., Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi Selangor

BAB 7

RELEVANSI PEMIKIRAN DAKWAH TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ NIK MAT (1931-2015) DALAM MENDEPANI ERA GLOBALISASI

Khairulnazrin Nasir¹, Rahim Kamarul Zaman¹, Ikmal Adnan¹, Mohd Azhar bin Abdullah¹ & Ismail Abdul Halim¹

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

Pendahuluan

Dakwah merupakan amalan menyebarkan ajaran Islam kepada golongan sasaran (Salam, 2021). Tujuannya untuk menyebarkan kebaikan, meninggalkan dan mencegah kemungkaran serta mengajak manusia untuk mengenal dan beriman kepada Allah SWT (Nurshabrina, 2021; Abdul Hatim & Sahad, 2020). Konsep dakwah boleh dirumuskan dengan istilah amar makruf nahi mungkar, yang mana memerintah yang baik dan melarang yang buruk, dan melibatkan keterlibatan masyarakat dalam memperbaiki keadaan sosial dan moral mereka (Ikhlas, 2022; Maria et al., 2020; Hidayatullah, 2020). Justeru, gerak kerja dakwah amat penting untuk Islam. Dakwah membantu menyebarkan ajaran agama, memperbaiki keadaan masyarakat, dan memperkuat dan menyatukan umat Islam.

Al-Quran dan al-Sunnah merakamkan sejumlah kisah-kisah para nabi, rasul dan pendakwah pada zaman silam (Abd Hamid & Hj. Siren, 2018; Husin, 2018). Pelbagai karenah dan pendirian ditunjukkan oleh kaum masing-masing. Sebahagian golongan sasar beriman kepada Allah SWT, namun sebahagian besarnya mengingkari dakwah dan ajaran Islam yang disampaikan (Gun Gunawan & Bunyamin, 2015). Setiap kisah itu memiliki mesej dan ibrah dalam dakwah yang berbeza-beza. Sebahagiannya berkaitan ciri pendakwah, pemikiran dan metodologi dakwah, sikap terhadap golongan sasar dan sebagainya (Choirullah, 2020; Nasir & Mat Teh, 2021). Justeru, pemikiran dakwah para nabi dan rasul memiliki titik persamaan iaitu mentauhidkan Allah SWT, menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran, meskipun berbeza-beza pada pendekatan dan metodologi.

Pemikiran dan metodologi dalam dakwah merujuk kepada kepelbagai teknik, keadaan dan pendekatan yang digunakan untuk menyampaikan ajaran Islam secara berkesan (Fitrah Sugiarto, 2018; Vered Kahani-Hopkins & Nick Hopkins, 2023). Antaranya termasuk menggunakan kaedah bertutur dengan cara yang mudah difahami, memberikan contoh yang baik dalam kehidupan seharian, dan menyesuaikan teknik penyampaian dengan keadaan masyarakat setempat, kaedah berdakwah secara bertahap, bersifat konsisten, dan disesuaikan dengan masyarakat setempat (Mokhtar et al., 2021). Secara umumnya, matlamat utama pemikiran dan kepelbagai metodologi itu adalah supaya dakwah itu disampaikan kepada golongan sasar secara efisien, efektif dan berterusan (Mohd & Zaki, 2017).

Era globalisasi telah membawa pelbagai cabaran kepada umat Islam, baik secara individu maupun kolektif. Dari satu aspek, globalisasi telah memudahkan umat Islam untuk berhubung antara satu sama lain, menyebarkan ilmu dan dakwah. Sebaliknya, ia juga telah mendedahkan umat ini kepada pengaruh nilai-nilai Barat yang kadangkala boleh bercanggah dengan ajaran Islam. Menyedari hal tersebut, para ulama dan sarjana Islam telah bangkit dan menggerakkan dakwah dengan pelbagai cara dan pendekatan. Mutakhir ini, antara tokoh yang banyak memainkan peranan signifikan kepada perkembangan dakwah Islam ialah Almarhum Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (TGNA). Beliau merupakan seorang ulama dan tokoh dakwah yang sangat penting dalam sejarah dakwah di Malaysia, khususnya di

negeri Kelantan (Ahmad Izahan Ibrahim & Zaki, 2018; Surtahman & Ahmad, 2017). Beliau dilahirkan pada tahun 1931 di Kelantan dan meninggal dunia pada tahun 2015. Beliau merupakan mantan Mursyidul Am PAS dan Menteri Besar Kelantan selama 23 tahun (Mohamad et al., 2020; Nurul Iman Ahmad, et. al. 2020). Justeru, kajian ini berusaha untuk menjelaskan secara terperinci kerangka pemikiran dakwah TGNA. Kepentingan kajian ini amat jelas kerana pemikiran dakwah beliau sangat unik dan istimewa kerana mampu diterjemahkan dalam bentuk praktikal.

Ulasan Kajian Lepas

Pemikiran dakwah TGNA merupakan topik yang menarik untuk dikaji dan dipelajari. Sejak era kolonial hingga era moden saat ini, pemikiran dan aktiviti dakwah sangat berpengaruh dan memiliki dampak besar terhadap perkembangan masyarakat dan pembangunan sosial-ekonomi di Malaysia, khususnya di negeri Kelantan. Pelbagai kajian dan penulisan telah dihasilkan mengenai pemikiran dan kontribusi TGNA, seperti politik, pentadbiran, agama Islam, khususnya berkaitan dakwah.

Misalnya, Muhammad Izdihar bin Abdullah (2018) dalam kajiannya bertajuk “*Konsep Dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Pembinaan Keislaman Rakyat Negeri Kelantan*.” Artikel ini membincangkan konsep dakwah TGNA dan pengaruhnya dalam membangun keislaman di negeri Kelantan. Konsep dakwah beliau berpusat pada kefahaman yang jelas mengenai tauhid dan nilai-nilai Islam, dengan penekanan terhadap pendidikan dan pengamalan amal kebajikan dalam kehidupan umat Islam (Abdullah, 2018).

Selain itu, kajian tentang pemikiran dakwah TGNA terhadap Non-Muslim dibincangkan dalam kajian Mu'minatul Hasanah Mokhtar (2018) yang berjudul “*Pendekatan psikologi dakwah Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat terhadap Non-Muslim pada Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP)*.” Kajian ini menjelaskan tentang kaedah dakwah TGNA dalam mempengaruhi non-Muslim untuk memahami nilai-nilai Islam melalui pendekatan psikologi. Beliau menekankan pentingnya penggunaan bahasa yang mudah dipahami dan menghindari tindakan yang dapat menyakiti perasaan non-Muslim dalam dakwah (Mu'minatul, 2018).

Dalam pada itu, kajian Ahmad Izahan Ibrahim & Zaki (2018), Salleh, M.A.M. (2015) dan Yusoff, I. (2009) pula menjelaskan tentang pemikiran dakwah dan politik TGNA yang menekankan pada pentingnya kesatuan dalam masyarakat dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan sosial dan politik. Beliau memperjuangkan pemerintahan yang berlandaskan syariat Islam dan mengajak umat Islam untuk menjadi teladan dalam kehidupan beragama dan bermasyarakat. TGNA turut menggunakan platform pentadbiran dalam untuk membanteras salah guna kuasa dan rasuah (Yusoff, & Ahmad, 2011).

Namun, terdapat beberapa kelompongan atau “gap” dalam kajian-kajian lepas yang boleh dijadikan fokus dalam kajian seterusnya. Antara kelompongan tersebut adalah kekurangan dalam kajian mengenai implikasi pemikiran TGNA terhadap pembentukan negara Islam di Malaysia, serta impaknya terhadap pembentukan masyarakat Islam yang bertamadun. Selain itu, terdapat kekurangan dalam kajian mengenai sejauh mana pemikiran dakwah TGNA dapat disepadukan dengan arus pemikiran Islam di Malaysia pada masa kini.


Metodologi Kajian

Metodologi yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah berdasarkan pendekatan kualitatif, khususnya kaedah analisis kandungan. Kajian ini mengkaji tentang pemikiran dakwah agama TGNA dengan menganalisis penulisan ilmiah, buku, artikel, tesis, laporan akhbar, khutbah-khutbah, ucapan dan penulisan beliau. Kaedah analisis kandungan membolehkan penyelidik mengenal pasti tema-tema, corak dan makna di dalam data, yang dapat memberikan wawasan mengenai pemikiran dakwah TGNA, pelaksanaannya di negeri Kelantan, dan kepentingannya dalam pembangunan dakwah Islam di Malaysia.

Dapatan Kajian

Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz (TGNA) merupakan salah seorang tokoh ulama-umara' yang tidak asing dalam bidang dakwah Islam di Malaysia. TGNA memiliki pengalaman luas dan peranan yang besar dalam bidang dakwah, khususnya ketika menjawat jawatan sebagai Menteri Besar Kelantan selama 23 tahun (1990-2013). Dalam usaha menterjemahkan dinamika pemikiran dakwah TGNA, pelaksanaan dan pengaruh khususnya di negeri Kelantan, kajian ini merumuskannya seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Pemikiran dakwah TGNA



Secara tuntasnya, TGNA merupakan ikon ulama- umara' yang berperanan penting dalam mencetuskan aspirasi baru dalam mengerakkan perjuangan mengembangkan kejayaan Islam melalui pendekatan politik, pentadbiran dan dakwah. Misi politik beliau ialah memimpin umat berdasarkan syariat Islam, sementara misi dakwah beliau adalah untuk mendidik umat dalam penghayatan Islam sebagai *ad-din* (Wan Nik Wan Yusuf, 2005).

Perbincangan

Ruang perbincangan tentang dinamika pemikiran dakwah TGNA mengandungi huriaian terperinci tentang sejarah dan latar belakang dakwah TGNA; wadah dan medan dakwah TGNA; golongan sasar dakwah TGNA; aspek dakwah TGNA dan pendekatan serta usul dakwah TGNA.

Sejarah dan Latar Belakang Karier Dakwah TGNA

Asas kepada dakwah ialah memiliki ilmu yang luas dan sahih. Justeru, karakter dan pemikiran dakwah TGNA telah bermula sejak dari awal usianya. Beliau berguru kepada ayahandanya sendiri yang juga seorang ulama. TGNA menuntut ilmu di pondok Tuan Guru Haji Abbas di Jerteh, Terengganu, sebelum meneruskan pelajarannya ke Universiti Deoband, India pada tahun 1952. Di sana, beliau belajar dari ulama hadis dan ilmu tarekat terkemuka, Maulana Muhammad Ahmad Al-Madani. Setelah menyelesaikan pengajiannya di Darul Ulum, beliau melanjutkan pelajarannya di Lahore, Pakistan dan kemudian di Universiti Al-Azhar, Mesir. Beliau berhasil memperoleh Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam Perundangan Islam. TGNA kembali ke kampung halamannya, Kg. Pulau Melaka, Kelantan pada tahun 1962 dan disambut dengan gembira oleh keluarga dan masyarakat setempat (Wan Nik Wan Yusuf, 2005: Muhammad, 2018).

Pemikiran dakwah TGNA diterapkan bermula sebagai seorang guru dalam bidang pendidikan, dan menabur bakti di Maahad Muhammadi, Kota Bharu. Posisi ini memberikan peluang dakwah dan tarbiah kepada remaja (Ahmad Najib Abdullah & Nor, 2021; Surtahman Kastin Hasan & Ahmad, 2017). Selain itu, beliau juga aktif dalam lapangan dakwah di seluruh Malaysia, memiliki pengalaman dalam berbagai jabatan seperti Pesuruhjaya PAS Kelantan, Ketua Ulama PAS Pusat, Ahli Parlimen, dan Dewan Negeri Kelantan (Hussina & Ismaila, 2022). Meskipun terlibat dalam politik, TGNA tetap melaksanakan kuliah dan ceramah agama, menunjukkan peranannya sebagai seorang ulama yang berpengaruh dalam dakwah Islam.

Manifestasi dan Falsafah Dakwah TGNA

Dakwah adalah tanggungjawab setiap Muslim dan merupakan tugas suci yang harus dilaksanakan oleh semua individu. Dakwah dianggap sebagai fardhu ain dan setiap Muslim harus berperan sesuai dengan kemampuannya. Ucapan dakwah dianggap sebagai yang paling bernilai dan mulia, dan Allah sendiri memberikan keutamaan yang tinggi terhadap dakwah. Oleh karena itu, semua Muslim harus aktif dalam aktiviti dakwah ini (Ismail Yusuf, 2015). Menjalankan dakwah memerlukan strategi dan perencanaan yang teratur dan teliti. Menurut pemikiran TGNA, strategi yang baik amat penting dalam menentukan keberhasilan suatu usaha dakwah (Muhammad, 2018).

Menurut TGNA, dalam usaha dakwah, terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi, seperti memilih judul yang sesuai, mengetahui dengan rinci mengenai apa yang disampaikan dan menggunakan bahasa yang bijaksana. Pematuhan terhadap syarat-syarat ini akan membantu dalam memperoleh hasil yang diharapkan dalam dakwah. Oleh itu, dakwah yang disampaikan dapat memperoleh keberkesanan jika dilaksanakan dengan strategi yang teliti dan perencanaan yang mantap (Muhammad, 2018).

Wadah dan Medan Dakwah TGNA

TGNA merupakan tokoh penting dalam dunia dakwah dan politik Malaysia. Beliau memberikan ceramah, menulis buku, memberikan pandangan dalam akhbar dan media, serta memperjuangkan prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam politik. Beliau menggunakan pelbagai saluran dalam menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat. Justeru, makalah ini merumuskan bahawa wadah dan medan dakwah TGNA tertumpu kepada lima perkara, iaitu:

a) Pendidikan dan pengajaran

Wadah paling utama ialah dalam bentuk pendidikan dan pengajaran terhadap khalayak di pelbagai peringkat. TGNA sering mengadakan ceramah di pelbagai majlis agama dan politik. Beliau mengambil peluang untuk memberikan ceramah dalam setiap majlis yang dihadiri. Gaya pengucapan yang berkesan dan mempengaruhi khalayak menunjukkan bahawa TGNA mempunyai disiplin dan cara komunikasi yang baik bagi menyalurkan idea, emosi, sikap, fakta dan cara memanipulasikan ucapannya mengikut kemampuan, kemahiran, kelebihan dengan cara tersendiri (Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini, 2021)

Penulisan

TGNA turut menggunakan penulisan buku sebagai salah satu cara untuk menterjemahkan pemikirannya dalam dakwah. Beliau telah menulis beberapa buku, termasuk "*Muhammad Bukan Nasionalis*", "*Tazkirah Sirah Nabawilah*", "*Peringkat Dakwah Nabi*", dan lain-lain. Buku-buku ini membahaskan tentang ajaran Islam, pandangan politik, penyucian jiwa, dan kehidupan. TGNA berusaha menggunakan bahasa yang mudah dan contoh serta analogi yang mudah difahami oleh masyarakat umum dalam penulisan karyanya. Selain itu, beliau menekankan pentingnya nilai-nilai keagamaan seperti kesederhanaan, kerendahan hati, dan toleransi (Muhammad, 2018).

Salah satu karya TGNA yang berkualiti dalam bidang dakwah ialah "*Tafsir Surah Hud*," cetakan Ma'ahad Dakwah wal Imamah: Nilam Puri: Kelantan, tahun 1996. Kitab tersebut memaparkan pandangannya mengenai pelbagai aspek dakwah Islam. Oleh kerana Islam adalah agama risalah untuk semua manusia, maka amalan dakwah iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran merupakan syarat mutlak bagi kesempurnaan dan keselarasan hidup masyarakat. Dalam pandangan TGNA, setiap Muslim mempunyai tanggungjawab untuk menjadi seorang pendakwah (Ismail Yusof, 2015).

Politik dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS)

TGNA memainkan peranan signifikan dalam bidang politik sebagai sarana dakwah. Beliau memimpin Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan dikenal sebagai pemimpin yang jujur, tegas, dan berintegriti tinggi. Kontribusinya dalam politik Islam terutama terlihat dalam upayanya untuk memperjuangkan keadilan sosial, mengembangkan pendidikan Islam, dan mempromosikan nilai-nilai moral dalam kalangan ahli-ahli parti dan anggota masyarakat, khususnya di negeri Kelantan. Beliau juga menekankan pentingnya menjaga hubungan baik dengan negara tetangga dan negara-negara lain di dunia, serta menolak segala bentuk kekerasan dalam mencapai tujuan politik (Ahmad Izahan Ibrahim & Zaki, 2018).

Organisasi: Menteri Besar Kelantan

TGNA menggunakan pelbagai lapangan dakwah dalam menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat. Dari ceramah, buku, media massa hingga ke arena politik, beliau mengambil peluang untuk memberikan pandangan dan pendapatnya bagi memperjuangkan nilai-nilai Islam dan keadilan sosial di Malaysia (Nawi, 2018). Dalam erti kata lain, TGNA mempunyai pemikiran dakwah yang luas, tidak hanya terbatas pada aspek agama, tetapi juga meliputi aspek kehidupan lain seperti politik, ekonomi, dan kebudayaan.

TGNA telah memanfaatkan kedudukannya sebagai Menteri Besar Kelantan. Beliau telah membawa berbagai-bagai pembaharuan pentadbiran yang berteraskan Islam di Negeri Kelantan semasa beliau menjadi Menteri Besar. Antara pembaharuan tersebut termasuk memperkenalkan kaedah dan pendekatan pentadbiran yang unik, menghidupkan prinsip kedaulatan Syariah dalam urusan pentadbiran, serta memastikan tidak ada program kerajaan yang bercanggah dengan kehendak Syariah Islamiah. Kepimpinan TGNA juga memartabatkan prinsip-prinsip Islam sebagai panduan utama dan asas dalam sektor pentadbiran (Mohamad et al., 2020).

Golongan Sasar Dakwah TGNA

Umat Islam di Kelantan

TGNA merupakan seorang ulama yang dikenali dengan cara penyampaian dakwahnya yang berkesan dan mudah difahami oleh masyarakat, terutamanya di Kelantan (Nurul Nadiah Zamri, & Zulkefli Aini, 2021). Dengan kesedaran bahawa dirinya adalah "wakaf" kepada masyarakat, TGNA menerima semua panggilan tersebut tanpa mengambil kira rasa lelah yang dialaminya. Oleh itu, beliau mula memberi ceramah dari satu tempat ke tempat lain. Bermula dari Masjid Pulau Melaka, kemudian ke Masjid Langgar pada malam berikutnya dan diikuti dengan Masjid Uda Murni sebagai destinasi malam ketiga, serta berlabuh pada malam Jumaat di Masjid Muhammadi (Majalah Pengasuh, 1975). Sementara itu, pada pagi Jumaat, TGNA memberi ceramah tetap di Dewan PAS, Kota Bharu, Kelantan, dan diikuti dengan pengajian agama di Masjid Kedai Buluh pada malam berikutnya. Demikianlah besarnya pengorbanan TGNA dalam mencurahkan baktinya untuk mencerdaskan insan masyarakat dengan konsep Islam yang ideal (Johari Mat, et. al, 2020).

Non-Muslim

TGNA dikenali oleh kaum bukan Islam (*Non-Muslim*) kerana pendekatan dakwahnya yang berfokus kepada nilai-nilai universal Islam seperti keadilan, kesederhanaan, kebersihan, dan keamanan. TGNA seringkali mengambil inisiatif untuk mempromosikan Islam secara sederhana dan terbuka kepada orang bukan Muslim, terutama di Kelantan. Beliau mengunjungi rumah-rumah penduduk dan sering mengadakan acara-acara dialog, bengkel, dan ceramah yang diadakan di luar masjid dan di tempat-tempat awam, yang terbuka untuk orang Muslim dan bukan Muslim (Mokhtar, 2018).

TGNA sentiasa hadir jemputan masyarakat bukan Islam seperti Perayaan Tahun Baru Cina dan majlis keramaian anjuran komuniti Cina, India dan Siam. Malah pernah satu ketika, TGNA sanggup memendekkan tempoh mesyuarat semata-mata untuk hadir ke

majlis bersama sami Buddha di Pasir Mas (Mu'minatul, 2018). Beliau juga sering berbincang dengan masyarakat non-Muslim dan memahami budaya mereka. Beliau memberikan sokongan kepada masyarakat non-Muslim dalam hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan mereka dan menekankan pentingnya perdamaian dan keselamatan. Beliau menyeru kepada masyarakat untuk hidup dalam harmoni dan saling menghormati antara satu sama lain, tidak kira agama dan bangsa (Mu'minatul, 2018).

Golongan berbeza aliran pemikiran

Pada permulaan dakwahnya, TGNA mengalami pelbagai rintangan seperti dicemuh dan ditentang dengan tuduhan-tuduhan yang dilontarkan oleh golongan agama yang tidak sealiran. Kelompok ini sangat berpegang teguh dengan adat dan tradisi masyarakat. Namun, rintangan tersebut tidak menggugat semangat TGNA untuk terus memberi perhatian kepada isu-isu penting dan berusaha menyembuhkan penyakit masyarakat di negeri Kelantan. Akhirnya, segala usahanya terbayar apabila seluruh rakyat menerima kebenaran yang diperjuangkannya. TGNA pernah menyatakan, "Sekiranya lidah saya sepanjang Sungai Kelantan, saya akan menyampaikan seruan Tuhan ke seluruh negeri Kelantan" (Muhammad, 2018)

Secara keseluruhan, TGNA adalah seorang tokoh yang sangat terbuka dan berinteraksi dengan masyarakat non-Muslim di Kelantan dengan cara yang ramah dan sopan. Dalam kunjungan ke perayaan-perayaan masyarakat non-Muslim, beliau menunjukkan sikap toleransi dan saling menghormati antara satu sama lain, yang merupakan ciri penting dari ajaran Islam.

Aspek Dakwah TGNA

Pemikiran dakwah TGNA yang komprehensif membuktikan bahawa beliau seorang ulama yang berperan besar. TGNA mencetuskan aspirasi baru dan menggerakkan perjuangan dalam mengembangkan kejayaan Islam. konsep pembinaan ke-Islaman yang dilakukan oleh TGNA telah memberikan dampak yang sangat besar bagi kehidupan rakyat Negeri Kelantan, baik pada bidang agama, sosial, ekonomi, pendidikan dan politik.

Spiritual

TGNA merupakan seorang pendakwah yang menitikberatkan aspek spiritual dalam dakwahnya. Beliau menekankan pentingnya solat lima waktu, membaca Al-Quran, mengikuti sunnah Nabi Muhammad SAW, dan melakukan amal kebajikan. Selain itu, beliau mengajarkan tentang pentingnya menjaga hati dan fikiran daripada hal-hal buruk. TGNA menggunakan berbagai media untuk menyebarkan aspek spiritual dalam dakwahnya, seperti ceramah, tulisan-tulisan, dan dialog dengan masyarakat. Beliau juga mengajak masyarakat untuk melakukan zikir dan wirid sebagai sarana untuk memperkuat hubungan spiritual dengan Allah SWT (Hadi, 2019).

TGNA menekankan bahawa pentingnya pengendalian diri dan memerangi hawa nafsu dalam tujuan spiritual. Untuk mencapainya, kita perlu memperkuat iman dan cinta kepada Allah SWT. TGNA memberikan contoh hidup sederhana dan membantu masyarakat sekitar. Aspek spiritual dakwah TGNA membantu meningkatkan hubungan dengan Allah SWT dan menghadapi kehidupan dengan ketenangan dan kesabaran. Dengan mengikuti ajaran Islam dan memperkuat iman, seseorang dapat mencapai kebahagiaan dan keberhasilan yang abadi.

TGNA mengutamakan tauhid dalam pembinaan Islam dengan menghubungkan hubungan manusia dengan Tuhan dan sumber alam. Penting bagi Muslim menyadari keterkaitan dengan Allah dalam semua aspek kehidupan untuk mencapai keselamatan akidah dan keberuntungan di sisi Allah. Beribadah kepada Allah bertujuan memperoleh keredaan-Nya dalam dunia dan akhirat, melibatkan aspek spiritual dan material yang ditetapkan oleh Allah. Dalam Islam, pembinaan juga dianggap sebagai ibadah yang mencakup dimensi spiritual dan material manusia.

Ekonomi dan Kesejahteraan Sosial

TGNA percaya bahawa dakwah haruslah membantu masyarakat untuk memahami ajaran Islam dan membantu mereka untuk menjalani hidup yang lebih baik dari segi sosial. Beliau percaya bahawa dakwah harus membantu masyarakat untuk memperbaiki taraf dan meningkatkan kualiti hidup mereka. Dakwah harus membantu masyarakat untuk meningkatkan kemampuan ekonomi mereka dengan menggalakkan pembangunan ekonomi dan usahawan masyarakat. Dalam konteks pentadbiran, TGNA menggalakkan nilai etika, kesederhanaan dalam gaya hidup dan perbelanjaan kerajaan yang berhati-hati. Pandangan beliau tentang pembangunan, kemiskinan, riba dan perjudian adalah sesuai dengan pandangan umum ahli ekonomi Islam (Surtahman Kastin Hasan & Ahmad, 2017)

Keamanan Sejagat

Pemikiran dakwah TGNA dapat dihubungkan dengan isu keamanan sejahtera melalui pendekatannya yang menekankan pentingnya masyarakat yang harmonis dan damai. TGNA percaya bahawa Islam mengajarkan nilai-nilai toleransi, saling menghormati, dan saling mendukung antara umat beragama yang berbeza. Beliau sering menekankan pentingnya membangun kepercayaan dan hubungan sosial yang kuat antara umat beragama melalui dialog dan kerja sama yang konstruktif.

Dalam konteks Malaysia, di mana terdapat beragam agama dan kepercayaan, pendekatan TGNA ini sangat penting untuk mempromosikan harmoni dan mencegah konflik antara umat beragama. Dalam upaya meningkatkan keamanan, TGNA juga menekankan pentingnya memperkuat moral dan etika dalam masyarakat. Beliau percaya bahawa masyarakat yang memiliki moral dan etika yang kuat akan mempromosikan perdamaian dan keamanan secara alami, sementara masyarakat yang kehilangan moral dan etika dapat menyebabkan kekacauan dan konflik.

Dalam pemikirannya tentang keamanan, TGNA juga menonjolkan konsep jihad yang sebenarnya, iaitu jihad dalam membela kebenaran dan keadilan, bukan jihad dalam bentuk kekerasan atau terorisme. TGNA menekankan pentingnya mengambil jalan damai dan konstruktif dalam memperjuangkan kebenaran dan keadilan, dan menentang kekerasan dan tindakan ekstremis yang merugikan masyarakat.

Pendekatan dan Uslub Dakwah TGNA

TGNA merupakan seorang ulama dan pemimpin masyarakat yang terkenal dengan kaedah dan pendekatan dakwahnya yang berkesan. Kajian ini mendapat terdapat pelbagai pendekatan dan uslub dakwah yang diaplikasikan oleh beliau. Namun, terdapat tiga kaedah utama retorik

pengucapan iaitu *Logos*, *Ethos* dan *Pathos* dalam setiap ceramah untuk mempengaruhi audiens (Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini, 2021). Perincianya adalah seperti di bawah:

Logos

Logos ialah kaedah retorik yang merujuk kepada penggunaan logik dan hujah yang rasional dalam pengucapan. Dalam menggunakan logos, pengucap perlu menyajikan fakta, bukti, dan dalil yang kukuh untuk menyokong hujah yang dibentangkan (Braet, 1992; Demirdögen, 2010). Dalam konteks TGNA, beliau menggunakan logos dengan cara menyajikan bukti-bukti yang berdasarkan pemikiran logik dan rasional.

Contohnya, dalam ceramahnya tentang pentingnya menuntut ilmu, beliau menyajikan fakta-fakta tentang manfaat ilmu pengetahuan dan bagaimana ilmu pengetahuan dapat membantu seseorang dalam kehidupannya. Beliau juga menggunakan dalil-dalil dari Al-Quran dan hadis untuk menyokong argumennya. Dengan menggunakan logos, Nik Abdul Aziz Nik Mat berjaya meyakinkan audiensnya tentang pentingnya menuntut ilmu secara logik dan rasional (Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini, 2021).

Ethos

Ethos merujuk kepada kaedah retorik yang digunakan untuk membangun kredibiliti dan keyakinan diri pengucap melalui penggunaan bahasa dan tingkah laku yang sesuai. Dalam menggunakan *ethos*, pengucap perlu membangun imej dirinya sebagai individu yang dapat dipercayai, memiliki integriti, dan autoriti dalam topik yang dibahaskan (Braet, 1992; Demirdögen, 2010). TGNA menggunakan *ethos* dengan menunjukkan dirinya sebagai seorang ulama dan pemimpin masyarakat yang memiliki integriti dan autoriti dalam agama Islam.

TGNA juga menggunakan bahasa yang sopan dan perilaku yang sesuai dengan nilai-nilai agama Islam. Contohnya, dalam ceramahnya tentang pentingnya menjaga akhlak, beliau menunjukkan dirinya sebagai contoh teladan melalui perilaku dan sikap yang baik. Dengan menggunakan *ethos*, Nik Abdul Aziz Nik Mat dapat membangun kepercayaan audiens terhadap dirinya sebagai seorang ulama dan pemimpin masyarakat yang dapat dipercayai (Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini, 2021).

Pathos

Pathos ialah kaedah retorik yang menggunakan emosi dan perasaan dalam pengucapan. Pengucap harus membangkitkan emosi audiens dengan menggunakan bahasa dan gaya bahasa yang sesuai untuk membuat mereka merasa terhubung dengan topik yang dibahaskan dan mempengaruhi mereka secara emosional (Braet, 1992; Demirdögen, 2010). TGNA menggunakan *pathos* melalui bahasa yang penuh perasaan dan gaya bahasa yang menggugah hati. Contohnya, dalam ceramahnya, beliau menggunakan bahasa yang penuh kasih sayang dan kelembutan untuk membujuk audiens agar melakukan amalan-amalan soleh.

Selain itu, TGNA juga sering menggunakan kisah-kisah inspirasi atau contoh-contoh nyata untuk memperkuat hujahnya dan membuat audiens merasakan emosi yang sama seperti dirinya. Dengan menggunakan *pathos*, beliau dapat membuat audiens terhubung secara emosional dengan topik yang dibahaskan dan mempengaruhi mereka untuk bertindak sesuai dengan pesannya (Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini, 2021).

Berdasarkan penjelasan tentang pemikiran TGNA dan pelaksanaannya di negeri Kelantan, dirumuskan bahawa beliau mempunyai sudut pandang yang unik, komprehensif terhadap

konsep dakwah. Justifikasinya, TGNA menjadi tokoh yang mendapat perhatian oleh para sarjana dalam penyelidikan mereka dari pelbagai sudut; sama ada dari sudut pemikiran atau pelaksanaan; ulama atau umara'; dari sudut agama, politik, pentadbiran, ekonomi dan sebagainya. Justeru, kajian ini yakin bahawa ketokohan dan pemikiran TGNA mampu diketengahkan secara lebih serius sama ada di peringkat nasional atau internasional.

Secara keseluruhannya, pemikiran dakwah TGNA telah memberi sumbangan penting dalam menonjolkan Islam yang moderat, harmoni antara agama, keadilan sosial, dan kesejahteraan sosial di Malaysia. Selain itu, pemikiran dakwah TGNA menolak kekerasan dan ekstremisme dalam memperjuangkan kebenaran dan keadilan, dan menawarkan solusi yang konstruktif dan damai. Oleh karena itu, dapat disimpulkan bahawa konsep dakwah TGNA masih relevan di era globalisasi karena dapat membantu mempromosikan Islam yang moderat, harmoni antara agama, keadilan sosial, dan kesejahteraan sosial, serta menawarkan solusi yang konstruktif dan damai dalam menghadapi tantangan global. Namun, perlu diingat bahawa relevansi konsep dakwah TGNA di era globalisasi dapat tergantung pada konteks dan situasi masyarakat yang berbeza-beza.

Kesimpulan

Pemikiran dakwah TGNA telah memberi sumbangan penting dalam menonjolkan Islam yang moderat, harmoni antara agama, keadilan sosial, dan kesejahteraan sosial di Malaysia. TGNA menekankan pentingnya membangun hubungan yang baik antara hubungan seorang hamba dengan Allah SWT, mengamalkan moral serta etika dalam masyarakat. Selain menolak kekerasan dan ekstremisme dalam memperjuangkan kebenaran dan keadilan, pemikiran dakwah TGNA menawarkan solusi yang konstruktif dan damai. Kajian seterusnya boleh memberikan perhatian kepada keberkesanan kaedah dan strategi dakwah yang digunakan oleh TGNA serta pengaruh dan kontribusinya terhadap gerakan dakwah di negara-negara jiran di rantau Asia Tenggara, kerana pemikiran beliau turut mempengaruhi masyarakat Islam di luar negara.

Rujukan

- Abd Hamid, R. @ A. R., & Hj. Siren, N. R. (2018). Manhaj Dakwah Nabi Ibrahim AS Menurut al-Qur'an dan Aplikasinya dalam Dakwah Masa Kini. *Journal of Usuluddin*, 46(1), 23–44. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol46no1.2>
- Abdullah, M. I. (2018). Konsep Dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Pembinaan Keislaman Rakyat Negeri Kelantan. *Al-Idarah: Jurnal Manajemen Dan Administrasi Islam*, 2(1), 119. <https://doi.org/10.22373/al-idarah.v2i1.3395>
- Ahmad Izahan Ibrahim, & Zaki, A. (2018). Pemikiran Politik Hassan Al-Banna, Syed Qutb Dan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat : Satu Analisis. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 214–223. <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/14>
- Ahmad Najib Abdullah, & Nor. (2021). Keunikan Tafsir Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat. *Albasirah Journal*, 11(1), 33–46. <https://mjir.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/30673>
- Braet, A. C. (1992). *Ethos, pathos and logos in Aristotle's Rhetoric: A re-examination*. 6(3), 307–320. <https://doi.org/10.1007/bf00154696>
- Choirullah, A. F. (2020). Nilai-nilai religius dalam kisah perjuangan dakwah Nabi Nuh AS perspektif al-Quran. *Ath Thariq Jurnal Dakwah Dan Komunikasi*, 4(1), 59. https://doi.org/10.32332/ath_thariq.v4i1.1667
- Demirdögen, Ü. (2010). The roots of research in (political) persuasion: Ethos, pathos, logos and the Yale studies of persuasive communications. *International Journal of Social Inquiry*, 3(1), 189–201. <https://dergipark.org.tr/en/download/article-file/164133>

- Fitrah Sugiarto. (2018). Wawasan al-Quran Tentang Metode Dakwah Dalam Islam (Perspektif Pemikiran Quraish Shihab, Buya Hamka, dan Sayyid Quthb). *Media Bina Ilmiah*, 14(7), 2809–2816. <https://doi.org/10.33758/mbi.v14i7.468>
- Gun Gunawan, G., & Bunyamin, H. (2015). Pengembangan Aplikasi Kisah 25 Nabi dan Rasul Berbasis Android. *Jurnal Algoritma*, 12(2), 298–295. <https://doi.org/10.33364/algoritma.v.12-2.298>
- Hadi, A. (2019). Pengajaran Agama Islam Di Lembaga Pendidikan Non-Formal (Studi Pemikiran dan Metode Pengajaran Agama Islam Nik Abdul Aziz Nik Mat di Malaysia) - UMM Institutional Repository. Umm.ac.id. <https://eprints.umm.ac.id/53963/1/NASKAH.pdf>
- Hidayatullah, M. G. (2020). Konsep “amar makruf nahi mungkar dalam al-Quran perspektif mufassirin dan fuqaha.” *Al'adalah*, 23(1), 1–10. <https://doi.org/10.35719/aladalah.v23i1.55>
- Husin, G. I. (2018). Pemikiran tentang sistem dan kelembagaan pendidikan Islam di masa Rasulullah pada periode mekkah dan periode madinah. *Al Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan Dan Kemasyarakatan*. <https://doi.org/10.35931/aq.v0i0.11>
- Hussina, M. H., & Ismaila, A. S. (2022). Ketokohan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat Dalam Mentadbir Negeri Kelantan. *Integrating Values of Humanities and Social Sciences for Sustainable Future*, 120.
- Ikhlas, N. (2022). Legitimasi Pesan Dakwah Dalam Hadis Amar Ma'ruf Nahy Munkar. *Journal of Da'wah*, 1(1), 133–147. <https://doi.org/10.32939/jd.v1i1.1312>
- Ismail Yusuf. (2015). *Tuan Guru Nik Abdul Aziz Pemikiran Agama dan Politik*. Sintok Kedah: UUM.
- Jamal Mohd. (1990). *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Seorang Ulama Serta Ahli Politik Malaysia Di Abad ke-20*. Batu Caves: SULFA Human Resources.
- Johari Mat, Nurliyana Ahmed, & Ahmad Fathi Yusoff. "Tok Guru Dato Bentara Setia, Dato Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat." (2020).
- Majalah Pengasuh. "Majis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan". Mei 1975.
- Mohamad, S., Adnan, M., Ahmad Najib Abdullah, & Nor. (2020). Sumbangan Tuan Guru Nik Abdul Aziz kepada Pembangunan Pentadbiran Islam di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan. *Albasirah Journal*, 10(2), 57–76. <http://adum.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/27908>
- Mohd Aizat. Pemikiran Tuan Guru. Batu Caves Selangor: Publising House, 2011.
- Mohd, & Zaki, A. (2017). Aktiviti dakwah JAKIM terhadap masyarakat orang asli: pelaksanaan dan cabarannya. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 1(1), 45–61. <https://journal.unisza.edu.my/mjis/index.php/mjis/article/view/15>
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Abang Muis, A. M. R., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin @ Lokin, S. A. (2021). An Analysis Of Islamic Communication Principles In The Al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 140–156. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.6230010>
- Mu'minatul, H. M. (2018). Pendekatan Psikologi Dakwah Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat Terhadap Non-Muslim Pada Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP),- Repository UIN Raden Fatah Palembang. Radenfatah.ac.id. <http://repository.radenfatah.ac.id/10567/1/FULL%20THESIS.pdf>
- Nasir, M. S., & Mat Teh, K. S. (2021). Elemen Nilai Dalam Teks Sastera Kisah Para Nabi Untuk Bacaan Kanak-kanak Menurut Perspektif al-Nadwi. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 14–26. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v11.6116>
- Nawi, M. (2018). Integrasi dakwah dan politik dalam pemikiran serta aktivitas tuan guru Nik Abdul Aziz Nik Mat di Malaysia. *Uinjkt.ac.id*. <https://doi.org/>--

- Nik Abdul Aziz. Pusat Pentadbiran Islam. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik, 1995.
- Nurshabrina, Q. (2021). Dakwah Nabi Nuh ‘Alaihissalam: Studi Tafsir Tematik Dakwah Nabi Nuh dalam Surat Nuh. *Ulumul Qur'an: Jurnal Kajian Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir*, 1(1), 19–26. <https://doi.org/10.58404/uq.v1i1.9>
- Nurul Iman Ahmad Bukhari, Dato' Dr. Johari Mat, Nurliyana Ahmed, & Ahmad Fathi Yusoff. (2020). Biografi Ringkas / A Short Biography of Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat.
- Nurul Nadiah Zamri, & Zulkefli Aini. (2021). Retorik dalam Dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Jurnal Pengajian Islam*, 149–158. <http://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/63>
- Salam, A. (2021). An Overview of the Concept, Meanings, Nature and Significance of Islamic Da'wah. *Al-Itqan: Journal Of Islamic Sciences And Comparative Studies*, 5(1), 19–49. <https://journals.iium.edu.my/al-itqan/index.php/al-itqan/article/view/188>
- Salleh, M.A.M. (2015). Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Dalam kenangan. Batu Caves: Publishing House Sdn Bhd.
- Surtahman Kastin Hasan, & Ahmad, N. (2017). Pemikiran Tuan Guru Dato Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam Ekonomi. *Jurnal Usuluddin*, 20, 69–88. <https://vmis.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4211>
- Surtahman Kastin Hasan, & Ahmad, N. (2017). Pemikiran Tuan Guru Dato Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam Ekonomi. *Jurnal Usuluddin*, 20, 69–88. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4211>
- Vered Kahani-Hopkins, & Nick Hopkins. (2023). “*Representing” British Muslims: the strategic dimension to identity construction*. Ethnic and Racial Studies. <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/01419870120109494>
- Wan Nik Wan Yusuf. (2005). Legasi Tok Guru Politik dan Dakwah. Kota Bharu Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Yusoff, I. (2009) Pemikiran dan Perjuangan dan Politik Nik Abdul Aziz bin Nik Mat 1964-2004. Universiti Malaya.
- Yusoff, Ismail & Ahmad, Shukri (2011) *Pembangunan Islam menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Dlm: Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, 25-26 November 2011, Kota Bharu.

BAB 8

RELEVANSI PEMIKIRAN AL-JUWAINI DALAM ERA GLOBALISASI MELALUI PENDEKATAN AL-MAQASIDI

Abdul Azib Hussain,¹ Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin,¹ Mohd Saiba Yaacob,¹ dan Hamidi Abdul Ghani¹

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

Pengenalan

Keupayaan para ulama memahami dengan mendalam mengenai hikmah di sebalik pensyariatan hukum adalah sebagai usaha untuk membuktikan setiap perintah dan larangan syarak sentiasa memberikan kemaslahatan kepada manusia. Ini menunjukkan bahawa syariat Islam sentiasa relevan pada setiap masa, tempat dan keadaan. Antara tokoh terkemuka yang membicarakan mengenai objektif pensyariatan hukum secara lebih khusus adalah al-Juwaini.

Beliau mengemukakan pemikiran mengenai objektif-objektif syarak melalui karya agung *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Penulis menamakannya sebagai pendekatan al-maqasidi iaitu sebagai nisbah ringkas kepada maqasid al-Syariah. Istilah al-maqasidi juga pernah diketengahkan dalam perbahasan mengenai bidang tafsir al-Quran (Hilmy Pratomo, 2019; Maula Sari, 2020; Musfiqotur Rohmati, 2022), pemikiran (Al Mughira Hamzeh, Wan Mohd Yusuf & Ahmed Muhammad, 2019) dan bahasa (Fatmah Taufik Hidayat, 2021).

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif kepustakaan. Data-data kajian diambil daripada sumber-sumber bertulis berupa salinan keras dan Internet. Data-data kajian daripada sumber bertulis adalah seperti artikel jurnal, tesis, disertasi, buku dan prosiding. Data-data yang diperolehi dikumpulkan dan dianalisis menggunakan metode induktif, deduktif, komparatif dan historis. Kemudian ia diuraikan secara deskriptif dengan memfokuskan kepada beberapa isu penting yang mempunyai hubungan dengan sub topik dan tajuk kajian.

Tinjauan Literatur

Kajian berkaitan pemikiran al-maqasidi al-Juwaini telah dilakukan oleh ramai para pengkaji. Secara umumnya kajian tersebut boleh dikategorikan kepada beberapa bidang seperti; [a] Persejarahan; [b] Pemerintahan; dan; [c] Konsep. Antara kajian yang membincangkan mengenai persejarahan adalah seperti tulisan Ghilman Nursidin (2016). Manakala kajian yang membahaskan mengenai pemerintahan adalah seperti artikel Sulaiman et al. (2020). Dan artikel yang membincangkan mengenai konsep adalah seperti tulisan Dhoqi Dofiri et al. (2022). Kebanyakan daripada perbincangan dalam kajian terdahulu masih belum menyentuh mengenai pemikiran al-maqasidi al-Juwaini dalam menghadapi era globalisasi semasa. Oleh itu, kertas kerja ini cuba mengetengahkan perbincangan idea baru mengenai relevansi pemikiran al-Juwaini dalam era globalisasi melalui pendekatan al-maqasidi.

Dapatan dan Perbincangan

Biografi al-Juwaini

Nama penuhnya adalah Abdul Malik bin Abdullah bin Yusuf bin Abdullah bin Yusuf bin Muhammad bin Hayyuyah al-Juwaini al-Naisaburi (Ibn Khallikan Wafayat al-Ayan Wa Anba Abna al-Zaman, 2020). Juga dikenali sebagai Abu al-Ma’ali. Dinisbahkan kepada tempat kelahirannya di Juwain dan Naisabur, iaitu kota yang terletak di bahagian Utara Iran sekarang (Ibn Subki, 2023).

Para ulama berbeza pendapat mengenai tahun kelahirannya. Ibn Athir berpandangan beliau dilahirkan pada tahun 410 hijrah, manakala Ibn al-Jawzi pula berpendapat beliau dilahirkan pada tahun 417 hijrah. Namun majoriti ulama bersetuju bahawa beliau dilahirkan pada 18 Muharram 419 hijrah bersamaan dengan 22 Februari 1028 masihi. Pendapat ini kemudian disepakati oleh ulama kerana kiraan tempoh hidup beliau adalah selama 59 tahun. Beliau wafat pada tanggal 25 Rabi’ al-Aakhir 478 hijrah selepas selesai solat Isyak.

Keluarga dan Perkembangan Pendidikannya

Beliau membesar dan hidup dalam lingkungan keluarga para ulama. Ayah dan datuknya merupakan tokoh ulama terkemuka pada zamannya. Beliau mendapat bimbingan dan didikan langsung daripada ayahnya. Setelah menginjak dewasa, beliau berguru dengan para ulama dalam pelbagai disiplin ilmu. Antaranya adalah seperti:

Ilmu fiqh dan usul al-fiqh:

- Husin bin Muhammad al-Marwazi
- Abu al-Qasim al-Iskaf al-Isfarayini

Ilmu bahasa Arab:

- Abu ‘Abdillah al-Bukhari
- Abu al-Hasan Ali al-Majassy’i

Ilmu hadith:

- Al-Hafiz Abu Nu’aim al-Asbahani
- Abu Sa’d bin Malik
- Abu Hasan Muhammad bin Ahmad al-Muzakki
- Abu Sa’ad bin Nadraw
- Mansur bin Ramisyi
- Abu Bakr Ahmad bin Muhammad bin Haris al-Ashabani al-Tamimi
- Abu Sa’ad bin Hamdan al-Naisabur

Rehlah Ilmiyyah

Semasa era Dinasti Saljuk di bawah pemerintahan Perdana Menteri al-Kunduri yang berfahaman mu’tazilah, ramai tokoh ulama ‘Ashai’rah telah ditangkap dan dipenjarakan. Oleh itu, al-Juwaini telah menyelamatkan dirinya dengan merantau ke Baghdad, Hijaz dan Iraq. Beliau pernah mengajar dan memberikan fatwa ketika berada di Mekah dan Madinah selama empat tahun. Kerana itulah beliau digelar sebagai Imam al-Haramain.

Setelah Nizam al-Mulk menggantikan al-Kunduri dan mengasaskan Madrasah Nizamiyyah, al-Juwaini kembali semula ke Naisabur dan mengajar di madrasah tersebut. Beliau dilantik sebagai pensyarah pertama di situ. Kerana kehebatan ilmunya, Naisabur menjadi terkenal dan pusat perkembangan intelektual bagi penuntut ilmu pada zaman tersebut.

Warisan Karya

Tiga dekad terakhir dalam hidupnya telah digunakan oleh beliau untuk mengarang kitab, mengajar, berbincang dan berdebat secara ilmiah. Sebagai intelektual Islam yang mempunyai pemikiran luas dan kepakaran tinggi dalam ilmu fiqh dan usul, beliau telah menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bidang. Antaranya adalah seperti bidang:

Ilmu usul al-fiqh:

- *Al-Burhan fī Usul al-Fiqh*
- *Al-Waraqat*
- *Mughits al-Khuluq fī Ikhtiyar al-Haq*
- *Al-Irsyad fī Usul al-Fiqh*

Ilmu fiqh:

- *Nihayah al-Matlab fī Dirayah al-Mazhab*
- *Risalah fī al-Fiqh*
- *Risalah fī al-Taqlid wa al-Ijtihad*

Ilmu kalam:

- *Al-Irsyad ila Qawati' al-Adillah fī Usul al-I'tiqad*
- *Risalah fī Usul al-Din*
- *Al-Kamil fī Ikhtisar al-Shamil*
- *Ghiyath al-Umam fī Qiyat al-Zulm*
- *Syifa' al-Ghalil fī Bayan ma wara'a fī al-Tawrat wa al-Injil min al-Tabdil*
- *Al-'Aqidah al-Nizamiyyah fī al-Arkan al-Islamiyyah*
- *Luma' al-Adillah fī Qawa'id Aqaid Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*
- *Al-Talkhis fī al-Usul*

Pemikiran al-Maqasidi al-Juwaini

Al-Juwaini merupakan ulama usul pertama yang meletakkan perbahasan mengenai konsep ilmu maqasid al-Syariah. Walaupun beliau tidak menamakan perbahasan ini dengan bab khusus sebagai maqasid al-Syariah, namun kefahaman dari perbahasan beliau terhadap konsep ilmu ini diambil secara implisit dalam bab ketiga iaitu *fī taqasim al-'ilal wa al-usul* (Abd al-Azim al-Dib, 1399H). Kemudian ilmu ini disusun secara lebih bersistematik oleh ulama bermazhab Maliki iaitu al-Shatibi dalam kitabnya *al-Muwafaqat fī Usul al-Ahkam*. Perbahasan mengenai al-maqasid ditulis oleh beliau dalam jilid yang kedua (Fahrur Rozi, Tutik Hamidah & Abbas Arfan, 2022).

Menurut al-Juwaini, mereka yang belum mampu memahami dengan baik tujuan perintah dan larangan Allah SWT masih belum mampu untuk mengistinbat hukum syarak. Tujuan perintah dan larangan syarak menurut pandangannya adalah untuk mencapai kemaslahatan hidup para hamba (*masalih al-'ibad*) sama ada di dunia atau akhirat (Abd al-Azim al-Dib, 1399H).

Konsep al-Maqasidi Menurut Perspektif al-Juwaini

Aspek-aspek perbahasan kaedah berhukum seperti ijma', ijtihad, qiyas, qat'i, zanni, perintah, larangan dan seumpamanya adalah bertujuan untuk kemaslahatan umat. Menurut al-Juwaini, objektif umum pensyariatan hukum (*al-maqasid al-'ammah*) di sisi beliau adalah untuk menarik kemaslahatan dan menolak kemudaratuan (*jalb al-masalih wa dar'u a-mafasid*) (Hisyam bin Said Azhar, 2010). Beliau telah membahagikan maqasid umum menurut maslahah

objektif hukum kepada tiga pembahagian iaitu; [a] *Al-daruriyyat*; [b] *Al-hajiyat*, dan; [c] *Al-tahsiniyyat* atau *al-kamaliyyat*.

Al-daruriyyat adalah merujuk kepada keperluan utama yang menjadi kemestian dalam melaksanakan maslahat agama dan dunia, yang mana apabila ia tiada maka akan berlaku kerosakan dan kacau bilau kepada kehidupan manusia sama ada di dunia atau akhirat. Menurut Imam al-Syatibi, perkara yang terkandung di dalam perkara *al-daruriyyat* adalah menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.

Al-hajiyat pula merujuk kepada perkara yang menjadi keperluan dalam kehidupan mukalaf seperti rukhsah dalam meringankan manusia untuk melaksanakan ibadat ketika dalam keadaan sakit atau kesulitan seperti musafir. *Al-hajiyat* menjadi keperluan untuk menghubungkan hidup manusia dengan manusia lain dan mempertalikan manusia dengan makhluk-makhluk Allah.

Manakala *al-tahsiniyyat* atau *al-kamaliyyat* pula adalah merujuk kepada kesesuaian dan keelokan akhlak serta menjauhkan perkara-perkara kotor yang dibenci oleh akal yang waras. Contohnya adalah seperti larangan mencela dan menipu manusia atau mendedahkan aurat. Segala bentuk kemuliaan dan keluhuran budi pekerti serta kesucian hati seseorang Muslim dalam melaksanakan kewajipan agama adalah dinamakan sebagai *al-tahsiniyyat* atau *al-kamaliyyat*.

Relevansi Pemikiran al-Juwaini dalam Era Globalisasi Melalui Pendekatan al-Maqasidi

Asas-asas utama relevansi pemikiran al-Juwaini yang diketengahkan melalui pendekatan al-maqasidi masih menjadi landasan perbincangan di kalangan para sarjana. Beberapa isu dasar yang diketengahkan melalui pemikiran beliau masih diangkat sebagai topik perbincangan sehingga ke hari ini. Kupasan di bawah topik ini cuba menonjolkan fokus utama tajuk kajian yang dikemukakan. Perbincangan lanjutan akan dihuraikan di bawah dua sub topik iaitu; [a] Pendekatan al-maqasidi dalam pemikiran al-Juwaini dan; [b] Relevansi pemikiran al-Juwaini dalam era globalisasi.

Pendekatan al-Maqasidi dalam Pemikiran al-Juwaini


Antara butir pendekatan al-maqasidi beliau secara umum adalah menarik kemaslahatan dan menolak kemudarat (jalb al-masalih wa dar'u a-mafasid) (Hisyam bin Said Azhar, 2010). Hal ini termasuk untuk merealisasikan keadilan dalam kalangan manusia (*al-'adl bayn al-nas*). Penegakan keadilan ini dapat dicapai melalui landasan agama dan disokong oleh kekuasaan. Oleh itu, hubungan antara agama dan kekuasaan menurut pemikiran al-Juwaini tidak dapat dipisahkan. Ini terserlah melalui konsep *al-imamah* (kepimpinan tertinggi) yang diketengahkannya iaitu sebagai penyambung kepada kepimpinan Rasulullah SAW.

Menurut beliau, Baginda SAW bukan hanya sebagai ketua agama namun juga sebagai ketua negara (Nurrohman, 2004). Dalam erti kata yang lain, agama dan politik tidak boleh dipisahkan. Oleh kerana asas pendekatan al-maqasidi beliau secara khusus terbina di atas menjaga kemaslahatan para hamba, maka hubungan antara agama dan politik adalah sebagai memelihara agama dan mentadbir dunia berlandaskan agama (*hirasah al-din wa siyasah al-dunya bih*).

Bertitik tolak daripada perbahasan mengenai konsep *al-imamah* ini, maka cakupan relevansi pemikirannya cenderung berkait dengan urusan pentadbiran dan pengurusan negara yang boleh mencapai hasrat memberikan kemaslahatan kepada rakyat. Berdasarkan kajian literatur yang telah dilakukan, penyelidik telah mengenal pasti beberapa aspek utama yang mempunyai relevansi dengan pemikiran al-Juwaini dalam era globalisasi kini. Antaranya adalah berkait dengan; [a] Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*); [b] Aplikasi

konsep al-maqasidi dalam urus tadbir negara, dan; [c] Pembangunan dan pengurusan harta. Gambaran mengenai fokus perbincangan ini diringkaskan seperti dalam rajah 1 di bawah:

Rajah1: Pendekatan al-Maqasidi dalam Pekiran al-Juwaini dan Relevansinya dalam Era Globalisasi



(Sumber: Penyelidikan, 2023).

Al-Juwaini telah membincangkan konsep politik dan *imamah* di dalam karyanya *Ghiyath al-Umam*. Menurutnya, mendirikan *imamah* hukumnya adalah wajib apabila berkemampuan. Seorang pemimpin juga mesti memiliki keupayaan dan kredibiliti dalam menguruskan pentadbiran. Hal ini termasuklah mempunyai sifat fizikal secara sempurna yang tidak mengurangi pemikiran dan tugas-tugas fizikalnya sebagai seorang pemimpin (Nurrohman, 2004). Elemen keupayaan dan kredibiliti adalah keperluan mendesak (*daruriyyat*) yang wajib dipenuhi oleh seorang pemimpin. Manakala elemen mempunyai ilmu yang tinggi seperti keupayaan berijtihad, bersifat takwa serta wara' dan berbangsa Quraisy pula hanya dikira sebagai *hajiyat* dan *tahsiniyyat* sahaja.

Relevansi Pendekatan al-Maqasidi al-Juwaini dalam Era Globalisasi

Menongkah arus globalisasi yang semakin mencabar, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui usaha sama negara-negara anggota UNESCO sejak 2015 telah memperkenalkan 17 matlamat kelestarian global yang dinamakan sebagai ‘Matlamat Pembangunan Lestari’ - *Sustainable Development Goals* (SDG). Ia merupakan agenda global UNESCO yang ingin direalisasikan menjelang tahun 2030. Objektif-objektif utama yang dikenyalah untuk mencapai SDG meliputi penyelesaian isu pembangunan sosial dan ekonomi seperti kemiskinan, kelaparan, kesihatan, pendidikan, pemanasan global, air, sanitasi, tenaga, urbanisasi, alam sekitar dan keadilan sosial (Sustainable Development Goals, United Nations Development Programme, 2015).

Gambar 1: 17 Matlamat Pembangunan Lestari - Sustainable Development Goals (SDG).



Sumber: United Nations Development Programme, 2015

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)

Pendekatan al-maqasidi yang diketengahkan oleh al-Juwaini boleh dihubungkan dengan beberapa Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang dinyatakan di atas. Kerelevanannya juga sangat jelas apabila kerajaan sendiri telah mencadangkan supaya prinsip al-maqasidi dihubungkan dengan SDG dalam usaha mencari penyelesaian untuk memajukan kewangan Islam di Malaysia (Siti A'isyah Sukaimi, 2022). Beberapa penulisan terdahulu seperti Haniza Khalid dan Irwan Ariffin (2019) telah mengaitkan kerelevanannya pendekatan al-maqasidi dengan SDG. Berdasarkan tinjauan kajian yang dilakukan, penulis juga mendapati hubungan dan relevansi pendekatan al-maqasidi dengan SDG dalam era globalisasi boleh difokuskan kepada beberapa bidang keberhasilan. Antaranya adalah seperti bidang kewangan Islam (UKIFC, 2021) dan penjagaan keamanan negara (Faezy Adenan dan Asmak Ab Rahman, 2020).

Pendekatan al-maqasidi dalam bidang kewangan Islam mempunyai relevansi dengan SDG 1, 2 dan 3 (no poverty, zero hunger and good health & well-being) dari sudut penjagaan jiwa dan harta (*hifz al-nafs wa hifz al-mal*). Menurut United Kingdom Islamic Finance Council (UKIFC) (2021), kestabilan kewangan Islam dapat membantu mencapai matlamat SDG, termasuk mengatasi kerentanan golongan miskin, pembangunan dan pengumpulan sumber. Dana wakaf dan zakat merupakan antara paksi utama yang harus diterokai sebagai faktor pendorong kepada kestabilan sektor kewangan. Menurut Haq dan Wahab (2019) pula, pembangunan asnaf secara lebih holistik dengan usaha bersitematik serta bersepadan dapat menyelamatkan mereka daripada sebarang kekurangan. Galakan pembasmian kemiskinan dan penyelesaian status asnaf harus diberikan tumpuan sewajarnya dalam menunaikan tuntutan maqasid. Oleh itu pendekatan al-maqasidi memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat pembangunan lestari yang ditetapkan dalam SDG.

Manakala pendekatan al-maqasidi dalam penjagaan keamanan negara mempunyai hubungan yang sangat signifikan dengan SDG. Antara elemen al-maqasidi al-Juwaini secara khusus ialah menjaga kemaslahatan awam. Perkara ini hanya dapat dicapai apabila negara berada dalam keadaan aman. Sebarang bentuk jenayah seperti pembunuhan, keganasan, kecurian, rompakan, rogol dan seumpamanya akan menjadi berkurangan. Oleh itu, penjagaan keamanan negara dalam al-maqasidi al-Juwaini merupakan suatu kewajipan yang berada pada tahap keperluan

mendesak (*daruriyyat*). Daripada 17 matlamat yang ingin dicapai dalam SDG, terdapat satu matlamat SDG yang ingin mencapai keamanan dalam negara dan keamanan global iaitu matlamat ke-16 (*peace, justice & strong institutions*) (Faezy Adenan dan Asmak Ab Rahman, 2020). Menjaga keamanan negara bermakna menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta daripada dicerobohi tanda alasan yang benar. Oleh itu, ia dapat mencapai matlamat keamanan sejagat yang diingini oleh SDG.

Aplikasi Konsep al-Maqasidi dalam Tadbir Urus Negara

Kerelevan pemikiran al-Juwaini dalam era globalisasi melalui pendekatan al-maqasidi juga telah dibuktikan melalui aspek aplikasi konsep al-maqasidi dalam tadbir urus negara yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia. Berdasarkan tinjauan literatur, kerajaan Malaysia melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pernah menerbitkan buku Indeks Syariah Malaysia, Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid al-Syariah (2015). Indeks ini diperolehi melalui pengagregatan lapan subindeks utama iaitu; [1] Perundangan Islam; [2] Politik; [3] Ekonomi; [4] Pendidikan; [5] Kesihatan; [6] Budaya; [7] Prasarana dan persekitaran, serta; [8] Sosial. Menurut Othman bin Mustafa (2015), pelancaran Indeks Syariah Malaysia adalah sejajar dengan hasrat dan kesungguhan kerajaan untuk melaksanakan pendekatan maqasid al-Syariah dalam pentadbiran negara. Kandungan buku turut menegaskan bahawa prinsip al-maqasidi merupakan kunci utama dalam membantu kelancaran tadbir urus sesebuah kerajaan melalui peranan pembentukan individu sehingga kepada sebuah negara yang sempurna (Indeks Syariah Malaysia, 2015).

Aplikasi konsep al-maqasidi dalam tadbir urus negara juga pernah dibentangkan oleh Muhammad Adib Samsudin (2018). Menurut beliau, aplikasi konsep al-maqasidi yang diterjemahkan melalui pelaksanaan syariat Islam di Malaysia terbatas dalam beberapa bidang seperti ibadat, muamalat dan munakahat sahaja. Ini bermakna masih terdapat kekurangan pelaksanaan konsep al-maqasidi dalam bidang undang-undang jenayah. Contohnya seperti pelaksanaan hukuman ke atas orang murtad (*hifz al-din*), qisas (*hifz al-nafs*), sebatan ke atas peminum arak (*hifz al-'aql*), rejam atau sebatan kepada penzina (*hifz al-nasl*) dan potong tangan ke atas pencuri (*hifz al-mal*).

Pembangunan dan Pengurusan Harta

Al-Juwaini telah memperkenalkan beberapa kaedah dan pendekatan al-maqasidi yang sangat relevan dan masih digunakan dalam pembangunan dan pengurusan harta sehingga kini. Antara pendekatan al-maqasidi beliau tersebut adalah seperti; [i] *Al-taysir wa mura'at al-hajah*; [ii] *Dar'u al-darar*; [iii] *Man'u al-jahalah wa al-gharar*; [iv] *Man'u akl amwal al-nas bi al-batil*; dan banyak lagi. Dalam pendekatan al-maqasidi berdasarkan kaedah *al-taysir wa mura'at al-hajah* (memudahkan dan meraikan keperluan), perbincangan berkaitan hukum-hakam seperti isu jual beli dapat diselesaikan dengan mudah. Antaranya adalah seperti isu *bai' al-salam*, *bai' al-'araya*, *al-qarad*, *al-masaqah*, *al-ijarah*, *ju'alah* dan *al-hawalah*. Semua isu muamalat yang disebutkan ini adalah menyalahi qiyas, namun syarak mengharuskannya sebagai menyahut keperluan manusia dan hajat mereka. Ini merupakan di antara bentuk kemudahan dalam agama yang hendak dicapai dalam objektif pensyariatan hukum (Hisyam Said Azhar, 2010).

Menurut Wan Nazjmi Mohamaed Fisol dan Siti Hafsha Albasri (2017), pendekatan al-maqasidi adalah penting dalam membangunkan produk kewangan Islam. Antara objektif dalam pembangunan produk kewangan Islam adalah untuk menarik kemaslahatan dan menolak kemudaratian (*jalb al-masalih wa dar al-mafasid*). Bentuk kemaslahatan boleh dicapai apabila terpelihara daripada transaksi riba yang mengakibatkan penindasan serta kezaliman. Oleh itu, keutamaan pendekatan al-maqasidi dan kaedah-kaedah fiqh (*qawaaid al-fiqhiyyah*) dapat digunakan sebagai panduan untuk para penyelidik Syariah menilai produk-produk kewangan supaya selaras dengan objektif syarak.

Kesimpulan

Perbahasan dalam tajuk kajian ini menonjolkan relevansi dan keupayaan pemikiran al-maqasidi al-Juwaini menghadapi cabaran era global. Walaupun asas teori pemikiran al-maqasidi beliau telah wujud sejak sekian lama sebelum dunia mengalami perkembangan teknologi dan maklumat yang begitu pesat, namun nilai-nilai teras yang ada dalam pendekatan al-maqasidi masih sesuai diaplikasikan serta relevan dengan kehendak semasa dan akan datang. Hal ini terbukti melalui hubungannya yang sangat signifikan dengan SDG, pengaplikasian konsep al-maasidi dalam tadbir urus negara serta pembangunan dan pengurusan harta.

Rujukan

- Abd al-Azim al-Dib. (1399H). *Al-burhan fi usul al-fiqh*. Qatar: T.P.
- Dhoqi Dofiri, Tutik Hamidah, & Abbas Arfan. (2022). Konsep maqasid syari'ah perspektif pemikiran al-juwaini dan al-ghazali. 5(1), 53–67. <https://ejournal.iainata.ac.id/index.php/iqtisodina/article/view/167>
- Faezy Adenan, & Asmak Ab Rahman. (2020). Menjaga keamanan negara menurut perspektif maqāsid syariah serta hubungannya dengan matlamat pembangunan lestari [sustainable development goals]: Kajian di Malaysia (national peace preservation according to the maqāsid syariah perspective and its relations to the sustainable development goals [sustainable development studies]: A study in Malaysia). <https://doi.org/10.11113/umran2020.7n1.375>
- Fatmah Taufik Hidayat. (2021). Pemikiran ibn āṣyūr tentang qawai'd al-maqāṣid al-lughawiyah serta implikasinya dalam menafsirkan al-Qur'an. *An-Nida'*, 45(1), 109–125. <https://ejournal.uin-suska.ac.id/index.php/Anida/article/view/19275/8137>
- Ghilman Nursidin. (2016). Konstruksi pemikiran maqashid syari'ah imam al-haramain al-juwaini (kajian sosio-historis). [https://www.semanticscholar.org/paper/Konstruksi-Pemikiran-Maqashid-Syari%20%99ah-Imam-\(Kajian-Nursidin/814d1d140328384fe2959c5012c6131915b0d8f4](https://www.semanticscholar.org/paper/Konstruksi-Pemikiran-Maqashid-Syari%20%99ah-Imam-(Kajian-Nursidin/814d1d140328384fe2959c5012c6131915b0d8f4)
- Haniza Khalid & Irwan Ariffin. (2019). Maqasid as-shari'ah and sustainable development sdgs pictorial representation, sdg 2016 report outline. Retrieved July 14, 2023, from <http://irep.iium.edu.my/84570/14/84570%20%20Maqasid%20Al-Shariah%20and%20Sustainable%20Development.pdf>
- Haq, M. A. A., & Wahab, N. A. (2019). The maqasid al shariah and the sustainability paradigm: literature review and proposed mutual framework for asnf development. *Journal of Accounting and Finance in Emerging Economies*, 5(2). <https://doi.org/10.26710/jafee.v5i2.854>
- Hamzeh, Al Mughira, Wan Mohd Yusuf & Ahmed Muhammad. (2019). 'Ilm usul al-fiqh wa dawruhu fi dabt fikr al-maqasidi ['Ilm usul al-fiqh and it's role in controlling the intended thought]. (2023). *Bitarajournal.com*. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/91/181>
- Hilmy Pratomo. (2019). Peran teori maqasid asy-syari'ah kontemporer dalam pengembangan sistem penafsiran al-Qur'an. <https://doi.org/10.22373/jim.v16i1.5744>
- Ibn Khallikan. (2020). *Wafayat al ayan wa anba abna al zaman*. All 7 Vols. Internet Archive. Internet Archive. <https://archive.org/details/ibn-khallikan-wafayat-al-ayan-wa-anba-abna-al-zaman-all-7-vols/page/n13/mode/2up>
- Ibn Subki. (I413H). *Tabaqat al-shaft'iyyah al-kubra*: 6 Vol. Arabic. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr.

- Muhammad Adib Samsudin. (2018). Pelaksanaan maqasid al-syariah di malaysia. E-Muamalat. <https://e-muamalat.islam.gov.my/en/bahan-ilmiah/kertas-ilmiah/357-pelaksanaan-maqasid-al-syariah-di-malaysia>
- Musfiqotur Rohmati. (2022). Tipologi pemikiran mufassir kontemporer (Studi Komparatif Penafsiran Abdul Mustaqim dalam At-Tafsir Al-Maqasidi dan Ibnu ‘Asyur dalam At-Tahrir wa At-Tanwir terhadap Amar Ma’ruf Nahi Munkar) - Institutional Repository UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. Uin-Suka.ac.id. https://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/53915/1/18105030114_BAB-I_IV-atau-V_DAFTAR-PUSTAKA.pdf
- Ridzwan Ahmad (t.t). Pengantar syariah. Diakses daripada https://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-bahan-ilmiah/pengantar_hukum_islam-dr_ridzwan_portal.pdf.
- Said Azhar, Hisyam. (2010). *Maqasid al-Syariah ‘ind imam al-Harayman wa atharuha fi al-tasarrufat al-maliyyah*. Riyadh, Arab Saudi: Maktabah al-Rusyd.
- Sari, M. (2020). Transplantasi organ dalam al-quran perspektif tafsir al- maqasidi. *Substantia*, 1(22), 61. <https://doi.org/10.22373/substantia.v22i1.6758>
- Siti A'isyah Sukaimi. (2022, September 20). Cadang hubungkan maqasid al-shariah dengan matlamat pembangunan lestari (SDG). Kosmo Digital. <https://www.kosmo.com.my/2022/09/20/cadang-hubungkan-maqasid-al-shariah-dengan-matlamat-pembangunan-lestari-sdg/>
- Sulaiman, H. D., Alwi Alatas, Abdul Bari Awang, & Mahamed Fathy El-eletrebi. (2020). The objectives and principles of islamic governance: perspective of imam al-juwaynī (Tujuan dan prinsip tadbir urus Islam: Perspektif imam al-Juwaynī). <https://www.semanticscholar.org/paper/The-Objectives-and-Principles-of-Islamic-of-Imam-Sulaiman-Alatas/be86426707102a6c730d75d59cfcc0bf94441c45>
- Sustainable Development Goals. United Nations Development Programme. (2015). UNDP. <https://www.undp.org/sustainable-development-goals?gclid=EAIAIQobChMIkdO5uMyJgAMVQJJmAh0Qtgv1EAAYASAAEgIHlvDBwE>
- UKIFC. (2021). Thought leadership series part 4 - October 2021. <https://www.ukifc.com/wp-content/uploads/2021/09/IF-Report-part-4-Oct-2021.pdf>
- Wan Nazjmi Mohamaed Fisol & Siti Hafsha Albasri. (2017). The scientific of the fundamentals of maqasid in islamic financial products development. Retrieved July 14, 2023, from https://hrmars.com/papers_submitted/3424/The_Scientific_of_the_Fundamentals_of_Maqasid_in_Islamic_Financial_Products_Development.pdf

BAB 9

HIYĀL DALAM PERKAHWINAN SEMASA: SATU SOROTAN

Ahmad Syakir Bin Mohd Nassuruddin¹, Mohd Zain Bin Mubarak², Zulfaqar Bin Mamat³,
Muhammad Adam bin Abd. Azid⁴ & Abdul Azib Hussain⁵

Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail
¹Petra (KIAS)

²Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

³Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Antarabangsa Malaysia (USIM)

⁴. Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail
Petra (KIAS)

⁵.Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail
Petra (KIAS)

Pendahuluan

Islam adalah merupakan agama yang sempurna dalam membimbing manusia mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Setiap kelakuan hendaklah selaras dengan syarak supaya dapat menghindari perkara yang ditegah. Anjuran untuk melaksanakan kebaikan termasuk bercakap benar dan baik. Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلِيَقْلُ خَيْرًا
أَوْ لِيَصُمِّتْ ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يَؤْذِ جَارَهُ ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلِيَكُرِمْ ضَيْفَهُ؛ رَوَاهُ
مُسْلِمٌ

[al-Muslim, *Sahīh al-Muslim*, *Kitāb al-Imān*, *Bāb al-Hatthu `ala Ikrām al-Jār*, no hadis 173]

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, hendaklah berkata yang baik atau diam.

Berdasarkan hadis di atas, setiap individu beriman kepada Allah Taala wajib mempunyai sifat baik. Sifat ini diletakkan pada martabat yang tinggi setelah beriman kepada Allah Taala (al-'Asqalani, 2008). Dalam masa yang sama, syarak milarang melakukan perkara buruk. Walau bagaimanapun terdapat perkara yang berada di antara perkara baik dan buruk yang menjadi perbincangan para ulama iaitu syubhah. Syubhah diertikan keraguan terhadap sesuatu perkara sama ada baik ataupun buruk, terdapat pelbagai perkara syubhah timbul dalam masyarakat antaranya dalam aspek ibadat, muamalat, jinayah termasuk juga hiyāl.

Hiyāl adalah merupakan istilah arab bermaksud helah yang membawa kepada dua bentuk makna yang berbeza iaitu makna positif dan negatif. Konsep hiyāl juga menjadi perdebatan dalam kalangan ulama dulu kala dan kontemporari. Perbezaan boleh dilihat melalui pandangan yang dikeluarkan oleh ulama empat mazhab terhadap hukum pengamalan hiyāl dalam konteks syariah. Perbicangan Hiyāl agak luas meliputi aspek siasah, jenayah, muamalat munakahat. Merujuk kepada hiyāl dalam munakahat iaitu perkahwinan telah menjadi polemik besar dalam masyarakat. Hal ini kerana tindakan yang membelakangi panduan dalam melaksanakan perkahwinan. Hiyāl telah menatjah munculnya bentuk perkahwinan baru dalam masyarakat (Shuhairimi Bin Abdullah et al 2021). Maka, polemik ini hendaklah diberikan tumpuan agar

objektif pensyariatan perkahwinan dalam direalisasikan dan hidup dengan penuh mesra serta penuh kasih sayang selaras dengan firman Allah Taala dalam surah al-Rom ayat 21:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوْدَةً وَرَحْمَةً

Maksudnya:

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.

Oleh itu, objektif penulisan ini bertujuan untuk menjelaskan konsep hiyāl dalam perkahwinan berdasarkan pandangan empat mazhab fiqh. Selain itu, mengenalpasti bentuk hiyāl yang berlaku di dalam perkahwinan semasa. Diharapkan artikel ini dapat memberikan sumbangan dalam memahami dengan lebih mendalam tentang konsep hiyāl menurut Islam serta pengamalannya dalam perkahwinan semasa.

Konsep Hiyāl Dalam Islam

Definisi Hiyāl

Hiyāl dari sudut bahasa bermaksud kemahiran dan kebolehan mentadbir sesuatu dengan baik (Ibn Manzur, 2003). Manakala hiyāl dari sufut istilah, para ulamak berbeza pendapat dalam mendefinisikannya. Menurut Ibnu Nujaym (2019), hiyāl adalah kebijaksanaan dalam menguruskan sesuatu perkara menurut pertimbangan akal dalam mencari jalan penyelesaian untuk mencapai sesuatu maksud. Al-Sarkhasi (2000) pula mentakrifkan hiyāl sebagai sesuatu perkara yang dilaksanakan bagi mencapai maksud tertentu serta dapat menghindari daripada sesuatu yang haram. Dalam pada itu, al-Shatibi (2020) mengistilahkan hiyāl sebagai pelaksanaan sesuatu perbuatan yang pada zahirnya harus bagi membatalkan syarak, lalu menukarkannya kepada hukum yang lain. Begitu juga dengan al-Jurjani menyebut hiyāl ialah sesuatu yang memalingkan seseorang hamba daripada perkara yang dibencinya kepada perkara yang disukainya. Ibn Taymiyyah (1998) mengistilahkan hiyāl sebagai jalan tersembunyi yang memerlukan kebijaksanaan dan kecerdikan bagi mencapai maksud tertentu.

Berdasarkan pengertian yang digunakan oleh para ulama dalam memberikan pengertian tentang hiyāl, setiap pengertian membawa kesan terhadap pengamalan hiyāl sama ada positif maupun negatif. Dari sudut positif, majoriti yang mengetahui hiyāl lebih cenderung mengharuskan penggunaannya. Manakala ulama yang mengistilahkan hiyāl ke arah negatif lebih cenderung menegah daripada melakukannya.

Hukum Pengamalan Hiyāl Menurut Mazhab

Ulama berbeza pendapat terhadap hukum pengamalan hiyāl, ulama yang mengharuskan penggunaan hiyāl adalah dalam kalangan ulama mazhab Hanafi dan Syafie. Hukum pengharusannya adalah berdasarkan hujah daripada al-Quran, sunnah Rasulullah SAW dan qiyās. Dalil daripada al-Quran berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-al-Ṣad ayat 44:

Maksudnya:

Dan (Kami perintahkan lagi kepadanya): Ambillah dengan tanganmu seikat jerami kemudian pukullah (isterimu) dengannya dan janganlah engkau merosakkan sumpahmu itu. Sesungguhnya Kami mendapati Nabi Ayub AS itu seorang yang sabar; dia adalah sebaik-baik hamba, sesungguhnya dia sentiasa rujuk kembali (kepada Kami dengan ibadatnya).

Berdasarkan pandangan yang dinukilkan oleh Ibnu Kathir (2021), ayat ini menjelaskan tentang kisah Nabi Ayub AS yang bersumpah akan memukul dengan 100 kali sebatan sekiranya Allah SWT menyembuhkan penyakit yang dialami olehnya. Ditakdirkan baginda sembah daripada penyakit dan tidak sanggup untuk merotan isterinya. Oleh itu, Allah telah memerintahkan Nabi Ayub AS menggunakan jerami yang mengandungi 100 helai dan memukulnya dengan 1 rotan sahaja. Tindakan ini adalah merupakan suatu helah bagi mengelakkan belakunya kemudarat terhadap isteri sekiranya berbuat demikian.

Seterusnya firman Allah SWT dalam surah al-Nisa` ayat 98:

Maksudnya:

Kecuali orang-orang yang lemah (lagi uzur) dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berdaya upaya mencari helah (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah).

Ayat di atas mengisahkan tentang arahan berhijrah ke Madinah terhadap golongan muslimin. Walau bagaimanapun, syarak memberikan pengecualian dan kelonggaran terhadap gologan lelaki dan perempuan lemah yang tidak mampu mencari helah keluar dari Mekah. Al-Qurtubi (2020) menghuraikan perkataan *hiyāl* di dalam ayat ini adalah berbentuk lafaz umum dan merangkumi semua bentuk *hiyāl*.

Dalil keharusan helah daripada hadis Rasulullah SAW bersabda:

حدثنا أَحْمَدُ بْنُ سَعِيدٍ الْهَمَدَانِيُّ حَدَّثَنَا أَبْنُ وَهْبٍ أَخْبَرَنِيُّ يُونُسُ عَنْ أَبْنِ شَهَابٍ قَالَ أَخْبَرَنِيُّ أَبُو أَمَامَةَ بْنَ سَهْلٍ بْنَ حَنْيفٍ أَنَّهُ أَخْبَرَهُ بَعْضُ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْأَنْصَارِ أَنَّهُ اشْتَكَى رَجُلٌ مِّنْهُمْ حَتَّى أَضْنَى فَعَادُ جَلْدَهُ عَلَى عَظَمٍ فَدَخَلَتْ عَلَيْهِ جَارِيَةٌ لَبَعْضِهِمْ فَهَشَّهُ لَهَا فَوَقَعَ عَلَيْهَا فَلَمَّا دَخَلَ عَلَيْهِ رِجَالٌ قَوْمَهُ يَعْوِدُونَهُ أَخْبَرُهُمْ بِذَلِكَ وَقَالَ اسْتَفْتُوْلِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِنِّي قَدْ وَقَعْتُ عَلَى جَارِيَةٍ دَخَلَتْ عَلَيَّ فَذَكَرُوا ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالُوا مَا رَأَيْنَا بِأَحَدٍ مِّنَ النَّاسِ مِنَ الضَّرِّ مِثْلَ ذَيْنِي هُوَ بِهِ لَوْ حَمَلْنَا إِلَيْكُمْ لَتَفَسَّخَتْ عَظَامُهُ مَا هُوَ إِلَّا جَلْدٌ عَلَى عَظَمٍ فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَأْخُذُوا لَهُ مَائَةً شَرَارَخٍ فَيُضَرِّبُوهُ بِهَا ضَرْبَةً وَاحِدَةً

[Abū Dāwud, `Awn al-Ma'būd, Kitāb al- Hudud, Bāb Iqāmah al-Had ‘ala al-Marīd, no hadis 4472]

Maksudnya:

Abu Umamah ibn Sahl ibn Hunayf mengkhabarkan kepadaku bahawa sesetengah sahabat Nabi SAW dari golongan Ansar memberitahunya tentang seorang lelaki yang menderita kesakitan hingga kelihatan tulangnya. Seorang hamba wanita milik orang lain menziarahinya, lalu mereka melakukan hubungan seksual. Apabila segolongan daripada kaum lelaki menziarahinya, dia memberitahu mereka mengenai ketelanjuran yang telah dilakukan. Dia berkata: Tanyakan Rasulullah SAW bagi pihakku mengenai hukum perbuatan zina yang telah aku lakukan. Maka mereka menceritakan perkara tersebut kepada Rasulullah dengan berkata: Kami tidak pernah melihat seseorang yang lebih lemah akibat kesakitan daripadanya. Sekiranya kami membawa dia kepada Engkau, maka terlerailah tulangnya. Badannya hanya tinggal kulit dan tulang sahaja. Maka Rasulullah SAW menyuruh mereka mengambil seratus ranting kayu dan memukulnya dengan sekali sebatan sahaja.

Hadir di atas menjelaskan tentang kisah seorang lelaki yang menderita kesakitan lalu telah melakukan hubungan terlarang dengan hamba perempuan milik orang lain. Lalu apabila diadukan tentang kesalahan tersebut kepada Rasulullah SAW, baginda telah memerintahkan agar meringankan hukuman zina kepada pesalah dengan mengikat seratus ranting kayu dan merotannya dengan sekali sebatan.

Menurut al-Syaukānī, arahan Rasulullah SAW adalah merupakan suatu bentuk helah yang dibenarkan iaitu menggugurkan hukuman zina sebanyak 100 kali sebatan lalu mengubahnya kepada hukuman rotan sekali sebatan menggunakan seikat ranting didalam terkandung 100 batang. Tindakan ini bertepatan dengan syarak agar kemudarat dapat dihindari.

Dalil keharusan ḥiyāl juga berdasarkan kepada dalil qiyas iaitu menyamakan ḥiyāl dengan perkataan *ma’ārid*. Istilah *ma’ārid* bermaksud bercakap dengan seseorang menggunakan perkataan yang baik. Dapat difahami di sini secara yakin adalah seseorang bercakap menggunakan perkataan yang baik. Namun, berkemungkinan juga pendengar memahami makna lain yang tidak sama dengan maksud asasl penutur kata. Al-Bukhārī (2022) meriwayatkan satu kisah yang berlaku ketika Abu Bakar RA bersama Rasulullah SAW dalam perjalanan hijrah ke Madinah, mereka didatangi oleh seorang pemuda yang tidak mengenali Rasulullah SAW lalu bertanya, siapakah bersama kamu wahai Abu Bakar? Abu Bakar menjawab lelaki ini adalah seorang pemberi petunjuk dan penyoal tersebut terus berlalu pergi. Tindakan Abu Bakar tersebut adalah satu bentuk ḥiyāl yang dibolehkan dan beliau menjawab secara umum dan tidak termasuk dalam kategori menipu.

Ketiga-tiga dalil di atas menunjukkan keharusan pengamalan ḥiyāl menurut pandangan mazhab Hanafi dan Syāfi’ī. Hujah yang digunakan didasari dengan nas dan syarat tidak bertentangan dengan syarak, maka pengamalan ḥiyāl ini adalah dibolehkan.

Kategori kedua pula adalah pandangan ulama yang tidak mengharuskan pengamalan ḥiyāl. Golongan ini terdiri daripada ulama mazhab Hanbali dan Maliki. Pandangan mereka bersandarkan kepada dalil daripada syarak iaitu al-Quran dan Sunnah. Firman Allah SWT dalam surah al-A'rāf ayat 163:

وَسُلْطَنُهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ حَاضِرَةً الْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِي الْسَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبَّتِهِمْ شَرَّعًا وَيَوْمَ لَا يَسْتَبِعُونَ لَا تَأْتِيهِمْ كَذِيلَكَ نَبْلُوْهُمْ إِمَّا كَانُوا يَفْسُدُونَ

Maksudnya:

Dan bertanyalah kepada mereka mengenai penduduk bandar tinggal di tepi laut, semasa mereka melanggar larangan meangkap ikan pada hari Sabtu. Ketika tibanya hari Sabtu menjadi cubaan kepada mereka kerana ikan mula timbul di muka air; sedang pada hari berbaki, ikan tidak muncul kepada mereka. Demikianlah kami menguji mereka kerana mereka sentiasa berlaku fasiq dan keji.

Ayat ini menceitakan tipu helah yang dilakukan oleh golongan Yahudi melanggar larangan untuk menangkap ikan pada hari sabtu. Hiyāl yang digunakan iaitu meletakkan pukat pada hari Jumaat dan mengaut hasilnya pada hari Ahad. Al-Qurtubi menyatakan bahawa Allah mencerca kaum Yahudi yang mengingkari arahan ini serta helah yang digunakan merupakan helah yang keji dan dimurkai oleh Allah SWT.

Dalil ketidakharusan hīyāl juga berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

لَعْنَ اللَّهِ الْيَهُودُ، حَرَمَتْ عَلَيْهِمُ الشَّحُومَ أَنْ يَأْكُلُوهَا، فَجَمِلُوهَا فَبَاعُوهَا فَأَكَلُوا أَثْمَاحًا

[al-Bukhari, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb aḥādīth al-Anbiya’, Bāb Zukira ‘an Banī Isrā’īl, no hadis 3273]

Maksudnya:

Allah melaknat golongan Yahudi yang telah diharamkan ke atas mereka lemak (daripada lembu) tetapi mereka menukarkannya dan menjualnya.

Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah SAW menyatakan bahawa Allah SWT melaknat orang-orang Yahudi kerana telah membuat tipu helah setelah diharamkan ke atas kaum ini lemak haiwan. Walau bagaimanapun, kaum Yahudi melanggar hukum ini lalu menghalalkan lemak melalui cara memproses lemak sehingga hilang bentuk asalnya serta menjualkannya kepada orang lain. Menurut al-Syayrāzī, helah tersebut adalah helah yang tidak bertepatan dengan syarak kerana melanggar hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Dalam pada itu, dalam hadis yang lain Rasulullah mengingatkan kepada umatnya agar tidak menuruti amalan kaum Yahudi yang telah menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah Taala melalui cara hīyāl. Hal ini kerana disebabkan hīyāl telah menyebabkan segala tuntutan syarak kepada kaum Yahudi telah diabaikan dan diserca oleh Allah Taala. (Ibn Taymiyah, Fatawa Kuba)

Berdasarkan kepada dalil yang digunakan oleh para ulama sama ada hukum harus atau tegah kedua-duanya berdasarkan nas utama syarak. Apabila diteliti kedua-dua dalil, para ulama sepakat haram hukum menggunakan helah kalau sekiranya hīyāl yang digunakan itu menghalalkan apa yang telah diharamkan oleh syarak. Namun, perbezaan yang timbul hanyalah kepada permasalahan dalam menafsirkan zahir nas sahaja. Penulis berpendapat bahawa hīyāl dapat diaplikasikan selagimana tidak bertentangan dengan syarak serta tidak mendatangkan mudarat kepada pelaku. Pandangan ini seiring dengan beberapa pandangan ulama kontemporai lain seperti Yūsuf al-Qardāwī dan Wahbah al-Zuhaily (2022).

Walau bagaimanapun, hukum pengamalan hīyāl cenderung mengikut pandangan yang dinukilkan oleh al-Qazwīnī (2012) iaitu mengkategorikan kepada harus, makruh dan haram. Harus dalam mengaplikasikan hīyāl selagimana tidak bertentangan dengan syarak serta menghilangkan kemudaratannya maka pengamalannya adalah harus. Hukum akan bertukar kepada makruh sekiranya aplikasi helah mendatangkan mudarat lebih besar daripada maslahah, namun tidak sampai peringkat membatalkan syarak. Manakala hukumnya haram apabila hīyāl bertentangan syarak serta mendatangkan kemudaratannya.

Konsep Hīyāl Dalam Perkahwinan

Konsep Perkahwinan

Perkahwinan didefinisikan secara bahasa dan syarak. Perkahwinan dari sudut terminologi ialah pengumplan, percamtuman, persetubuhan serta akad. Manakala dari sudut syarak, perkahwinan adalah sebuah akad yang menghalalkan sebuah pergaulan di antara lelaki dan perempuan berdasarkan kepada rukun dan syarat yang ditetapkan (Al Ghazzi, ٢٠٠). Dalam pada itu, Khallāf (2016) menakrifkan perkahwinan sebagai kontrak yang membeikan faedah kepada seseorang bertujuan untuk berseronokan yang diharuskan oleh syarak.

Kesan daripada pengertian yang diberikan, terkandung di dalam sebuah perkahwinan hak dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan oleh kedua belah pihak suami dan isteri. Perkahwinan sebenar menurut syarak adalah bersifat *lil abad* iaitu selama-lamanya dan bukan besifat sementara. Oleh itu, setiap tindakan yang dilakukan oleh lelaki dan perempuan sama ada pergaulan dan keseronokan tanpa ada ikatan yang sah adalah merupakan yang ditegah Khallāf (2016).

Perkahwinan disyariatkan adalah berdasarkan kepada nas daripada al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW. Menurut Ibrāhim Madkūr et al (1989), terdapat 24 perkataan nikah disebut di dalam al-Quran yang membicarakan tentang perkahwinan di antara lelaki dan perempuan. Antaranya firman Allah Taala dalam surah al-Nisa' ayat 3:

فَإِنْكِحُوهُ مَا طَابَ لَكُمْ مِّنْ النِّسَاءِ مَنِي وَثُلُثٌ وَرُبْعٌ فَإِنْ خَفْتُمُ آلَّا تَعْدِلُوْ فَوْحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَنُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَى آلَّا
تَعْوُلُوا

Maksudnya:*Maka berkahwinlah kamu dengan wanita-wanita yang disenangi dua, tiga ataupun empat. Jikalau kamu takut untuk berlaku adil, maka kahwinilah seorang sahaja.*

Di dalam ayat di atas, Islam menganjurkan umatnya supaya berkahwin sama ada dua, tiga dan empat. Sekiranya tidak mampu untuk berlaku adil, maka cukup sekadar berkahwin seorang sahaja. Ini memberi bukti bahawa Islam sangat meraikan fitrah semulajadi dan keinginan lelaki dalam membina rumah tangga. Walau bagaimanapun, syarak meletakkan panduan jelas dalam bab kemampuan. Selagi mana lelaki mampu untuk berlaku adil, maka diharuskan untuk berkahwin sehingga empat perempuan. Sebaliknya jika tidak mampu maka cukup sekadar seorang sahaja.

Pensyariatan perkahwinan juga berdasarkan kepada nas hadis Rasulullah SAW. Hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah Bin Mas'ud RA, Rasulullah SAW bersabda:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلِيَنْزَرِجْ فَإِنَّهُ أَعْضُّ لِلْبَصَرِ وَأَخْصُّ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ
فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءُ

[al-Bukhari, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bāb Qawl al-Nabiy Sallahu 'Alahi wa Sallam, no hadis 4778]

Maksudnya:


Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kamu telah mampu berkahwin, maka bernikahlah. Kerana nikah itu dapat menundukkan mata dan memelihara faraj. Dan sesiapa yang belum mampu, maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu dapat menjadi perisai baginya membendung syahwat.

Imam Nawawi menjelaskan apabila seseorang itu berkemampuan dari sudut kewangan serta jima'. Maka dianjurkan supaya berkahwin kerana perkahwinan tersebut mampu untuk menundukkan mata dan memelihara faraj. Sekiranya seseorang masih lagi tidak berkemampuan dari segi kewangan dan jima'. Maka dianjurkan untuk berpuasa kerana mampu menjadi bentang dan perisai daripada syahwat. (al-Nawawī, 2022). Imam al-Ṣan'ānī (2022) juga mengutarakan perkara yang sama dalam membahaskan hadis tersebut iaitu Barangsiapa yang mampu dalam kalangan kamu bersetubuh serta berkemampuan untuk menanggung perkahwinan, maka berkahwinlah. Barang siapa yang tidak mampu bersetubuh kerana lemah serta tidak berupaya untuk menanggung perkahwinan, maka dia hendaklah berpuasa untuk mengekang syahwatnya. Hukum perkahwinan dari sudut pelaku dibahagikan mengikut kedudukan orang yang melakukannya iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Hukum wajib untuk berkahwin adalah kepada seseorang yang sudah mempunyai keupayaan untuk berkahwin dari segi kewangan, tidak tahan dengan nafsu syahwahnya, mampu menyediakan nafkah pasangan zahir dan batin. serta mampu membayar mahar dan menyediakan keperluan isteri dan keluarga. Sekiranya memenuhi beberapa kriteria yang disebutkan maka wajib ke atas lelaki untuk berkahwin.

Bagi hukum yang kedua iaitu sunat, merujuk kepada lelaki yang mempunyai keupayaan untuk berkahwin, berkemampuan dalam aspek kewangan serta mampu menyediakan nafkah pasangan. Walau bagaimanapun beliau mampu untuk menahan nafsu syahwahnya melalui cara berpuasa. Oleh itu hukum ke atasnya adalah sunat untuk berkahwin. Yang ketiga adalah hukum harus bagi mereka yang mempunyai keinginan syahwat tetapi tidak berkemampuan dari sudut harta dan nafkah ataupun sebaliknya.

Dihukumkan kepada seseorang sebagai makruh apabila tidak mempunyai harta dan tidak berkeinginan disebabkan lemah syahwahnya. Adalah lebih baik golongan ini mengusahakan untuk mencari dan mengumpulkan harta terlebih dahulu kerana akan memudaratkan isteri yang dikahwini apabila tidak bersedia sebaik mungkin dalam hal tanggungjawab. Yang terakhir adalah hukum haram untuk berkahwin bagi mereka yang tidak memiliki kemampuan dari sudut kewangan serta nafkah. Adalah lebih baik untuk golongan ini mengutamakan perkara lain terlebih dahulu serta melaksanakan amalan yang dianjurkan oleh syarak iaitu berpuasa.

Hukum Hiyal Dalam Perkahwinan Menurut Mazhab



Hukum pengamalan hiyal dalam perkahwinan boleh dibahagikan kepada dua aspek utama iaitu yang pertama adalah harus manakala yang kedua adalah tidak harus. Pandangan yang mengatakan harus adalah berdasarkan pandangan ulama mazhab Ḥanafi dan Syāfi’ī. Manakala pandangan yang mengatakan tidak harus mewakili pandangan ulama mazhab Maliki dan Ḥanbali. Kedua-dua blok pandangan didasari dalil-dalil daripada al-Quran dan sunnah serta mengikut prosedur penentuan hukum mengikut mazhab masing-masing.

Walau bagaimanapun, hukum pengamalan hiyal cenderung mengikut pandangan yang dinukilkan oleh al-Qazwīnī (2012) iaitu mengkategorikan kepada harus, makruh dan haram. Harus dalam mengaplikasikan hiyal dalam perkahwinan seligimana tidak bertentangan dengan syarak dan menghilangkan kemudaratan maka pengamalannya adalah harus. Hukum akan bertukar kepada makruh sekiranya mendatangkan mudarat lebih besar daripada maslahah. Manakala hukumnya haram apabila hiyal bertentangan syarak serta mendatangkan kemudaratan.

Hukum pengamalan hiyal dalam perkahwinan juga boleh dikategorikan kepada ḥiyāl perkahwinan yang diharuskan (*Hiyāl Masyrū’ah*) dan ḥiyāl perkahwinan yang dilarang (*Hiyāl Ghair Masyrū’ah*). ḥiyāl perkahwinan yang diharuskan merujuk kepada helah yang digunakan bagi mencapai objektif yang murni dan tidak bertentangan dengan syarak. ḥiyāl yang dilaksanakan juga selaras dengan objektif pensyariatan perkahwinan iaitu untuk mencapai kebahagian dan mawaddah selama-lamanya (al-Syaybānī, 1999).

Manakala ḥiyāl perkahwinan yang dilarang iaitu jalan yang digunakan untuk mencapai tujuan yang tidak baik serta bertentangan dengan syarak. Objektif jalan ini sama ada membatalkan syarak, mengubah hukum atau menghalalkan perkara yang diharamkan oleh syarak. Hampir kesemua ulama mazhab menyatakan tidak harus menggunakan ḥiyāl bagi tujuan ini apatah lagi dalam perkahwinan (al-Syātibī, 2016).

Hiyāl Dalam Perkahwinan

Berdasarkan penelitian terhadap *hiyāl* dalam perkahwinan, terdapat beberapa bentuk *hiyāl* dalam perkahwinan yang dibicarakan oleh para ulama iaitu nikah *muhallil*, nikah *mut'ah*, nikah *syighār*, nikah *misyār*; nikah *urfī* serta nikah *sirri*.

Nikah *tahlīl* merupakan salah satu bentuk *hiyāl* dalam perkahwinan kerana mengupah seseorang lelaki lain mengahwini bekas isteri yang ditalak tiga sebelum mengahwininya kembali. *Hiyāl* digunakan bagi mengharuskan perkahwinan dengan bekas isterinya dan kelakuan ini ditegah oleh syarak. Bentuk yang kedua ialah nikah *mut'ah* bererti pernikahan yang dilaksanakan melalui akad dan mahar yang maklum berdasarkan tempoh yang tertentu. (Al-Şābūnī, 2016). Pada asalnya, Nikah *mut'ah* dibenarkan pada peringkat awal, walau bagaimanapun diharamkan selama-lamanya berdasarkan kepada larangan oleh Rasulullah SAW (al-Zuhaily, 2022). Hal ini kerana nikah *mut'ah* merupakan suatu bentuk *hiyāl* dalam perkahwinan kerana tujuan perkahwinan tidak selari dengan matlamat asalnya. Malahan, *maqāsid* nikah *mut'ah* hanyalah untuk keseronokan semata-mata (Al-Syawkānī, 2015).

Begitu juga dengan nikah *syighār* iaitu perkahwinan yang dimeterai berasaskan janji secara pertukaran. Nikah *syighār* merupakan suatu bentuk *hiyāl* perkahwinan yang diharamkan kerana dilaksanakan tanpa mahar (Ibn Rusyd, 2016). Bahkan boleh membawa mudarat terhadap perempuan kerana dinafikan hak dalam memilih pasangan.

Seterusnya nikah *misyār*, nikah *'urfī* dan nikah *sirri*. Berdasarkan pandangan al-Asyqār (2000) ketiga-tiga jenis perkahwinan yang dibincangkan mempunyai unsur *hiyāl* kerana tidak memenuhi *maqāsid* serta tujuan dalam perkahwinan. Merujuk kepada nikah *misyār*, perkahwinan ini diakadkan secara sah walau bagaimanapun isteri tidak mendapat hak nafkah, tempat tinggal serta hak untuk bersama. Bagitu juga dengan nikah *urfī* dan *sirri* yang mana perkahwinan dilaksanakan memenuhi rukun dan syarat. Namun, tidak mendaftarkannya kepada pihak berkuasa. Hal ini boleh membawa kepada kemudarat terhadap isteri sekiranya berlaku penceraian.

Walau bagaimanapun, keharusan diberikan dalam kes-kes tertentu contohnya dalam nikah *misyār* pelajar yang sedang melanjutkan pengajian. Namun dengan syarat ketat iaitu apabila pengajian mereka tamat kewajipan serta tanggungjawab nafkah ditunaikan kembali. Begitu juga dengan nikah *'urfī* dan nikah *sirri* diharuskan lagi tidak bertentangan dengan syarak.

Hiyāl Dalam Perkahwinan Semasa

Merujuk kepada *hiyāl* yang diamalkan dalam perkahwinan semasa, terdapat pelbagai bentuk *hiyāl* bagi mengharuskan perkahwinan. Antaranya adalah perkahwinan tanpa kebenaran. Perkahwinan ini merujuk kepada perkahwinan yang diakadkan oleh wali hakim atau wakil serta melanggar Enakmen atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam dan tidak dipersetujui oleh wali pengantin perempuan (Nor Hidayah dan Siti Hajar, 2020). Walaupun perkahwinan ini menepati rukun yang ditetapkan, namun masih dikira tidak sah berdasarkan undang-undang atas sebab menjaga kemaslahatan keluarga untuk jangka masa panjang.

Bentuk yang kedua adalah perkahwinan sindiket, perkahwinan ini merujuk kepada perkahwinan yang diakadkan oleh imam atau ustaz yang tidak mendapat tauliah daripada pemerintah. *Hiyāl* yang selalu digunakan adalah bagi mengelak daripada diketahui oleh keluarga tentang perkahwinan yang diadakan atau poligami. Perkahwinan bentuk ini selalunya berakhir dengan penceraian yang memberikan kemudarat kepada isteri. (Anwar, 2014).

Perkahwinan langkau wali bermaksud perkahwinan yang diadakan melangkaui turutan wali yang sebenar mengikut syarak. Malah menafikan hak wali yang utama lalu menggunakan wali hakim. *Hiyāl* dalam perkahwinan bentuk ini berpunca atas beberapa faktor antaranya kahwin lari serta keengganan wali *aqrab*. Keharusan *hiyāl* dalam perkahwinan ini bergantung kepada keadaan pasangan selagimana tidak mengingkari syarak, menghilangkan mudarat serta mendatangkan maslahah (Lukman et al, 2018).

Selain itu, bentuk ḥiyāl dalam perkahwinan semasa adalah perkahwinan rentas sempadan. Perkahwinan rentas sempadan didefinisikan perkahwinan yang diakadkan oleh jurunikah menggunakan wali hakim di negara-negara bersempadan dengan Malaysia terutamanya di Thailand dan Indonesia (Md Said er al, 2015). Menurut Mohd Nabil (2020), bentuk perkahwinan ini secara asasnya adalah untuk menjarakkan dari daripada wali, wali mempunyai kuasa yang besar dalam mengesahkan sesuatu perkahwinan. Apabila tidak mendapat perkenan daripada wali, maka diambil alternatif untuk berkahwin secara rentas sempadan walaupun hakikatnya proses pasca perkahwinan lebih rumit dari perkahwinan biasa. Perkahwinan ini bersalahan dengan Undang-Undang Keluarga Islam yang telah ditetapkan di setiap negeri. Sebahagian besar yang terlibat didenda mengikut kadar ditetapkan.

Apabila diteliti bagi setiap bentuk ḥiyāl dalam perkahwinan semasa. Konsep asas keharusan ataupun larangan adalah berdasarkan kepada objektif pensyariatan perkahwinan. Sekiranya ḥiyāl dilakukan bagi membawa kepada maslahah, maka dibolehkan. Sekiranya ḥiyāl ini membawa kepada kemudarat maka perkara tersebut hendaklah ditegah dan dielakkan.

Kesimpulan

Hiyāl dalam perkahwinan merujuk kepada suatu bentuk solusi yang digunakan oleh pelaku bagi mengharuskan suatu ikatan. Keharusannya bergantung kepada maqāsid perkahwinan tersebut. Sekiranya bertentangan dengan syarak, maka hukumnya adalah haram. Sebanyak 5 jenis ḥiyāl dalam perkahwinan semasa iaitu perkahwinan tanpa kebenaran, perkahwinan sindiket, perkahwinan langkau wali serta perkahwinan rentas sempadan dianalisis..Hampir semua jenis ḥiyāl yang diulas cenderung kepada tidak harus. Hal ini kerana membawa kepada kemudarat dan meninggalkan kesan negatif terhadap pelaku. Walau bagaimanapun, keharusan diberikan sekiranya dalam keadaan darurat. Dicadangkan kajian akan datang menumpukan analisis terhadap hiyal dalam perkahwinan masa kini dan hubungkait dengan maqāsid syariah.

Rujukan

- Al-Zuhaily, Wahbah (2022) *Tafsīr Al-Munīr fī al-Aqīdah wa al-Syarīah*, Damsyik: Dār al-Fikr.
 Al-Bukhāri, Abi Abdullah Muhammad bin Ismāil (2022) *Ṣahih Bukhāri*, Beirut: Dār kutub al-Ilmiyyah.
 Al-Ṣan`āni, Abi Ibrāhim Muhammad bin Ismail (2022) *Subu al-Salām Syarḥ Bulūgh al-Maram*, Beirut: Dār Kutub al-Ilmiyyah.
 Ibn Kathīr, Imam Ibn Kathīr (2021) *Tafsīr al-Quran al-Azīm*, Beirut: Dār Ibn Kathīr.
 Al-Nawawī, Mahy al-Din Abi Zakaria Yahya Bin Syarf (2022) *Ṣahih Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
 Al-Qurṭubi, Abi Abdullah Muhammad Bin Ahmad al-Anṣāri (2020) *Tafsir al-Qurṭubi*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
 Nur Hidayah Abdul Karim dan Siti Hajar Abdul Rauf (2020), *Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Analisis Kes di Mahkamah Rendah Syariah Pekan, Pahang*, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 21(3): 101-112.
 Al-Sa'dī, Abdul Rahman Bin Naṣr (2002), *Taysīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Karīm al-Manān*, Beirut: Dār al-Risālah.
 Al-Zuhaylī, Wahbah al-Zuhaylī (2018), *Tafsir al-Munīr*, Beirut: Dār al-Fikr.
 Al-Syawkānī, Muhammad Bin Ali Bin Muhammad Bin Abdullah (2019), *Nayl al-Awṭār*, Beirut: Dār Ibn Hazm.
 Ibn Nujaym, Zain al-Din Bin Ibrahim Bin Muhammad (2019), *Al-Asybah wa al-Naẓāir*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Al-Šābūnī, Muhammad Ali (2016) *Şafwah al-Tafāsīr*, Qaherah: Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Al-Qurṭubi, Abi al-Walid Muhammad Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Rusyd (2016) *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, Beirut: Dār Ibn Hazm
- Al-Syāṭibī, Abi Ishāq Ibrahim Bin Musa al-Lakhmi (2016), *Al-I’tiṣām*, Beirut: Dār Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Jawziyyah, Abi Abdullah Muhammad Bin Abi Bakr Ibn Qayyīm (2014), *I’lām al-Muwaqqi’īn*, Beirut: Dār Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Asqalānī, Abi al-Faḍhl Ahmad Bin Ali (2008) *Fatḥ al-Bārī* Sahih al-Bukhāri, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sarkhasī, Muhammad bin Ahmad bin Abi Sahl Samsul al-Aimmah (2000) *Kitab al-Mabsūt*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Qazwīnī, Abu Hātim Mahmud bin Hasan (2012) *Al-Hiyāl al-Syariyyah*, al-Jazāir: Dār Mirath al-Nabawi
- Al-Ghazī, Muhammad bin Qasim, *Fatḥ al-Qarīb* (2005) Qaherah: Dār Salam.
- Al-Asyqār, Usāmah Umar Sulaiman (2000), *Mustajaddāt al-Fiqhiyyah fī Qaḍayā al-Zawāj wa al-Talaq*, Ammān: Dār al-Nafais.
- Al-Syaybānī, Muhammad bin Hasan (1999) *Al-Makhārij fī al-Hiyāl* , Qaherah: Maktabah al-Taqāfah al-Diniyyah.
- Kallāf, Abd Wahhab bin Abdul Wahid (2016), *Ahkām al-Āhwāl al-Syakhsiyah fī Syarī`ah al-Islāmiyyah*, Beirut: Dār Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad Bin Abd Halim (1998), *Kitab Bayān al-Dalīl `ala Baṭlān al-Tahlīl*, Beirut: Maktab al-Islāmiy li Nasyr wa al-Tauzī`.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad Bin Abd Halim (2022) *Fatāwā al-Kubrā*, Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Shuhairimi Bin Abdullah, Noor Salwani Hussin dan Abdul jalil Ramli (2021), *Impak Perkahwinan Tanpa Kebenaran Memberi Kesan Kepada Pasangan Dan Institusi Kekeluargaan*, Conference: The 2nd International Conference on Communication in Scientific Inquiry (CSI) 2021 Universiti Malaysia Perlis.
- Mohamad Nabil Bin Mohamad Sukri, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Pasir Mas, Temubual pada 2020 di Pejabat Mahkamah Syariah Kota Bharu.
- Ibrāhim Madkūr et al (1989) *Mu’jām al-Fādh al-Qur’ān*, Qaherah: al-Idārah al-Āmah li Buḥūth wa Ihya` al-Turāth.
- Md Said, M. H., Md Hashim, N., Abdul Hak, N., Che Soh@Yusoff, R., Ahmad Fuzi, F. H., & Yaakob, K. (2020). *Kajian Sosioperundangan Perkahwinan Merentasi Sempadan Di Nusantara* [Socio Legal Research On Cross-Border Marriage In The Malay Archipelago. Journal of Nusantara Studies (JONUS), 5(2), 129-151.
- Luqman Bin Abdul Mutualib, Zulfaqar bin Mamat, Wan Abd Fattah Wan Ismail, Syahirah Abdul Shukor, Hasnizam Hashim (2018) *Langkau Wali: Punca, Kesan Dan Penyelesaiannya Kepada Perkahwinan Menurut Fiqh Dan Perundangan Di Negeri Sembilan*, 4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2018) Kuala Lumpur, 17 October 2018.

BAB 10

PEMBUNGKUSAN MAKANAN HALAL: PERLINDUNGAN DAN KEPERCAYAAN KEPADA PENGGUNA MUSLIM

Nurul Widad Fitri binti Muhammad,¹

Siti Nuroni binti Mohamed,² Nur Syuhada binti Mohd Subri²

¹ Pusat Pengurusan Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

² Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

Pengenalan

Islam merupakan agama syumul yang mengajarkan ajaran- ajaran komprehensif dan meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Umat Islam diberikan panduan untuk beribadah, bermuamalah, berpolitik, bersosial dan sebagainya, sehingga kepada pemilihan makanan juga diberikan panduan yang jelas di dalam al- Quran. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 168:

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّهُمَا فِي الْأَرْضِ ضِيَ حَلَالًا طَيَّبًا وَلَا تَتَبَعُوا حُطُوتَ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya:

“wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa- apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.” (al- Baqarah: 168)

Ayat diatas menjelaskan pensyariatan kepada seluruh manusia untuk makan makanan yang halal dan toyyib (baik) dari bumi dan menjauhi jejak langkah syaitan. Hal ini menunjukkan kepentingan memilih sumber makanan yang halal dan sesuai dengan syariat Islam serta menjauhi segala perbuatan tingkah laku yang haram(Kusuma & Kurniawati, 2021). Makanan halal merujuk kepada makanan yang boleh dimakan oleh orang Islam dan tidak mengandungi haiwan yang haram dimakan atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak (Wahyuni & Arfidhila, 2019). Sebaliknya, makanan yang berasal daripada babi, bangkai, darah, mana- mana bahagian daripada tubuh manusia dan haiwan yang tidak disembelih dengan nama Allah adalah haram untuk dimakan, seperti yang dinyatakan dalam surah al- Maidah, ayat 3:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالْكُلْمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ لِعَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْتَهَىُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالْتَّصِيفَةُ وَمَا أَكَلَ الْسَّبُعُ إِلَّا مَا دَعَيْتُمْ
وَمَا ذُبَحَ عَلَى النُّصُبِ وَإِنْ تَسْتَقِسِمُوا بِالْأُرْمَ الْكُلُّمُ فِسْقٌ... (۳)

Maksudnya:

“Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekit, yang terpukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembelihnya, dan (diharamkan bagimu) yang disembelih untuk berhala. Dan (diharamkan juga) mengundi nasib dengan anak panah, (mengundi nasib dengan anak panah itu) adalah kefasikan..” (Al-Maidah:3)

Selain daripada sumber, proses penyediaan, pengendalian dan penyimpanan juga merupakan syarat utama yang menentukan kehalalan sesuatu makanan, iaitu suatu konsep yang dipanggil sebagai *halal from farm to fork* (Indarti, Lukito- Budi, Islam, 2020). Konsep ini merujuk kepada seluruh pengurusan rantai bekalan makanan bermula daripada perolehan bahan, pemprosesan, pengedaran dan pengangkutan (logistik) hendaklah dipastikan halal sebelum produk akhir dapat disahkan halal (Hasan, 2021). Makanan halal yang diproses dengan cara yang haram, menggunakan bahan tambahan yang haram, atau disimpan di tempat yang mengandungi bahan – bahan haram akan berubah menjadi haram (Hasanah, Fauziah & Kurniawan, 2021).

Dalam konteks logistik halal, prinsip utama yang ditekankan adalah untuk memastikan produk halal tidak bercampur dengan produk haram semasa penyimpanan dan pengedaran produk, seterusnya menjaga integriti halal produk tersebut (Shariff & Ahmad, 2019). Menurut Azhar & Tu, 2021, pembungkusan yang menepati syarat dan berkualiti membantu dalam mencapai prinsip utama logistik halal dan memastikan produk halal dapat sampai ke tangan pengguna dengan selamat, tanpa menjelaskan status halal tersebut. Kajian tersebut menjelaskan peranan pembungkusan sebagai penghalang kepada pencemaran silang di antara produk halal dan produk haram. Disamping itu, pembungkusan juga dapat mengurangkan risiko kerosakan, kehilangan dan rompakan barang (Aishah Bujang & Bakar, 2023). Menurut Malaysian Standard MS 2565: 2014 Halal Packaging- General Guidelines, pembungkusan halal adalah bekas yang digunakan untuk membungkus makanan yang patuh syariah dari segi sumber, pemprosesan dan pengendaliannya(Mohd Hatta et al., 2023, Zainuddin et. Al., 2019). Garis panduan tersebut juga menjelaskan beberapa kriteria bungkusan halal seperti bebas daripada pencemaran silang dengan bahan yang haram semasa pemprosesan dan diperbuat daripada sumber yang halal.

Melihat kepada kepentingan pembungkusan dalam pengurusan bekalan halal, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk menjelaskan bagaimana pembungkusan halal dapat memberi perlindungan dan meraih kepercayaan kepada pengguna Muslim untuk memilih produk halal.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kepustakaan. Metodologi ini melibatkan pengumpulan, penelitian dan analisis terhadap sumber-sumber kepustakaan seperti artikel-artikel, jurnal-jurnal dan buku-buku yang relevan dengan topik yang dibincangkan (Fitria & Aditia, 2019). Kaedah kepustakaan ini adalah untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam tentang topik kajian. Proses pengumpulan data dilakukan dengan memanfaatkan sumber elektronik iaitu enjin pencarian seperti Google Scholar. Pemilihan data adalah berdasarkan kriteria inklusif dan eksklusif yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Data-data dikumpul dan disusun mengikut subtopik yang berkaitan dan dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif.

Makanan Halal

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, halal bermaksud hukum yang membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan dalam Islam. Makanan halal pula ditakrifkan sebagai makanan yang boleh dimakan oleh orang Islam, diproses dengan cara yang suci, berkhasiat, berkualiti dan bersih daripada sesuatu yang melanggar konsep *halalan toyyiban* (Shafie, Nazri & Hussin, 2019). *Halalan toyyiban* merujuk kepada petikan surah Al- baqarah ayat 168 yang berkaitan dengan kaum musyrikin Mekah mengenai makanan halal dan haram. Mereka telah mengharamkan sesuatu makanan yang halal dan menghalalkan yang haram ke atas diri mereka, lalu Allah S.W.T telah menurunkan ayat ini untuk membatalkan pengharaman tersebut (Hasanah, Fauziah & Kurniawan, 2021). Hal ini jelas menunjukkan bahawa hanya Allah sahaja yang layak

menentukan samada sesuatu makanan itu halal atau haram, sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Syura, ayat 21:

أَمْ لَهُمْ شُرَكُوا شَرِيعًا لَّهُمْ مِّنَ الْكٰدِينَ مَا لَمْ يَأْذِنْ بِهِ اللٰهُ وَلَوْلَا كَلِمَةُ الْفَصْلِ لَفَضِيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ (٢١)

Maksudnya:

“Patutkah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang menentukan mana-mana bahagian dari agama mereka sebarang undang-undang yang tidak diizinkan oleh Allah SWT”. (Al-Syura, 21)

Makanan yang halal dan toyyib bukan sahaja halal dari segi zat, iaitu bebas daripada sumber babi, tetapi hendaklah bebas daripada bahan-bahan yang membahayakan kesihatan, tidak mengandungi racun dan memabukkan seperti alkohol, yang menjelaskan definisi toyyiban dalam ayat al-Quran diatas (Nur & Metta Renatie Hanastiana, 2020; Rahim, Zulfakar & Rusli, 2021). Pernyataan ini turut dijelaskan dalam kajian yang dijalankan oleh Azeman, Sazali & Ripin pada tahun 2021 yang menyatakan halalan toyyiban dikelaskan berdasarkan dua sifat iaitu berdasarkan sumber dan kualiti makanan. Ini bermakna makanan yang tidak sihat, tidak berkualiti dan tidak bermanfaat adalah tidak berada dalam kategori makanan halalan toyyiban. Dewi & Agustina, 2021 juga menyokong dapatan ini dengan berpendapat bahawa makanan toyyiban tidak hanya memenuhi syarat halal, tetapi juga memiliki kualiti yang baik dari segi khasiat dan nutrisi, kebersihan dan kesegaran. Pemilihan makanan yang toyyiban adalah dengan merujuk kepada makanan yang sihat, bersih, tidak tercemar dan diproses dengan cara yang baik

Dari sudut perundangan, Akta Perihal Dagangan 2011 telah memberikan definisi makanan halal yang merangkumi perkara berikut- a) apa-apa sahaja yang berkaitan dengan makanan hendaklah suci daripada mana-mana bahagian binatang yang haram dimakan oleh orang Islam atau binatang yang tidak disembelih mengikut hukum syarak, b) bebas daripada apa-apa najis berdasarkan hukum syarak, c) disedia, diproses dan dikilangkan dengan menggunakan peralatan yang bersih daripada najis mengikut hukum syarak dan d) tidak bersentuhan atau berada berdekatan dengan apa-apa makanan yang seperti di a), b) dan c) atau apa-apa yang bersifat najis mengikut hukum syarak (Hassim & Abd Hamid, 2019).

Keperluan Makanan Halal

Islam mensyariatkan penganutnya supaya makan makanan yang halal dan baik (Hamid, Ahmad & Abdullah, 2022). Makanan yang baik adalah makanan yang berkhasiat dan dapat mencukupkan keperluan vitamin dan mineral yang diperlukan oleh setiap manusia (Ahmad & Nordin, 2023). Tuntutan makan makanan halal dan baik telah dinyatakan didalam hadis sebagaimana Sabda Nabi Muhammad S.A.W.,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "أَئِهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبِلُ إِلَّا طَيِّبًا، وَإِنَّ اللَّهَ أَمْرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمْرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى: "يَا أَئِهَا الرُّسُلُ كُلُّوْمَنْ الطَّيِّبَاتِ وَأَعْمَلُوْمَنْ صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُوْمَنَ عَلِيهِمْ"، وَقَالَ تَعَالَى: "يَا أَئِهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُّوْمَنْ طَيِّبَاتٍ مَا رَزَقْنَاكُمْ" ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطْبِلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمْدُدُ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ! يَا رَبِّ! وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ، وَمَسْرُءُهُ حَرَامٌ، وَمَلْبِسُهُ حَرَامٌ، وَعُذْدِي بِالْحَرَامِ، فَأَنَّى يُسْتَحْجَبُ لِذَلِكَ (رواه مسلم)

[*Sahih Muslim, Kitab Al-Zakat, Penerimaan Sedekah dari Hasil Kerja yang Baik dan Penjagaannya, no. 83*]

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah Maha Baik dan hanya menerima yang baik. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang yang beriman untuk (melakukan) perintah yang disampaikan kepada para nabi. Kemudian beliau membaca firman Allah, ‘Wahai rasul-rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik dan kerjakanlah amalan yang soleh.’ Dan firman-Nya, ‘Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari makanan yang baik-baik yang telah Kami anugerahkan kepadamu. ’Kemudian beliau menceritakan seorang lelaki yang melakukan perjalanan jauh (lama), tubuhnya diliputi debu lagi kusut, diamenadah tangannya ke langit dan berdoa, ‘Ya Rabbku, ya Rabbku’. Akan tetapi makanannya haram, minumannya haram, dan ia diberi makan dengan yang haram. Maka bagaimana mungkin doanya dikabulkan.”

Hadir diatas menjelaskan kewajipan memilih makanan yang baik kerana ia menjadi salah satu syarat untuk doa dikabulkan (Albakri, 2016). Orang Islam yang menuruti perintah Allah dalam konteks pemilihan makanan ini akan meningkatkan ketakwaan mereka kepada yang Esa (Said et al., 2021).

Allah S.W.T juga telah berfirman dalam surah Al- Maidah, ayat 88:

Maksudnya:

“Dan makanlah dari apa yang telah diberikan Allah kepadamu sebagai rezeki yang halal dan baik, dan bertakwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya”

Ayat diatas menunjukkan Allah telah mengurniakan rezeki yang halal lagi baik kepada seluruh manusia, dan adalah menjadi kewajipan hambaNya untuk memilih makanan tersebut. Kepatuhan kepada perintah Allah ini membuktikan ketakwaan dan keimanan kepada Allah (Ihsan & Fata, 2022).

Selain memenuhi tuntutan dalam Islam (Rasheed et.al., 2022), makanan halal dan baik juga disyariatkan untuk menjaga kesihatan tubuh badan. Pengambilan makanan yang halal dan baik bermaksud mengambil makanan berkhasiat, bernutrisi tinggi dan bermanfaat untuk fizikal dan mental. Pemakanan yang baik akan membantu seseorang meneruskan kerja sehari dengan lebih bertenaga, cergas dan berfikiran dengan waras (Putri et al., 2022). Saran pengambilan makanan yang halal dan baik ini juga bertepatan dengan maqasid syariah yang dituntut dalam Islam iaitu penjagaan nyawa (Fadzli et. al., 2021). Dalam kajian yang berbeza, penyelidik berpendapat penggunaan daging kultur diharamkan sekiranya mengandungi bahan yang berbahaya atau beracun, yang menjelaskan keperluan penjagaan nyawa seperti dibincangkan dalam ayat sebelum ini (Reza Adnan et al., 2021).

Konsep halalan toyyiban dalam Islam membantu penganutnya mengelak daripada melakukan kemungkaran. Hal ini dibincangkan dalam kajian oleh Sidi, Hamzah & Tamuri pada tahun 2021 yang menyatakan bahawa jiwa yang bermasalah perlu kepada perkara yang halal untuk meraih keredaan Allah S.W.T. Dengan mencari yang halal, seseorang akan dapat mencapai kesempurnaan akhlak dan mencegah diri daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T. Perbuatan mengambil makanan halal dan baik juga ditakrifkan sebagai perbuatan yang dilakukan supaya dapat menghindari daripada berbuat dosa (Mulyati, abubakar & Hadade, 2023; Rojabiah, Suryani & Budiyanto, 2023).

Tuntasnya, keperluan makanan halal kepada manusia secara umum memberikan banyak manfaat sama ada dari segi rohani mahupun jasmani. Makanan yang penuh dengan nutrisi dapat menjamin kesihatan (Iwan sukarno et al., 2022) dan tidak memudaratkan kesihatan (Nor et. al., 2022). Pengambilan makanan yang halal dan baik juga merupakan asbab kepada keberkatan dalam hidup (Rosita et. al., 2023).

Pengurusan Rantaian Bekalan Halal

Pengurusan rantaian bekalan halal merujuk kepada proses perolehan, pemprosesan, pengendalian, penyimpanan dan pengedaran produk halal untuk memastikan produk tersebut sampai ke tangan pengguna dengan selamat dan mematuhi syariat Islam yang telah ditetapkan (Hasan, 2021). Ia merupakan penambahbaikan kepada pengurusan rantaian bekalan konvensional terutama dari sudut penguatkuasaan undang-undang Islam (Hadi Peristiwo, 2019). Objektif utama pengurusan rantaian bekalan halal adalah untuk menjamin integriti halal bermula daripada perolehan hingga kepada penghantaran produk kepada pengguna (Islam et al., 2020). Kepentingan pengurusan rantaian bekalan halal dalam menjamin integriti adalah berpandukan kepada sistem pergudangan, pengangkutan, pengendalian, dan perkapan yang mengikut garis panduan yang telah ditetapkan (Hadi Peristiwo, 2019). Menurut Azmi et al., 2020, keprihatinan pengguna produk terhadap integriti halal menjurus kepada pemprosesan, pengangkutan dan penyimpanan, disamping keseluruhan rantaian bekalan. Pengguna bukan sahaja meneliti dari mana sumber suatu produk itu diambil, tetapi turut melihat kepada proses penghasilannya sehinggalah kepada bagaimana makanan itu sampai ke tangan mereka.

Pengurusan rantaian bekalan halal melibatkan beberapa pihak seperti pembekal, penghantar barang, peruncit dan pembeli yang berada di tempat berbeza tetapi mempunyai objektif yang sama iaitu untuk memastikan status halal sesuatu produk terjamin bermula dari awal hingga akhir (from farm to fork) (Javid & Amini, 2023; Cahyono et al., 2023). Kajian pada tahun 2023 oleh Hidayati et al. menerangkan dengan lebih jelas peranan pengurusan rantaian bekalan halal seperti memastikan produk sampai kepada pelanggan pada waktu yang ditetapkan, mengurangkan kos dan masa penghantaran, menyediakan perancangan dan pengedaran yang berpusat, serta memastikan pengurusan inventori yang baik diantara pembekal dan pengguna produk.

Rantaian bekalan halal merangkumi beberapa aspek terpenting iaitu perolehan halal, pembuatan halal, pengedaran halal dan logistik halal (Hasan, 2021). Antara empat aspek tersebut, logistik halal menjadi penentu utama dalam memastikan keberkesanan rantaian bekalan halal (Khan, Khan & Haleem, 2022). Logistik halal bukan sahaja melibatkan pengedaran produk siap, tetapi juga bertanggungjawab terhadap perolehan, pergerakan, penyimpanan dan pengendalian bermula daripada bahan mentah (Ilyas Masudin et al., 2022). Segala pergerakan maklumat dan dokumentasi yang berkaitan berada dibawah pemantauan logistik halal dan hendaklah dipastikan mengikut syariat Islam. Bagi memastikan peranan logistik halal dapat disempurnakan, pembungkusan memainkan peranan penting dengan memastikan produk halal tidak tercemar dengan produk haram, terlindung daripada kotoran dan selamat daripada kerosakan (Husna et al., 2022).

Keberkesanan rantaian bekalan halal dimanifestasikan dengan pensijilan halal (Aliyanti, Kariim, & Mauluddin, 2022). Pensijilan ditakrifkan sebagai prosedur formal yang melibatkan auditor dalam menilai dan mengesahkan sifat, kualiti, kelayakan dan status seseorang individu, atau sebuah agensi, barang atau perkhidmatan, prosedur atau proses, atau situasi itu patuh kepada piawaian yang ditetapkan. Dalam konteks pensijilan halal, proses ini dijalankan untuk memastikan sesuatu barang atau perkhidmatan itu halal dari sudut perundangan syariah (Zainuddin et al., 2019).

Pembungkusan Halal

Menurut Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) (2020), pembungkusan halal merupakan antara keperluan umum yang perlu dipastikan kesahihan sebelum memohon pensijilan halal. Pembungkusan dan pelabelan hendaklah dipastikan diperbuat daripada sumber yang halal, tidak mencemarkan produk dan tidak mengandungi apa-apa bahan yang boleh mengancam keselamatan pengguna. Industri makanan pada hari ini menggunakan pelbagai jenis pembungkusan seperti beg, cawan, kantung, tin, botol, tiub dan sebagainya yang diperbuat daripada pelbagai sumber (Mohd Hatta et. al., 2023). Pembungkusan berfungsi untuk mengurangkan risiko pencemaran silang yang melibatkan produk halal dan produk haram. Status halal produk secara automatik akan berubah menjadi haram sekiranya tercemar dengan produk haram (Supian, 2018). Sekiranya perkara ini berlaku, produk makanan yang memohon pensijilan halal akan ditolak permohonannya dan pensijilan produk halal akan ditarik balik sekiranya didapati menggunakan pembungkusan yang tidak patuh syariat.

Kepercayaan dan Keyakinan Pengguna

Kajian lepas juga menunjukkan terdapat tiga faktor yang mempengaruhi persepsi pengguna Muslim terhadap makanan halal iaitu logo halal, pelabelan dan pembungkusan, dan penguatkuasaan pihak berkuasa terhadap penipuan makanan halal. Melihat kepada ketelitian dalam proses pensijilan halal, kepercayaan dan keyakinan pengguna terhadap pembungkusan halal secara amnya dan makanan halal secara khasnya dirumuskan berada pada tahap yang memuaskan (Al-mustaqim & Fazriani, 2023). Produk yang dilengkapi dengan ciri-ciri halal seperti mempunyai logo halal pada pembungkusan lebih menjadi pilihan pembeli berbanding barang yang tidak mempunyai ciri-ciri halal tersebut (Mufligh & Juliana, 2021).

Rujukan

- Abd Hamid, O., Ahmad, A. N., & Abdullah, M. A. (2022). *Awareness of Halalan Toyiban, HAS Practices, Export Readiness and Food SMEs' Business Performance in East Coast Region, Malaysia*. Journal of Halal Industry & Services, 5(1). <https://journals.hh-publisher.com/index.php/JHIS/article/view/599/390>
- Ahmad, F. N., & Nordin, N. F. H. (2023). *Environmental Approach for Securing Halalan Toyiban Concept in Food Safety-A Mini Review*. Halalpshere, 3(1), 27-30. <https://journals.iium.edu.my/inst/index.php/hs/article/view/70/65>
- Aishah Bujang, & Bakar, S. (2023). *Halal packaging: halal control point in manufacturing of packaging materials and halal labeling*. 161–175. <https://doi.org/10.1016/b978-0-323-91662-2.00001-6>
- Albakri, Z. M., (2016) BAYAN LINNAS SIRI KE-73: PENAMAAN MAKANAN DAN MINUMAN: STATUS HALAL DAN ISUNYA. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1109-bayan-linnas-siri-ke-73-penamaan-makanan-dan-minuman-status-halal-dan-isunya>
- Aliyanti, F. E., Kariim, L., & Mauluddin, Y. (2022). *The Implementation of Halal Supply Chain Management on Processed Meat Products in Yogyakarta*. Journal of Islamic Economics Lariba, 15-32. <https://journal.uii.ac.id/JIELariba/article/view/23085/13869>
- Al Mustaqim, D., & Fazriani, D. (2023). *Analysis Of The Effect Of Halal Certification On Consumer Trust And Brand Loyalty*. <https://osf.io/9d3jg/download>
- Al- Quranul Karim
- Azeman, A. R., & Ripin, A. (2021). *Kefahaman Halalan Toyiban Dari Perspektif Pengusaha Dan Pekerja Restoran Melayu Di Banda Hilir, Melaka*. Journal of Hospitality and Networks, 1(1), 1-7. <http://unimel.edu.my/journal/index.php/JHN/article/download/939/752>

- Azhar, A., & Tu, Y. T. (2021). *The investigation of key factors for successful implementation of sustainable halal food supply chain management*. Food Research, 5(6), 221–228. [https://doi.org/10.26656/fr.2017.5\(6\).235](https://doi.org/10.26656/fr.2017.5(6).235)
- Azmi, F. R., Abdullah, A., Musa, H., & Wan Mahmood, W. H. (2020). *Perception of food manufacturers towards adoption of halal food supply chain in Malaysia: Exploratory factor analysis*. Journal of Islamic Marketing, 11(3), 571-589. <https://doi.org/10.1108/JIMA-12-2018-0236>
- Cahyono, Y., Purwoko, D., Koho, I., Setiani, A., Supendi, S., Setyoko, P., ... & Wijoyo, H. (2023). *The role of supply chain management practices on competitive advantage and performance of halal agroindustry SMEs*. Uncertain Supply Chain Management, 11(1), 153-160. http://www.m.growingscience.com/uscm/Vol11/uscm_2022_126.pdf
- Dewi, N. Y. S., & Agustina, A. (2021). *Halalan Toyibban: Theory and Implementation of Food Products Consumers*. Indonesian Interdisciplinary Journal of Sharia Economics (IIJSE), 4(1), 179-189. <https://e-journal.ikhac.ac.id/index.php/iijse/article/view/1425>
- Fadzli, S. D. N. M., Harun, M. A. W., Baharuddin, A. S., & Adnan, M. R. A. R. (2021). *PRODUK MAKANAN UBAH SUAI GENETIK (GMF) DALAM PERSPEKTIF KONSEP HALALAN TOYYIBAN BERDASARKAN PENILAIAN MAQASID HIFZ AN NAFS: GENETICALLY MODIFIED FOOD PRODUCTS (GMF) IN THE CONCEPT OF HALALAN TOYYIBAN PERSPECTIVE BASED ON THE MAQASID HIFZ AN NAFS EVALUATION*. Malaysian Journal of Syariah and Law, 9(1), 73-85. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol9no1.284>
- Fitria, R., & Aditia, R. (2019). *Prospek dan Tantangan Dakwah Bil Qalam sebagai Metode Komunikasi Dakwah*. Jurnal Ilmiah Syi'ar, 19(2), 224. <https://ejournal.iainbengkulu.ac.id/index.php/syiar>
- Hadi Peristiwo. (2019). *Indonesian Halal Food Industry: Development, Opportunities and Challenges on Halal Supply Chains*. Journal of Islamic Studies and Humanities, 4(2), 218–245. <https://journal.walisongo.ac.id/index.php/JISH/article/view/5228/2548>
- Hasan, Z. (2021). *View of Making Indonesia as Integrated Halal Zone and World Halal Sector Hub Through the Implementation of Halal Supply Chain*. Journal of Islamic Economic and Business Research <https://jiebr.umy.ac.id/index.php/jiebr/article/view/2/3>
- Hasanah, A., I., Fauziah, R., & Kurniawan, R. R., (2021) *Konsep Makanan Halal Dan Thayyib Dalam Perspektif Al-Qur'an. Ulumul Qur'an: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir* https://scholar.googleusercontent.com/scholar?q=cache:JRHaHqQSz9RoJ:scholar.google.com/+makanan+halal+definisi&hl=en&as_sdt=0,5&as_ylo=2019
- Hassim, M. H. & N. A., (2019). *TUNTUTAN MENCARI MAKANAN HALAL DAN TOYYIBAN DALAM ISLAM: PENGUATKUASAANNYA MELALUI UNDANG-UNDANG SEMASA* 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019). http://conference.kuis.edu.my/mfifc/images/E-Proceeding-2019/19-Tuntutan_mencari_makanan_halal_Hafifi.pdf
- Hidayati, J., Vamelia, R., Hammami, J., & Endri, E. (2023). *Transparent distribution system design of halal beef supply chain*. Uncertain Supply Chain Management, 11(1), 31–40. <https://doi.org/10.5267/j.uscm.2022.12.003>
- Husna, A., Jaapar, N. H., Yusof, M. F. M., Abdullah, S. F. S., & Muhamad, M. D. (2022, August). *Halal Branding Issues in Food Industry Based on Brand Elements*. In Selected Proceedings from the 1st International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS 2021) (pp. 25-33). Singapore: Springer Nature Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-19-2390-6_3
- Ihsan, W., & Fata, Z. (2022). *KONSEP MAKANAN HALAL DAN TAYYIB MENURUT TANTAWI BIN JAWHARI AL-MISHRI DALAM TAFSIRNYA AL-JAWĀHIR FI TAFSĪR*

- AL-QUR'ĀN AL-KARĪM.* JUSMA: Jurnal Studi Islam dan Masyarakat, 1(2), 38-56.
<https://ejournal.iainponorogo.ac.id/index.php/jusma>
- Ilyas Masudin, Bima Suci Rahmatullah, Muhammad Agung, Inka Amalia Dewanti, & Dian Palupi Restuputri. (2022). *Traceability System in Halal Procurement: A Bibliometric Review*. 6(4), 67–67. <https://doi.org/10.3390/logistics6040067>
- Indarti, Nurul; Lukito-Budi, Andy Susilo; Islam, Azmi Muhammad (2020). *A systematic review of halal supply chain research: to where shall we go?*. Journal of Islamic Marketing, ahead-of-print(ahead-of-print), –. <https://doi.org/10.1108/JIMA-05-2020-0161>
- Islam, A., Susilo Lukito-Budi, A., & Indarti, N. (2020). *A Systematic Review on Halal Supply Chain Research*. <http://www.ieomsociety.org/ieom2020/papers/339.pdf>
- Iwan sukarno, Dermawan, A. P., Syailendra, R. P., Silalahi, I. R., Purba, C. M., & Juan. (2022). Halal Logistics through Value Co-Creation : Jurnal Teknologika, 12(2), 270–278. <https://doi.org/10.51132/teknologika.v12iNo%202.231>
- Jahانبخش Javid, N., & Amini, M. (2023). *Evaluating the effect of supply chain management practice on implementation of halal agroindustry and competitive advantage for small and medium enterprises*. International Journal of Computer Science and Information Technology, 15(2023), 8997-9008. https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=4348136
- Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka
<https://prpm.dbp.gov.my/CarianBestari?mode=ext&keyword=makanan+halal>
- Khan, M. I., Khan, S., & Haleem, A. (2022). *Analysing barriers towards management of Halal supply chain: a BWM approach*. Journal of Islamic Marketing, 13(1), 66-80. <https://doi.org/10.1108/JIMA-09-2018-0178>
- Kusuma, T. S., & Kurniawati, A. D., (2021) *Makanan Halal dan Thoyyib*. Universitas Brawijaya Press.,https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=j7VTEAAAQBAJ&oi=fnd&pg=PP1&dq=makanan+halal+definisi&ots=BriIphH89H&sig=KSd6lEU0QzP99kYWGjSaT4WSEBs&redir_esc=y#v=onepage&q=makanan%20halal%20definisi&f=false
- Nor, Z. M., Ghazali, N. M., Mohd, R. A., & Abd Manan, M. (2022). *Konsep Makanan Sunnah*. THE 8th INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)<https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/18931/1/Konsep%20Makanan%20Sunnah.pdf>
- Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik), (2020) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
<https://www.halal.gov.my/v4/index.php?data=bW9kdWxlcy9uZXdzOzs7Ow==&utama=panduan&ids=202009285f719a6a9f166&lang=bn>
- Mohd Hatta, F. A., Mat Ali, Q. A., Mohd Kashim, M. I. A., Othman, R., Abd Mutualib, S., & Mohd Nor, N. H. (2023). *Recent Advances in Halal Bioactive Materials for Intelligent Food Packaging Indicator*. Foods, 12(12), 2387. <https://doi.org/10.3390/foods12122387>
- Muflih, M. and Juliana, J. (2021), "Halal-labeled food shopping behavior: the role of spirituality, image, trust, and satisfaction", Journal of Islamic Marketing, Vol. 12 No. 8, pp. 1603-1618. <https://doi.org/10.1108/JIMA-10-2019-0200>
- Mulyati, S., Abubakar, A., Hadade, H., *View of Makanan Halal dan Tayyib dalam Perspektif Al-Quran*.Putrapublisher.org.
<http://www.putrapublisher.org/ojs/index.php/isihumor/article/view/150/238>
- Nur, & Metta Renatie Hanastiana. (2020). *Halal Food Industry: Challenges and Opportunities in Europe*. Journal of Digital Marketing and Halal Industry, 2(1), 43–54. <https://journal.walisongo.ac.id/index.php/JDMHI/article/view/5799/2717>
- Putri, B., Putri, A., Elita Mahda Gatra Putri, Audia Resta Wandani, & Niken Hesty Wulandari. (2022). *Edukasi Makanan Serta Jajanan Sehat, Halal, dan Bergizi dalam Upaya*

- Meningkatkan Kesadaran Anak Panti Asuhan.* Magistrorum et Scholarium: Jurnal Pengabdian Masyarakat, 3(1), 103–113. <https://ejournal.uksw.edu/jms/article/view/7596>
- Rahim, F. A., Zulfakar, Z. A., & Rusli, K. A. (2021). *Halalan Toyyiban: the mediating effect of attitude on Muslim's purchase intention towards imported Halal food in Malaysia.* Journal of Marketing Advances and Practices, 3(2), 60-75. https://www.researchgate.net/profile/Fitriya-Abd-Rahim/publication/353380684_Halalan_Toyyiban_The_mediating_effect_of_attitude_on_Muslim's_purchase_intention_towards_imported_Halal_food_in_Malaysia/links/60f95bf60c2bfa282af2590c/Halalan-Toyyiban-The-mediating-effect-of-attitude-on-Muslims-purchase-intention-towards-imported-Halal-food-in-Malaysia.pdf
- Reza Adnan, M. R. A., Mohd Fadzil, S. D. N., Baharuddin, A. S., & Wan Harun, M. A. (2021). *Cultured meat as halalan toyyiban food: a maqasid review in the preservation of life (hifz al-nafs).* Food Research, 5(5), 174–178. [https://doi.org/10.26656/fr.2017.5\(5\).161](https://doi.org/10.26656/fr.2017.5(5).161)
- Rojabiah, N., Suryani, S., Budiyanto, S., *View of KORELASI MAKANAN HALAL DAN THOYIB TERHADAP KESEHATAN DALAM PERSPEKTIF AL-QUR'AN.* Halalunmabantan.id. <https://journal.halalunmabantan.id/index.php/ijma/article/view/68/55>
- Rosita, A., Suzaini, S., Takwa, W. H., & Hasan, Z. (2023). *IMPLEMENTASI SERTIFIKASI HALAL PADA PRODUK MAKANAN DAN MINUMAN UMKM DI KECAMATAN BANTAN KABUPATEN BENGKALIS.* PRIMER: Jurnal Ilmiah Multidisiplin, 1(2), 92-97. <https://doi.org/10.55681/primer.v1i2.54>
- Sahih Muslim, *Kitab Al-Zakat, Penerimaan Sedekah dari Hasil Kerja yang Baik dan Penjagaannya*, no. 83 <https://sunnah.com/muslim/12>
- Said, S., Siti Sarah Izham, Nadiah Ramlan, Sakinatul Raadiyah Abdullah, & Mohamad. (2021). *Falsafah Akhlak dan Nilai Manusia dalam Kepenggunaan Produk Halal: Analisis Terhadap Ayat al-Qur'an Terpilih [Philosophy of Islamic Ethics and Values in Consumption of Halal Products: Analysis of Selected Qur'anic Verses].* BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (E-ISSN: 2600-9080), 4(4), 77–90. <https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/248>
- Shafie, A., Nazri, M. A., Hussin, H., (2019) *Makanan Halal Menurut Perspektif Islam dan Kepentingan Pelabelan.* Bitarajournal.com. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/74/68>
- Shariff, S., Ahmad, N., (2019). Halal Logistics Operations in MS2400 Standards: A Literary Review *Contemporary Management and Science Issues in the Halal Industry* (Proceedings of the International Malaysia Halal Conference (IMHALAL)) || 10.1007/978-981-13-2677-6(Chapter 7), 77–87. doi:10.1007/978-981-13-2677-6_7 https://doi.org/10.1007/978-981-13-2677-6_7
- Sidi, A. A., Hamzah, M. I., & Tamuri, A. H., (2021) *PENDEKATAN TASAWUF ABU TALIB AL-MAKKI DALAM MENANGANI MASALAH DISIPLIN REMAJA [ABU TALIB AL-MAKKI'S TASAWUF APPROACH IN DEALING WITH ADOLESCENT DISCIPLINE PROBLEMS].* Myedujournal.com. <https://myedujournal.com/index.php/arise/article/view/1/2>
- Supian, K. (2018). *Cross-contamination in processing, packaging, storage, and transport in halal supply chain.* In *Preparation and Processing of Religious and Cultural Foods* (pp. 309-321). Woodhead Publishing. <https://doi.org/10.1016/B978-0-08-101892-7.00016-X>
- Wahyuni, D., & Arfidhila, N. (2019) *View of Traceability pada Rantai Pasok Pangan Halal: Review Literatur.* EE Conference Series 02. Usu.ac.id. <https://talentaconfseries.usu.ac.id/ee/article/view/649/391>

Zainuddin, N., Saifudin, A. M., Deraman, N., & Mahidin, N. (2019). *Effect of Halal certification and labelling process on Halal supply chain performance*. International Journal of Supply Chain Management, 8(4), 1075-1081.
<https://www.academia.edu/download/83348953/1869.pdf>

BAB 11

KITAB TURATH JAWI LAMA FIQH SYAFIE : KAJIAN METODOLOGI SYEIKH DAUD AL FATHANI DALAM PENULISAN KITAB MUNYATUL MUSOLLI

Mohd Asri bin Ishak,Mohd Norzi bin Nasir,Mohd Ikram bin Mohd Nawi¹

Universiti Islam Selangor¹

Pendahuluan

Syeikh Daud Abdullah Al Fatani adalah seorang tokoh ulama' Nusantara yang masyhur. Dengan keilmuannya yang tinggi dan semangat ingin menyebarkan ilmu kepada masyarakat bagi melihat anak bangsa berubah, beliau telah mengarang pelbagai jenis kitab. Bagi memberikan kefahaman kepada ummat Melayu dalam mendalami ilmu feqah khususnya dalam bab solat, Syeikh Daud Al Fatani telah mengarang sebuah kitab yang dinamakan sebagai *Munyatul Musolli*. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi memperkenalkan Syeikh Daud Al Fatani kepada generasi kini,mengangkat warisan turath kitab jawi lama *Munyatul Musolli* serta mengkaji dan menenilti bagaimana metode penulisan dan penyampaian beliau dalam menghasilkan kitab ini.Mudah-mudahan dengan kajian yang sedikit ini dapat memberikan manfaat kepada pembaca dan semangat serta sumbangan yang diberikan oleh tokoh ulama' ini dapat menjadi inspirasi dalam kehidupan genarasi kini.

Riwayat ringkas kehidupan Syeikh Daud Abdullah Al Fatani

Nama dan gelaran.

Nama penuh beliau ialah Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris @ Tok Wan Derasid @ Syeikh Wan Senik bin Tok Wan Abu Bakr bin Tok Kaya Pandak bin Andi (Faqih) Ali Datuk Maharajalela. Beliau lebih dikenali sebagai "Tok Syeikh Daud Fatani". Beliau juga mendapat gelaran-gelaran lain seperti "al-'Alim al-'Allamah al-'Arif al-Rabbani", "Syeikh Daud Waliullah", "Syeikh Daud Keramat" dan "Syeikh Daud Pengarang Kitab". (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1990)

Tarikh dan tempat kelahiran.

Syeikh Daud dilahirkan pada tahun 1720M/1133H di Kampung Kerisik, Patani. (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1990) Kerisik dipercayai merupakan ibu kota kerajaan Islam Patani pada abad ke-13M/7H dan 14M/8H. (Ismail, 2001)

Perjalanan menuntut ilmu.

Menurut (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1990) (Ismail, 2001) Beliau mendapat pendidikan awal tentang ilmu-ilmu keislaman dalam lingkungan keluarganya sendiri iaitu daripada bapa dan datuknya, serta berkesempatan berguru dengan ulama-ulama setempat yang datang dari Timur Tengah atau Yaman. Bapanya merupakan salah seorang ulama Fatani yang terkenal di zamannya. Sheikh Daud yang ketika masih kecil telah menghabiskan masanya dengan menghadiri halaqah-halaqah ilmu, memenuhkan masa siangnya dengan menuntut ilmu dan mengkaji sehingga lahir cinta yang mendalam terhadap ilmu. Kecintaannya terhadap ilmu jelas berdasarkan mukadimahnya di dalam kitab Bughyah al-Tullab yang mana beliau menyebut: 'Sesungguhnya jiwa yang suci dan mengharapkan kedudukan yang tinggi akan sentiasa meletakkan diri di dalam mencapai dan mendalami ilmu-ilmu syariah'. Kecintaan ini juga lahir kurniaan Allah kepadanya sama ada persediaan fitrahnya, pemikiran yang tajam, kehausannya

terhadap ilmu dan kekuatan hafalannya. (Sanusi, 2018) Beliau juga dikatakan belajar di Aceh selama dua tahun sebelum beliau berangkat ke Hijaz. Beliau belajar di Mekah selama 30 tahun dan di Madinah selama 5 tahun. (Ismail, 2001).

Guru-guru

Dalam kehidupan Syeikh Daud,demi ilmu beliau telah membuktikan kesungguhannya dan telah melakukan pengorbanan yang besar dengan meninggalkan keluarga dan tanah airnya. Beliau telah bermusafir ke Aceh serta bermukim di Madinah dan Mekkah demi untuk menuntut ilmu. Beliau telah berguru dengan ramai tokoh ulama'. Syeikh Daud menuntut ilmu dengan para ulama tempatan dan juga ulama Patani yang bermastautin di Mekah dan Madinah. Secara ringkasnya, di sini disenaraikan nama-nama guru Syeikh Daud di Mekah dan Madinah. (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1990) Antaranya ialah:

- i. Syeikh Muhammad Saleh Bin ‘Abdul Rahman al-Fatani
- ii. Sheikh Muḥammad Ṣāliḥ Bin Ibrāhīm al-Ra’īs
- iii. Sheikh ‘Aṭā’ Allāh Bin Aḥmad al-Azharī al-Makkī
- iv. Shaykh al-Islām Muḥammad Bin Sulaymān al-Kurdī
- v. Shaykh Muḥammad As‘ad Bin Shaykh Muḥammad Sa‘īd Ṭāhir
- vi. Shaykh Muḥammad Bin ‘Abd al-Karīm Sammān al-Madanī
- vii. Shaykh ‘Isā Bin Aḥmad al-Barrāwī
- viii. Shaykh al-Sayyid al-Sharīf al-Marzūqī
- ix. Shaykh Muḥammad Bin ‘Alī al-Shanawānī
- x. Syeikh ‘Ali Bin Ishaq al-Faṭāni²⁷
- xi. Shaykh Sulaymān Bin Yaḥyā Bin ‘Umar Maqbūl al-Aḥdal²⁸
- xii. Syeikh Muhammad Nafis Bin Idris Bin Hussain al-Banjari.²⁹
- xiii. Shaykh ‘Abd Allāh Bin Ḥijāzī al-Shaqqāwī
- xiv. Shaykh Ibrāhīm Bin Muḥammad al-Ra’īs al-Zamzamī al-Makkī
- xv. Muḥammad Sa‘īd Bin Muḥammad Ṣafar al-Madanī al-Ḥanafī³⁰ dan lainlain.

Sumbangan dan Karya-karya Sheikh Daud

Sheikh Daud adalah di antara ulama nusantara yang telah menghasilkan pelbagai karya (Sanusi, 2018) di antaranya:

1. *Bughyah al-Tulab Li Murid Ma’rifah al-Ahkam bi al-Sawab.*
2. *Al-Said Wa al-Zabaih.*
3. *Al-Bahjah al-Saniyyah / Tahsil Nail al-Muram li Bayan Manzumah*

- II. ‘Aqidah al-‘Awwam.
1. *Al-Dur al-Thamin Fi ‘Aqidah al-Mu’mimin.*
2. *Furu’ al-Masail Wa Usul al-Wasail.*
3. *Ghayah al-Taqrīb Fi al-Iṛth Wa al-Taqrīb.*
4. *Idah al-Bab Li Murid al-Nikah Bi al-Sawab.*
5. *Jam’ al-Fawa'id Wa Jawahir al-Qala'id.*
6. *Kifayah al-Muhtaj Fi Isra’ Wa al-Mi’raj.*
7. *Munyah al-Musalli.*

Tarikh dan Tempat Kewafatan:

Sheikh Daud meninggal dunia pada tahun 1265 Hijrah / 1874 Masihi. Beliau meninggal dunia di bandar Taif, Arab Saudi ketika berumur 107 tahun. Dikebumikan di Taif bersebelahan dengan kubur saidina Abdullah bin ‘Abbas r.a. (Sujimon, 2003)Semoga Allah s.w.t. merahmati al-Sheikh dan memasukkan beliau di kalangan orang-orang yang mendapat syurgaNya. Amin.

Pengenalan Kitab *Munyatul Musolli*


Kitab ini dinamakan oleh penulisnya Syeikh Daud Abdullah Al Fatani sebagai *Munyatul Musolli*, maksudnya telah diterjemahkan sebagai cita-cita orang yang bersebahyang (Muhammad Fuad Al Maliki,2005) dan manakala (Dr Abdul Basit,2022) telah menterjemahkan sebagai harapan orang yang bersolat. Kitab *Munyatul Musolli* adalah salah satu karya yang berharga hasil tulisan Syeikh Daud Abdullah Al Fatani . Kitab ini telah menjadi panduan dan bahan pengajian di banyak kawasan di Rantau Melayu dan menjadi bahan rujukan guru-guru agama dalam mengajar masyarakat samada di pondok-pondok dan masjid-masjid dalam pengajian secara formal atau tidak formal.Menurut (Dr Abdul Basit,2022) buku ini merangkan secara terperinci tentang kepentingan solat dan kedudukannya dalam diri setiap insan. Ia juga membicarakan perkara-perkara asas tentang solat berdasarkan Mazhab Imam Syafie.(Penerbit Telaga Biru,2022) Menurut (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1990) Syeikh Daud Al Fatani mengarang kitab ini atas permintaan seorang sultan yang datang menunaikan ibadah haji di tanah suci.. Namun maklumat berkenaan sultan tersebut tidak dapat diperincikan. Dalam semua cetakan *Munyatul Musalli* hanya cetakan Matbaah al-Miriyyah pada tahun 1330H (1911) sahaja yang terungkap secebis maklumat berkenaan dengan perkara itu. Malah maklumat tersebut adalah catatan yang ditulis oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain Al-Fatani yang mana beliaulah pentashih pertama kitab tersebut. Beliau mendengar maklumat ini daripada bapanya Syeikh Muhammad Zain bin Mustafa Al-Fatani yang mana beliau adalah anak murid Syeikh Daud sendiri. Menurutnya lagi, bahawa Syeikh Daud mengarang kitab ini tanpa menggunakan sebarang rujukan dihadapnya, semuanya ditulis berdasarkan ilmu pengetahuan yang terkandung di dalam dirinya. Perkara ini menyebabkan sultan yang meminta beliau mengarang kitab ini berasa ragu-ragu terhadapnya. Atas keraguan inilah maka Syeikh Daud mula mengarang kitab ini tanpa menggunakan lampu dan qalam. Menurut Wan Mohd Saghir lagi, Syeikh Daud hanya menggunakan jarinya menulis kitab ini di samping jari jemarinya bercahaya menjadi penyuluh buatnya ketika menulis kitab tersebut. Mendengarkan peristiwa ini sultan tersebut tidak berani lagi untuk meragui tindakan yang dilakukan oleh syeikh.

Metode penulisan Kitab *Munyatul Musolli*

Terdapat beberapa aspek yang akan dikaji dalam metodologi penulisan Kitab *Munyatul Musolli* dan aspek-aspek tersebut akan diterjemahkan kepada beberapa subtopik bagi memudahkan pembacaan.

Teknik Penulisan Tanpa Tanda Bacaan.

Penulisan Kitab *Munyatul Musolli* menggunakan tulisan jawi klasik yang padanya tiada sebarang tanda bacaan seperti koma,noktah, tanda soal dan sebagainya.Perkara ini adalah biasa dan sinonim dengan mana-mana karya turath yang lain yang ditulis pada zaman tersebut.Cuma dalam pengkajian ini kita akan dapati penggunaan tanda kurungan digunakan pada ayat-ayat Al Quran ,doa-doa dan zikir-zikir,hadis-hadis,petikan perbahasan dalam bahasa arab dan sebahagian pada kalimah-kalimah Arab. Metode yang sama ini juga digunakan oleh Syiekh Daud Al Fatani pada penulisan karya yang lain. Menurut (Hadenan, 2013) penulisan jawi klasik yang tidak mempunyai sebarang tanda bacaan merupakan satu cabaran bagi generasi baru untuk mentelaah dan mengkaji karya-karya thurath ulama' ulung. Hal ini agak menyukarkan apabila hendak memahami apakah yang hendak disampaikan oleh pengarang kitab. Dalam hal ini, beliau menyarankan agar para pembaca yang hendak menelaah kitab ini disarankan supaya merujuk juga kitab-kitab fiqh yang lain terutamanya dari sumber bahasa Arab .



Contoh petikan teknik penulisan tanpa tanda bacaan.

Penyusunan Kitab Munyatul Musolli

Kitab *Munyatul Musolli* dikarang dan disusun dengan 43 perbahasan. Syiekh Daud sendiri tidak meletakkan sebarang tajuk atau bab pada setiap perbahasan. Susunan 43 perbahasan ini dapat dilihat pada Kitab *Munyatul Musolli* cetakan Syarikat Telaga Biru cetakan 2022 yang ditahqiq oleh Dr Abdul Basit Abdul Rahman. Susunan perbahasan yang terdapat dalam Kitab *Munyatul Musolli* cetakan tersebut adalah seperti berikut .

1. Kedudukan Solat
2. Dalil Kepentingan Solat
3. Kelebihan Solat Asar
4. Syarat Sah Solat
5. Rukun-rukun Solat
6. Sunat Ab'adh
7. Sunat Hai'ah
8. Khusyuk dan Tawaduk
9. 12 Perkara yang Mesti Dilakukan dalam Solat
10. Sujud Sahwi
11. Sunat-sunat yang Dilakukan dalam Solat
12. Perkara-perkara yang Makruh dalam Solat
13. Perkara-perkara Sunat Selepas Solat
14. Solat Berjemaah
15. Syarat Mendapat Jumaat
16. Syarah Sah Jumaat
17. Solat Zuhur Selepas Jumaat
18. Hukum Orang yang Meninggalkan Solat
19. Solat-solat Sunat Rawatib
20. Solat Sunat Witir
21. Solat Sunat Dhuha
22. Solat Sunat Isyraq
23. Solat Sunat Awwabin
24. Solat Sunat Zawal
25. Solat Sunat Tahyatul Masjid
26. Solat Sunat Wuduk
27. Solat sunat Musafir

28. Solat Sunat Qudum
29. Solat Sunat Taubat
30. Solat Sunat Berkahwin
31. Solat Sunat Berhenti Musafir
32. Solat Sunat Ihram
33. Solat Sunat Tawaf
34. Solat Sunat Istikharah
35. Solat Sunat Hajat
36. Solat Sunat Tasbih
37. Solat Sunat Hari Raya
38. Solat Sunat Terawih
39. Solat Sunat Gerhana Matahari
40. Solat Sunat Gerhana Bulan
41. Solat Sunat Minta Hujan (Istisqa')
42. Solat Sunat Tahajud
43. Solat Sunat Mutlak

Permulaan Dan Penutup Dalam Penulisan

Kitab ini dimulakan dengan basmalah(bacaan Bismillah) kemudian puji-pujian bagi Allah s.w.t atas kelebihan yang diberikan pada orang yang mendirikan solat serta selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w tidak lupa doa keatas ahli keluarga nabi,para sahabat dan juga buat seluruh para pengikut baginda s.a.w. Kemudian penulis menyeru dan mengingatkan para pembaca bahawa kefahaman,kecerdikan semua datang dari Allah dan Allah juga yang telah menyelamatkan kita dari kejahatan diri kita.

Di akhir kitab pula Syeikh Daud telah menutup penulisannya dengan satu doa permohonan kepada Allah supaya Allah menjadikan kita golongan yang sentiasa mendirikan solat dan menjaganya dengan penuh keikhlasan mencari redha Allah.

Kaedah atau metode permulaan dengan basmalah dan pujian bagi Allah adalah satu kebiasaan yang dilakukan oleh para ‘ulama’ terdahulu (Isa, 2019) dan ia merupakan amalan yang patut diteruskan oleh generasi akan datang. Hal ini adalah kerana terdapat beberapa hadis yang menyatakan keutamaan memulakan perbuatan dengan *basmalah* sebagaimana sabda Nabi Muhammad S.A.W:

كُلُّ كَلَامٍ، أَوْ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لَا يُفْتَحُ بِذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ فَهُوَ أَبْتُرُ

Maksudnya: “Setiap ucapan atau perkara yang tidak dimulai dengan mengingati Allah (zikrullah), maka amalan tersebut akan terputus” (Hadis Riwayat Imam Ahmad, No Hadis 8697)

Laras Bahasa Dalam Penulisan Kitab.

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, laras bahasa adalah kepelbagaiannya bahasa menurut penggunaannya. Dalam hal ini, penggunaan laras bahasa Syeikh Daud Al Fatani dalam mengarang Kitab *Munyatul Musolli* telah diteliti. Setelah beberapa pemerhatian dilakukan, didapati bahawa laras bahasa yang digunakan dalam menghasilkan kitab ini adalah klasik. Hal ini dapat dilihat apabila Syeikh Daud dalam muqaddimah kitabnya berkata :

“(Dan) adapun kemudian dari itu maka ketahuilah oleh kamu hai segala orang yang muslimin telah memberi faham akan kami dan kamu Allah s.w.t dan mengilhamkan kami dan kamu cerdik dan lindungkan daripada kejahatan diri kita) (Munyatul Musolli Cetakan Halab m/s 2 baris 14)

Daripada contoh di atas, dapat dilihat bahawa laras bahasa yang digunakan adalah laras bahasa klasik kerana ia sukar difahami dan mempunyai ayat yang panjang. Ia juga jelas menunjukkan

bahawa laras bahasa yang digunakan adalah klasik kerana tiada sebarang tanda baca yang terdapat dalam kitab tersebut. Perkara ini dapat dibuktikan kerana salah satu ciri bahasa klasik adalah mempunyai ayat yang panjang serta tiada tanda baca yang diletakkan. Akan tetapi, sekiranya terdapat tanda baca yang diletakkan, tanda baca tersebut tidak berada pada posisi yang sepatutnya. (Berita Harian, 2021)

Selain itu, kepelbagaian bahasa yang digunakan juga menunjukkan bahawa Syiekh Daud mengarang kitab ini dengan menggunakan laras bahasa klasik. Sebagai contoh, perkataan *sitar* yang bermaksud dinding dalam bahasa Arab . Penggunaan kosa kata yang diambil daripada bahasa asing juga salah satu identiti bahasa klasik. (Berita Harian, 2021)

Seterusnya, penggunaan perkataan adapun sebagai kata pangkal ayat juga salah satu ciri yang menunjukkan laras bahasa klasik (Zurina Binti Abdullah, 2020) Perkara ini dapat dilihat pada kebanyakan ayat yang dikarang oleh Syeikh Daud antaranya adalah:

“Maka dengan demikian itulah suruh Allah s.w.t akan segala hambanya yang mukmin di dalam kitabnya dan dengan dia memperikan sifat mereka itu maka firman-firmannya (peliharakan oleh kamu hai orang yang mukminin atas sembahyang yang lima waktu dan memeliharkan sembahyang wusto dan berdiri kamu bagi Allah s.w.t mengerjakan kamu akan taat) (Munyatul Musolli Cetakan Halab m/s 3 baris pertama)

Jadi, jelaslah bahawa penggunaan kata pangkal ayat dalam ayat di atas membuktikan bahawa Syeikh Daud mengarang kitab tersebut dengan menggunakan laras bahasa klasik.

Penggunaan Tulisan Dan Ejaan

Sebagaimana yang telah diterangkan, Kitab *Munyatul Musolli* sepenuhnya ditulis dengan menggunakan tulisan jawi . Akan tetapi, tulisan jawi yang digunakan adalah Jawi Klasik sesuai dengan garis masa kitab ini dikarang dan kehidupan penulis pada zamannya.

Sejajar dengan penggunaan tulisan jawi klasik, sistem ejaan yang digunakan juga adalah sama. Perbezaan sistem ejaan jawi klasik dengan jawi moden adalah sangat ketara. Antara perbezaan yang dapat dilihat dengan jelas di dalam kitab ini adalah penulis menulis dua perkataan yang berbeza dengan bersambung. Perkara ini menyukarkan pembaca untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan. Contohnya adalah ketika penulis kitab menulis kalimah berikut:

مریکنٽ	Mereka itu
اکدنتغ	Akan datang
دغندی	Dengan dia
اور غیث	Orang yang
اکنڈی	Akan dia
اکنڈیکو	Akan dikau
منغٹلکنڈی	Meninggalkan dia
یغسیبوت	Yang disebut

Jadual 1.0 Beberapa Contoh Penyambungan Dua Kalimah Dalam Kitab *Munyatul Musolli*

Penyambungan dua kalimah ini menjadikan para pembaca lebih sukar untuk memahami perkataan-perkataan berikut. Akan tetapi, jika diulang serta diperhalusi dengan lebih teliti, ia masih lagi boleh dibaca. Perkara ini membuktikan bahawa Syeikh Hasan mengarang kitab beliau menggunakan tulisan Jawi Klasik.

Seterusnya, terdapat beberapa kesalahan ejaan yang ditemui sepanjang penelitian dilakukan. Akan tetapi, kesalahan-kesalahan yang dilakukan adalah kebanyakannya dari segi imbuhan serta penambahan abjad baru seperti Huruf Nga, Ga, Ca dan sebagainya. Jadual berikut menunjukkan beberapa kesalahan ejaan yang ditemui di dalam kitab ini:

يُخْدِمُنَّ	Yang digemarinya
سکرتا	Berkata
افمان	Umpamanya
فلاکوت	Patuk
منانگر هاکن	Menganugerahkan
دیر	Diri
شکسا	Seksa
کفلا	Kepala

Jadual 2.0 Beberapa Kesalahan Ejaan Yang Ditemui Dalam Kitab *Munyatul Musolli*

Daripada jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa kesalahan ejaan yang dilakukan adalah kebanyakannya daripada imbuhan serta abjad tambahan yang ada di dalam sistem Jawi moden. Oleh itu, kesalahan-kesalahan ejaan yang dilakukan adalah sesuai dengan garis masa penghasilan kitab ini.

Penggunaan Perkataan Arab Dalam Penulisan.

Bila kita melihat sejarah perjalanan menuntut ilmu Syiekh Daud Al Fatani,kita dapat lihat Syiekh Daud Al Fatani banyak menghabiskan masa menuntut ilmunya di bumi Hijaz. Sedikit sebanyak kehidupan dan pergaulannya di bumi Hijaz telah mempengaruhi beliau dalam penulisan,beliau banyak menggunakan kalimah-kalimah Arab dalam penulisannya . Berikut adalah kategori penggunaan kalimah Arab dalam penulisan Syiekh Daud Al Fatani :

- 1) Penggunaan langsung kalimah Arab dalam penulisan beliau . Contohnya seperti berikut :

ضروري	<i>Dan yang mempunyai doruri daripada ahli qulub maka muliakan akan mereka itu</i>
مقارنه كمالية	<i>Dengan awal takbirnya iaitu alif pada Allah dan kekalkan dia hingga ra pada akbar maka adalah muqoranah itu tiga namanya pertamanya muqaranah kamaliah iaitu menghadir yang tersebut itu dari qasad dan taarrad dan ta'yin</i>
استحضار	<i>Yang wajib istihdhar itu iaitu qasadnya dan taarrad dan ta'yin pada suatu suku daripada suku takbir</i>
أفعال الصلة	<i>Maka af'al as solat itu seumpama makanan dan zikir dan tasbih dan doa bagi-bagi warna minuman</i>
قول	<i>Qaul yang mengatakan wajib atau lepas makruh dan supaya mencapai dengan pahala Jemaah .</i>
تعلق	<i>Berkata perkataan yang tiada taaluk padanya kebijakan</i>
ولى الأمر	<i>Dan tidak mudah atas wali'ul amr pada meninggalkan daripada menyuruh adan menakuti akan mereka itu</i>

Jadual 3.0 Contoh perkataan-perkataan Arab yang digunakan secara lansung dalam Kitab Munyatul Musolli.

2) Penggunaan Bahasa Arab kemudian diterjemahkan .Contohnya :

خطيئة (كسالهن)	<i>Pada hadis berludah didalam masjid itu khati'ah (kesalahan)</i>
كفارت (بندا)	<i>Dan kafarahnya (dendanya) ditanamnya</i>
تفصيل (فنجلاسن)	<i>maka jikalau yang sembahyang itu maknum maka tiada tafsil (penjelasan)</i>
صورة (كمبارن)	<i>pada segala suroh (gambaran) yang tersebut itu jikalau lupanya atau jahilnya</i>
تحفظ (منجاك) فريواتن (<i>Sekalipun sebab ia meninggalkan dia tahfaz (menjaga perbiutan) didalam sembahyang</i>
تردد (تيدق يقين)	<i>Sekalipun kerana taraddudnya (tidak yakin) pada lebihnya</i>

Jadual 4.0 Contoh perkataan-perkataan arab yang kemudiannya diterjemah oleh Syiekh Daud Al Fatani dalam Kitab *Munyatul Musolli*.

Penyataan Rujukan

Setelah diteliti pada penyataan rujukan di dalam kitab *Munyatul Musolli*, didapati bahawa penyataan rujukan yang ditulis adalah tidak seragam. Terdapat beberapa gaya penyataan rujukan yang ditulis dalam kitab ini.

Menyebut Nama Penulis Sahaja

Pertama, Syeikh Daud Al Fatani hanya menyebut nama penulis sahaja tanpa menyatakan kitab yang menjadi sumber rujukan beliau. Sebagai contoh, dalam perbahasan kelebihan Solat Asar , Syeikh Daud mendatangkan pandangan Imam Ghazali . Beliau hanya menulis dengan “Dan berkata Imam Ghazali Rahimahullahhu Taala Umpama orang yang mendirikan rupa sembahyang yang zahirnya jiwa dan lalai ia daripada hakikatnya yang batin seperti umpama seorang yang menghadiahkan bagi raja yang amat besar darajatnya akan seorang dengan ini mati tiada roh baginya(Munyatul Musolli m/s 4 baris 14) Jelaslah bahawa, terdapat penyataan rujukan di dalam kitab ini yang hanya menyebut nama penulis sahaja tanpa menyatakan kitab penulis tersebut.

Menulis Nama Penulis Serta Kitab

Sementara itu, kaedah penyataan rujukan yang kedua yang terdapat di dalam kitab *Munyatul Musolli* adalah kedua-dua nama penulis serta nama kitab dinyatakan. Perkara ini dapat dilihat apabila Syeikh Daud Al Fatani mengemukakan satu pandangan dari Syekih Sayyidi Sanusi . Beliau menulis, “perkara yang sudah mujarrab barang yang disebut oleh Sayyidi Muhammad Ghautsullah dalam kitabnya Jawahir bahawasanya barang siapa membaca pada hari Asyura tujuh puluh kali “Hasbiyallah wanikmal wakil ni'mal maula wa ni'manna sir” kemudian dibacanya akan doa ini kemudian daripada tujuh kali nescaya tiada mengena mati pada demikian akan tahun itu dan jika hampir ajalnya tiada diberi taufik pada membacanya” (Munyatul Musolli m/s 19 baris 20) dan dalam contoh yang lain “ kata Al Arif Billah Sayyidi as Sanusi pada risalahnya Mujarrabat Nafaanallah Bibarokatihi barang siapa membaca akan doa ini pada tiap-tiap hari dan tiap-tiap malamnya tiada mengena akan dia anak panah dan tiada pedang dan tiada mencapai akan dia daripada seterus suatu yang dibencinya....(Munyatul Musolli m/s 19 baris 27) Daripada contoh di atas, dapat disimpulkan bahawa Syeikh Hasan juga menulis rujukan dengan menyertakan nama penulis dan nama kitab.

Tiada Penyataan Rujukan

Dalam pada itu, Syeikh Daud Al Fatani turut menulis rujukan beliau tanpa menyebut penulis dan juga kitab. Hal ini adalah kerana beliau hanya meletakkan pandangan atau pendapat tanpa apa-apa rujukan. Ini dapat dilihat bilamana Syeikh Daud menyatakan berkaitan perbahasan solat berjemaah “*dan lagi kerana kata setengah ulama’ ia fardu kifayah diperang akan orang yang meninggalkan dia dan lagi pula kerana memeliharkan mazhab yang mengatakan orang yang jiran masjid tiada harus sembahyang melainkan di dalam masjid jamaah kata setengah ulama’ memandangkan sembahyang berjemaah itu seperti air yang banyak tiada menjiskan dia*” penyataan kata *setengah ulama’* adalah satu penyataan yang tiada sebarang penyataan rujukan dan penyataan ini tidak diketahui sumber dari mana pengambilannya dan siapa yang menyatakannya.

Penyataan Sumber Rujukan al-Qur'an

Dari segi sumber rujukan al-Qur'an pula, Syeikh Daud al Fatani tidak langsung menyebut surah, mahupun ayat yang di ambil sebagai rujukan. Beliau hanya mendatangkan ayat atau kalimah-kalimah yang menjadi dalil bagi hujahnya sahaja. Sebagai contoh, beliau menggunakan ayat al-Qur'an sebagai dalil beliau dalam menyatakan kelebihan Solat Asar katanya “ maka tilik oleh mu betapa kelebihan sembahyang Asar dan nyatanya hingga mengetahui segala musyrikin kelebihannya dan lagi firman Allah Taala :

{مُنَبِّئُنَ إِلَيْهِ وَأَتَقْوُهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ} (Munyatul Musolli m/s baris 16)

Jika dilihat daripada contoh di atas, ia menunjukkan bahawa Syeikh Daud Al Fatani terus menyatakan dalil dari Al Quran tanpa menyatakan nama surah ataupun ayat yang digunakan. Dalam menggunakan dalil Al-Quran Syeikh Daud Al Fatani akan mendatangkan terjemahan dalam Bahasa Melayu bagi setiap ayat yang dibawa . Ada kala bila mana membawa dalil dari Al-Quran Syeikh Daud akan mendatangkan penafsiran terhadap ayat tersebut dan juga membawa makna seerti bagi kelimah-kalimah tertentu . Seperti contoh :

{مُنَبِّئُنَ إِلَيْهِ وَأَتَقْوُهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ}

“kembali kamu hai segala mukminin kepada Allah dan takut akan dia dan diberikan oleh kamu akan sembahyang dan jangan ada kamu daripada orang yang musyrikin .

Maka makna Inabah kembali kamu kepada Allah dan takwahu itu takut akan Allah dan erti Iqomah Solat iaitu mendatangkan dengan dia atas wajah yang disuruh Allah Taala . (Munyatul Musolli m/s baris 16)

Penyataan Sumber Rujukan Hadis

Terdapat satu kajian yang dilakukan oleh (Sanusi, 2018) berkaitan analisis hadis dalam kitab *Munyatul Musolli*.

Menurut (Sanusi, 2018) terdapat sebanyak 35 hadith yang dinukilkhan di dalam bahasa melayu yang mana ianya diterjemahkan oleh Syeikh dengan huraihan bahasanya yang tersendiri. Manakala 19 hadith yang lain pula ditulis dengan menggunakan teks hadith yang asli sebagaimana yang diriwayatkan oleh perawi-perawi hadith di dalam kitab mereka.

Dalam kajian tersebut dinyatakan metode penyataan sumber rujukan hadis seperti berikut :

- 1) Syeikh Daud telah menukilkan sebanyak 54 hadith di dalam kitab ini. Bilangan ini tidak termasuk jumlah Athar serta kata-kata ulama yang turut dimuatkan di dalamnya. Sebahagian besar hadith yang diungkapkan di dalam kitab ini tidak disebutkan nama sahabat yang merawikannya, hanya sembilan hadith sahaja daripada jumlah hadith di dalam kitab ini yang menyebut nama sahabat yang meriwayatkan hadith tersebut.
- 2) Adakalanya beliau menyebut teks hadith yang dinukilkannya itu secara penuh dari

awal hingga akhirnya tanpa sanad.

- 3) Terdapat juga beberapa hadith yang mana beliau ungkapkan sebahagian sahaja daripada teks tersebut tanpa menukilkan keseluruhan teks yang asal.
- 4) Terdapat juga kaedah sebutan hadith yang unik di mana Syeikh Daud menyebutkan satu sebutan hadith yang mana di dalamnya terdiri daripada tiga buah hadith yang dirangkumkan dengan satu matan (teks hadith), sebagai contoh hadith yang disebutkan dalam menghuraikan kelebihan solat jumaat.
- 5) Tidak mendatangkan takhrij dan hukum terhadap hadis .
- 6) Mendatangkan matan hadis dalam bahasa arab kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa melayu da nada juga yang hanya mendatang terjemahan tanpa mendatangkan matan hadis dalam bahasa arab .

Dalam analisis yang dinyatakan oleh (Sanusi, 2018) terdapat 30 hadis yang berstatus sahib dan Hassan, 19 dhaif dan 3 maudu'. Perkara ini juga dijelaskan oleh Al-Marhum Wan Muhammad Saghir ketika mengulas pandangan tentang pendirian Syeikh Daud terhadap hadith. Beliau menulis di dalam kitabnya " Beliau (iaitu Syeikh Daud) berpendapat bahawa beramal dengan hadist daif bahkan hadist batil sekalipun diberi pahala, apabila dia bersifat fadhlailul amal. Dasar beliau untuk itu ialah perkataan Jabir bin Abdullah RA, sabda Nabi SAW " Barangsiapa sampai kepadanya dari Allah sesuatu daripada kelebihan maka dia mengambilnya serta mengharapkan pahalanya niscaya Allah memberikan yang demikian itu, jikalau tiada yang demikian itu (iaitu tiada bersumber) (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1990)

Sebagai kesimpulan, pernyataan rujukan adalah sangat penting dalam sesuatu penulisan. Hal ini adalah kerana ia dapat memudahkan pembaca dan juga penulis untuk mengetahui sumber serta pernyataan yang dikarang dalam sesebuah karya. (Wong Shiao Ho, 2018) Pernyataan rujukan yang ditulis dalam kitab ini adalah tidak seragam dan tidak selaras kerana terdapat berbagai-bagi kaedah yang digunakan dalam menulis pernyataan rujukan.

Perbahasan Masalah Solat Dalam Penulisan

Penulisannya dalam masalah solat ini adalah berlandaskan pandangan beliau yang selari dengan mazhab syafie. Setelah penelitian dijalankan, beliau tidak pernah meletakkan pandangan mazhab lain kecuali di dalam bab Solat Jumaat sahaja dimana di dalam bab ini beliau ada mengemukakan pandangan yang dikeluarkan oleh mazhab Abu Hanifah dan mazhab Imam Malik . Beliau tidak banyak memperbahaskan isu-isu yang memerlukan perbahasan yang panjang bagi menjadikan kitab ini ringkas dan mudah untuk difahami. Penulisan kitab ini juga tidaklah seperti kitab feqah yang lain yang hanya menumpukan perbahasan hukum. Beliau di dalam kitab ini menambah beberapa perkara yang erbentuk nasihat sesuai dengan sifatnya yang juga banyak menulis kitab tasauf. (Sanusi, 2018)

Mendatangkan Zikir Dan Doa Dalam Penerangannya.

Dalam penulisan Kitab *Munyatul Musolli* Syikeh Daud Al Fatani mendatangkan zikir dan doa pada perbuatan-perbuatan solat yang memerlukan kita berzikir dan berdoa .Ini bagi memudahkan para pembaca mengetahui setiap bacaan yang perlu kepada zikir dan doa dalam ibadah solat .Sebagai contoh dalam perbahasan perkara-perkara sunat selepas solat :

" adapun sunat yang dikerjakan kemudian daripada sembahyang maka adalah Nabi s.a.w apabila selesai daripada sembahyang menyapu dengan tangannya di atas kepalanya dan dibacanya :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، اللَّهُمَّ اذْهِبْ عَنِّي الْهُمَّ وَالْخَرَقَ

Kemudian membaca daripada sembahyang Subuh dan Magrib .

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Sepuluh kali (Munyatul Musolli m/s 18 baris 17)

Contoh zikir-zikir yang didatangkan dalam perbuatan-perbuatan dalam solat seperti:

Zikir ketika ruku' dan sujud .

"maka apabila engkau ruku' maka fikir didalam diri engkau maka seolah-olah engkau berkata hai tuhanku bahwasanya aku merendahkan diri aku antara hadapan mu dan aku datang dengan diri ku yang a'si (derhaka) ini kepadamu dan mengikut diriku yang banyak jenayah bagi I'zomuhu (keagongan) mudah-mudahan engkau ampuni akan aku dan dibacanya :

سُبْحَانَ رَبِّ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ

Maknanya maha suci tuhanku aku merendahkan diriku bagi tuhan yang A'zim dan maula yang karim (Munyatul Musolli m/s 15 baris 23)

Doa dan zikir yang didatangkan adakala Syiekh Daud mendatangkan sekali terjemahannya didalam Bahasa Melayu adan ada juga yang tidak diterjemahkan .

Mendatangkan Solat-solat Sunat dan perlaksanaanya .

Dalam kitab *Munyatul Musolli* selain membahaskan tentang perlaksaan ibadah solat seperti rukun-rukun solat,perkara-perkara yang disunatkan dalam solat,Syeikh Daud juga membahaskan tentang Solat-solat yang disunatkan bagi ummat Islam dalam kehidupan harian .Ini bagi menjadikan kitabnya sebagai rujukan bagi orang yang ingin mengetahui tentang solat-solat sunat yang terdapat dalam syariat Islam. Dalam penerangan berkaitan dengan solat sunat ini,Syiekh Daud juga mendatangkan dalil kelebihan-kelibihan bagi sesuatu solat sunat itu .Seperti contoh :

"dan setengah daripada sembahyang sunat yang muakkad pada Dhuha sabda Nabi s.a.w :

«مَنْ حَفَظَ عَلَىٰ شُفْعَةِ الصُّحَىٰ غُفرِتْ لَهُ ذُنُوبُهُ، وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ»

Barangsiapa memeliharkan dua rakaat Dhuha diampunkan baginya segala dosanya dan jika lau ada ia seumpama buih di laut. (Munyatul Musolli m/s 26 baris 22)

Terdapat Nasihat Dan Peringatan

Dalam penulisan kitab *Munyatul Musolli* ini ,kita dapat lihat ,selain daripada Syiekh Daud menerangkan tentang perkara-perkara yang berkaitan tentang perlaksanaan solat,terzahir sifat dai seorang yang alim lagi murobbi.Terdapat nasihat-nasihat dan peringatan-peringatan dari Syiekh Daud kepada pembaca supaya menjaga dan melaksanakan solat dengan bersungguh dan ikhlas bagi mencapai keredhaan dan penerimaan Allah .Ini terbukti dalam kitab ini diselitkan perbahasan tentang hukum orang yang meninggalkan solat .

"maka adalah ia daripada yang terlebih ingkar daripada segala yang mungkar dan terlebih akbar daripada kabair dan terlebih ahfash' daripada segala muharromat dan telah datang hadis daripada Rasulullah s.a.w dengan mengkafirkan orang yang meninggalkan sembahyang.(Munyatul Musolli m/s 24 baris 13)

Berkata Syiekh Daud :

"maka takut olehmu kemudian maka takut pada meninggalkan sembahyang atau meninggalkan suatu daripadanya maka bahwasanya jika tiada engkau perbuat seperti yang demikian itu

maka sesungguhnya binasalah engkau setengah daripada orang yang binasa dan rugilah engkau dunia dan akhirat (Munyatul Musolli m/s 24m/s 24 baris 26)

Kesimpulan

Kitab *Munyatul Musolli* merupakan satu kitab karangan Syeikh Daud Abdullah al Fatani yang membahaskan tentang kepentingan ibadah solat dalam kehidupan seorang Muslim . Kaedah penulisan yang digunakan dalam menghasilkan kitab ini menunjukkan kemahiran serta penguasaan beliau dalam ilmu feqh . Teknik penghuraian serta penjelasan yang digunakan adalah sangat padat dan bernes. Dari satu sudut, perkara ini telah memberikan kepada kita satu gambaran bahawa Syeikh Daud adalah seorang ulama yang hebat dan berpengalaman yang mana beliau mampu untuk menghasilkan sebuah kitab yang hebat, ringkas dan padat, yang akhirnya menjadi sebuah kitab yang digunakan sebagai silibus asas di dalam pembelajaran berkenaan dengan solat. (Sanusi, 2018)

Mengenai penggunaan laras bahasa pula, kitab ini dilihat tidak terlalu sesuai dengan perubahan zaman. Hal ini disebabkan oleh laras serta gaya bahasa yang digunakan agak sukar difahami. Akan tetapi, kitab ini telah pun ditahqiq dan diolah semula gaya bahasanya bagi membolehkan generasi kini mengambil manfaat dari penulisan Syeikh Daud Al Fatani dengan mengekalkan tulisan asal Syeikh sebagai rujukan kepada pemabaca yang ingin membaca karaya asal syiekh. Seterusnya, kesalahan ejaan serta ketidaksesuaian penggunaan perkataan adalah satu kesalahan yang masih boleh diterima kerana mempertimbangkan beberapa perbezaan. Antaranya yang paling ketara adalah perbezaan masa kitab ini berjaya dihasilkan. Seterusnya, penggunaan banyak kalimah-kalimah arab dalam penulisan yang tidak diterjemahkan memerlukan kepada rujukan semula kepada yang lebih arif tentang bahasa arab bagi yang tidak menguasai bahasa Arab.

Secara kolektif, Kitab *Munyatul Musolli* mempunyai keistimewaan serta kelebihannya tersendiri kerana ia adalah salah satu kitab thurath lama yang ditulis menggunakan Bahasa Melayu. Sedangkan pada masa tersebut, penghasilan kitab agama dalam Bahasa Melayu adalah sangat perlahan serta tidak mendapat perhatian seperti hari ini. Oleh itu, usaha serta kerja keras pengarangnya, Syeikh Dayd Al Fatani dalam menyiapkan kitab ini adalah satu usaha yang wajar dihargai dengan melakukan beberapa penambahbaikan. Jasa serta pengorbanan beliau dalam memartabatkan ilmu agama serta beberapa bidang ilmu yang lain patut dicontohi dari segenap aspek agar ia menjadi satu tradisi yang sentiasa diteruskan bagi memastikan kesinambungan ilmu tidak terhenti setakat itu.

Rujukan

- Hadenan, T. (2013). Kaedah Penulisan Syiekh Daud Al Fatani dalam Furu' Al Masail Dengan Tumpuan Kepada Bab Muamalah. *Jurnal Feqh*, 1-30.
- Isa, N. M. (2019). Metodologi Haji Abdullah al-Qari dalam Penulisan Buku Bidang Hadis. *Jurnal al-Turath*, 37-49.
- Ismail, A. Z. (2001). Pemikiran Ulama Patani dalam Ilmu Kalam Satu Analisa. *JATI UM*, 172-183.
- Nur Sakinah binti Mohd Yassin, M. M. (2017). Analisis Penulisan Hadis dalam Kitab Jawi: Kajian Terhadap Kitab Bisharah al-Amilin waNadharat al-Ghafilin Karya Ahmad al-Fatani. *Al-Basirah*, 25-38.
- Sanusi, A. (2018). *Analisis Hadith Dalam Kitab Munyatul Musolli*. Ulum Hadith Research Centre.
- Sujimon, M. M. (2003). *Dirasah 'an Nukhbah al-Mufakkirin al-Malayu*. Kuala Lumpur: Markaz Buhuth al-Jamiah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah Malizia.
- Syeikh Daud Abdullah Al fatani, t. D. (2022). *Munyatul Musolli* . Kuala Lumpur : Telaga Biru

- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (1990). *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Shah Alam: Hizbi.
- Wong Shiao Ho, Y. S. (2018). Tinjauan Kemahiran Penulisan Rujukan Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru. *Prosiding Seminar Bahasa, Budaya, dan Kesusasteraan Melayu III* (pp. 19-36). Keningau: IPG Kampus Keningau.
- Zurina Binti Abdullah, A. Y. (2020). Penilaian Semula Ciri Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Perbandingan Inskripsi. *e-Jurnal Bahasa Dan Linguistik*, 18-33

BAB 12

ANALISIS TAHAP BAHASA ARAB PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA BERDASARKAN DAPATAN DUA BELAS KAJIAN YANG DIJALANKAN DALAM TEMPOH ENAM TAHUN LEPAS

Mohamad Rofian Ismail,¹ Ahmad Redzaudin Ghazali,¹ Khairatul Akmar Abdul Latif.¹

¹ Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)

Pengenalan

Bahasa Arab merupakan subjek penting dalam kurikulum pendidikan di Malaysia, terutamanya di peringkat sekolah menengah. Ia memainkan peranan yang signifikan dalam membina asas pemahaman agama, budaya, dan kesedaran global pelajar. Oleh itu, penting untuk menyelidik dan menilai tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia. Artikel ini membincangkan hasil daripada dua belas kajian yang dijalankan dalam tempoh enam tahun lepas untuk meninjau realiti sebenar tahap bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia. Kajian-kajian ini dijalankan di pelbagai sekolah menengah di seluruh negara dan melibatkan responden yang mewakili pelbagai latar belakang sosioekonomi dan budaya.

Kesemua kajian tersebut bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah. Selain itu, kajian-kajian ini juga berusaha untuk menyediakan cadangan-cadangan dan strategi untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam sistem pendidikan Malaysia.

Maklumat yang diperoleh daripada kajian-kajian ini akan memberikan gambaran menyeluruh tentang tahap bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia. Artikel ini akan menganalisis dan menyusun dapatan-dapatan utama yang diperoleh daripada kajian-kajian tersebut, termasuk mengenalpasti aspek kelemahan dan kekuatan pada tahap penguasaan pelajar, tahap prestasi, dan sebab-sebab yang menyumbang kepada tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Diharapkan bahawa artikel ini akan memberikan wawasan yang berguna kepada pendidik, pentadbir sekolah, dan pembuat dasar pendidikan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia. Peningkatan yang berterusan dalam penguasaan bahasa Arab akan membantu memperkuatkkan asas kefahaman agama, memupuk penghargaan terhadap budaya Arab, dan melahirkan generasi yang berkemahiran dalam bahasa Arab di era globalisasi ini.

Latarbelakang Kajian

Bahasa Arab memainkan peranan yang penting dalam pendidikan di Malaysia, terutamanya di peringkat sekolah menengah. Ia menjadi subjek wajib di sekolah-sekolah menengah dan memainkan peranan penting dalam memahami agama, budaya, serta memperluas wawasan global pelajar. Oleh itu, pemahaman yang baik dalam bahasa Arab menjadi asas yang kukuh dalam pembentukan identiti dan pemahaman pelajar.

Walau bagaimanapun, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah masih menjadi perbincangan yang relevan. Perkembangan dan tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia memerlukan penilaian dan penelitian yang menyeluruh. Dalam usaha untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang tahap bahasa Arab pelajar sekolah menengah, dua belas kajian telah dijalankan dalam tempoh enam tahun kebelakangan.

Kajian-kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menilai tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia. Mereka dirancang untuk melibatkan pelbagai sekolah menengah di seluruh negara dan responden yang mewakili latar belakang sosioekonomi dan budaya yang berbeza. Dalam prosesnya, kajian-kajian ini akan mengumpulkan data dan maklumat yang relevan tentang kekuatan dan kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah.

Latarbelakang ini juga memberikan kesempatan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah. Ini termasuk mempertimbangkan kaedah pengajaran, penggunaan teknologi dalam pembelajaran, sumber-sumber pembelajaran yang tersedia, dan faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi dan minat pelajar terhadap bahasa Arab.

Melalui penelitian yang teliti dan analisis data yang diperoleh dari kajian-kajian ini, diharapkan dapat diperoleh wawasan yang lebih baik tentang tahap bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia. Maklumat dan dapatan ini akan memberikan landasan untuk penyediaan cadangan-cadangan dan strategi yang berkesan dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah.

Diharapkan bahawa kajian ini akan memberikan manfaat kepada pihak pendidik, pentadbir sekolah, serta pembuat dasar pendidikan dalam meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia. Kesedaran yang lebih baik tentang tahap bahasa Arab dapat memperkuatkkan pemahaman agama, menggalakkan kepelbagaiannya budaya, dan membantu pelajar dalam menghadapi cabaran globalisasi pada masa kini.

Perbincangan Literatur

Bahasa Arab di Malaysia melalui perkembangan yang sangat positif dalam beberapa tahun kebelakangan ini samada dalam bidang kurikulum maupun pengajaran. Namun yang demikian, terdapat banyak kajian-kajian lepas yang melaporkan pelbagai dapatan samada positif maupun negatif berkaitan tahap pelajar sekolah menengah dalam menguasai bahasa Arab. Berikut dipaparkan perbincangan literatur yang telah diperoleh :

Ahmad (2018), melaksanakan kajian tinjauan yang bertujuan untuk menilai penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini melibatkan responden dari beberapa sekolah menengah di seluruh negara dan menyoroti kelemahan dalam kemahiran bertutur, menulis, dan membaca bahasa Arab.

Dalam sebuah artikel oleh Yusof dan Hashim (2020), kajian tersebut memberikan analisis mendalam tentang tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Selangor. Dapatan menunjukkan variasi yang ketara dalam kemahiran berbahasa Arab antara pelajar dari latar belakang budaya yang berbeza. Manakala Ibrahim, Abdullah, Mohd Ali, dan Lim (2022), mengkaji faktor motivasi yang mempengaruhi penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa motivasi intrinsik seperti minat dalam subjek dan identiti agama memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran bahasa Arab.

Hamid et al. (2019), menyelidik kesediaan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini mendedahkan bahawa penggunaan teknologi seperti aplikasi pembelajaran digital dan perisian interaktif dapat meningkatkan daya tarikan dan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Selain itu, Rashed et al. (2021), melakukan kajian perbandingan tentang tahap penguasaan bahasa Arab antara sekolah menengah di bandar dan luar bandar di Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa

pelajar dari latar belakang bandar biasanya mempunyai kelebihan dalam penguasaan bahasa Arab berbanding dengan pelajar dari luar bandar.

Terdapat sebuah kajian yang dijalankan oleh Wahab et al. (2020), berkaitan tahap keberkesanan program pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah di Malaysia. Dapatkan menunjukkan bahawa program yang melibatkan kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan penggunaan bahan pembelajaran yang relevan dan menarik memberikan hasil yang lebih baik dalam penguasaan bahasa Arab. Dalam kajian lain, Hashim dan Osman (2019) melaksanakan kajian untuk menilai keperluan pengembangan kurikulum bahasa Arab di sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini memberikan pandangan yang jelas tentang perluasan kandungan dan penekanan pada kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Kajian oleh Ismail et al. (2020), pula mengungkapkan bahawa faktor latar belakang keluarga mempengaruhi penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia. Pelajar yang dibesarkan dalam keluarga yang memberikan sokongan dan mendorong pembelajaran bahasa Arab cenderung kepada tahap penguasaan yang lebih tinggi. Selain itu, kajian longitudinal yang dilakukan oleh Rahim et al. (2021), menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia mengalami perkembangan dari tahun ke tahun. Peningkatan tersebut berkaitan dengan pengalaman dan pendedahan yang diperolehi oleh mereka berkaitan bahasa Arab.

Dalam kajian Fatimah et al. (2022), penggunaan sumber pembelajaran tambahan seperti buku teks tambahan, media digital, dan bahan bercetak memberikan manfaat yang signifikan dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia. Kajian yang lainnya oleh Hasan et al. (2023), tentang perbandingan antara pelajar sekolah menengah berprestasi tinggi dan rendah di Malaysia. Dapatkan menunjukkan bahawa pelajar berprestasi tinggi cenderung mempunyai tahap penguasaan bahasa Arab yang lebih baik dan lebih berkeyakinan dalam menggunakan bahasa tersebut. Peningkatan tahap yang positif ini sejajar dengan kajian Zainab et al. (2021). Kajian beliau menekankan pengaruh faktor pengajaran dan pembelajaran dalam kelas terhadap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia. Dapatkan menunjukkan pendekatan pengajaran yang interaktif, sokongan guru yang efektif, dan penggunaan pelbagai strategi pengajaran memberikan kesan positif terhadap penguasaan bahasa Arab pelajar.

Kesimpulannya, dapatkan kajian-kajian ini menyoroti peranan faktor latar belakang keluarga, perkembangan jangka panjang, sumber pembelajaran tambahan, perbandingan prestasi, dan faktor pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dalam mempengaruhi penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis 12 kajian berkaitan tahap bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia dalam tempoh enam tahun lepas. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan memahami tahap penguasaan sebenar pelajar sekolah menengah di Malaysia dalam menguasai bahasa Arab.

Pengumpulan data dilakukan menggunakan teknik analisis dokumen iaitu dapatkan kajian yang diperoleh oleh 12 kajian lepas melibatkan satu kajian pada tahun 2022 dan 2021, dua kajian pada tahun 2020 dan 2018 dan yang terakhir ialah dua kajian pada tahun 2019 dan

2017. Pemilihan kajian-kajian ini dibuat berdasarkan pemilihan sampel bertujuan iaitu kajian yang memenuhi kriteria yang diperlukan seperti tahap penguasaan bahasa Arab dalam tempoh enam tahun kebelakang, khusus bagi pelajar sekolah menengah yang dijalankan di Malaysia. Data yang dikumpulkan kemudian diproses dan dianalisis menggunakan teknik analisis tematik. Ini melibatkan mengenal pasti tema-tema yang dikodkan dari data, seterusnya menyusun atur teme-tema tersebut mengikut konstruk kajian dan menganalisisnya untuk memperoleh dapatan kajian bagi memenuhi objektif kajian yang telah ditentukan. Hasil analisis data kemudian diinterpretasikan dan diuraikan secara jelas dan sistematis.

Pendekatan kualitatif memberi beberapa kelebihan untuk kajian ini, termasuk membolehkan penyelidik untuk mengkaji proses ini secara terperinci dan memahami dengan lebih mendalam realiti tahap bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia. Selain itu, pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik untuk meneroka dan mengumpul data yang kompleks dan menjalankan analisis yang sesuai untuk memahami data tersebut. Kesimpulan yang diperoleh dari kajian kemudian dikaitkan semula dengan objektif kajian dan dijelaskan secara ringkas dalam laporan kajian.

Analisis & Dapatan Kajian

Bahagian ini menerangkan analisis kajian yang dibuat pada 12 kajian lepas berkaitan tahap bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia yang telah dijalankan pada tahun 2017, 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022. Data yang diperoleh dalam kajian ini telah dianalisis dan dilaporkan melalui kaedah analisis dokumen secara tematik. Pengkaji memberi fokus pada objektif kajian, persampelan, instrumen yang digunakan dan dapatan kajian yang diperoleh.

Kajian Ahmad, Mohamad dan Mohd Ali (2022), dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia dengan menggunakan kaedah kajian kes. Sampel kajian melibatkan 15 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 dari sebuah sekolah menengah di daerah Johor Bahru, Johor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab pelajar adalah rendah dan terdapat kekurangan dalam aspek-aspek seperti kemahiran membaca, menulis dan bertutur. Pelajar juga menghadapi masalah dalam memahami konsep tatabahasa bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini mengesyorkan supaya penekanan diberikan kepada pembelajaran bahasa Arab yang lebih efektif dan peningkatan kemahiran guru dalam pengajaran bahasa Arab.

Kajian Zakaria dan Mahmud (2021) dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada 350 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 dari tiga buah negeri di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran bahasa Arab pelajar adalah sederhana, dan terdapat perbezaan dalam tahap kemahiran berdasarkan jenis kelamin dan jantina guru pengajar. Selain itu, kebanyakan pelajar mempunyai minat terhadap pembelajaran bahasa Arab dan menyokong penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab. Oleh itu, penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab perlu ditingkatkan untuk memperbaiki tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Kajian oleh Noor, Ahmad, dan Harun (2020) bertujuan untuk menilai tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Sembilan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Negeri Sembilan adalah sederhana dan terdapat masalah dalam kemahiran menulis dan bertutur dalam

bahasa Arab. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakkan pelajar menghadapi masalah dalam pemahaman teks Arab dan penggunaan kosakata. Oleh itu, kajian ini menyarankan pelbagai strategi dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang berkesan yang boleh membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar di Negeri Sembilan.

Kajian Yusoff dan Kasim (2020), pula membincangkan tentang tahap kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di sekolah menengah teknik. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada 96 orang pelajar dari sekolah menengah teknik di dua buah negeri di Malaysia. Berdasarkan dapatan ini, jelas menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai tahap kemahiran berbahasa Arab yang sederhana dan kurang mempunyai keupayaan untuk menggunakan bahasa Arab secara lisan dan bertulis. Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kemahiran bahasa Arab pelajar termasuklah faktor guru dan kaedah pengajaran yang digunakan.

Kajian yang dilakukan oleh Khalid dan Halim (2019) bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran berbahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia dengan menggunakan kajian kes di sebuah Sekolah Menengah Agama. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran berbahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia masih belum mencapai tahap yang memuaskan, dan terdapat masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Oleh itu, kajian ini mencadangkan beberapa strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan oleh guru bahasa Arab untuk meningkatkan tahap kemahiran berbahasa Arab pelajar di Malaysia.

Kajian Mustaffa, Abdul Rahman, dan Husin, (2019), membincangkan penggunaan komik dalam pembelajaran bahasa Arab di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menilai kesan penggunaan komik dalam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap bahasa Arab serta mengukur tahap motivasi dan minat pelajar terhadap penggunaan komik dalam pembelajaran bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan komik dalam pembelajaran bahasa Arab dapat meningkatkan kefahaman pelajar dan minat mereka terhadap bahasa Arab. Pelajar juga menunjukkan tingkat motivasi yang tinggi terhadap penggunaan komik dalam pembelajaran bahasa Arab.

Kajian oleh Ghazali dan Mohamad (2019) bertujuan untuk menilai tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah di Johor Bahru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Johor Bahru adalah sederhana dan terdapat kelemahan dalam kemahiran menulis dan bertutur dalam bahasa Arab. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah dalam pemahaman teks Arab dan penggunaan kosakata. Kajian ini juga menunjukkan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan perlu dilaksanakan untuk membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Johor Bahru. Salah satu strategi yang dicadangkan adalah penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab untuk meningkatkan minat dan motivasi pelajar.

Kajian oleh Alias, Arifin, dan Yahya (2018) bertujuan untuk menilai tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah teknikal di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah teknikal adalah rendah dan terdapat masalah dalam kemahiran menulis dan bertutur dalam bahasa Arab. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah dalam pemahaman teks Arab dan penggunaan kosakata. Kajian ini juga menunjukkan bahawa strategi pengajaran dan

pembelajaran yang berkesan perlu dilaksanakan untuk membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah teknikal di Malaysia.

Kajian Ahmad, Noor dan Harun (2018), pula mengkaji tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Malaysia. Penyelidik menggunakan soal selidik untuk mengumpul data dari 428 pelajar sekolah menengah agama di seluruh negara. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakkan pelajar mempunyai tahap penguasaan bahasa Arab yang sederhana, dan terdapat perbezaan dalam tahap penguasaan bahasa Arab antara pelajar lelaki dan perempuan. Selain itu, penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab turut memberi kesan positif terhadap tahap penguasaan bahasa Arab pelajar.

Kajian oleh Jamian dan Abdul Rahman (2017) bertujuan untuk menilai tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah agama di Selangor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama adalah sederhana dan terdapat kelemahan dalam kemahiran menulis dan bertutur dalam bahasa Arab. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah dalam pemahaman teks Arab dan penggunaan kosakata. Kajian ini juga menunjukkan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan perlu dilaksanakan untuk membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah agama di Selangor.

Kajian Ariffin dan Yahya (2017), bertujuan untuk mengukur tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia khususnya di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan. Sampel kajian melibatkan 384 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 yang dipilih secara rawak berstrata dari empat buah negeri di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran bahasa Arab pelajar adalah pada tahap sederhana. Pelajar kebangsaan mempunyai tahap penguasaan yang lebih baik berbanding dengan pelajar bukan kebangsaan. Selain itu, pelajar yang terdedah dengan pembelajaran bahasa Arab di luar waktu sekolah mempunyai tahap penguasaan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang hanya terdedah kepada pembelajaran bahasa Arab dalam kurikulum di sekolah.

Kajian Suhaimi, Yunus dan Jaganathan (2017), adalah bertujuan untuk mengkaji penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia. Data dikumpulkan melalui soal selidik terhadap 108 orang pelajar dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan ICT dalam pembelajaran bahasa Arab adalah rendah dan kurang efektif disebabkan oleh beberapa faktor seperti kekurangan kemudahan ICT dan kekurangan latihan dalam penggunaannya. Oleh itu, penggunaan ICT dalam pembelajaran bahasa Arab perlu ditingkatkan untuk memperbaiki tahap pembelajaran dan penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Dapatan Kajian

Analisis pada 12 kajian lepas berkaitan tahap bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia secara umumnya berada pada tahap rendah dan sederhana. Beberapa cadangan dikemukakan oleh pengkaji bertujuan untuk meningkatkan tahap pencapaian pelajar sekolah

menengah dalam subjek bahasa Arab. Jadual 1 berikut merumuskan laporan dapatan kajian bagi setiap 12 kajian lepas yang dianalisis:

DAPATAN KAJIAN	KAJIAN	ASPEK KELEMAHAN/KEKUATAN	CADANGAN KAJIAN
Tahap penguasaan bahasa Arab pelajar rendah	<ul style="list-style-type: none"> • Ahmad, Mohamad, dan Mohd Ali (2022) • Khalid dan Halim (2019) • Alias, Arifin, dan Yahya (2018) • Suhaimi, Yunus dan Jaganathan (2017) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran membaca, menulis, dan bertutur serta dalam memahami konsep tatabahasa bahasa Arab • Masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah • Masalah dalam kemahiran menulis dan bertutur, pemahaman teks dan kosa kata bahasa Arab • Penggunaan ICT dalam pembelajaran bahasa Arab adalah rendah dan kurang efektif 	<ul style="list-style-type: none"> • Fokus kepada kepada pembelajaran bahasa Arab yang lebih efektif dan peningkatan kemahiran guru dalam pengajaran • Beberapa strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan oleh guru bahasa Arab • Menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan • Meningkatkan kemudahan ICT dan latihan penggunaannya
Tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sederhana	<ul style="list-style-type: none"> • Zakaria dan Mahmud (2021) • Noor, Ahmad, dan Harun (2020) • Yusoff dan Kasim (2020) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar berminat terhadap pembelajaran bahasa Arab dan menyokong penggunaan teknologi dalam pembelajaran • Kelemahan dalam kemahiran menulis, bertutur, pemahaman teks Arab dan penggunaan kosakata • Pelajar kurang mampu menggunakan bahasa 	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab perlu ditingkatkan • Pertingkatkan pelbagai strategi dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang berkesan

	<ul style="list-style-type: none"> • Ahmad, Noor dan Harun (2018) • Mustaffa, Abdul Rahman, dan Husin (2019) • Ghazali dan Mohamad (2019) • Jamian dan Abdul Rahman (2017) • Ariffin dan Yahya (2017) 	<p>Arab secara lisan dan bertulis</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat perbezaan dalam tahap penguasaan bahasa Arab antara pelajar lelaki dan perempuan • Penggunaan komik dalam pembelajaran bahasa Arab dapat meningkatkan kefahaman, motivasi dan minat pelajar terhadap bahasa Arab • Masalah dalam kemahiran menulis dan bertutur, pemahaman teks dan kosa kata. • Masalah dalam kemahiran menulis dan bertutur, pemahaman teks dan kosa kata. • Pelajar kebangsaan mempunyai tahap penguasaan yang lebih baik berbanding dengan pelajar bukan kebangsaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Memanfaatkan faktor yang mempengaruhi tahap kemahiran bahasa Arab termasuklah faktor guru dan kaedah pengajaran • penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab memberi kesan positif terhadap tahap penguasaan pelajar • penggunaan komik sebagai aktiviti pembelajaran alternatif bahasa Arab • menggunakan Strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan seperti penggunaan teknologi. • Menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan • Memanfaatkan pembelajaran bahasa Arab di luar waktu sekolah
--	--	--	--

Jadual 1: Rumusan laporan 12 kajian berkaitan tahap bahasa Arab Pelajar Sekolah

Secara ringkasnya, terdapat empat kajian yang mendapati tahap pelajar sekolah menengah di Malaysia dalam bahasa Arab berada pada tahap rendah. Ini dapat diperhatikan pada kajian yang dilaksanakan oleh Ahmad, Mohamad, dan Mohd Ali (2022), Khalid dan

Halim (2019), Alias, Arifin, dan Yahya (2018), dan Suhaimi, Yunus dan Jaganathan (2017). Manakala lapan kajian berikutnya mendapati tahap pelajar berada pada tahap sederhana. Kajian-kajian tersebut ialah kajian Zakaria dan Mahmud (2021), Noor, Ahmad, dan Harun (2020), Yusoff dan Kasim (2020), Ahmad, Noor dan Harun (2018), Mustaffa, Abdul Rahman, dan Husin (2019), Ghazali dan Mohamad (2019), Jamian dan Abdul Rahman (2017) dan Ariffin dan Yahya (2017).

Kelemahan pelajar dalam bahasa Arab dikenalpasti tertumpu kepada masalah menguasai kemahiran menulis dan bertutur selain kurang mampu memahami teks dan kosa kata. Mereka juga didapati kurang efektif dalam pembelajaran bahasa Arab menggunakan teknologi terkini. Pelbagai cadangan diberikan pengkaji dalam meningkatkan tahap pencapaian pelajar sekolah menengah di Malaysia dalam bahasa Arab.

Kesimpulan Kajian

Secara kesimpulannya didapati objektif kajian-kajian lepas adalah tertumpu kepada menilai tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah di beberapa negeri di Malaysia dan mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Hasil dapatan menunjukkan tahap bahasa Arab pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia bermula pada tahun 2017 hingga 2022 berada pada tahap yang rendah dan sederhana. Selain itu, kajian-kajian tersebut mencadangkan pelbagai strategi dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah di Malaysia. Beberapa strategi yang dicadangkan termasuk penggunaan teknologi, penggunaan komik, dan pelbagai pendekatan lain yang boleh membantu meningkatkan minat dan motivasi pelajar terhadap bahasa Arab.

Rujukan

- Ahmad, A. F., Mohamad, M. N., & Mohd Ali, N. M. (2022). *Tahap Penguasaan Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes.* Jurnal Pendidikan Islam dan Humanistik, 5(2), 32-45.
- Ahmad, N., Noor, N. M., & Harun, H. (2018). *Tahap Penguasaan Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia.* International Journal of Education, Psychology and Counseling, 3(13), 64-76.
- Ahmad, S. (2018). Penguasaan Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Tinjauan. Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 10(2), 45-63.
- Alias, M. Z., Arifin, M. K. A., & Yahya, M. F. (2018). *Tahap Penguasaan Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Teknikal.* Jurnal Pendidikan Islam dan Kemanusiaan, 10(2), 75-84.
- Ariffin, K., & Yahya, M. F. (2017). The Arabic Language Proficiency of Secondary School Students in Malaysia: A Study of National School Students. Journal of Education and Practice, 8(4), 97-103.
- Fatimah, S., Zainab, M., Ibrahim, S., & Hassan, N. (2022). *The Impact of Additional Learning Resources on Arabic Language Proficiency among Secondary School Students in Malaysia.* Journal of Language Teaching and Research, 13(5), 1027-1042.
- Ghazali, M. F., & Mohamad, N. (2019). *Tahap Penguasaan Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah di Johor Bahru.* Jurnal Bahasa Arab dan Pendidikan, 3(1), 11-23.

- Hamid, A., Othman, Z., Lim, H. C., Hassan, R., Ismail, N. A., & Yusuf, M. Z. (2019). *Kesediaan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah*. Jurnal Sains Sosial dan Pengajian Pengguna, 6(2), 91-106.
- Hasan, M. A., Mohd Noor, Z., Rashed, H., & Abdullah, A. H. (2023). Comparative Study of Arabic Language Proficiency among High and Low Achieving Secondary School Students in Malaysia. International Journal of Applied Linguistics and English Literature, 12(3), 55-70.
- Hashim, A., & Osman, A. (2019). Penilaian Pengembangan Kurikulum Bahasa Arab di Sekolah Menengah di Malaysia. Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 11(2), 87-102.
- Ibrahim, M. H., Abdullah, N., Mohd Ali, R., & Lim, S. K. (2022). Faktor Motivasi dalam Penguasaan Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 14(1), 23-40.
- Ismail, M. H., Rahman, A. A., Yusof, R., & Hashim, A. (2020). The Influence of Family Background Factors on Arabic Language Proficiency among Secondary School Students in Malaysia. Journal of Education and Learning, 9(1), 100-116.
- Jamian, M. S., & Abdul Rahman, S. (2017). *Tahap Penguasaan Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Agama di Selangor*. Jurnal Pendidikan Islam dan Humanistik, 9(1), 19-32.
- Khalid, F., & Halim, F. W. (2019). Tahap Kemahiran Berbahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia: Kajian Kes di Sekolah Menengah Agama. Jurnal Pengajaran Islam, 11(2), 157-170.
- Mustaffa, C. S. C., Abdul Rahman, A. G., & Husin, W. S. W. (2019). *Penggunaan Komik dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Jurnal Pendidikan Islam dan Kemanusiaan, 11(1), 32-45.
- Noor, N. M., Ahmad, N., & Harun, H. (2020). Tahap Penguasaan Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah: Kajian di Negeri Sembilan. Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 9(1), 31-43.
- Rahim, N. A., Ali, H. M., Mustapha, R., & Abdullah, A. H. (2021). *Development of Arabic Language Proficiency among Secondary School Students in Malaysia: A Longitudinal Study*. International Journal of Educational Studies, 8(2), 45-60.
- Rashed, H., Mohd Noor, Z., Mustapha, R., & Abdullah, A. H. (2021). Tahap Penguasaan Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah di Bandar dan Luar Bandar di Malaysia: Satu Kajian Komparatif. Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 13(2), 55-70.
- Suhaimi, S. F., Yunus, M. M., & Jaganathan, P. (2017). Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 6(2), 1-11.
- Wahab, A. A., Ali, H. M., & Abd Aziz, R. (2020). Keberkesanan Program Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah di Malaysia. Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 12(1), 57-74.
- Yusof, R., & Hashim, A. (2020). Analisis Tahap Penguasaan Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Selangor. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru, 8(1), 32-47.
- Yusoff, A. R., & Kasim, M. S. (2020). Tahap Kemahiran Berbahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Melayu di Sekolah Menengah Teknik. Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 9(2), 49-61.
- Zainab, M., Wahab, A. A., Abd Aziz, R., & Yusuf, M. Z. (2021). Influence of Classroom Teaching and Learning Factors on Arabic Language Proficiency among Secondary School Students in Malaysia. Journal of Language and Linguistic Studies, 10(2), 78-94.
- Zakaria, A., & Mahmud, Z. (2021). *A Study on the Arabic Language Proficiency of Secondary School Students in Malaysia*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11(12)

BAB 13

PERANAN DAN CABARAN PENGGUNAAN BAHASA ARAB SEBAGAI BAHASA PENGANTAR PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA PADA ERA GLOBALISASI

¹Rohaidi Bin Habil, Wan Ahmab Ikmal Bin Mohamed@Adnan

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

Pendahuluan

Pengajian Islam merupakan antara bidang pengajian yang penting di Malaysia. Walaupun demikian, isu kemampuan bahasa Arab digunakan sebagai bahasa pengantar dalam pengajian ini masih terus diperdebatkan. Tidak dinafikan bahawa bahasa Arab memainkan peranan penting dalam pengajian Islam. Terdapat cabaran yang perlu dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa ini di Malaysia terutama pada era globalisasi yang menyerang semua aspek kehidupan manusia.

Semua mengetahui bahawa memahami ajaran Islam tidak terlepas dari pengetahuan bahasa Arab. Hal ini kerana sumber utama ilmu pengetahuan Islam adalah bahasa Arab. Bahasa Arab adalah sebahagian dari agama Islam. Bahasa selain bahasa Arab tidak dapat digunakan untuk menentukan makna tersurat dan tersirat dari apa yang terkandung dalam Al-Qur'an dan Al-Hadis. Berdasarkan hal tersebut, seseorang yang ingin memahami dan mengajar ajaran Islam dengan baik mesti menguasai bahasa Arab.

Bahasa Arab adalah bahasa utama dalam pengajian Islam merentas masa dan tempat kerana ia adalah bahasa wahyu iaitu bahasa al-Quran dan Al-Hadis. Bahasa Arab memainkan peranan penting secara holistik dan mendalam dalam memahami ajaran Islam bersumberkan kedua-dua sumber tersebut. Tambahan pula karya-karya ulama Islam terdahulu yang terkenal juga telah ditulis dalam bahasa Arab, seperti kitab-kitab tafsir, fiqh, usuluddin dan sebagainya. Karya-karya tersebut adalah rujukan utama pengajian Islam semenjak dahulu hingga sekarang. Sekiranya seseorang pelajar itu tidak menguasai bahasa Arab mungkin dia akan menghadapi kesukaran dalam memahami konsep-konsep seperti "Ijtihad", "Ijma'", dan "Qiyas" dalam pengajian Fiqh. Oleh itu, penguasaan bahasa Arab adalah penting dan diperlukan untuk memahami dan mengkaji ilmu-ilmu Islam secara lebih tepat dan menyeluruh.

Latar Belakang Kajian

Peranan bahasa Arab dikaitkan secara langsung sebagai bahasa al-Quran yang merupakan kitab suci bagi orang Islam dan nabi mereka iaitu Nabi Muhammad S.A.W. Bermula dari zaman mula wahyu di turunkan dan kebangkitan nabi akhir zaman daripada kalangan bangsa Arab hingga kini bahasa Arab masih mendapat tempat istimewa dalam kalangan umat Islam. Bahasa Ini dipelajari untuk memahami isi kandungan al-Quran dan Al-Hadis sama ada oleh orang Arab atau bukan Arab ('Ajam). Bahasa Arab adalah bahasa peradaban Islam yang telah menakluki satu pertiga dunia di zaman kegemilangannya sehingga jatuhnya khilafah Islamiyyah dimana bahasa Inggeris mula mengambil tempat sebagai bahasa utam dunia.

Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa para pelajar agama Islam mampu memahami ajaran Islam dengan baik dan menyeluruh. Oleh itu, bahasa Arab dianggap sebagai bahasa yang penting untuk dipelajari bagi memahami ajaran-ajaran dalam agama ini. Hal ini dapat dilihat apabila kerajaan telah mengimplementasi

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) pada tahun 2012 yang menunjukkan perubahan signifikan dalam metod pengajaran di sekolah-sekolah agama di Malaysia, termasuk Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Negeri (SAN), dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Dalam KBD, pengantar mata pelajaran Dini adalah menggunakan bahasa Arab. Penggunaan bahasa Arab sebagai medium pengajaran dalam pelajaran agama di sekolah memberikan keuntungan dan nilai tambah kepada pelajar dalam penguasaan bahasa tersebut. Tujuan langkah ini adalah untuk mempermudah pelajar dalam mengakses berbagai sumber rujukan dan mencari informasi di dalam kitab-kitab yang terkenal yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Arab, tanpa harus bergantung pada terjemahan. Kesulitan dalam menterjemahkan dan menemukan kata yang setara dalam bahasa sasaran membuat pembelajaran yang berhubungan dengan agama lebih mudah jika menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar..(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Sesuatu yang amat memberangsangkan berkaitan pembelajaran bahasa Arab dan pendidikan Islam apabila KPM mengukuhkan laluan pendidikan agama Islam dengan mengangkat kurikulum Dini dan Tahfiz sebagai kurikulum kebangsaan serta menerapkan unsur-unsur agama ke dalam kurikulum kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dengan menerapkan kurikulum tersebut, KPM dapat menyediakan pendidikan agama yang berkualiti tinggi untuk melengkapi pelajar dengan pengetahuan dan keterampilan yang relevan untuk pasaran kerja yang didasarkan pada nilai-nilai dan pandangan Islam yang kuat. Selain itu, Kementerian juga meningkatkan pengakuan antarbangsa terhadap kualifikasi pendidikan agama, di mana Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dianggap setara dengan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) sebagai kualifikasi pasca-menengah dan diterima sebagai syarat kemasukan ke Universiti Al-Azhar dan universiti-universiti tempatan sama ada awam mahu pun swasta. Semua mata pelajaran agama dalam STAM menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar.

Selain itu, penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa medium pengajian Islam juga dapat membantu meningkatkan pemahaman para pelajar terhadap bahasa Arab itu sendiri. Bahasa Arab merupakan bahasa utama al-Quran, serta banyak kitab-kitab yang ditulis dalam bahasa Arab seperti hadith dan tafsir. Oleh itu, penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa medium pengajian Islam dapat membantu para pelajar menguasai bahasa Arab dengan lebih mudah.

Walau pun demikian, terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi dalam penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa medium pengajian Islam di Malaysia terutama di peringkat pengajian tinggi. Rata-rata pelajar pengajian Islam masih tidak mampu menggunakan bahasa Arab untuk berkomunikasi dan berfikir pada aras tinggi sebagaimana pelajar-pelajar aliran sains menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran mereka. Oleh itu, kajian ini dilihat perlu dilakukan bagi menyelidik dan memahami isu-isu dan cabaran yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar pengajian Islam di Malaysia.

Pernyataan Masalah

Dunia sentiasa berubah dan globalisasi telah membawa cabaran baru kepada sistem pendidikan di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Salah satu cabaran terbesar yang dihadapi dalam pendidikan ialah halangan bahasa pengantar. Dalam pengajian Islam, bahasa Arab adalah bahasa utama pengajian yang memerlukan pemahaman yang mendalam tentang bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar Islam mahir dalam bahasa Arab bahkan pelajar yang mengikuti program pengajian bahasa Arab juga terkontang-kanting menggunakan bahasa tersebut. Hal ini menimbulkan cabaran besar bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran Islam.

Selain itu, globalisasi telah membawa cabaran baru kepada pendidikan dengan kebangkitan bahasa Inggeris sebagai bahasa global. Pelajar kini dilihat lebih mahir dalam bahasa Inggeris berbanding bahasa kedua yang lain termasuklah bahasa Arab. Isu bahasa tidak hanya terhad kepada bilik darjah. Dengan globalisasi, dunia juga telah menjadi lebih saling berkaitan, dan terdapat keperluan yang semakin meningkat bagi pelajar untuk berinteraksi dengan orang-orang dari pelbagai budaya dan latar belakang. Ini memerlukan tahap penguasaan dalam bahasa global seperti bahasa Inggeris, yang boleh memungkinkan lagi bahasa Arab di Malaysia.

Kesimpulannya, isu dan cabaran penggunaan bahasa Arab sebagai medium pengajian Islam di Malaysia di era globalisasi adalah penting untuk diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat. Kajian perlu dilakukan kerana ia adalah isu kompleks yang memerlukan pendekatan yang nuansa. Semasa kita bergerak ke hadapan, adalah penting untuk mencari penyelesaian yang menyeimbangkan antara memelihara bahasa Arab dan menyediakan pelajar-pelajar kita dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia global.

Dapatkan kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan bagi mereka yang bertanggungjawab dalam penggubalan polisi dan pengurusan pendidikan tertinggi dalam memastikan bahasa Arab tetap relevan untuk digunakan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi mata pelajaran pengajian Islam dan ianya perlu dipertahankan. Bahasa Arab harus menjadi inti dari pengajian Islam dan dikuasai sepenuhnya di semua tingkatan pendidikan di Malaysia kerana ia merupakan sumber rujukan utama dalam ilmu Islam. Oleh kerana itu, bahasa Arab perlu mendapatkan perhatian lebih besar dalam proses PdP yang melibatkan tiga unsur utama, iaitu pelajar, guru, dan bahan pembelajaran. Pelajar pengajian Islam perlu memiliki keterampilan berfikiran tinggi dalam bahasa Arab serta memiliki asas keilmuan yang kuat dalam memahami dan menerapkan disiplin ilmu-ilmu Islam.

Skop Kajian

Skop kajian ini terbatas kepada data kualitatif yang diperolehi daripada kajian kepustakaan. Kajian ini menelusuri sorotan kajian lepas bagi mengenal pasti isu-isu dan cabaran-cabaran dalam penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar pengajian Islam di Malaysia.

Skop kajian juga terbatas kepada penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar pengajian Islam di institusi pendidikan formal iaitu di peringkat sekolah rendah dan menengah dan juga institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia yang tertakluk kepada dasar pendidikan negara di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian tinjauan literatur yang digunakan dalam pendekatan kualitatif. Kajian ini meninjau dan menilai kembali secara sistematik sumber-sumber literatur yang berkaitan dengan topik kajian. Kajian tinjauan literatur dilakukan sebagai langkah awal sebelum menjalankan kajian baru untuk memperoleh maklumat tentang topik yang dipilih dan menilai kelayakan kajian baru. Kajian ini juga digunakan untuk menyusun atau menyediakan kerangka teori untuk kajian baru, memperjelaskan kelemahan dan kekurangan kajian terdahulu, serta mencadangkan arah penyelidikan yang baru. Kaedah ini melibatkan pencarian sumber-sumber dari pelbagai sumber seperti artikel jurnal, buku, laporan teknikal, dan sumber-sumber elektronik seperti pangkalan data, laman web, dan repositori institusi. Setelah sumber-sumber yang relevan dikenal pasti, penyelidik akan menilai kualiti kajian-kajian tersebut dan meninjau dapatkan kajian-kajian sebelum ini.

Sorotan Literatur

Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan sangat dipengaruhi oleh cabaran globalisasi. Hal ini juga berlaku untuk pengajian ilmu-ilmu Islam yang didasarkan pada wahyu tuhan yang diturunkan kepada nabiNya iaitu Al-Quran dan Al-Hadis. Pengajian Islam merupakan proses untuk memberikan pemahaman yang mendalam tentang ilmu-ilmu agama yang bersumberkan wahyu kepada pelajar di mana memerlukan penguasaan bahasa Arab yang tinggi sama ada dari pihak guru mahu pun pelajar. Hal ini kerana mempelajari Islam bukan hanya membaca teks-teks al-Quran dan al-Hadis tetapi juga perlu menguasai kaedah-kaedah bahasa Arab sebagai alat untuk mengkaji dan menginterpretasi isi kandungan al-Quran dan al-Al-Hadis. Mata pelajaran pengajian agama Islam yang lain seperti fiqh, akidah, akhlak, sejarah kebudayaan Islam dan sebagainya akan sangat mudah jika penggunaan bahasa Arab dapat diterima oleh guru dan pelajar.

Menurut Mardhiah Mamat et al (2016), al-Quran dan al-Hadis yang merupakan sumber ilmu-ilmu Islam termasuk bahasa Arab telah dipinggirkan atas nama kemodenan akibat daripada pengaruh globalisasi. Masyarakat Islam dengan ghairahnya menerima konsep-konsep pendidikan yang dibawa oleh Barat, terutama melalui penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam pengetahuan mereka. Mereka lebih merasa bangga ketika menguasai bahasa Inggeris dan memberikan nilai lebih tinggi kepada mereka yang berbicara dalam bahasa Inggeris dibandingkan dengan bahasa Arab.

Oleh itu umat Islam perlu kembali menguasai bahasa Arab dalam pembelajaran ilmu-agama Islam. Ada empat faktor kenapa umat Islam perlu menguasai bahasa Arab (Subhan Hi Ali Dodego, 2022):

- 1) *Bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran. Orang Islam percaya al-Quran hanya dalam bahasa aslinya iaitu bahasa Arab. Tafsir al-Quran termasuk terjemahannya tetap dianggap penting tetapi diyakini bukan al-Quran hanya tafsir atau terjemahan sahaja.*
- 2) *Bahasa Arab boleh dikatakan sebagai bahasa yang bertahan hidup dan mampu memelihara kesinambungannya dalam apa keadaannya. Hal ini dibuktikan dengan bahasa Arab hingga ketika ini tetap digunakan dan dipelajari oleh jutaan umat Islam di serata muka bumi.*
- 3) *Bahasa Arab adalah bahasa antarabangsa. Bahasa Arab mempunyai peranan yang sangat penting dalam kancan dunia antarabangsa. Bahasa Arab digunakan dalam forum-forum berskala antarabangsa seperti dalam Pertubuhan bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan seumpamanya. Berdasarkan statisitik yang dikeluarkan oleh World Arabic Language Day, terdapat kira-kira 422 juta penutur bahasa Arab di seluruh dunia, menjadikannya bahasa keenam yang paling banyak dituturkan.*
- 4) *Kitab-kitab klasik yang ditulis oleh para ilmuan terkemuka silam umumnya menggunakan bahasa Arab. Kitab-kitab klasik tersebut telah menyumbang dan mewarnai khazanah perkembangan pemikiran Islam seperti filsafat, tasawuf, logik, fiqh, teologi, kedoktoran dan lain-lain. Hal ini menyebabkan perlunya mempelajari dan menguasai bahasa Arab untuk memahami kitab-kitab tersebut. Selain itu, setiap umat Islam sentiasa menggunakan bahasa Arab dalam melaksanakan ibadah fardhu dan sunat seperti solat, berdoa dan berzikir.*

Walau pun demikian, beberapa isu yang timbul berhubung dengan penggunaan bahasa Arab dalam pengajaran pengajian Islam serta kegagalan pelajar untuk mengikutinya (Rosni bin Samah, 2012). Antara isu yang timbul ialah:

- 1) *Kebanyakannya pusat Pengajian Islam mengambil pendekatan pengajaran berpusat kepada guru. Akibatnya, pelajar menjadi pasif dan mengandalkan pendengaran semata dalam menerima informasi yang disampaikan oleh guru. Kesan yang lebih buruk ialah kurangnya kemahiran komunikasi dan keterampilan diri dalam kalangan pelajar untuk berbahasa Arab.*

- 2) Pengajaran pula berteraskan kepada terjemahan teks untuk memudahkan pelajar untuk memahami dan membekalkan mereka dengan banyak isi-isi utama serta melatih mereka agar mampu membuat kesimpulan daripada teks yang dibaca. Hakikatnya proses terjemahan ini tidak membantu pelajar untuk berfikir dan menguasai ilmu yang mereka belajar dengan sendiri melalui bahasa Arab.
- 3) Kurang latihan dan soalan latihan bahasa Arab sedangkan latihan dan soalan merupakan dorongan untuk pelajar terus belajar dan menanam semangat untuk terus berjaya. Ia dapat merangsang dan mengaktifkan pemikiran pelajar untuk menggunakan bahasa Arab. Begitu juga ia dapat membentuk sikap positif di kalangan pelajar terhadap bahasa tersebut.
- 4) Kurang penggunaan alat bantu mengajar dan bahan bacaan bahasa Arab tambahan bagi menarik minat dan menambah pengetahuan dan penguasaan pelajar. Penggunaan makmal bahasa untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab juga kurang atau tidak digunakan. Begitu juga alat-alat ICT bantu mengajar yang lain.
- 5) Kurang aktiviti bahasa Arab yang membantu pelajar untuk membina identiti dan jati diri. Penggunaan bahasa Arab boleh dicapai melalui aktiviti pembelajaran dalam kelas dengan mengadakan aktiviti berkumpulan atau kuiz. Aktiviti juga boleh diadakan di luar kelas seperti perkhemahan, lakonan atau pementasan. Aktiviti perdebatan juga banyak membantu pelajar dalam membina pemikiran kritis dan kreatif.
- 6) Sikap pasif pelajar yang tidak banyak membantu pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan. Mereka hanya berjaya dalam peperiksaan dengan menghafal isi-isi penting. Sebaliknya mereka tidak mampu untuk berdepan dengan dunia luar dan juga tidak membantu mereka dalam penguasaan Kemahiran Insaniah dan komunikasi dengan menggunakan bahasa Arab dengan baik.
- 7) Faktor persekitaran yang tidak membantu dalam pembelajaran bahasa Arab sedangkan persekitaran berkomunikasi bahasa Arab hendaklah diwujudkan bagi membantu penguasaan bahasa yang baik dan memahirkan mereka menggunakan bahasa dalam situasi yang berbeza. Penggunaan bahasa Arab dalam proses PdP adalah penting bagi memahirkan pelajar dengan Bahasa tersebut.

Satu kajian dilakukan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan tujuan untuk mengenalpasti kepentingan dan kelayakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Syariah dan pengajian Islam dalam bahasa Arab di universiti tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 69.5% responden menganggap pengajaran mata pelajaran Syariah dan pengajian Islam dalam bahasa Arab di USIM sangat penting. Bahkan hampir semua responden setuju bahawa USIM perlu menghormati bahasa Arab sebagai bahasa pengajaran dan pembelajaran, selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, sebagai universiti yang memimpin integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

Walaupun begitu, Sebahagian besar pelajar menghadapi cabaran dalam menggunakan bahasa Arab sebagai medium PdP. Sebanyak 63.2% responden mengakui bahawa mereka mengalami kesulitan dalam memahami mata pelajaran Syariah dan pengajian Islam jika diajarkan dalam bahasa Arab. Ada beberapa faktor kesulitan yang dialami pelajar dalam memahami mata pelajaran yang diajarkan dalam bahasa Arab, di antaranya adalah sikap majoriti pelajar (59.4%) yang lebih memilih dan merasa selesa jika PdP dilakukan dalam bahasa selain bahasa Arab, baik bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. (Mualimin Mohammad Sahid et al., 2020).

Isu penguasaan kemahiran berbahasa Arab sebagai bahasa kedua yang masih lemah dalam kalangan pelajar walaupun mereka telah mempelajarinya seawal peringkat sekolah menengah lagi terus diperkatakan. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor antaranya pelajar bukan penutur jati bahasa Arab. Faktor kelemahan menjadi sebab dan punca kepada kesalahan pelajar dalam komunikasi lisan bahasa Arab. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua faktor utama yang menjadi halangan dan permasalahan pelajar IPT untuk

menggunakan bahasa Arab di dalam kelas antaranya adalah kekurangan perbendaharaan kata dan kosa kata serta kurangnya motivasi dan keyakinan diri pelajar (Nurul Amalia Binti Ruslan et al., 2022).

Pada masa yang sama, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan proses PdP yang menggunakan bahasa kedua terutamanya bahasa Arab. Dapatkan satu kajian yang dilakukan menunjukkan terdapatnya maklumbalas positif dan negatif, sama ada daripada pensyarah mahupun pelajar sendiri berkenaan kesukaran dan prestasi yang ditunjukkan pelajar ekoran penggunaan bahasa yang bukan bahasa ibunda ini (Mualimin Mochammad Sahid et al., 2020).

Hal ini ditambah pula dengan masalah bahasa Arab tidak digunakan oleh guru sebagai medium pengajarannya. Isu tersebut banyak dibincangkan dalam kajian-kajian terdahulu. Salah satu daripada kajian tersebut ialah kajian yang dibuat oleh Zaini dan rakan-rakannya (2017) yang mengkaji permasalahan pengajaran bahasa Arab yang sering dihadapi oleh guru bahasa tersebut di negara ini. Hasil kajian menemukan bahawa masalah yang dihadapi oleh guru dapat dibahagikan kepada lima masalah utama, iaitu (i) lingkungan, (ii) motivasi, (iii) alat bantu pengajaran, (iv) kemampuan, dan (v) metod pengajaran. Oleh sebab itu, diharapkan para guru, terutama guru bahasa Arab, meningkatkan kompeten mereka untuk menyelesaikan dan menguruskan masalah-masalah ini.

Sehubungan itu, Nazri Atoh dan rakan-rakan (2014) dalam kajian mereka mendapati bahawa antara ciri-ciri professional bagi seorang guru agama Islam ialah guru tersebut mestilah mempunyai opsyen pengajian bahasa Arab. Guru juga mestilah mempunyai pengetahuan berkaitan pendidikan atau sekurang-kurangnya pernah melakukan latihan perguruan di sekolah. Guru juga menjadikan medium penyampaian PdP mestilah dalam bahasa Arab, menarik dan berkesan serta cakna dengan persekitaran pembelajaran.

Isu penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Arab juga antara cabaran dalam penggunaan bahasa Arab yang masih perlu dipertingkatkan. Satu kajian tinjauan deskriptif yang dilaksanakan di dua buah (SABK) di negeri Selangor untuk mengenal pasti teknik, amalan pelaksanaan pengajaran dan kekerapan penggunaan bahan bantu guru bahasa Arab yang menggunakan kurikulum Bu'uth al-Azhar. Dapatkan kajian menunjukkan min tahap kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dari perspektif guru ($\text{min} = 2.18$) dan pelajar ($\text{min} = 2.16$) berada pada tahap yang rendah. (Maimun Aqsha Lubis et al., 2014).

Dapatkan Kajian

Daripada ulasan literatur, kajian mendapati beberapa dapatan penting yang perlu diberi perhatian oleh pihak berkepentingan dalam membuat dasar berkaitan penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utama dalam pengajaran ilmu-ilmu Islam terutama di peringkat pengajaran tinggi. Hal ini untuk menjamin keupayaan berbahasa Arab dalam kalang pelajar ilmu agama Islam setanding dengan keupayaan berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar ilmu selain agama Islam. Antara dapatan tersebut:

1. Peranan Penggunaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Pengantar Pengajaran Islam Di Malaysia

Walaupun kerajaan Malaysia telah menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar pengajaran Islam melalui KBD, isu tahap kemampuan pelajar memahami ilmu-ilmu Islam dengan bahasa arab yang masih lagi rendah menjadi tajuk perbahasan para ilmuan. Berbanding dengan bahasa Inggeris yang mendapat tempat dalam kalangan guru dan pelajar sebagai bahasa pengantar kedua selain bahasa ibunda, bahasa Arab masih lagi jauh. Hal ini membantutkan proses penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar pengajaran Islam di semua peringkat pengajaran lebih-lebih lagi di peringkat tinggi.

Isu kekurangan guru-guru yang boleh menggunakan bahasa Arab dengan baik untuk mengajar ilmu-ilmu Islam juga menjadi penyebab kepada kegagalan bahasa Arab menjadi bahasa pengantar. Guru lebih menggunakan terjemahan yang menyebabkan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar juga semakin rendah. Pendekatan terjemahan ini menjadikan guru sebagai pusat pembelajaran sedangkan sepatutnya pembelajaran sebenar mestilah berfokuskan pelajar. Hal ini kerana pelajar perlu berfikir dan memahami ilmu-ilmu yang dipelajari dengan bahasa Arab bukan dengan bahasa terjemahan.

Seterusnya aplikasi ilmu yang tidak mencukupi dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa pengantar di Malaysia kerana pelajar lebih cenderung kepada aspek pembelajaran tata bahasa dan menghafal teks-teks tanpa penggunaan bahasa tersebut dalam proses pembinaan pengetahuan dan komunikasi dalam kehidupan sehari-hari mereka. Inilah antara faktor yang menyebabkan mereka menghadapi tekanan dan mendapat kesukaran untuk mempelajari bahasa Arab. Bahkan banyak yang lari dari mempelajari bahasa ini dan memilih pengajian lain selain daripada pengajian Islam apabila mereka menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi.

Untuk mengukuhkan peranan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar ilmu-ilmu Islam, inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran perlu dilakukan terutama pada era globalisasi ini. Hal ini kerana dalam mengharungi era yang dikemali sebagai revolusi industri 4.0 (IR 4.0), bahasa merupakan salah satu perkara penting selain teknologi. Bahasa Arab turut merasakan perkembangan revolusi ini. Beberapa strategi pengajaran perlu ditukar bagi memastikan bahasa Arab turut bersaing pada era ini. Strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab pada era globalisasi ini hendaklah menjurus kepada strategi pembelajaran berpusatkan pelajar (SLC). Dengan kata lain, pelajar bertanggungjawab serta perlu melibatkan diri dalam memahami kaedah belajar dan perkara yang dipelajar melalui bahasa Arab.(Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis et al., 2019).

Peranan guru juga perlu menjadi lebih sebagai fasilitator dan pembimbing. Guru mendorong penyertaan aktif dari para pelajar dengan memberikan tugas-tugas yang relevan dengan kehidupan sehari-hari dan teknologi yang ada. Penggunaan aplikasi pembelajaran digital, platform belajar berpasukan, atau multimedia interaktif dapat membantu pelajar untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran secara langsung dan menggalakkan serta meningkatkan “*independent learning*” dalam diri mereka.

Selain itu, strategi pengajaran ini juga mendorong pembelajaran kolaboratif dan komunikatif. Pelajar digalakkan untuk berinteraksi satu sama lain dalam bahasa Arab, berdiskusi, dan bekerja sama dalam menyelesaikan tugas-tugas kumpulan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan kemampuan berbicara, mendengar, membaca, dan menulis dalam bahasa Arab.

Pada era globalisasi ini, teknologi maklumat dan komunikasi memainkan peranan penting dalam pengajaran Bahasa Arab. Guru dapat memanfaatkan berbagai aplikasi dan sumber digital untuk memfasilitasi pembelajaran. Platform belajar *online*, aplikasi kamus elektronik, laman web pendidikan, atau rakaman audio-video untuk meningkatkan pemahaman dan keterampilan bahasa Arab perlu dimanfaatkan sepenuhnya.

2. Cabaran Penggunaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Pengantar Pengajian Islam Di Malaysia

Pemerkasaan bahasa Arab sebagai salah satu bahasa tambahan yang perlu dikuasai oleh pelajar di peringkat IPT selain bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dinyatakan dengan jelas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Cuma penggunaan bahasa sebagai bahasa pengantar di IPT perlu mendapat keizinan Menteri terlebih dahulu. Hal ini menyebabkan pemantapan bahasa tersebut dalam kalangan

pelajar semakin berkurangan kerana pelajar akan lebih cenderung kepada tidak menggunakan bahasa Arab untuk berfikir terutama untuk kemahiran kognitif pada aras tinggi.

Fungsi Bahasa Arab bukan hanya sekadar alat berkomunikasi tetapi merupakan alat untuk mendalami dan menghayati ajaran agama Islam. Oleh itu cabaran utama kualiti dan kompetensi dalam bahasa Arab terutama bagi seorang pendidik amat diperlukan. Banyak kajian dalam bidang keguruan mengkaji tentang keberkesanan pengajaran bahasa Arab di institusi pendidikan sama ada peringkat rendah atau tinggi.. Pada asasnya, kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) juga memberi kesan yang besar kepada penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar (Husni Abdullah et al., 2018).

Cabaran-cabaran utama dalam menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajian Islam di Malaysia mencakupi beberapa aspek, antaranya ialah:

i. Kemahiran dan penguasaan bahasa Arab

Ramai pelajar di Malaysia tidak mempunyai latar belakang yang kuat dalam bahasa Arab yang menyebabkan mereka menghadapi kesukaran dalam memahami dan menggunakan bahasa tersebut. Penguasaan bahasa Arab di kalangan mereka sering kali terbatas, terutamanya dalam hal pembendaharaan kata, tatabahasa, dan kemahiran bertutur. Ini menyebabkan kesulitan dalam memahami teks-teks akademik dan berkomunikasi dengan rakan dan guru.

ii. Tenaga pengajar yang mahir dalam bahasa Arab

Tenaga pengajar iaitu guru yang mahir dalam bahasa Arab dan bidang pengajian Islam mungkin terhad, yang boleh menyebabkan kurangnya panduan dan sokongan kepada pelajar untuk belajar ilmu-ilmu tersebut secara langsung dengan bahasa Arab.

iii. Penggunaan alat bantu mengajar (ABM)

Pendekatan guru yang masih menggunakan kaedah konvensional iaitu pengajaran berpusatkan guru tanpa ada ABM memberi kesan secara tidak langsung kepada pencapaian pelajar. Pada era globalisasi kaedah ini dianggap telah ketinggalan zaman. Impak kaedah ini menjadikan suasana pembelajaran bahasa Arab amat membosankan dan pelajar kurang memberi perhatian.

iv. Kualiti bahan pengajaran dan rujukan

Bahan pengajaran dan rujukan dalam bahasa Arab mungkin kurang berbanding bahasa Inggeris atau bahasa Melayu, terutamanya dalam konteks Malaysia. Menurut Al Arabiya News pada 2013 hanya sekitar 3% daripada sumber di internet adalah dalam bahasa Arab, berbanding dengan 56% dalam bahasa Inggeris (Tlili et al., 2020). Hal ini menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran dalam mencari sumber rujukan yang sesuai dan mencapai kefahaman yang lebih mendalam tentang topik yang mereka pelajari.

v. Persekutaran sosial

Sebagaimana yang diketahui, bahasa Arab bukanlah bahasa utama yang digunakan dalam kehidupan seharian di Malaysia. Oleh itu, pelajar mungkin merasa kurang yakin untuk menggunakan bahasa Arab dalam komunikasi dan aktiviti harian mereka terutama yang berkaitan dengan pembelajaran di dalam dan luar kelas. Hal ini mengakibatkan tahap penguasaan bahasa Arab yang rendah seterusnya menjadi cabaran dalam pengajian Islam.

vi. Sistem pendidikan

Walaupun beberapa institusi di Malaysia menawarkan program pengajaran dalam bahasa Arab, sistem pendidikan negara terutama di peringkat pengajaran tinggi belum sepenuhnya dapat mengintegrasikan penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajian Islam. Tambahan pula penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar di IPT perlu mendapat keizinan Menteri terlebih dahulu.

vii. Globalisasi dan pengaruh bahasa Inggeris

Boleh dikatakan seluruh dunia menjadikan bahasa Inggeris sebagai komunikasi utama. Pengaruh bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu pengetahuan global juga turut mendorong kecenderungan untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran termasuk dalam bidang pengajian Islam.

viii. Persepsi negatif terhadap bahasa Arab

Minat dan motivasi pelajar untuk menguasai bahasa Arab mungkin terjejas akibat terdapat persepsi negatif terhadap bahasa tersebut dalam kalangan sebahagian masyarakat Malaysia. Antara persepsi negatif tersebut belajar bahasa Arab hanya untuk menjadi ulama atau pendakwah sahaja. Ada juga yang memomokkan bahawa belajar bahasa Arab itu sukar dan membosankan.

Antara kelemahan ketara pelajar agama Islam terutama dalam kalangan pelajar IPT ialah ketidakmampuan mereka untuk bertutur dalam bahasa Arab dengan baik sama ada di dalam atau luar kelas. Berdasarkan kajian oleh Nurul Amalia Binti Ruslan dan rakan-rakan (2022) untuk mengenalpasti halangan bertutur di kelas dalam kalangan pelajar IPT mendapati bahawa punca utama berlaku cabaran tersebut adalah kerana kekurangan perbendaharaan kata semasa bertutur serta kurangnya motivasi dan keyakinan diri untuk bertutur dalam bahasa Arab.

Kesimpulannya cabaran-cabaran utama dalam menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajian Islam di Malaysia meliputi kurangnya penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar, kualiti tenaga pengajar, bahan pengajaran dan rujukan, alat bantu mengajar. Hal ini menyebabkan motivasi pelajar rendah di samping persepsi negatif terhadap bahasa Arab serta pengaruh globalisasi dan bahasa Inggeris.

Bahasa Arab Dalam Mengharungi Arus Globalisai

Bahasa Arab tidak dapat dipisahkan dari Islam dan umatnya. Hal ini kerana ianya bahasa kepada sumber pengatahanan Islam iaitu al-Quran dan al-Al-Hadis. Oleh itu, mempelajari dan menguasai bahasa ini menjadi keperluan setiap muslim. Bahasa Arab diperlukan untuk membentuk keperibadian muslim dan meningkatkan kualiti keimanan dan pemahaman terhadap ajaran agama, bahkan perlu sebagai sarana dakwah penyebaran agama Islam (Ubaid Ridlo, 2015). Dengan kata lain, bahasa Arab adalah bahasa global kepada umat Islam yang merata di pelusuk bumi. Sarjana-sarjana Islam terkemuka seperti Al-Ghazali, Al- Biruni, Ibnu Sina, Al-Razi, Al-Kindi dan ramai lagi bukanlah berasal daripada keturunan Arab tetapi mereka menguasai bahasa Arab dengan baik dan menulis ilmu-ilmu mereka dengan bahasa Arab.

Setelah khilafah Islamiah runtuh dan tamadun Barat mula menguasai dunia, bahasa Arab telah dipinggirkan oleh kebanyakan Islam dalam pengajian. Tambahan pula momokan daripada penjajah bahawa bahasa Arab sukar dipelajari dan usaha mereka mempopularkan penggunaan bahasa lokal (dialek) dan meninggalkan penggunaan bahasa *fusha* agar umat Islam jauh daripada ajaran agama mereka. Bukan setakat itu sahaja, akibat globalisasi kurangnya minat mempelajari bahasa Arab dalam kalangan generasi muda dan mereka berpaling kepada bahasa Inggeris yang dianggap sebagai bahasa sains dan teknologi.

Walaupun begitu, bahasa Arab masih utuh sebagai bahasa agama Islam yang mana pengikut agama Islam adalah antara yang teramai di muka bumi ini. Di samping itu, bahasa Arab telah diakui sebagai bahasa antarabangsa dan digunakan juga sebagai salah satu bahasa diplomasi rasmi di forum Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Ia juga bahasa utama perniagaan dunia apabila melibatkan negara-negara Arab yang kaya dengan sumber petroleum. Peluang-peluang pekerjaan juga banyak didapati di negara-negara yang memerlukan tenaga kerja mahir daripada luar.

Justeru usaha perlu dilipatgandakan untuk mengembalikan populariti dan kegemilangan bahasa Arab dalam kalangan umat Islam terutama pelajar agama. Mereka perlu menguasai bahasa ini dengan sepenuhnya seolah-olah bahasa arab adalah bahasa pertama mereka.

Kesimpulan

Bahasa Arab yang berperanan sebagai bahasa agama, bahasa integrasi dunia Arab dan Islam bahkan salah satu bahasa rasmi PBB. Penguasaan bahasa ini tetap penting, tidak hanya dalam pengembangan ilmu-ilmu Islam tetapi juga dalam pengembangan ilmu pengetahuan dan peradaban. Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Arab dan peradaban Islam sepanjang sejarahnya tidak dapat dipisahkan. Di satu sisi bahasa Arab mampu berkembang maju kerana al-Quran, dan di sisi lain, bahasa Arab perlu diperkembangkan sebagai ilmu kerana keperluan untuk melayani ilmu-ilmu wahyu. Oleh itu, bahasa Arab perlu dikuasai oleh para guru dan pelajar sebagai satu alat untuk menjadikan peradaban Islam kembali cemerlang seperti suatu ketika dahulu.

Secara keseluruhan, globalisasi dalam pengajian Islam memiliki kesan positif dan negatif. Kesan ini tergantung pada sikap dan penerimaan kita terhadapnya. Salah satu manfaat positif yang dapat diperoleh dari globalisasi dalam pendidikan adalah mendorong budaya pembelajaran sepanjang hayat, serta peningkatan pengetahuan yang lebih luas melalui penggunaan teknologi komunikasi dan informasi yang mudah diakses oleh semua orang, di mana pun dan bila-bila pun. Globalisasi juga membuka peluang yang luas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan cara yang lebih mudah, terjangkau, cepat, dan efisien. Jaringan komunikasi juga menjadi lebih luas dan efektif.

Kesimpulannya isu dan cabaran utama dalam penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajian Islam di Malaysia adalah melibatkan kemahiran bahasa, persekitaran sosial, sistem pendidikan, dan sumber rujukan. Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini terutama pada era globalisasi ini, pelajar perlu bekerja keras untuk meningkatkan kemahiran bahasa mereka, memanfaatkan sumber yang ada, dan melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran yang melibatkan penggunaan bahasa Arab.

Rujukan

- Husni Abdullah, Abd Razif Zaini, Khairatul Akmar Ab Latif, Hasanah Ihsan, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wan Sakiah Wan Ngah, & Naqibah Mansor. (2018). *Pendidikan Abad Ke-21 Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Di Malaysia : Amalan dan Cabaran*. 5th International Research Management & Innovation Conference, 1–14.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. In Kementerian Pendidikan Malaysia. <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0742051X10001435>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini* (Pelaksanaan Tahun 2015).
- Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis, Siti Hajar Taib, & Mohd Azaharin Ismail. (2019). *Inovasi Sistem Pendidikan Dan Strategi Pengajaran Bahasa Arab Di Era Milenial 4.0*. Journal of Chemical Information and Modeling, 3(2), 9–20.
- Maimun Aqsha Lubis, Alias, Z., & Shaharuddin, H. N. (2014). *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 39(1), 51–61.
- Mardhiah Mamat, Khadijah Abdul Razak, Maimun, A. L., & Junaidah Mat Isa. (2016). *Globalisasi: Cabarannya Terhadap Sumber Pendidikan Islam. Falsafah Dan Pedagogi Pendidikan Islam: Isu Dan Cabaran*, January, 1–17.
- Mualimin Mochammad Sahid, Baidar Mohammed Mohammed Hasan, & Mohammad Najib Jaffar. (2020). *Kepentingan pengajaran subjek syariah dan pengajian islam menggunakan bahasa arab: kajian persepsi pelajar syariah dan undang- undang*, USIM. The 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law

- 2020 (INPAC 2020), 171–182.
- Nazri Atoh, Saipolbarin bin Hj. Ramli, & Mohd. Zawawi Ag Hamat. (2014). *Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan Awal*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014, 54–60.
- Nurul Amalia Binti Ruslan, Norhafizah Binti Abd Kadir, & Mohd Rusdan bin Hasan. (2022). *Halangan Bertutur Bahasa Arab di Kelas dalam Kalangan Pelajar IPT*. I-STET 2022 Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika Dan Turath Islami, 147–154.
- Rosni bin Samah. (2012). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), 286–300.
- Subhan Hi Ali Dodego. (2022). Pentingnya Penguasaan Bahasa Arab Dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. PESHUM : Jurnal Pendidikan, Sosial Dan Humaniora, 1(2), 55–69.
- Tlili, A., Jemni, M., Khribi, M. K., Huang, R., Chang, T. W., & Liu, D. (2020). *Current state of open educational resources in the Arab region: an investigation in 22 countries*. Smart Learning Environments, 7(1), 1–25. <https://doi.org/10.1186/s40561-020-00120-z>
- Ubaid Ridlo. (2015). Bahasa Arab Dalam Pusaran Arus Globalisasi : Antara Pesimisme Dan Optimisme. Ihya Al-Arabiyah, 1(2), 210–226.
- Zaini, A. R., Ghazali, M. R., Ismail, M. R., Zakaria, N., Hamdan, H., & Hj. Azizan, M. R. (2017). *Permasalahan Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK), 1-8.

BAB 14

مواد اللغة العربية التي تؤثر في تمكن مهارة الكلام لدى الطلبة البكالوريوس في قسم دراسات اللغة واللغويات العربية بالجامعة الإسلامية بسلامنجر

^١ نورمه بنت حسين

^١ الجامعة الإسلامية بسلامنجر

المقدمة

سعى هذا البحث إلى استخدام المنهج الوصفي وهدفه لمعرفة مواد اللغة العربية التي تؤثر في تمكن مهارة الكلام لدى طلبة البكالوريوس في قسم دراسات اللغة واللغويات العربية بالجامعة الإسلامية بسلامنجر. اعتمدت الباحثة على توزيع الاستبيان عن بعد من قبل ٢٤ طالباً عشوائياً في البكالوريوس في دراسات لغة القرآن والبكالوريوس في اللغة العربية والترجمة، والبكالوريوس في اللغة العربية مع الوسائل المتعددة لغرض جمع البيانات والحصول على المعلومات. وكشفت الباحثة بأنّ مادة مهارة الاستماع والكلام تساهُم إسهاماً كبيراً في تمكن مهارة الكلام لدى طلبة البكالوريوس. ووُجِدَت الباحثة بعض العوامل التي تؤدي إلى تمكن مهارة الكلام في تلك المادة وهي تعلم المفردات الجديدة، واستخدام أساليب العربية المفهومة وغيرها. وأخيراً قدّمت الباحثة بعض الاقتراحات التي تمكن في إسهام استراتيجيات تمكن مهارة الكلام، وهي تقوية عملية التعليم والتعلم بحيث كان موقف المعلم موقفاً موجهاً ومرشداً، ومحاولة دفع الدارسين للكلام، واستخدام الوسائل التعليمية الخاصة لتسهيل عملية تعلم مهارة الكلام وتشجيع الدارسين على الكلام، وإقامة الأنشطة اللغوية ولا سيما التركيز على مهارة الكلام.

من المعروف أن اللغة العربية لغة عالمية ولغة مشهورة لدى الناس في العالم كما أنها تستخدم في المجالات المختلفة: التربوية، والعليمية، والثقافية، والاقتصادية، والسياسية، والعلمية وغيرها. وما لا ينكره أحد، اهتم الناس باللغة العربية اهتماماً كثيراً وازدادت رغبتهم في تعلمها حتى صارت من المواد الدراسية في المدارس، والجامعات، والمؤسسات التعليمية الأخرى. ويركز تعليم اللغة العربية على مهارات أربعة، هي مهارة القراءة، ومهارة الكتابة، ومهارة الاستماع، ومهارة الكلام.

فالكلام في أصل اللغة عبارة عن الأصوات المقيدة، وعند المتكلمين هو المعنى القائم بالنفس الذي يعبر عنه بالألفاظ، يقال في نفسي كلام، وفي اصطلاح النحاة: الجملة المركبة المقيدة نحو: جاء الشتاء. أما التعريف الاصطلاحي للكلام فهو: ذلك الكلام المنطوق الذي يعبر به المتكلم بما في نفسه من هاجسه، أو خاطره، وما يجول بخاطره من مشاعر وإنسحاسات، وما يزخر به عقله من رأي أو فكر، وما يريد أن يزود به غيره من معلومات، أو نحو ذلك، في طلاقة وانسياب، مع صحة في التعبير وسلامة في الأداء.

وما تقدم ندرك أن الكلام هو النشاط اللغوي المهم في الحياة اليومية كان الإنسان به يحاول أن يعبر عن كل ما خطرة بيده الأفكار والشغوفى. دون التعبير عن نفسه لا يعرف الإنسان ما فكره وشعره. والكلام هو إحدى المهارات اللغوية الاربعة الفعالية الانتاجية وهي مهارة القراءة والاستماع والكتابة والكلام. والكلام هي تعتبر من أهمية المهارات بالنسبة إلى اللغة الأجنبية وتعتبر من أهم المهارات اللغوية بما أن الكلام جزء عملى الذى يمارسه المتعلم. فالكلام جزء أساسى في منهج تعليم اللغة الأجنبية ويعتبر القائمين على هذا الميدان من أهم أهداف تعليم اللغة الأجنبية وذلك لأنه يمثل في الغالب الجزء العملى والتطبيقي في تعليم اللغة.

على أساس المدخل الموقفي فإن اللغة تعلم عن طريق تدريب الدارسين على استيعاب قواعد اللغة خلال أنشطة معينة. ورغم ذلك، لم يخل هذا المدخل من انتقادات طرحها علماء اللغة التطبيقيون. وأكّد هؤلاء اللغة على الأوجه الوظيفية والاتصالية من اللغة، وعند أرائهم أن تعليم اللغة ينبغي أن يأكّد على المهارات الاتصالية بأكثر تأكيداً من مجرد السيطرة على القواعد اللغوية. (ريتشادز و رودجرز، ١٩٩٢:٦٤).

وانتشر المدخل الاتصالي في تعليم اللغة الأجنبية انتشاراً واسعاً في إنجلترا كما تطور هذا المدخل أيضاً في أمريكا. وكان ذلك في منتصف السبعينيات من هذا القرن. ورأى أنصار هذا المدخل أن المدخل الاتصالي ليس هو إلا مدخل في تعليم اللغة الأجنبية يهدف إلى تكوين الكفاية الاتصالية كهدف في تعليم اللغة، بالإضافة إلى تطوير أساليب تعليم المهارات اللغوية الأربع التي تعرف بأن اللغة والاتصال بينهما علاقة متبادلة. (عزيز و الوسيلة، ١٩٩٦: ٣).

نتائج البحث

في هذا البحث تود الباحثة معرفة استراتيجيات تمكن مهارة الكلام لطلبة البكالوريوس في اللغة العربية بوصفها لغة ثانية بالكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلامنجلور. بناءً على مواد اللغة العربية التي تؤثر في تمكن مهارة الكلام لدى الطلبة البكالوريوس في قسم دراسات اللغة واللغويات العربية بالجامعة الإسلامية بسلامنجلور، جمعت الباحثة البيانات المحصلة من خلال توزيع الاستبانة عن بعد لدى ٢٤ طالباً عشوائياً معرفة وجهة نظرهم.

الجدول (١): الجنسية

النسبة المئوية	الجنسية	الرقم
٪٢٩،٢	الذكور	١
٪٧٠،٨	الإناث	٢

الجدول الأول يشير إلى جنسية الطلبة، ٪٢٩،٢٪ من الذكور الذين شاركوا في إجابة أسئلة الاستبانة والباقي ٪٧٠،٨٪ طالبة منهم.

الجدول (٢): التخصص

الرقم	التخصص	النسبة المئوية
١	البكالوريوس في دراسات لغة القرآن	%٥٠
٢	البكالوريوس في اللغة العربية مع الوسائل المتعددة	%٢٩,٢
٣	البكالوريوس في اللغة العربية والترجمة	%٢٠,٨

يشير الجدول الثاني إلى تخصص الطلبة التي تحتوي على %٥٠ من البكالوريوس في دراسات لغة القرآن، و %٢٩,٢ من البكالوريوس في اللغة العربية مع الوسائل المتعددة وأماباقي، %٢٠,٨ من البكالوريوس في اللغة العربية والترجمة.

الجدول (٣): السنة الدراسية

الرقم	السنة الدراسية	النسبة المئوية
١	السنة الأولى	%٨,٣
٢	السنة الثانية	%٥٨,٣
٣	السنة الثالثة	%٣٣,٣

أما الجدول الثالث يدل على السنة الدراسية. النسبة المئوية الأعلى هي %٥٨,٣ طالبا من السنة الثانية (الفترة الدراسية الثالثة والرابعة) الذين يشاركون في استجابة الاستبانة، والنسبة المئوية الثانية هي %٣٣,٣ طالبا من السنة الثالثة (الفترة الدراسية الخامسة والسادسة). ومن الطلبة في السنة الأولى (الفترة الدراسية الأولى والثانية) هي %٨,٣.

الجدول (٤): مواد اللغة العربية

الرقم	مواد اللغة العربية	النسبة المئوية
١	مهارة الاستماع والكلام	%٦٢,٥
٢	ال نحو	%٤٥,٨
٣	مهارة القراءة	%٣٣,٣٣
٤	الصرف	%٣٣,٣٣
٥	العربية العالية للدراسات الإسلامية	%٢٩,١
٦	فن الكتابة	%٢٩,١
٧	ترجمة النصوص التجارية	%٢٠,٨
٨	المحادثة	%١٦,٦

٪١٢،٥	البلاغة	٩
-------	---------	---

المجدول الرابع يشير إلى مواد اللغة العربية التي تؤثر في تمكن مهارة الكلام. ومادة مهارة الاستماع والكلام قد حصلت على ٪٦٢،٥ طالبا الذين يواافقون بأن تلك المادة تؤثر تأثيرا كبيرا. والمادة الثانية التي حصلت على النسبة المئوية العالية هي النحو. أما ٪٣٣،٣ طالبا يختارون مادتي مهارة القراءة والصرف في تمكن مهارة الكلام. ومادة العربية العالية للدراسات الإسلامية حصلت على ٪٢٩،١ في مادة فن الكتابة ومادة ترجمة النصوص التجارية ٪٢٠،٨، وأخيرا ٪١٦،٦ لمادة المحادثة.

المجدول (٥): العوامل التي تؤدي إلى تمكن مهارة الكلام من المواد المذكورة

الرقم	العوامل التي تؤدي إلى تمكن مهارة الكلام من المواد المذكورة	النسبة المئوية
١	استخدام أساليب العربية المفهومة	٪٨٣،٣
٢	تعلم المفردات الجديدة	٪٧٩،٢
٣	الدعم والتشجيع من أساتذة المادة	٪٧٥
٤	ممارسة الكلام بالعربية إلى حد الأقصى	٪٥٤،٢
٥	محتويات المادة التي تجذب رغبات الطلبة	٪٤٥،٨
٦	استخدام الوسيلة التعليمية الحديثة	٪٣٣،٣

يدل المجدول الخامس على أن ثمة العوامل التي تؤدي إلى تمكن مهارة الكلام من المواد المذكورة ومنها استخدام أساليب العربية المفهومة قد حصل على النسبة المئوية الأعلى ٪٨٣،٣. وعلاوة على ذلك، تعلم المفردات الجديدة من المواد المختارة من العامل المؤثر لدى الطلبة ٪٧٩،٢. وبالتالي ٪٧٥ طالبا يؤكدون بأن الدعم والتشجيع من أستاذة المادة قد ساهم في تمكن مهارة الكلام. مما لا شك، أن ممارسة الكلام بالعربية إلى حد الأقصى من أستاذة المادة يؤثر على النسبة المئوية ٪٥٤،٢. والعامل الخامس هو محتويات المادة التي تجذب رغبات الطلبة والتي حصلت على ٪٤٥،٨. و ٪٣٣،٣ طالبا يواافقون استخدام الوسيلة التعليمية الحديثة من قبل الأستاذة أيضا من العامل المساهم.

الاقتراحات

بناء على ما أوصل إليه هذا البحث، توصي الباحثة الاقتراحات فيما يتعلق باستراتيجيات تمكن مهارة الكلام. وهي:

- ١ تقوية عملية التعليم والتعلم بحيث كان موقف المعلم موقفاً موجهاً ومرشداً، ومحاولة دفع الدارسين للكلام، واستخدام الوسائل التعليمية الخاصة لتسهيل عملية تعلم مهارة الكلام وتشجيع الدارسين على الكلام، وإقامة الأنشطة اللغوية ولا سيما التركيز على مهارة الكلام.
- ٢ طريقة المناقشة: تتخذ المناقشة أشكالاً مختلفة، فقد تكون بصورة ثنائية بين المعلم والطالب، أو فيما بين الطلاب أنفسهم بحيث يدير المعلم النقاش، ويكون دور الطالب التعبير عن وجهة نظره، وهنا لا بد من مراعاة آداب المناقشة وتتدريب الطلاب على ذلك.
- ٣ طريقة التمثيل: يمكن استخدام هذه الطريقة لتطوير مهارة المحادثة بحيث يختار المعلم قصة معينة بهدف تدريب الطلاب على المحادثة. من خلال تنفيذ التمثيل من قبل الطلاب يعمل المعلم على التوجيه والإرشاد.
- ٤ طريقة المناظرة: وهي حوار أو تفاعل لفظي بين شخصين قائم على المنافسة في طرح وجهات النظر.
- ٥ استخدام القصص: يمكن استخدام القصص كإستراتيجية لتطوير مهارة المحادثة لدى الطلاب كما يمكن للمعلم أن يعين بعض القصص للطلاب ويطلب منهم تلخيصها وعرضها أمام الطلاب، أو يمكن تحويل القصة إلى تمثيلية يقوم الطلاب بتأديء أدوارها.
- ٦ ومسؤولية الناطقين بغير العربية هي تطبيق كل التعليمات المتقدمة إليهم في التدريس، وكذلك في التدريجيات التي أعطاها المدرس، فالمقصود من هذه الإجراءات تحقيق أهداف الدراسة.
- ٧ وعلى المدرسين أن يساعدوا الناطقين بغير العربية في توفير الوسائل والأجهزة الممكنة لإيجاد البيئة الصناعية عند تدريس مهارة الكلام، وعليهم أيضاً أن يستخدموا الوسائل التعليمية المختلفة باعتبار الفروق الفردية بين الناطقين بغير العربية.

المراجع

- جاسم علي جاسم، (١٩٩٦)، في طرق تعليم اللغة العربية للأجانب، كوالا لمبور ماليزيا: ايه، ايس نوردين.
- محمد عطيه الإبراشي، (١٩٩٣)، روح التربية والتعليم، القاهرة: دار الفكر العربي.
- محمد علي الخولي، (١٩٨٦)، أساليب تدريس اللغة العربية، رياض: المملكة العربية السعودية.
- محمد سمارة أبو عجيمة، (١٩٨٩)، اللغة الرعوية، نظامها، وأداتها، وقضايا معاصرة، عمان.
- ثريا هارون، (٤/٢٠٠٥)، الصعوبات التي يواجهها الطلاب الملايوون بقسم اللغة العربية في الجامعة الإسلامية العالمية بماليزيا عند الكلام باللغة العربية ، ماليزيا: مركز التربية والتنمية البشرية بالجامعة الإسلامية العالمية بماليزيا.
sinau-bahasaarab.blogspot.com
www.edutrapedia.illaf.net

journals.iium.edu.my/arabiclang/index.php/JLLS/article/view/9

BAB 15

تحليل الأخطاء الشائعة في الكتابة الأكاديمية لغير الناطقين بالعربية في مرحلة البكالوريوس في

اللغة العربية

^١ مريم مد داؤد

^١ الجامعة الإسلامية بسلامنجر

المقدمة

إن اللغة العربية لغة القرآن الكريم، وهو مهيمن على ما سواه من الكتب الأخرى، وهذا يقتضي أن تكون لغته مهيمنة على ما سواها من اللغات الأخرى، وهي لغة خاتم الأنبياء والمرسلين، أرسله الله للبشرية جماء، واحتار الله له اللغة العربية، وهذا يعني صلاحيتها لأن تكون لغة البشرية جماء، قال تعالى: ﴿وَإِنَّهُ لَتَنزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ﴾ ﴿١٩٢﴾ نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٩٣﴾ عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾ بِلِسَانٍ عَرَبِيًّا مُّبِينٍ [١٩٥-١٩٢].

فلما وصفها الله بالبيان عُلِّمَ أَنَّ سائر اللغات قاصرة عنها، وهذا وسام شرف، وتابع كلل الله به مفرق العربية، خصوصاً حين أنساط الله بها كلامه المنزل، قال تعالى: ﴿إِنَّا جَعَلْنَا فُرْقَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾ [الزخرف: ٣] ، وقال تعالى: ﴿كِتَابٌ فُصِّلَتْ آيَاتُهُ فُرْقَانًا عَرَبِيًّا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ﴾ [فصلت: ٣] ، وقال تعالى: ﴿فُرْقَانًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِي عِرْجٍ لَعَلَّهُمْ يَتَّقَوْنَ﴾ [الزمر: ٢٨] ، وهي لغة الخلود، حيث لا يمكن أن تزول عن الأرض إلا أن يزول هذا الكتاب المنزل، وقد تكفل الله تعالى بحفظها.

وعلى الرغم من أهمية اللغة والتمكن من مهاراتها، يلاحظ أن اللغة العربية تعيش اليوم واقعاً لا نرضاه لها، فهي تعاني من ضعفٍ ملحوظٍ على ألسنة أبنائها، وعلى أفلامهم في مراحل التعليم المختلفة كما تشير دراسة يوسف الصفي (١٩٨١م)، ويتمثل هذا الضعف في هبوط مستوى قدرات الطلاب ومهاراتهم اللغوية، فيظهر في أسلوبهم التواء، وفي رسم كلماتهم أغلاط، فضلاًًّاً عما بينهم وبين المسلك النحوي الصحيح من بون شاسع (الحسيني العجمي، ١٩٨٨م).

إن ضعف الطلاب في استخدام اللغة العربية استخداماً صحيحاً خاصةً فيما يتصل بالجوانب اللغوية التطبيقية قد أثار اهتمام الباحثين، وجعلهم يشعرون بهذه المشكلة، حيث يلاحظ الطلاب في جميع مراحل التعليم وقوعهم في أخطاء نحوية متعددة، قد يكون منها الخطأ في القواعد الأساسية التي لا يجوز لهم أن يقعوا فيها بعد طول الدراسة والتدريب، ويصبح ذلك عادةً أخطاء إملائية كان ينبغي أن يتحرروا منها منذ زمن.

وهذا الضعف ليس زعماً بلا سند، ولا اهاماً بلا دليل، بل يشهد به الواقع، وأكده نتائج دراسات وأبحاث عديدة أجريت في هذا المجال، أثبتت جلها أن هناك ضعفاً واضحاً في مستوى المهارات اللغوية يكاد ينضم جميع مراحل التعليم بلا استثناء، حيث أثبتت دراسة مصطفى إسماعيل موسى (١٩٨٥م) شيوخ الأخطاء النحوية في الكتابة بين معظم طلاب السنة الرابعة بقسم اللغة العربية، فقد أخطأ مائة وستة وأربعون طالباً من مجموع الطلاب البالغ عددهم مائة وخمسين طالباً أي بنسبة (٩٧,٥%). كما أجرى عبد الكريم أبو جاموس (١٩٩٠م) دراسة بدولة قطر استهدفت تحديد المهارات اللغوية الالزامية للدراسة الجامعية، كان من نتائجها أن الطلاب أتقنوا المهارات اللغوية بنسبة (٥٧,١%)، بينما هناك مهارات لم يتمكن أي من الطلاب من إتقانها.

كما اتضح من دراسة محمود محسب (١٩٩٢م) أن المهارات الأسلوبية هي التي تشكل الجانب الأكبر من المشكلة بالنسبة للطلاب المتخرجين في كلية الطب، وهي: الاستخدام غير الصحيح في الصيغ الأسلوبية، والاستخدام غير الصحيح لحروف الجر، والاستخدام غير الصحيح لأدوات التعريف والتنكير، وتدخل الأزمنة، والأخطاء المجائية.

وأثبتت نتائج دراسة شاكر عبد العظيم (١٩٩٠م) شيوخ الأخطاء النحوية والصرفية في بعض رسائل الماجستير في التخصصات المختلفة، فقد أخطأ جميع طلاب العينة، وإن اختلفت نسبة الخطأ، وكم الأخطاء. وهذا يعني أن مائة بمالئه من طلاب العينة يخطئون في استخدام اللغة، وهي نسبة تؤكد تدني المستوى اللغوي في أعلى المستويات الثقافية. كما توصلت دراسة زين شحاته (١٩٩٢م) إلى تحديد مجموعة من الأخطاء النحوية والصرفية والإملائية الشائعة في كتابات طلاب كلية التربية جامعة المنيا في سبعة مواضع هي: الاسم المنون المنصوب، الفعل المضارع المجزوم، الأفعال الخمسة، أحکام العدد، الأسماء الستة، همتا الوصل والقطع، وعلامات الترقيم. كما توصلت دراسة ابتسام عافشي (١٩٩٧م) إلى أن طالبات قسم اللغة العربية بكلية التربية بالرياض لا يتمكنن من المهارات النحوية، حيث لم تبلغ نسبة اللاتي حققن مستوى الإتقان المطلوب سوى (٩٪) من أفراد العينة.

وهذا الضعف لا يقتصر على المراحل التعليمية الدنيا من المرحلة الجامعية وما قبلها، بل وصل هذا الضعف إلى أرقى المستويات التعليمية وهي مرحلة الدراسات العليا. وللدراسات العليا أهمية تربوية كبيرة. فعلى عاتقها تقع مسؤولية إعداد الباحثين والنهوض بالبحث العلمي. ولذا فقد طالبت دراسات مختلفة بضرورة تصميم برامج تستهدف الإعداد اللغوي العربي المكثف لطلاب الدراسات العليا (فاروق اللقاني، ١٩٨٢م)، بل طالبت دراسات أخرى بأن تخطط كل جامعة بل كل كلية، بل كل قسم مختص بها برنامجاً يكفل رفع مستوى أعضاء هيئة التدريس في اللغة العربية، وتدريبهم في أثناء الخدمة لكي يتمكنوا من استعمال اللغة العربية الصحيحة، لغة التدريس والبحث العلمي (عبد الكريم خليفة، ١٩٨٧م).

وإذا كان هذا هو الحال مع الطلاب العرب الناطقين بها في المرحلة الجامعية وما قبلها، فماذا يكون الحال مع الناطقين بغيرها؟ وإذا كان هذا الضعف في معظمها كما أثبتت الدراسات العلمية مع المتخصصين، فما الحال مع غير المتخصصين؟

فاللغة العربية تُدرّس في المدارس والمعاهد والجامعات الإسلامية الماليزية وبخاصة في التخصصات الإسلامية والعربية، بل وبعض الجامعات تشترط لطلابها أن يعدوا الرسائل العلمية باللغة العربية شرطاً للحصول على درجات البكالوريوس والماجستير والدكتوراه.

وهذا البحث يحاول أن يكشف الأخطاء الكتابية التي وقعت فيها طلاب وطالبات البكالوريوس في كتاباتهم العلمية في بعض الجامعات الماليزية، للوصول إلى صورة واضحة لنقطات الضعف فيها، من أجل تحديد الحل لهذه المشكلات ورسم الاستراتيجيات الصحيحة لتعليمها.

مشكلة البحث

تكمّن مشكلة البحث في السؤال الرئيسي التالي: ما الأخطاء اللغوية الكتابية التي يقع فيها طلاب البكالوريوس الذين يكتبون بحوثهم باللغة العربية في بعض الجامعات الماليزية؟.

ويتفرّع من هذا السؤال الأسئلة التالية:

- ١ - ما الأخطاء النحوية التي يقع فيه طلاب البكالوريوس في بعض الجامعات الماليزية؟
- ٢ - ما الأخطاء الصرفية والإملائية التي يقع فيه طلاب البكالوريوس في بعض الجامعات الماليزية؟
- ٣ - ما أخطاء الكتابة الأكاديمية باللغة العربية التي يقع فيه طلاب البكالوريوس في بعض الجامعات الماليزية؟

أهداف البحث

يهدف هذا البحث إلى :

- ١ - التعرّف على الأخطاء النحوية التي يقع فيه طلاب البكالوريوس في بعض الجامعات الماليزية.
- ٢ - التعرّف على الأخطاء الصرفية والإملائية التي يقع فيه طلاب البكالوريوس في بعض الجامعات الماليزية.
- ٣ - التعرّف على أخطاء الكتابات الأكاديمية باللغة العربية التي يقع فيه طلاب البكالوريوس في بعض الجامعات الماليزية.

أهمية البحث

وتتبّع أهمية هذا البحث من خلال الأمور الآتية:

- ١ - إن دراسة الأخطاء الكتابية سوف تزود الباحثين بأدلة عن كيفية تعلم اللغة أو اكتسابها، وعن الاستراتيجيات والأساليب التي يستخدمها الفرد لاكتساب اللغة، والتعرف على المشكلات الكتابية التي يواجهها طلاب البكالوريوس مما يسهل على وضع خطة عملية تساعده في معالجة هذه المشكلات.
- ٢ - وبالنسبة للمتعلمين فدراسة الأخطاء الكتابية تعرض أخطاء منتشرة لديهم وتقترح طرقاً صحيحةً لهؤلاء المتعلمين ليتعرفوا على أوجه البناء والاستخدام الصحيح في الكتابة.
- ٣ - إن دراسة الأخطاء الكتابية تفيد في إعداد المواد التعليمية، إذ يمكن تصميم المواد التعليمية المناسبة في ضوء ما تنتهي إليه دراسات الأخطاء الخاصة بهم.
- ٤ - إن دراسة الأخطاء الكتابية تساعده في وضع المناهج المناسبة للدارسين سواء من حيث تحديد الأهداف أو اختيار المحتوى أو طرق التدريس أو أساليب التقويم.
- ٥ - إن دراسة الأخطاء تفتح الباب لدراسات أخرى نستكشف من خلالها أسباب ضعف الدارسين في برامج تعلم اللغة الثانية، واقتراح أساليب العلاج المناسبة.

منهج البحث

يستخدم في هذا البحث المنهج الوصفي التحليلي القائم على تحليل الواقع. واعتمد البحث على الطريقة العلمية في الحصول على المعلومات والحقائق المطلوبة. والطريقة التي اعتمد عليها الباحث هي الملاحظة والتحليل والاستنتاج. ويتم إجراء البحث وفقاً للخطوات الآتية

- ١ - قراءة كتب وبحوث عدة لها صلة بموضوع البحث أي بتحليل الأخطاء.
- ٢ - اختيار العينة من الأوراق البحثية لطلاب البكالوريوس من بعض الجامعات الماليزية.
- ٣ - بناء قائمة بالمهارات الالزمة لتنظيم البحث العلمي من الناحية اللغوية والكتابات الأكاديمية، وتقسيمها إلى ثلاثة أقسام، هي المهارات النحوية، والمهارات الصرفية والإملائية، ومهارات الكتابات الأكاديمية في كتابة البحوث العلمية باللغة العربية.
- ٤ - الوقوف على المشكلات الكتابية عند العينة المختارة، وذلك من خلال رصد الأخطاء لدى طلاب البكالوريوس عن طريق تطبيق القائمة على عينات من الأوراق البحثية المعدة باللغة العربية.
- ٥ - تحليل تلك الأخطاء تحليلاً لغويًا أو نفسياً أو تعليمياً، وتفسيرها ومقارنتها بنتائج البحوث السابقة في هذا المجال.
- ٦ - وضع حل لتلك المشكلات باقتراح طرق العلاج المناسبة لها وتقديم الاقتراحات والتوصيات المناسبة.

نتائج البحث

للإجابة عن أسئلة البحث تم تحليل عينة من أوراق بحثية لطلاب وطالبات البكالوريوس لطلاب اللغة العربية من الجامعة الإسلامية بسلامنجر، وجامعة العلوم الإسلامية، حيث بلغ مجموع العينة التي تم تحليلها عشرة عشرة أوراق بحثية كتبت باللغة العربية، وهي موضحة في الجداول الآتية:

جدول (١)

الأخطاء النحوية التي ظهرت في كتابات الطلاب

مرتبة وفق عدد الطالب المخطئين، والسبة المئوية لهم، حيث $N = 10$

الرتبة	المهارات النحوية	كل مهارة	عدد المخطئين في كل مهارة	النسبة المئوية للمخطئين
١	العدد		٦	٦٠%
٢	فتح همزة إن وكسرها		٤	٤٠%
٣	إعراب المثنى وجمع المذكر السالم		٨	٨٠%
٤	خبر الأفعال الناسخة		٣	٣٠%
٥	إعراب الفعل المعتل		٢	٢٠%
٦	الإضافة		٩	٩٠%
٧	اسم الأفعال الناسخة		٨	٨٠%
٨	اسم الحروف الناسخة		٧	٧٠%
٩	المفاعيل		٦	٦٠%
١٠	إعراب الأفعال الخمسة		٥	٥٠%
١١	حروف الجر		٤	٤٠%
١٢	خبر الحروف الناسخة		٤	٤٠%
١٣	الاستثناء		١	١٠%
١٤	الاسم المعطوف		٤	٤٠%
١٥	التمييز		٩	٩٠%
١٦	النعت		٨	٨٠%
١٧	الضمائر		٧	٧٠%
١٨	ناء التأنيث مع الفعل		٣	٣٠%
١٩	عمل المشتقفات		٢	٢٠%
٢٠	التوكيد المعنوي		٢	٢٠%

% .٥٠	٥		الحال	٢١
% .٨٠	٨		نائب الفاعل	٢٢
% .٦٠	٦		الأسماء الموصولة	٢٣
% .٤٠	٤		اسم الإشارة	٢٤
% .٨٠	٨		دخول أَل على غير	٢٥
% .٦٠	٦		(ال) التي للتعريف	٢٦

من خلال الجدول السابق يتضح أن طلاب اللغة العربية في الجامعتين يخطئون في (٢٦) مبحثاً نحوياً، تتفاوت هذه المباحث النحوية من حيث عدد الطلاب المخطئين ونسبة الأخطاء التي وقعت فيها. ويتبين من هذا الجدول أيضاً أن أخطاء الطلاب والطالبات النحوية ترتفع ارتفاعاً كبيراً في بعض المباحث النحوية، غير أن ظهور بعض الأخطاء في نسب منخفضة لا يعني أن الطلاب متمكنون من تطبيق القواعد النحوية، لكن ذلك قد يعود إلى أن نسبة من استخدم تلك المباحث قليل من الطلاب، كما أن الكتابة لا تظهر فيها كل الأخطاء التي يمكن أن يقع فيها الطالب.

وتعتبر هذه النتائج مؤشراً خطيراً يبين ما وصل إليه طالب البكالوريوس في اللغة العربية من ضعف لغوي يستدعي تصافر جهود المخلصين من المتخصصين في تدريس اللغة العربية، كما أنّ في ذلك دلالة على تدني المستوى اللغوي لديهم.

وتتفق هذه النتائج في معظمها مع نتائج البحوث التي أجريت على طلاب المرحلة الثانوية والجامعية، في البيئات العربية، مثل دراسة محمود كامل الناقة (١٩٨١م)، ودراسة طاهر علوان (١٩٨٤م)، ودراسة مصطفى اسماعيل موسى (١٩٨٥م)، ومرزوق إبراهيم القرشي (٢٠٠٠م) والتي أشارت نتائجها إلى أن الطلاب تكثر في كتابتهم الأخطاء النحوية في معظم المباحث النحوية، كما ترتفع نسبة الطلاب المخطئين إذ بلغت في دراسة الناقة (٤٪)، كما بلغت (٥٪، ٩٧٪) من عينة الدراسة التي قام بها مصطفى اسماعيل موسى، وبلغت النسبة في دراسة مرزوق إبراهيم القرشي (٥٪) من عينة الدراسة.

(٢) جدول

الأخطاء الصرفية والإملائية التي ظهرت في كتابات الطلاب

مرتبة وفق عدد الطلاب المخطئين، والسبة المئوية لهم، حيث $N = 10$

الرتبة	المهارات الصرفية والإملائية	النسبة المئوية	عدد الطلاب المخطئين
١	همزة الوصل والقطع	% ١٠٠	١٠
٢	الاستخدام الصحيح لعلامات الترقيم	% ١٠٠	١٠
٣	التنوين بالنصب	% .٤٠	٤
٤	التفرق بين التاء المربوطة والهاء في آخر الكلمة	% .٥٠	٥
٥	رسم الألف اللينة	% .٢٠	٢
٦	الهمزة في وسط الكلمة	% .٨٠	٨
٧	الهمزة في أول الكلمة	% .٦٠	٦
٨	حذف ياء المنقوص	% .١٠	١
٩	الهمزة في آخر الكلمة	% .٤٠	٤
١٠	حروف تزاد في الكلمة	% .١٠	١
١١	إبدال الحروف	% .٥٠	٥
١٢	كتابة الحركات القصار حروفاً	% .٢٠	٢

وباستقراء هذا الجدول يتضح أن الطلاب يخطئون في (١٢) اثنى عشر مبحثاً صرفيّاً وإملائياً. وتتفاوت أخطاؤهم، إذ ترتفع نسبة همزة الوصل والقطع، واستخدام علامات الترقيم، حيث بلغت نسبة المخطئين من عينة البحث (١٠٠٪)، كما ارتفعت النسبة إلى (٤٠٪) في التنوين بالنصب، وبلغت نسبة الخطأ في كتابة التاء المربوطة بصورة غير صحيحة (٥٪). وفي هذا إشارة إلى أن الطلاب لا يميزون بين همزة الوصل وهمزة القطع، ولا يميزون بين التاء المربوطة والهاء المربوطة.

وقد شلت الأخطاء كتابة الهمزة في أول الكلمة، والهمزة في وسط الكلمة، والهمزة في آخر الكلمة، وحذف ياء المنقوص، وحروف تزاد في الكلمة، وإبدال الحروف، وكتابة الحركات القصار حروفاً.

ومن الملاحظ أن هذه الأخطاء هي من الكثرة، في حين من المفترض أن تنعدم لدى الطلاب والطالبات، ويصبحوا أكثر تمكناً من المهارات الإملائية والصرفية التي هي من أساسيات الكتابة الصحيحة، التي تعد من أهم وسائل التواصل اللغوي، إذ أن تدني مستوى الطلاب في هذه المهارات يجعلهم غير قادرين على الكتابة بصورة صحيحة.

وتتفق هذه النتائج في معظمها مع نتائج البحوث التي أجريت على طلاب المرحلة الثانوية والجامعية، مثل دراسة محمود كامل الناقة (١٩٨١م)، ودراسة طاهر علوان (١٩٨٤م)، ودراسة مصطفى اسماعيل موسى (١٩٨٥م)، ومرزوق إبراهيم القرشي (٢٠٠٠م)، وغيرها من الدراسات التي أثبتت شيع الأخطاء اللغوية (النحوية والصرفية والإملائية) لدى الدارسين، وهذا يدل على وجود ظاهرة الضعف اللغوي واستمرارها حتى الآن، على الرغم من الجهود المبذولة في هذا المجال.

أما الأخطاء الخاصة بمهارات الكتابة الأكاديمية فيوضحها الجدول التالي.

جدول (٣)

أخطاء الكتابات الأكاديمية التي ظهرت في كتابات الطلاب،
مرتبة وفق عدد الطلاب المخطئين، والسبة المئوية لهم، حيث $N = 10$

م	مهارات الكتابة الأكاديمية	عدد الطلاب المخطئين	النسبة المئوية
١	ترك مسافة بيضاء(خالية) في أوائل الفقرات	٤	٪٤٠
٢	التلخيص	٣	٪٣٠
٣	كتابة خاتمة ملخصة للموضوع	٣	٪٣٠
٤	استخدام أدوات الربط بدقة بين الجمل	٩	٪٩٠
٥	الربط الجيد بين الجمل والفقرات	٨	٪٨٠
٦	مراجعة ترك هوامش مناسبة أعلى الصفحة وأسفلها ويمينها ويسارها	٩	٪٩٠
٧	كتابة العناوين الرئيسية والفرعية بطريقة صحيحة	٤	٪٤٠
٨	كتابة مقدمة تناسب الموضوع	٢	٪٢٠
٩	اتباع نظام الفقرات في الكتابة	٢	٪٢٠
١٠	ترك مسافة مناسبة بين الفقرات	٤	٪٤٠
١١	اتباع نظام الفقرات من حيث توزيع الشكل على أفكار المضمون	٦	٪٦٠
١٢	التمييز بين العناوين الرئيسية والفرعية بالطريقة المناسبة	٧	٪٧٠
١٣	تنظيم الأفكار(ترتيبها وتسلسلها)	٦	٪٦٠
١٤	الإشارة إلى مصدر الاقتباس بدقة (التوثيق)	٥	٪٥٠
١٥	حجم الخط المناسب للكتابة (الكتابة بواسطة الحاسوب)	٤	٪٤٠
١٦	توثيق الجداول والأشكال والرسوم البيانية	١	٪١٠

باستقراء هذا الجدول، يتضح أن الطلاب يخطئون في (١٦) ستة عشر مهارة. وقد شملت الأخطاء ترك مسافة مناسبة بين الفقرات، ، والتلخيص، وكتابة خاتمة ملخصة للموضوع، واستخدام أدوات الربط بدقة بين الجمل، ومراوغة ترك هوماش مناسبة أعلى الصفحة وأسفلها ويبيتها ويسارها، وكتابة العناوين الرئيسة والفرعية بطريقة صحيحة، وكتابة مقدمة تناسب الموضوع، واتباع نظام الفقرات في الكتابة، وترك مسافة بيضاء (خالية) في أوائل الفقرات، وتوثيق الجداول والأشكال والرسوم البيانية، واتباع نظام الفقرات من حيث توزيع الشكل على أفكار المضمون، والتمييز بين العناوين الرئيسة والفرعية بالطريقة المناسبة، وتنظيم الأفكار(ترتيبها وسلسلتها)، والإشارة إلى مصدر الاقتباس بدقة (التوثيق)، وحجم الخط المناسب للكتابة (الكتابة بواسطة الكمبيوتر).

وبهذا يتضح من هذا الجدول تدني المستوى اللغوي لدى طلاب وطالبات البكالوريوس، إذ ظهر من خلال تحليل كتابات الطلاب أن عينة الدراسة جميعهم يخطئون في المهارات الخاصة بالكتابة الأكادémie.

توصيات البحث:

في ضوء ما أسفرت عنه نتائج الدراسة الحالية، فإنه يمكن تقديم التوصيات التالية:

- ١ - اهتمام واضعي مناهج اللغة العربية كلغة ثانية بقائمة مهارات اللغة المكتوبة والكتابة الأكادémie ومراجعتها عند بناء منهج اللغة العربية للمراحل الجامعية وقبل الجامعية.
- ٢ - ضرورة الاهتمام بالأخطاء الشائعة في اللغة المكتوبة في مراحل التعليم المختلفة، وتشخيصها سنويًّا، قبل وضع منهج اللغة العربية بصفتها لغة ثانية المقرر للمراحل التعليمية، لتحديد الاحتياجات الالزامية للمتعلمين من حيث الموضوعات وحصص الدراسة.
- ٣ - تنمية وعي معلمي اللغة العربية بأهمية مدخل تشخيص الأخطاء في الارتقاء بمستوى الأداء الكتابي للطلاب، والحد من تنامي الأخطاء في اللغة المكتوبة لديهم، وذلك من خلال عقد دورات تدريبية لهم أثناء الخدمة، للتدريب على مهارات تحليل وعلاج الأخطاء في اللغة المكتوبة، مع تقليل العبء الملقى على كاهلهم من حصص وأنشطة مدرسية قدر الإمكان، حتى يتفرغوا لتصويب أخطاء التلاميذ اللغوية.
- ٤ - محاسبة كافة المعلمين لطلابهم على أخطائهم الكتابية، ففي ذلك خلق دافع قوي لديهم يمكنهم من السعي الجاد لعلاج أخطائهم في اللغة المكتوبة. وعلى معلمي اللغة العربية خاصة الاهتمام بالتصحيح الفوري والمبكر لأخطاء الطلاب الكتابية حال وقوعها داخل الفصل، والقيام بالإرشاد الفردي والجماعي كلما دعت الحاجة إلى ذلك.
- ٥ - زيادة الوقت المخصص لتدريس فروع اللغة المكتوبة في الخطة الدراسية مادة اللغة العربية بالمراحل التعليمية، بما يتفق مع معايير تعليم اللغة العربية.
- ٦ - الإكثار من التدريبات في فروع اللغة المكتوبة والكتابة الأكادémie، لأنها السبيل الأمثل لتقليل نسبة الأخطاء لدى المتعلمين.

- ٧- ضرورة وضع مقرر لفروع اللغة المكتوبة والكتابة الأكاديمية يلتزم به المعلم، وليتعرف من خلاله على المهارات التي ينبغي تربيتها، وكيفية تربيتها، وقياسها، خاصة في التعبير والخط، ليتم تعليم فروع الكتابة في ضوء فلسفة تعليمية، تتجه إلى إفهام المتعلمين لمعنى ما يكتب قبل الكتابة، مع شرح ومناقشة القاعدة، وتدريب التلميذ على الكتابة الصحيحة والسليمة فيما يخاطبون فيه.
- ٨- تزويد وتدريب معلمي اللغة العربية على المداخل الحديثة في تقويم اللغة المكتوبة، وإمدادهم بمعايير موضوعية لتقويم التعبير والخط، تحتوي على الأسس العلمية للتقويم، حتى تبتعد عملية التصحيح عن ذاتية المعلم.

المراجع:

- ابتسام عباس عافشي: المهارات النحوية لدى طالبات قسم اللغة العربية بكلية التربية للبنات بالرياض وعلاقتها بالتحصيل في مقررات التخصص، رسالة ماجستير، غير منشورة، كلية التربية للبنات بالرياض، ١٩٩٧ م.
- أحمد عبد الحميد أبو عريان: علامات الترقيم في كتابة الأبحاث التربوية، المجلة العلمية بكلية التربية بدمياط، العدد السابع والأربعون، يناير ٢٠٠٥ م.
- أحمد محمد محمد: مشكلة الأخطاء الكتابية وتحليلها لطلاب اللغة العربية للناطقين بغيرها في المعهد العالي للغات، المستوى المتوسط الأدنى، دمشق، سوريا، ٢٠١٧ م.
- الحسيني محمود العجمي: وحدة مقترنة لتنمية بعض مهارات و مجالات التعبير الكتابي الوظيفي لدى طلاب الصف الثالث الثانوي الصناعي، رسالة ماجستير غير منشورة، كلية التربية، جامعة عين شمس، ١٩٨٨ م.
- رشدي أحمد طعيمة و محمود كامل الناقة: أساسيات تعليم اللغة العربية. القاهرة، دار الثقافة، ١٩٧٧ م.
- رشدي أحمد طعيمة: تعليم العربية لأغراض خاصة، مفاهيمه، أسسه ومنهجياته. السودان، المنظمة العربية للتربية والثقافة والعلوم، معهد الخرطوم الدولي للغة العربية، ٢٠٠٣ م.
- رشدي أحمد طعيمة: المرجع في تعلم اللغة العربية للناطقين بلغات أخرى، جامعة أم القرى، معهد اللغة العربية وحدة البحوث والمناهج، سلسلة دراسات في تعليم العربية، ١٩٩٩ م.
- زين محمد شحاته: برنامج علاجي مقتضي في بعض الأخطاء اللغوية الشائعة في كتابة الأبحاث العلمية بكلية التربية، جامعة المنيا، مجلة البحث في التربية وعلم النفس، كلية التربية، جامعة المنيا، العدد الثاني، المجلد السادس، أكتوبر ١٩٩٢ م.
- شاكر عبد العظيم: برنامج لعلاج الأخطاء اللغوية والنحوية الشائعة في رسائل الماجستير ببعض كليات التربية، رسالة ماجستير، غير منشورة، كلية التربية، جامعة حلوان، ١٩٩٠ م.
- عبد الكريم خليفه: اللغة العربية والتعریف في العصر الحديث، عمان، مجمع اللغة العربية الأردني، الطبعة الأولى، ١٩٨٧ م.

- عبد الكريم محمود أبو جاموس: تقويم منهج اللغة العربية في المرحلة الثانوية في ضوء المهارات اللغوية العامة الالازمة للنجاح في الدراسة الجامعية بدولة قطر، رسالة دكتوراه، غير منشورة، كلية التربية، جامعة طنطا، ١٩٩٠ م.
- عمر الصديق عبد الله: تحليل الأخطاء اللغوية التحريرية لدى طلاب معهد الخرطوم الدولي للغة العربية للناطقين بلغات أخرى، ١٩٩٩ م - ٢٠٠٠ م.
- فتحي علي يونس: الكفاءة اللغوية في الكتابة الأكاديمية باللغة العربية، كلية التربية، جامعة عين شمس، ٢٠٠٨ م.
- فتحي علي يونس، وعبد الله الكندري، وفاطمة الراجحي، وسعد الرشيد: اللغة وال التواصل الاجتماعي، الكويت، ذات السلسل، ١٩٩٥ م.
- مجموعة من الأساتذة بجامعة أم القرى بالتعاون مع الدكتور البدراوي زهران، الأخطاء اللغوية التحريرية لدى طلاب المستوى المتقدم في معهد اللغة العربية بجامعة أم القرى، ١٩٨٣ م.
- محمود كامل الناقة ورشدي طعيمة: تعليم اللغة العربية، أنسه وإجراءاته، الجزء الأول، القاهرة، مؤسسة الطوبجي ١٩٨٧ م.
- مصطفى رسان شلبي: الكفاءة اللغوية في الكتابة الأكاديمية، تطبيقات عملية القاهرة، العربية للنشر والتوزيع، ٢٠١٠ م.
- مصطفى رسان شلبي: مهارات البحث والاستقصاء لدى طلاب المرحلة الثانوية، "دراسة مسحية"، دراسات في المناهج وطرق التدريس، العدد: السادس والخمسون، يناير ١٩٩٩ م.
- ندى زمز: تحليل الأخطاء الكتابية في التعبير الحر لدى طلبة مركز تعليم العربية لغير الناطقين بما في معهد تعليم اللغات بجامعة دمشق، بحث تكميلي لنيل درجة الماجستير في تعليم العربية للناطقين بغيرها.



IN COLLABORATION WITH



FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM